

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 49**

**Selasa**

**21 Oktober 2008**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 36)
<b>USUL-USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 36)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 57)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 21 Oktober 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pegawai perubatan (doktor/doktor pakar)asing juga jururawat asing yang berkhidmat di negara ini, dari negara mana serta jumlah kos yang terlibat/ditanggung kerajaan dalam membiayai program ini.

**Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tahniah Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih. Sehingga 1 Oktober 2008, bilangan pegawai perubatan bukan warganegara yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan adalah sejumlah 497 orang dan mereka berasal dari 23 buah negara. Bagi jururawat pula, kumpulan pertama jururawat kontrak seramai sembilan orang dari India telah melaporkan diri di Kementerian Kesihatan pada pertengahan bulan Ogos 2008. Mereka akan ditempatkan di beberapa *facility* kesihatan di seluruh negara.

Secara keseluruhannya, peruntukan yang diberikan kerajaan untuk membiayai urusan pegawai lantikan kontrak pada tahun 2008 adalah berjumlah 85,847,000.

Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah secara keseluruhan gaji dan elaun dan ia turut membabitkan pegawai lantikan kontrak warganegara Malaysia serta pegawai dari skim-skim perkhidmatan lain. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana hadir menjawab soalan saya. Cuma mungkin tidak disebutkan jumlah doktor pakar.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian dan juga kerajaan. Saya kira di kalangan pegawai-pegawai kontrak perubatan ini, ada doktor pakar. Baru-baru ini kita dirisaukan dengan penemuan kadar *melamine* yang cukup tinggi dalam makanan, susu dan sebagainya sehinggakan beberapa syarikat pengeluar biskut seperti Khian Guan telah disekat pengeluaran

hasil mereka. Sedangkan biskut-biskut ini Yang Berhormat Menteri, kita telah makan berpuluh-puluh tahun. Saya telah beri kepada orang kampung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Jadi, saya hendak bertanya, apakah peranan yang lebih proaktif yang dimainkan oleh pakar-pakar daripada luar ini? Seheinggakan apabila isu berlaku di luar negara lain seperti China khususnya, barulah kita dapat mengesan benda-benda seperti ini. Saya bimbang. Baru-baru ini, saya dengar juga, sahabat saya yang memelihara udang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudah terlalu panjang Yang Berhormat...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ...terutamanya di *reject*. Jadi apakah peranan mereka ini dan apakah kerajaan bercadang untuk menggunakan *gene chip technology* di Taiwan baru-baru ini kita lawat untuk mengesan. Ini kerana saya difahamkan, teknologi ini dalam masa enam jam sahaja boleh mengesan kandungan-kandungan yang berbahaya dalam apa juga jenis. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Maran yang telah bertanya berhubung dengan keadaan *melamine* dalam kandungan makanan dalam negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya sepanjang masa ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita tidak mengesan *melamine* kerana memang dalam semua kandungan makanan kita biasa membuat pemeriksaan ke atas *pesticide*, ke atas *drug* dan juga kandungan warna serta bahan-bahan yang *bacteria fungi* dalam bahan-bahan makanan.

*Melamine* bukan sahaja bahan-bahan yang kita periksa selama ini. Apabila peristiwa yang berlaku di negara China, ia telah memberi satu kesedaran kepada dunia di mana *melamine* juga akan menyebabkan kematian terutamanya kepada bayi.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kandungan *melamine* yang rendah dalam makanan, adalah dibenarkan tetapi oleh sebab melamin ini dia satu bahan organik yang kita makan dan dia akan dikeluarkan dari badan dalam masa yang singkat. Dalam masa tiga atau empat jam, ia boleh dikeluarkan. Akan tetapi bagi kandungan yang terlalu tinggi untuk bayi, ia adalah memudaratkan.

Saya hendak tekankan di sini bahawa selepas peristiwa yang berlaku di negara China, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah yang drastik dan kita telah pun menyekat bahan-bahan makanan iaitu produk daripada negara China.

Berhubung dengan biskut Khian Guan dan Khong Guan yang didapati mengandungi kandungan *melamine*, saya hendak menerangkan di sini bahawa kandungan *melamine* ini bukannya datang daripada susu tepung yang digunakan. Akan tetapi kandungan *melamine* ini

datangnya daripada *ammonium bicarbonate* yang tercemar dengan *melamine*. Oleh itu, apabila diperiksa dengan rapi, kita telah jumpa *melamine* dalam *ammonium bicarbonate* dan oleh itu kita telah pun memastikan bahawa *ammonium bicarbonate* yang tercemar dari negara China juga tidak masuk dalam negara kita.

■1010

Saya hendak tegaskan di sini, saya akan mengadakan mesyuarat lagi dengan semua pengusaha-pengusaha biskut dalam negara ini besok untuk pastikan bahawa keadaan ini dapat dikawal dengan baik dan saya juga tidak mahu lihat ia tidak akan menjejaskan industri biskut yang begitu besar dalam negara kita. Kita kena jaga industri biskut yang besar. Bahan-bahan yang tercemar kita akan keluarkan dan kita akan pastikan industri biskut kita akan dijaga dengan baik.

Berhubung dengan analisa mesin, memang saya tahu bahawa makmal kita tidak mencukupi. Sebenarnya kita bergantung kepada *chemist* daripada Jabatan Kimia daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Memandangkan ia tidak mencukupi, kita telah pun menambah makmal-makmal, mendapat bantuan daripada universiti dan juga daripada makmal-makmal Kementerian Kesihatan sendiri. Kita akan terus meningkatkan keupayaan makmal kita ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya ikut contoh Tuan Yang di-Pertua untuk ucap tahniah kepada Yang Berhormat oleh kerana kemenangan beliau dalam pilihan MCA kangkung. [Ketawa] Pilihan kangkung dalam MCA [Disampuk] dan saya harap bahawa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Usah menghina sama oranglah, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa itu kangkung? Dia bukan menteri, ini menteri kangkung.

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Kita tidak pernah menghina pemilihan dalam DAP pun.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Apa itu kangkung? Mereka tidak faham dan saya berharap bahawa dengan selesai *election* kangkung MCA bahawa Yang Berhormat Menteri boleh berhenti untuk mengabaikan tanggungjawab beliau sebagai Menteri Kesihatan oleh kerana ada banyak masalah yang timbul, bukan sahaja ada *outbreak* pertama *Chikungunya*, penyakit kali yang pertama, *major outbreak* adalah *dengue epidemic*. Sampai sekarang *last count* 78 orang sudah meninggal dunia. Apa *counts*? *What is the latest figure of fatality* dan juga khasnya mengenai masalah doktor perubatan asing, bukankah ini benar satu sebab kita ada 490 orang doktor asing oleh kerana kegagalan kita untuk boleh menggunakan dengan baik perkhidmatan doktor-doktor tempatan dan semacam ada kompelin baru-baru ini bahawa mereka yang baru *graduate* tunggu tiga bulan, empat bulan, enam bulan sebelum boleh dapat *posting* yang pertama. Kita ada *doctor shortage*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan, soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, melamin pun ada maklumat silap, yang tidak betul diberi oleh menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan, bukan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya, melamin itu apa mengenai dengan doktor. Kenapa kita ada *doctor shortage*...

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Mana soalan kangkung? Soalan tambahan mana? Kangkung.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita ada doktor orang asing tetapi doktor tempatan kita tidak ada. Kenapa kita perlu menunggu tiga bulan, empat bulan, enam bulan, barulah bagi *posting* mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baiklah, soalnya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bekas Menteri Kesihatan, Chua Soi Lek pernah jamin selesai *posting* dalam dua minggu selepas *graduate*. Kenapa perkara ini tidak boleh diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang ambil alih jawatan ini?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Malaysia boleh!

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh tanya baik-baik, saya akan jawab dengan secara yang baik ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kangkunglah.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Darah jangan naik sangat. Saya kena jaga kesihatan Yang Berhormat Ipoh Timur pula. [Ketawa]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti Tuhan bagi satu kali, habis. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan, kita tidak mengabaikan kesihatan negara kita. Kita menjaga dengan baik, memberi perhatian yang baik. Berhubung dengan *dengue fever* dalam negara kita, memang masih dalam kawalan dan sehingga hari ini, maklumat yang terkini 80 orang telah pun meninggal akibat daripada jangkitan denggi yang kita tahu ia satu jangkitan yang boleh kita elakkan. Kita rasa sedih masih lagi ada orang yang meninggal akibat daripada jangkitan demam denggi. Oleh itu kita perlukan kerjasama semua termasuk Ahli-ahli Parlimen, kalau boleh tolong pastikan bahawa kegiatan gotong-royong, kegiatan kebersihan kawasan dan sebagainya dapat dijalankan dengan cepat agar kadar jangkitan demam denggi dapat dikurangkan.

Berhubung dengan isu doktor yang telah pun *graduate* terpaksa menunggu lama, saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku. Saya telah pun arahkan, memang sebenarnya kita sudah tahu berapa yang akan *graduate* dalam tahun ini dan perlu diberi tawaran serta-merta untuk mereka masuk ke dalam *houseman* kepada semua hospital memandangkan kita menghadapi

kekurangan. Arahan telah pun dikeluarkan dan saya difahamkan bahawa SPA ia satu lagi jawatankuasa, SPA yang membuat pengisian ini perlu mempunyai koordinasi yang baik dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Kesihatan.

Saya akan pastikan. Yang saya dapati ada rayuan dan juga aduan kepada saya adalah kebanyakan doktor daripada luar negara yang telah pun tamat persekolahan di luar negara hendak balik, ada lagi kekangan dalam pengisian ini. Kita akan uruskan dengan cepat dan saya ucapkan terima kasihlah Yang Berhormat dapat timbulkan isu ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sungguhpun dari luar negeri, tetapi tunggu tiga bulan, enam bulan, kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya sudah katakan ini tidak sepatutnya berlaku kerana mereka ini sepatutnya terus diisi dalam hospital dengan secepat mungkin kerana kita kekurangan doktor buat masa sekarang dan saya sudah arahkan ketua pengarah untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**2. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengubahsuaikan Akta Syarikat supaya majikan tidak dapat melepaskan tanggungjawab mereka terhadap bayaran pampasan pemberhentian kerja pada pekerja mereka dengan memakai alasan syarikat boleh muflis.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya peruntukan yang sedia ada dalam Akta Syarikat 1965 berhubung pembayaran gaji dan upah telah menjalani proses semakan dan kajian semula oleh Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat ataupun *Corporate Law Reform Committee*. Jawatankuasa ini telah mencadangkan di dalam laporan muktamadnya iaitu *final report* CLRC supaya definisi upah dan gaji di bawah seksyen 292(1B) Akta Syarikat 1965 diperluaskan untuk meliputi bayaran ganti notis penamatan pekerjaan iaitu *payment in lieu of notice of termination of employment* yang perlu dibayar oleh syarikat atau majikan kepada pekerja sekiranya berlaku proses penggulangan syarikat.

CLRC yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerajui Program Semakan Semula Undang-undang Korporat di bawah Akta Syarikat 1995. Salah satu teras undang-undang syarikat yang telah disemak oleh CLRC ialah rangka kerja Undang-undang Korporat Insolvensi yang berkaitan dengan proses penggulangan sesebuah syarikat. Cadangan CLRC tersebut adalah untuk memastikan syarikat atau majikan tidak melepaskan tanggungjawab mereka terhadap para pekerja sekiranya syarikat dalam proses penggulangan.

Selaras dengan hasrat untuk memastikan kepentingan dan kesejahteraan pekerja terus dilindungi dan dipelihara, ekoran sekiranya berlaku proses penggulangan syarikat, CLRC turut

mengesyorkan supaya kuantum bagi upah dan gaji seseorang pekerja yang berhak untuk diberi keutamaan dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM15,000. Kenaikan ini dijangka akan meningkatkan tahap kewajipan sosial syarikat demi menjaga kesejahteraan para pekerjanya. Kenaikan ini juga dianggap munasabah kerana ia akan memberi keadilan kepada para pekerja syarikat tersebut, terutamanya kepada golongan pekerja berpendapatan rendah yang akan terjejas teruk akibat kehilangan pekerjaan.

Cadangan-cadangan CLRC tersebut kini sedang menjalani proses penelitian lanjut oleh SSM dan SSM akan membentangkan kertas polisi kepada Kabinet berhubung cadangan-cadangan CLRC yang boleh diterima pakai untuk menjadi asas dalam merangka peruntukan-peruntukan baru yang akan diperkenalkan di dalam Akta Syarikat kelak dan apa sahaja pindaan yang bakal dilakukan kepada Akta Syarikat itu akan dibawa kepada Dewan Rakyat untuk perbincangan dan kelulusan. Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ada dua bahagian yang berkaitan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa seksyen 46 dalam Akta KWSP mewajibkan *director* syarikat-syarikat berhad, pengarah, untuk membayar caruman KWSP sekiranya tidak dibayar.

■1020

Bolehkah kaedah yang sama dipakai untuk syarikat-syarikat berhad dalam isu pampasan berhenti kerja kerana pada masa ini katakanlah sebuah syarikat itu mufliis, kemudian pampasan itu datang sebagai empat atau lima dalam *list priority of payment* dan pada masa itu ramai pekerja tidak dapat. Jadi, kenapa kita tidak boleh pakai kaedah yang sama seperti 46 dalam KWSP untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada pekerja. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *CLRC Committee* yang melihat kepada kajian semula kepada akta syarikat *Corporate Law Reform* ini baru sahaja menyerahkan laporan mereka kepada saya semalam dan di antara kajian mereka hasilnya sebanyak 188 cadangan yang telah dikemukakan. Saya akan melihat kepada kaedah, sama ada kaedah yang dicadangkan itu boleh dipakai ataupun tidak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Menteri cukup jelas cuma tidak begitu merangkumi. Persoalan yang ingin saya kemukakan iaitu memang menjadi hasrat kita menanti-nanti agar ada perubahan di bawah akta ini iaitu termasuk *Corporate Law Reform* ini dengan segera sebab penipuan memang berleluasa berlaku.

Contohnya pengambilan pekerja dari Sabah di bawa ke Semenanjung. Selepas tiga bulan mereka ini telah tidak ada pekerjaan dan menjadi kumpulan remaja yang tidak bekerja, melepak, menjadi pencuri, penagih dan sebagainya, sebab mereka tidak dibayar upah ataupun gaji oleh majikan. Jadi, apakah tindakan yang lebih drastik dan yang lebih meyakinkan supaya tidak ada penipuan seperti ini berlaku pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Saya berterima kasihlah kerana ada perbahasan yang berlaku di sini. Namun, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kinabatangan juga merupakan satu masalah khususnya bagi rakyat negeri Sabah yang dibawa bekerja ke Semenanjung. Ini bukan sahaja merupakan masalah yang dilihat oleh akta syarikat tetapi juga meliputi soal yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia umpamanya. Oleh kerana ini merupakan perkara yang biasa berlaku bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi juga kepada pekerja-pekerja asing, saya rasa tentunya kedua-dua kementerian terutamanya Kementerian Sumber Manusia harus juga mengambil perhatian daripada sini. Timbalan menterinya ada bersama-sama kita. Terima kasih.

**3. Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin [Besut]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bahawa daerah Besut, Terengganu merupakan antara daerah 'Jelapang Padi' yang terbesar di Malaysia. Masalah yang sering dihadapi oleh pesawah padi di daerah Besut adalah kerana kelemahan sistem pengalirannya. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah sistem tersebut terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, daerah Besut merupakan daerah yang termasuk di dalam kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara atau IADA KETARA. Pada tahun 1971 Projek Pembangunan Pertanian Besut telah ditubuhkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia bertujuan untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat tani serta melaksanakan pembangunan di kawasan jelapang padi Besut.

Kawasan padi di daerah Besut terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan jelapang padi di bawah tanggungjawab IADA KETARA dan luar jelapang padi di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu. Di kedua-dua kawasan ini telah disediakan kemudahan sistem pengairan seperti tali air, parit, jalan ladang dan struktur kawalan.

Sumber bekalan air bagi kawasan ini adalah dari sungai-sungai seperti Sungai Besut, Sungai Angga, Sungai Keradang Timur dan Sungai Pelangat. Kedua-dua kawasan tersebut menghadapi masalah kekurangan sumber bekalan air terutamanya musim kemarau di luar musim antara bulan September hingga Januari. Kekurangan sumber air ini mengakibatkan sistem pengairan tidak berfungsi dengan sempurna. Kementerian sedar betapa pentingnya sistem pengairan dan saliran dalam memastikan pengeluaran padi terus meningkat.

Dengan ini, kementerian sentiasa berusaha membantu petani dengan meningkatkan tahap saliran dan pengairan di kawasan jelapang. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM61.4 juta untuk meningkatkan sistem pengairan dan saliran di kawasan KETARA khasnya dengan pembinaan Empangan Besut, *barrage* baru dengan perolehan tender. Selain daripada Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara telah mewujudkan dua aktiviti utama di bawah



dasar ini yang bertujuan memastikan sistem pengairan dan saluran sawah padi sentiasa diurus dengan baik dengan kos sebanyak RM7 juta bagi tahun 2008.

Selain daripada itu kementerian juga mempunyai perancangan jangka panjang dalam mengatasi masalah pengairan di kawasan Besut. Langkah jangka panjang yang dimaksudkan ialah dengan membangunkan sumber bekalan air dengan membina Empangan Paya Peda. Tujuan utama pembinaan empangan ini ialah untuk membolehkan keseluruhan kawasan jelapang padi Besut dan beberapa skim di sekitarnya menikmati bekalan air yang mencukupi. Selain daripada itu ia juga berfungsi sebagai kawalan banjir kawasan jelapang yang dapat mengurangkan kerosakan infrastruktur ladang dan tanaman. Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin [Besut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Sebenarnya daerah Besut memerlukan seperti mana yang disebutkan tadi ialah Empangan Peda kerana empangan dan saluran air yang ada sekarang ini tidak berfungsi dengan baik kerana saya difahamkan jelapang padi di daerah Besut sekitar 7,400 hektar luasnya. Jadi, dengan mengharapkan empangan yang telah begitu usang dan lama iaitu Empangan Jajar yang tidak berfungsi dengan baik, maka pesawah-pesawah telah mula mengubah daripada menanam padi kepada menanam kelapa sawit iaitu di tempat-tempat yang tidak dapat dikunjungi oleh air dari Empangan Jajar tadi.

Saya ingin tahu, Empangan Peda yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apakah akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun nasibnya sama dengan Jalan Keruwak ke Gunung Bongsu juga. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Panjang soalnya, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kawasan di dalam daerah Besut itu adalah satu kawasan yang kedua terbesar daripada MADA. MADA adalah yang utama. Sebenarnya keluasan hektarnya adalah 10,623 hektar luasnya. Bagi kami ini adalah satu kawasan yang begitu penting sekali khasnya dalam Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, dari segi kepadatan tali air sebenarnya kawasan KETARA mempunyai kepadatan tali air yang terbaik dalam banyak di Malaysia iaitu mempunyai 48 meter per hektar. Namun demikian, oleh kerana sumber air itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi - saya tadi memberitahu sementara kita menunggu projek Empangan Peda ini yang akan sebenarnya dimulakan pada tahun hadapan dan Insya-Allah akan siap pada tahun 2013 dengan belanjanya sebanyak RM170 juta. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, krisis makanan yang

melanda negara ini seharusnya menuntut tindakan yang tegas daripada kerajaan menangani isu yang ada.

Persoalan saya ialah apakah usaha yang dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan hasil padi terutama dalam kawasan jelapang padi dan sejauh mana pemantauan yang dibuat terhadap agensi-agensi kerajaan yang terlibat yang berkaitan dengan pengeluaran padi supaya dapat menghasilkan hasil yang optimum. Satu lagi, sejauh manakah sistem pengaliran itu diambil berat sebab kita melihat ada sistem pengaliran yang sudah tidak berfungsi melebihi 15 tahun. Minta penjelasan.

■1030

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat, kita akui, kita faham dan kita mengambil maklum bahawa dari segi peningkatan khasnya padi kita memerlukan sistem air yang begitu baik. Jadi, oleh yang demikian, memang termasuk di dalam perancangan kementerian ini iaitu kita telah memberikan satu peruntukan yang besar sebenarnya untuk memulih semula atau membuat empangan baru untuk kita pastikan bahawa sumber air itu sentiasa ada untuk kita meningkatkan pengeluaran padi.

Jadi, selain daripada kos infrastruktur dan sebagainya Yang Berhormat, kita juga mengusahakan dengan mengadakan *variety* baru yang memastikan bahawa akan memberi atau meningkatkan produktiviti sebab kita maklum dan tadi kita mendengar daripada Yang Berhormat Besut mengatakan ramai yang telah menukarkan pula daripada jelapang padi kepada tanaman kelapa sawit. Jadi yang inilah kita berharap peranan semua wakil rakyat di sini memastikan, memberitahu kepada rakyat kita khasnya pesawah-pesawah sebab saya rasa di bawah Dasar Jaminan Makanan bermacam-macam yang telah kita usahakan untuk memastikan bahawa pesawah-pesawah juga kita jaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi kita memberi subsidi kepada pesawah, tidak kurang daripada RM2,000 sehektar untuk seorang pesawah menikmati segala bantuan dan insentif untuk memastikan bahawa industri padi ini akan sentiasa kita jaga, untuk kita pastikan bahawa jaminan makanan sentiasa kita kekalkan di dalam negara. Terima kasih.

**4. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah aspek-aspek yang akan diberi penekanan dalam pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan rasional di atas pindaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Marang, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiga aspek utama telah diberikan penekanan dalam cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), iaitu:

- (i) tadbir urus universiti;
- (ii) kebajikan dan hak asasi pekerja universiti; dan

(iii) kebajikan dan hak asasi pelajar-pelajar universiti.

Dari segi rasionalnya, pemantapan tadbir urus universiti bertujuan untuk memastikan taraf dan prestasi universiti awam setanding dan sama dengan mana-mana universiti lain di dunia. Di samping itu, pemantapan hal ehwal kebajikan dan hak asasi pekerja universiti adalah mengambil kira prinsip pengurusan dan pentadbiran organisasi dan kecemerlangan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir pekerjaanya dengan baik dan cekap.

Sementara pemantapan perkara berkaitan dengan kebajikan dengan hak asasi pelajar universiti adalah untuk memberi kebebasan berorganisasi dan berpersatuan kepada pelajar dalam spektrum yang dibenarkan. Mewujudkan budaya ilmiah di kalangan pelajar, menjaga hak dan kebajikan pelajar-pelajar supaya selaras dengan Undang-undang Hak Asasi Manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat, kementerian berkeyakinan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menjadi panduan dan landasan dan seterusnya memacu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di peringkat serantau dan antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah penggubalan akta ini melibatkan kajian dan perbincangan melalui semua pihak khususnya melibatkan semua golongan universiti seperti golongan akademik, pensyarah dan pemimpin-pemimpin pelajar. Dalam negara yang demokrasinya maju, tidak menghalang mahasiswa dan akademik melibatkan diri dengan parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan ke arah melahirkan pemimpin-pemimpin pelapis. Mengapa masih ada peruntukan seperti seksyen 15(a), 15(b), 15(c) yang dikira boleh menghalang ke arah pertumbuhan yang seperti itu. Sekian.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Marang. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan AUKU 1971 ini telah pun dibacakan kali pertama pada bulan Julai yang lalu dan kalau kita perhati Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul, kita berada di tangga yang ketiga yang akan dibacakan kali kedua dan seterusnya dibahaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada soalan berkaitan dengan menerima pandang pihak-pihak profesional dan juga yang berkaitan dengan kepentingan melahirkan generasi pelajar yang cemerlang, kementerian telah melalui satu proses yang agak panjang untuk menggubal akta ini Yang Berhormat, dan kali ini kita mempunyai pindaan daripada 109 fasal, kita meminda 61 fasal, iaitu lebih kurang 60%.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh sejak akhir tahun 2005 apabila kita mencadangkan supaya akta ini digubal untuk menepati apa yang disarankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, kita telah melalui proses rundingan, kita telah melalui proses *brainstorming* yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen sendiri sama ada dari pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang.

Kita telah melibatkan pegawai kanan daripada pelbagai kementerian, agensi-agensinya dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan

Peguam Negara. Kita juga tidak melupakan pengerusi-pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti, tokoh-tokoh akademik, naib-naib Canselor, timbalan-timbalan naib canselor, persatuan-persatuan akademik, penasihat undang-undang dan juga yang paling penting, pemegang saham yang paling penting adalah pelajar-pelajar. Kita tidak meninggalkan persatuan-persatuan perwakilan pelajar, Yang Berhormat.

Selain itu, kementerian juga meneliti laporan dan cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi, saya juga ucapkan terima kasih cadangan Yang Berhormat, kita akan matikan perkara 15 dan 16 ini. Sebenarnya, pelajar-pelajar akan dibenarkan untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan NGO dalam usaha kita untuk menjadikan pelajar-pelajar ini sebagai pewaris kepimpinan negara pada di masa akan datang.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada timbalan menteri. Saya ingin membangkitkan sekali lagi soal kebebasan pelajar untuk berpersatuan dan saya setuju dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Marang tadi, di mana kenapakah tidak pelajar-pelajar ini diberi kebebasan untuk menyertai parti-parti politik sedangkan di luar negara, pelajar-pelajar kita yang pergi ke universiti luar negara boleh menyertai kelab-kelab yang ditubuhkan secara langsung oleh parti-parti politik tertentu di Malaysia. Jadi, apakah perbezaan pelajar di universiti tempatan dan di universiti luar negara yang tidak membenarkan pelajar-pelajar kita di sini untuk menyertai parti-parti politik dan kalau timbalan menteri kata tadi, pindaan ini hanya memberi kebebasan mereka untuk menyertai NGO, apakah sebab mereka disekat untuk pergi terus kepada parti politik. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Soalan ini agak mencabar juga untuk saya menjawabnya. Namun begitu pada saya larangan pelajar berpolitik ini adalah antara sebab-sebabnya kerana kita mendapati penglibatan untuk makluman Yang Berhormat Rembau, penglibatan pelajar secara aktif di dalam politik akan mewujudkan suasana polarisasi kaum yang mungkin tidak akan dapat [Diganggu]. Saya ingatkan Ahli-ahli Pembangkang ini berfikiran terbuka, bila saya bercakap bolehlah dengar sama, nampak macam pembangkang kangkung sahaja ini. Pembangkang kangkung ya.

**Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** ...yang akan mewujudkan ideologi dan agama, polarisasi kaum di kalangan kaum-kaum yang mempunyai kurang pendedahan kepada *plural society*, sejarah tentang *plural society* yang kita ada di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, ia akan mewujudkan kepada suasana yang tidak kondusif kepada anak-anak kita ini untuk meneruskan pengajian dan pembelajaran mereka di universiti.

**■1040**

Kita juga mendapati bahawa apabila kita memperkenalkan fasal 15 ini yang akan membenarkan pelajar-pelajar untuk menyertai pertubuhan-pertubuhan belia, sekali gus kita dapat mengelakkan mereka ini daripada terpengaruh daripada mana-mana parti politik yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar ini, dan menyebabkan pelajar-pelajar ini mengurangkan memberi *priority* kepada tujuan mereka berada di sesebuah universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan ke atas pelajar untuk berpolitik tidak bermaksud pelajar tidak dibenarkan langsung untuk mempelajari tentang politik. Di negara ini terdapat beberapa universiti yang menawarkan kursus-kursus sains politik.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Dengarlah kangkung! Kursus-kursus sains politik di mana ia boleh diajar secara ilmiah, tersusun dan tidak menjurus kepada pembentukan budaya kepartian atau berpuak-puak. Politik yang dipelajari juga adalah merangkumi politik dalam negara, serantau dan antarabangsa. Pelajar juga tidak disekat untuk membuat kajian atau penulisan ilmiah berkaitan politik dalam negara.

Selain itu pelajar juga diberi peluang untuk mengamalkan demokrasi di dalam pilihan raya kampus. Jadi saya kira kalau ada pihak yang mengatakan pelajar kita tidak dibenarkan berpolitik, sebenarnya kita telah mengamalkan pilihan raya kampus ini sekian lamanya. Bukankah itu namanya pelajar-pelajar kita telah dibenarkan berpolitik di dalam ruang lingkup mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sebagai Ahli Parlimen, kita bebas membuat satu usul atas pindaan rang undang-undang yang dibawa ke Dewan. Jadi kalau kita hendak mengikut peraturan, itulah garis panduan yang patut diikuti.

**5. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah benar negara kekurangan pekerja sehingga bilangan pekerja asing terlalu ramai yang dianggarkan seramai 2 juta orang. Apakah rancangan / tindakan kementerian bagi jangka masa pendek.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Ledang di atas soalan yang kelima. Keperluan terhadap tenaga kerja asing pada masa ini adalah bersifat sementara dan ia adalah bagi menampung keperluan tenaga kerja di sektor-sektor seperti perladangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh kerajaan melalui kementerian saya ialah dalam usaha untuk mengurangkan pergantungan terhadap tenaga kerja asing adalah seperti berikut:

- (i) melalui penetapan syiling pengambilan pekerja asing;

- (ii) kerajaan memang menggalakkan sektor pembinaan yang menggunakan bahan pasang siap, manakala di sektor perladangan mereka digalakkan untuk meningkatkan penggunaan automasi mengikut kesesuaian bagi mengurangkan ke pergantungan terhadap pekerja asing;
- (iii) menggalakkan majikan di dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan perladangan menyediakan pelbagai insentif dan kemudahan seperti syarat dan terma perkhidmatan yang menarik, persekitaran kerja yang kondusif dan selamat bagi menarik minat rakyat tempatan bekerja di sektor ini;
- (iv) majikan yang ingin menggaji pekerja asing diwajibkan untuk melaporkan kekosongan kepada *jobs* Malaysia terlebih dahulu untuk memberi peluang kepada pekerja tempatan untuk memohon jawatan-jawatan yang ditawarkan;
- (v) KSM, Kementerian Sumber Manusia juga mempergiatkan usaha menarik lebih ramai penyertaan rakyat Malaysia ataupun pekerja-pekerja Malaysia di sektor-sektor seperti perladangan melalui, kami ada memperkenalkan sistem pemilikan perumahan pekerja ladang pada tahun 1989 yang bertujuan untuk menggalakkan majikan ladang memperuntukkan sebahagian tanah ladang untuk dibangunkan dengan projek perumahan.

Kementerian Sumber Manusia juga memperuntukkan dana sebanyak RM4.45 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membekal, menghantar dan juga memasang PAKK di ladang-ladang untuk meningkatkan prasarana penjagaan anak-anak pekerja ladang.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia turut mengadakan dan menganjurkan *Job Fair*, dengan izin ataupun Karnival Kerjaya untuk rakyat tempatan dalam usaha membantu mencari pekerjaan. Dan melalui karnival ini, kementerian telah menjemput pelbagai syarikat-syarikat swasta untuk turut serta dalam usaha untuk menawarkan kekosongan jawatan pada mereka rakyat tempatan yang memerlukan.

Kementerian juga merangka dasar dan strategi untuk meningkatkan tenaga buruh wanita dalam pasaran buruh seperti baru-baru ini melalui kementerian kami. Kami ada melancarkan satu program yang berunsurkan dengan izin, *home working job* dalam usaha menggalakkan penyertaan kaum wanita dalam bidang pekerjaan. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam Senyum Kambing, Utusan Malaysia hari ini Tuan Yang di-Pertua, 45% kerja baru di Malaysia dapat kepada warga asing. Adakah ini benar?

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, banyak berlaku penyalahgunaan dan pemalsuan permit pekerja asing ini. Seperti pembantu rumah menjadi pekerja di *hair saloon*, tukang masak dan

basuh menjadi pelayan restoran termasuk juga membawa lebih pekerja asing daripada permintaan yang ada.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan ke atas permit ini. Adakah Kementerian Sumber Manusia mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Imigresen, Jabatan Polis atau mungkin Jabatan Imigresen sepatutnya ada pegawai penguat kuasa sendiri pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Ledang di atas soalan tambahan yang diajukan sebentar tadi. Untuk maklumat Yang Berhormat, salah guna permit ini kadangkala memang ada terjadi di mana kadang-kadang kita melihat ataupun kita mendengar ada setengah pekerja asing yang masuk atas permit sebagai orang gaji tetapi bekerja di restoran.

Untuk maklumat Yang Berhormat, perkongsian maklumat ini memang sentiasa dilakukan terutamanya dalam isu pemantauan mereka ataupun pekerja-pekerja asing ini, di mana sebenarnya Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja duduk bersama-sama dalam *one stop center* untuk menganalisis dan memantau bersama dengan imigresen daripada Kementerian Dalam Negeri. Ini memang sentiasa dijalankan.

Walau bagaimanapun memang cadangan dari Yang Berhormat tadi agar Kementerian Sumber Manusia mempunyai penguat kuasa sendiri memang satu cadangan yang sangat bagus. Dan sekiranya ianya mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat juga begitu prihatin dengan tenaga kerja terutamanya untuk rakyat tempatan dalam usaha kita untuk membantu rakyat tempatan mendapat lebih banyak kerja.

Untuk yang tadi diperkatakan mengenai Senyum Kambing yang dikeluarkan pada pagi ini ataupun pada surat khabar pada hari ini. Memang kita ada bergantung seperti dalam soalan asal saya tadi, mengatakan pergantungan itu ada kerana ianya perlu untuk meneruskan tahap ekonomi kita, tetapi ianya dikurangkan secara berterusan oleh pihak kerajaan melalui usaha-usaha secara kolektif melalui Kementerian Sumber Manusia dengan yang lainnya.

Kita juga mensasarkan bahawa dalam tahun 2015 insya-Allah pergantungan terhadap pekerja asing ini kita sasarkan agar ianya dapat dikurangkan ke jumlah 1.5 juta menjelang tahun 2015.

#### ■1050

Walau bagaimanapun, balik kepada soalan tambahan Yang Berhormat Ledang tadi, segala apa Yang Berhormat cadangkan tadi insya-Allah kementerian kita akan ambil maklum dan akan pertimbangkan. Terima kasih

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengambil alih kuasa pengambilan pekerja asing ini daripada Kementerian Dalam Negeri? Buat masa ini telah timbul pelbagai masalah ekoran wujudnya dua kementerian

yang mengendalikan hal ehwal berkenaan pekerja asing. Ini persoalannya, jadi saya perlukan jawapannya.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah di atas soalan tambahan. Yang itu macam suara-suara provokatif terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Kami di dalam Barisan Nasional, satu kementerian dengan satu kementerian yang lain sentiasa bekerjasama. Jadi tidak ada masalah langsung.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh menafikan telah timbul masalahnya. Di mana pengambilan yang...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Macam yang saya katakan Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...terlalu ramai pekerja asing...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini *floor* saya. Saya minta Yang Berhormat dengar dulu jawapan daripada saya

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Hendak jawab, jawab baik-baik. Jangan hendak mencari gaduh dengan saya...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Saya pun menjawab dengan cara baik Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya tanya dengan baik-baik.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Itu tadi...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Lawan,lawan.

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Noraini binti Ahmad:** ...mengambil alih kuasa daripada KDN sedangkan kami bekerjasama. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri sentiasa bekerjasama untuk kebaikan pekerja di Malaysia ini. Itu sahaja jawapan daripada saya. Terima kasih banyak-banyak.

**6. Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif kerajaan untuk mempertingkatkan dan mengemas kini standard piawaian Halal yang menjadi satu cabaran besar rakyat khususnya pengguna-pengguna Islam di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, standard piawaian halal MS1500:2004 – makanan halal, pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan. Garis panduan umum semakan pertama yang sedia ada sekarang sedang dilakukan penyemakan semula untuk dibuat penambahbaikan setelah diguna pakai selama 5 tahun.

Penyelarasan ini dibuat dengan mengambi kira perkara-perkara yang boleh melambatkan proses pengeluaran sijil halal dan pembaharuannya serta memperkukuhkan proses pemantauan dan penguatkuasaan di samping perkembangan ekonomi dan perniagaan halal dengan syarikat-syarikat dalam dan luar negara. Ini bagi mempercepatkan pengeluaran sijil halal



kepada syarikat yang layak dan melindungi pengguna Islam dari penipuan penggunaan logo halal atau yang telah tamat tempoh sah lakunya.

Jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengkaji standard ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM sendiri dan diuruskan oleh SIRIM. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri halal. Antaranya Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), FOMCA, Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia, ahli akademik dari universiti tempatan, Mufti Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan sebagainya.

Di samping memperbaiki standard MS1500:2004, kerajaan juga telah bertindak secara proaktif dengan mewujudkan standard yang baru bagi memenuhi tuntutan semasa pengguna Islam. Standard tersebut ialah *cosmetic and personal care general guidelines* dan kini dalam proses untuk diwartakan oleh MOSTI. Sementara itu beberapa standard halal yang lain juga sedang dibangunkan seperti barangan berasaskan kulit dan bulu haiwan, perkhidmatan logistik halal, produk berasaskan tulang, kuku, gigi, tanduk haiwan, kimia halal, produk herbal halal dan juga farmaseutikal halal. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, berdasarkan kepada perkembangan teknologi khususnya kejuruteraan genetik yang begitu pesat yang sedang berlaku dalam dunia pada hari ini, maka lahir pula isu-isu pengklonan, isu-isu sebagai contoh yang disebut dalam satu jurnal yang dikeluarkan oleh *United States Foods and Drug Administration* (USFDA) bahawa di Amerika sekarang ini terdapatnya daging-daging yang diklonkan. Ini adalah merupakan cabaran baru bagi umat Islam di dunia ini. .

Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah proaktif pihak kementerian untuk memastikan bahawa produk-produk bari ini yang berasaskan kepada kemajuan kejuruteraan genetik ini dapat dipastikan bahawa umat Islam negara kita ini dapat menikmati barang-barang yang sepenuhnya halal pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil dengan menjalinkan kerjasama dengan USFDA dan juga beberapa badan pengeluar makanan di China. Kita juga telah mengadakan jalinan kerjasama dengan negara-negara dalam rantau ASEAN dan beberapa makmal di Eropah. Dalam hal ini, makmal yang ada di Cyberjaya menjadi satu pusat untuk melakukan kajian secara saintifik terutamanya di dalam hal yang berkaitan dengan kejuruteraan genetik yang mengeluarkan produk-produk yang dulunya tidak terdapat secara semantikanya dalam nas, bukti-bukti yang ada dalam al-Quran dan hadis. Akan tetapi dari segi qias dan ijmak Ulama, kami mempunyai jawatankuasa penasihat syarak ataupun fatwa yang duduk bersama-sama dengan saintis yang ada di HDC bagi menggarap beberapa idea baru untuk melihat cabaran-cabaran. Bukan sahaja dari produk-produk makanan tetapi

produk-produk kosmetik serta perkhidmatan yang dulu tidak ada tetapi sekarang telah menjadi satu produk yang menjadi ikon pada zaman kemajuan kejuruteraan genetik ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab dengan jawapan yang bersungguh-sungguh. Soalan tambahan saya tetapi mulakan dengan mukadimah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak panjang, tapi kerana ini ada tuntutan agama. Perintah Allah di dalam Al-Quran Nur Karim mafhumnya lebih kurang ialah "*makanlah yang halal lagi baik*". Ini Yang Berhormat Marang lebih arif daripada saya tentang perkara ini. Makanan yang halal lagi baik itu wajib atas sekalian orang Islam. Bermakna melindungi orang Islam dari termakan makanan yang haram, yang tidak baik, itu menjadi kewajipan kepada kerajaan. Usaha ini mesti secara bersungguh-sungguh, tidak boleh secara bertaklif, tidak boleh secara semputan, secara bidan terjun dia mesti dijalankan dengan bersungguh-sungguh

Saya memahami pihak kementerian khususnya pihak JAKIM memang sentiasa memikul tugas dan tanggungjawab ini. Syabas! Akan tetapi saya rasa banyak kekurangan yang berlaku, mungkin kerana undang-undang, mungkin kerana kakitangan tidak cukup.

■1100

Jadi saya haraplah usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan bagi melindungi orang-orang Islam daripada termakan benda yang haram benda yang tidak baik. Almaklum peniaga-peniaga kadang penuh dengan penipuan. Undang-undang kita sediakan dia buat cara begini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cara begini dia beralih jadi tipu muslihat peniaga yang hanya mementingkan keuntungan tanpa memikirkan hukum. Almaklum dalam masyarakat majmuk mereka tidak mementingkan hukum mereka mementingkan wang ringgit. Kesedaran ini kesedaran bahawa peniaga hanya mementingkan keuntungan tanpa memberikan perhatian kepada halal haram baik tidak baik boleh tidak boleh kurang diambil perhatian oleh mereka. Maka itu kerajaan harus bertegas dalam perkara ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Calon Naib Presiden UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jangan tersalah bukan saya yang calon Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua saya lihat Sri Gading sedang *practice* untuk jadi Timbalan Pengerusi Tetap dan Bagan Datok telah mencalonkan beliau.

Tuan Yang di-Pertua kepedulian HDC, Halal Development Industry Corporation dengan kerjasama tenaga-tenaga yang selama ini mengeluarkan persijilan halal oleh JAKIM diserap masuk ke dalam HDC. Tenaga ini diasimilasikan dengan saintis-saintis yang dibawa masuk dari luar daripada kementerian lain dan juga daripada agensi lain serta swasta ke dalam HDC. Kepedulian inilah yang sedang kita terjemahkan.

Bukan sahaja untuk menentukan hanya pengguna-pengguna Islam mempunyai manfaat daripada produk-produk *halalan toiyiba* yang disebutkan dalam ayat yang tidak disebutkan tadi cuma mafhumnya sahaja, telah juga mengundang sambutan daripada orang bukan Islam untuk menggunakan produk-produk halal ini. Tanda halal ini untuk maklumat Dewan yang mulia ini bukan sahaja diiktiraf di Malaysia tetapi diiktiraf di seluruh negara-negara OIC dan diterima oleh USFDA dan juga badan halal di Australia serta badan halal di Eropah.

Inilah standard yang digunakan malah di peringkat Mabim ataupun negara-negara Islam di Asia Tenggara telah meletakkan Malaysia hab atau pusat satu-satunya yang diiktiraf untuk dijadikan sebagai piawaian bagi pengeluaran logo halal di seluruh Asia Tenggara dan akan diguna pakai di seluruh dunia insya-Allah, itulah standardnya kita.

**7. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah sebab-sebab cadangan pembinaan SMK Petagas belum lagi dilaksanakan sehingga kini; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian agar cadangan pembinaan SMK Petagas dapat dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan SMK Petagas telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai projek baru. Namun Kementerian Pelajaran Malaysia terpaksa menggunakan tapak asal sekolah tersebut untuk memberi keutamaan membina Sekolah Menengah Pendidikan Khas Sabah kerana sekolah bagi murid-murid pendidikan khas amat diperlukan di negeri tersebut khususnya di kawasan Putatan. Untuk makluman memang Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai sebuah sekolah pendidikan khas SMK Pendidikan Khas Nongkolot di Tuaran. Akan tetapi memandangkan keperluan mendesak maka ia tidak lagi dapat menampung. Maka sebab itulah kita menggunakan tapak asal itu untuk dibina sebuah lagi Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

Walau bagaimanapun tapak baru bagi SMK Petagas sedang dikenal pasti dan pembinaannya dijangka akan dilaksanakan setelah mendapat tapak baru sekolah berkenaan. KPM juga ingin menjelaskan bahawa kadar ekonomi dan kekangan siling peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dihadapi bukan sahaja dalam KPM malahan di semua

kementerian, adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan projek-projek pembangunan tidak dapat dijalankan mengikut jadual yang sepatunya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada lagi soalan berhubung ini spesifik Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Memang ada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya soal ini saya boleh kira sudah dari penggal yang baru. Ini sudah panas. Tapak asal SMK Petagas ini memang sudah tersedia Tuan Yang di-Pertua tetapi malangnya kementerian tidak berupaya untuk menambah siling peruntukan itu kerana tanah ini rendah dan berair. Dicadangkan pula tapak ini dipindah kepada kawasan yang lain jauh daripada tapak Kampung Petagas ini.

Petagas Tuan Yang di-Pertua *are densely populated* dengan izin memerlukan sekolah ini mendesak. Sekolah ini telah pun tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan baru disenaraikan sebagai projek baru. Rancangan Malaysia Kesembilan berapa tahun lagi tinggal ini sudah marah Tuan Yang di-Pertua.

Bila saya masuk kampung ini soalan dia soalan banjir, soalan sekolah belum selesai lagi. Bagaimana kita mahu dapat undi. Ibu bapa kanak-kanak di kawasan itu mendesak bebanan kerana tambang bas sekarang kian meningkat. Budak-budak dihantar kepada kawasan Kota Kinabalu, kawasan Penampang dan sebagainya. Dua sekolah *fit school* SK Contoh dan SMK Petagas sampai sekarang, kita mendesak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Rancangan Malaysia Kelapan ini Rancangan Malaysia Kesembilan baru sebagai projek baru tahniahlah, tahniah kerana menang Ketua Pemuda MCA tetapi sila laksanakan ini. Jangan pindahkan tapak ini Tuan Yang di-Pertua buat kepada tapak yang asal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang telah mendengar pandangan Yang Berhormat sebab dahulu saya jadi jiran apabila menjadi *back-bencher*.

Saya telah menggulung semasa kajian separuh penggal saya telah meneliti kes ini. Ingin saya memberi sedikit penerangan dan apa kekangan yang berlaku. Di kawasan Petagas ini adalah kawasan berpaya jadi saya sebelum itu pernah berbincang dengan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak sekiranya tapak yang tidak dalam Petagas tetapi dekat-dekat dengan Petagas. Sebagai contoh apabila kita mengenal pasti kawasan untuk kita bina sekolah ini kalau di Petagas kita masih tidak dapat mencari tapak yang sesuai tetapi kalau kawasan yang berhampiran kira-kira satu kilometer daripada Petagas adanya Putatan. Satu lagi

di Lok Kawi jaraknya dua kilometer. Kalau itu dapat persetujuan daripada Yang Berhormat walaupun tidak...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Lok Kawi mana ada SMK, salah Yang Berhormat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat jangan...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Biar saya jelas Yang Berhormat dan boleh dicadangkan untuk pertimbangan kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat memang betul Sekolah Kebangsaan Petagas dengan Sekolah Kebangsaan Kampung Contoh jumlah pelajar setiap tahun ada 250. Dan sebagai penyelesaian jangka pendek Sekolah Menengah Kebangsaan Sanzac di Sembulan jaraknya 1.5 kilometer sekarang dibina bilik darjah tambahan sebanyak 12 buah bilik darjah. Itu secara jangka pendek tetapi memang Yang Berhormat kita akan dapat kerjasama dan saya akan minta Bahagian Pembangunan berjumpa dengan Yang Berhormat kita mencari satu tapak yang sesuai dan apabila kita dapat kenal pasti maka pembinaan itu dapatlah dilaksanakan.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Ini Petagas sama Sanzac itu terlalu jauh juga Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak apa Yang Berhormat saya tidak benarkan lagi soalan tambahan sebab ini khusus sangat Yang Berhormat. Gopeng tidak payahlah.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ada berkaitan, ada berkaitan Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak ada kaitan Yang Berhormat saya sudah buat keputusan ini Petagas...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya belum tanya macam mana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat daripada Gopeng, Yang Berhormat daripada Kuala Krai jauh sangat dari Petagas. Yang Berhormat daripada Padang Serai minta maaf.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kuala Selangor Tuan Yang di-Pertua ada kaitan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya ...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua soalan sekolah, sekolah di Kuala Selangor...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Apa ini?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sekolah tentang sekolah di Kuala Selangor ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak Yang Berhormat ini soalan Petagas Yang Berhormat. Ini soalan Petagas.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ya saya hendak tanya soalan Petagas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan Petagas?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ya betul soalan Petagas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jangan sekolah lain Yang Berhormat. Ini peraturan. Sekolah Petagas.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ya kami di Kuala Selangor...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau Yang Berhormat hendak cadang Sekolah Petagas buat atas laut atas sungai boleh buat saya tidak melihat kenapa tidak boleh di atas tanah lumpur. Itu sahaja persoalan yang saya boleh terima dengar ini.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak Yang Berhormat saya sudah bagi keputusan tadi mengatakan tidak benar lagilah soalan tambahan. Sudah cukup Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tidak adil ini soalan Petagas memang spesifik dan kepentingan orang ramai,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat tidak ada berbangkit di sini Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya belum tanya macam mana Tuan Yang di-Pertua tahu apa soalan saya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat hendak duduk sana ke atau hendak keluar? Saya tidak suka dibantah Yang Berhormat keputusan saya *final* Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

#### ■1110

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya timbalan menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Mana ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bilakah mahu hapuskan sekolah-sekolah tanpa bantuan modal.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak tahu peraturankah?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini soalan spesifiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini sama sahaja. Ini soalan Petagas ya.

8. **Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar kepada tuan tanah untuk projek naik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dan senaraikan nama tuan tanah yang belum dibayar pampasan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pampasan yang telah dibayar kepada tuan tanah untuk projek naikan taraf Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka setakat ini adalah sebanyak RM6,515,375.49 bagi tiga orang tuan tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, pada masa ini kementerian saya sedang memproses menguruskan bayaran untuk 12 tuan tanah di mana jumlah yang akan dijelaskan itu adalah sebanyak RM2,617,973.78. Sebagai makluman tambahan untuk Yang Berhormat Kota Melaka, nama-nama tuan tanah yang masih belum menerima bayaran pampasan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Tuan Tanah</b>	<b>Amaun Pampasan</b>
1	Rahimah binti Selamat Shah	RM125,040.69
2	Rokiah binti Mohamad	RM9,586.30
3	Aneka Bena Dev Sdn. Bhd	RM203,787.61
4	Rahimah binti Selamat Shah	RM813,465.09
5	Tam Yam Kay	RM24,700.00
6	Tam Yam Kay	RM14,800
7	Petroleum dan Gas JME Sdn. Bhd	RM31,000
8	Eureka Resources Sdn. Bhd	RM31,200
9	Goh Siew Yong	RM97,525
10	Sharipah binti Said	RM140,768
11	Tan Soon Hock	RM140,768
12	Tan Khim Ping bersama Yap Kim Hong	RM140,768

Status lapangan terbang ini ialah siap 78.95% dan dijangka beroperasi pada bulan Mei tahun 2009. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka mengatakan sungguhpun Lapangan Terbang Batu Berendam dinaikkan taraf tetapi *runway*nya masih tidak cukup panjang untuk Boeing 737 dengan *full load* dan juga *Airbus* untuk mendarat. Juga dikatakan bahawa Kerajaan Negeri Melaka tidak ada membuat permohonan baru supaya *runway*nya akan dipanjangkan dengan tambahan 400 meter.

Soalan tambahan saya iaitu adakah permohonan ini juga kalau diluluskan oleh kementerian, kos akan terlibat dan adakah ia juga akan melibatkan pengambilan tanah dan juga

rumah kediaman dan mengapa keadaan ini tidak diambil kira semasa permohonan asalnya. Minta penjelasan dari Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sebenarnya tambahan *runway* itu sudah cukup iaitu 1800 meter bagi menampung keperluan Boeing 737/400 dan yang tidak cukup itu ialah untuk Airbus 320.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat bahawa sebenarnya lapangan terbang ini adalah lapangan terbang yang tidak berdaya maju. Setakat ini hanya *Riau Airlines* sahaja beroperasi, itu pun sekali sehari untuk membawa pesakit-pesakit dari Riau dan juga Indonesia.

Sementara ada juga sekolah penerbangan yang mempunyai penerbangan dalam 400 penerbangan sebulan. Itu sahaja yang ada beroperasi di Lapangan Terbang Batu Berendam ini masa kini.

Jadi kementerian saya tidak mungkin dalam masa yang singkat ini untuk mempertimbangkan permohonan Kerajaan Melaka sebab tidak ada keperluan untuk kita membawa *Airbus* ke Melaka.

**Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta timbalan menteri membetulkan *statement* apabila beliau mengatakan bahawa Lapangan Terbang Batu Berendam tidak berdaya maju. Saya berpendapat timbalan menteri cuba berbohong kepada Dewan ini.

Lapangan Terbang Batu Berendam merupakan lapangan terbang yang aktif. Oleh kerana hari ini hanya *Riau Airlines* sahaja yang boleh terbang tetapi apabila lapangan terbang ini dinaikkan taraf maka Air Asia telah pun bersetuju untuk melakukan enam penerbangan.

Bagaimanapun AirAsia banyak menggunakan Airbus. Oleh sebab itulah kita minta Kerajaan Negeri Melaka memohon supaya ditambah panjangkan lagi landasannya kepada 400 meter tambahan bagi membolehkan *Airbus* mendarat dengan *full load*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]:** Saya hendak tambah sedikit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya minta jangan guna perkataan yang kesat seperti berbohong Yang Berhormat.

**Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]:** Baik, saya tarik balik tetapi minta diperbetulkan kenyataannya kerana apa yang diperkatakan oleh timbalan menteri tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, 400 meter ini bukanlah banyak sangat belanjanya cuma RM40 juta. Kerajaan Negeri Melaka adalah Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang kuat dan Kerajaan Persekutuan juga Barisan Nasional. Kalau Kerajaan Barisan Nasional tak kan hendak tunggu Kerajaan Pakatan Rakyat hendak buat. *[Tepuk]* Saya minta penjelasan timbalan menteri.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Baik, sila menteri.

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Perkataan 'berbohong' sudah ditarik balik, tidak payahlah diulang lagi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Terima kasih wakil daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya *statement* saya pada awal tadi ialah masa kini. Setelah siap nanti kemungkinan ada *airlines-airlines* yang berminat untuk terbang ke Melaka. Masa kini tidak aktif. Hanya satu sahaja penerbangan daripada Riau dan kelab penerbangan yang mengajar penerbangan 400 sebulan.

Akan tetapi kalau sudah siap kemungkinan AirAsia berminat untuk terbang dan mereka juga saya fikir tidak memerlukan *Airbus* sebab kita lihat destinasi daripada Kuala Lumpur menuju ke Melaka ini bukan jauh sangat. Dalam perjalanan kita satu jam setengah sudah sampai.

Jadi Insya-Allah kita akan mempertimbangkan kalau hanya setakat RM40 juta. Janganlah katakan parti pembangkang ataupun apabila Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan boleh buat lapangan terbang. Kita boleh buat lapangan terbang berbilion-bilion. Di Kota Kinabalu RM1.5bilion.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Akan tetapi lebih daripada setengah adalah rasuah. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Itu tidak tahulah tetapi ini kena tarik balik.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron]:** Itu yang digantung itu.

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Ada BPR. Kalau dahulu Ketua Pembangkang jadi Menteri Kewangan, tidak rasuahkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** Siapa yang bagi kaya kroni-kroni dahulu? *You* baru dalam Parlimen, *you* tidak tahu.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Rasuah di Perak pun belum selesai lagi. Pandai kata orang pula. Ini di Perak...

**Datuk Seri Panglima Lajim Haji Ukin:** *You* ikut belakang sahaja, *you* ikut buntut sahaja. *You* mana tahu, *you* ikut buntut sahaja, mana tahu. Rasuah apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah, sudah. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, Yang

Berhormat Shah Alam minta duduk. Sudah Yang Berhormat. Sudah cukup bising. Saya pun dengar semua Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat, saya mendengar Yang Berhormat.

Saya dengar Yang Berhormat, saya dengar Yang Berhormat. Pada hemat saya Yang Berhormat, pada hemat saya dia bukan menuduh Ketua Pembangkang Yang Berhormat, dia kata zaman Ketua Pembangkang dahulu jadi Menteri Kewangan tidak ada rasuahkah?

Ini soalan dia, jadi kalau tidak ada tuduhan secara terus kepada peribadi Yang Berhormat, tidak termasuk dalam Peraturan 36(6) Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, zaman Ketua Pembangkang di bawah Akta Rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. *[Riuh]*

Baik, baik, sudah. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah lagilah, tidak payah lagi. Duduk timbalan menteri, sila duduk. Dengar *standing order* ini.

■1120

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya 36(6) Tuan Yang di-Pertua, tadi dia menggunakan perkataan yang menuduh Yang Berhormat Padang Serai masuk dengan menggunakan - apa dia kata?

**Seorang Ahli:** Buntut.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ha, dia kata itu. Boleh ke kita pakai perkataan macam itu dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat,

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta *ruling* dan sekiranya tak boleh, minta timbalan menteri tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa sensitif sangat buntut itu?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk. Duduk Yang Berhormat. Inilah masalah Yang Berhormat. Saya nak buat *ruling* pun tak dapat kalau semua orang cakap. Kalau nak dengar keputusan saya, semua berhenti dulu bercakap baru saya boleh bercakap.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ha Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa perkataan itu...

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tak, saya bagi penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Buntut ini ada banyak makna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak, tak Yang Berhormat. Ini adalah peraturan, saya kena jawab dulu.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Ertinya kalau sup buntut pun buntut juga, kalau ikut belakang pemimpin pun buntut juga. Itu maksud saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tadi pun dia masuk pun dia ikut belakang Ketua Pembangkang juga. Itu maksud saya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak payah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Itu maksud saya, dia tuduh saya rasuah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya ingat awak punya keluarga semua ini macam ke!

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Dia tuduh saya rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Eh Yang Berhormat Padang Serai, jangan pakai...

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Kalau ada rasuah, *you go to report* polis atau BPR. Saya jawab dengan bagus, *you* cakap jawab dengan rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, duduk dulu. Saya belum dapat buat keputusan, semua bising saja. Yang Berhormat pun kacau saya juga. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tak mahulah dengar perkataan 'buntut' atau sebagainya.

Kita guna ikut belakang dan sebagainya. Itu lebih elok daripada yang gunakan perkataan kesat Yang Berhormat. Kita Ahli Parlimen, sepatutnya kita menunjukkan keperibadian ataupun gunakan perkataan yang elok tapi yang lain kata "ya" itu juga menggunakan perkataan tak baik. Jadi Yang Berhormat, kita semualah memartabatkan Dewan inilah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta timbalan menteri tarik balik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduklah Yang Berhormat!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya punya hati sudah sakit!

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu tarik? Saya cakap ikut belakang, ertinya ikut buntut itu ikut belakang. Itu maksud saya, tak ada maksud lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tipu dalam Dewan!

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tipu apa? *You* tak faham bahasa Malaysia, *you* pergi belajar lagi lah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta timbalan menteri dia tarik balik apa yang dia cakap!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya dah dengar Yang Berhormat itu. Kalau belum dia habis bercakap, Yang Berhormat dah *shouting and yelling* dengan izin, macam mana saya nak buat keputusan?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ... keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *You don't give me instruction* Yang Berhormat!

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ... minta maaf.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Padang Serai yang *start*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kita ini kawan baik dalam Dewan ini tapi jangan bagi arahan kepada Speaker ya. Itu yang pertama Yang Berhormat. Kalau *you* tak hormat dengan kedudukan Speaker Yang Berhormat, tak ada benda lagi yang boleh hormat Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta tariklah perkataan-perkataan "ikut buntut" dan sebagainya tadi. Minta tolong ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Saya boleh tarik Tuan Yang di-Pertua tapi bahasa yang saya gunakan itu adalah bahasa yang halus juga. Cuba kita kalau naik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak payah Yang Berhormat, tak payah jelas lagi. Dah kata tarik, dah tariklah Yang Berhormat. Dah kata tarik, tarik Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Okeylah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih. Saya hormati keputusan Yang Berhormat tarik balik. Sudah Yang Berhormat, dia kata dah tarik balik Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dia tarik dia kata rasuah? Sama-sama tarik baliklah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, saya boleh buktikan rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak payah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat ini bukan tempatnya Yang Berhormat. Jadi kalau kita nak menggunakan kesalahan sebagai mengatasi kesalahan yang lain Yang Berhormat, *too wrong, cannot be right* Yang Berhormat, dengan izin. Saya memintalah Yang Berhormat, kita Ahli Parlimen, kita tunjuk orang yang bermaruah, kita yang matang. Anak-anak kita kat belakang Yang Berhormat.

Jadi saya rasa malu dan bimbang kalau kita tidak menjaga kehormatan Ahli Parlimen dan Parlimen ini sendiri. Jadi, saya berterima kasih kepada timbalan menteri dan juga kepada Yang Berhormat. Jangan ganggu lagi Yang Berhormat, jangan arah Speaker ya.

**9. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan penggunaan NGV bagi kenderaan di Sabah dan Sarawak. Apakah penghalang sebenar di mana gas NGV tidak dapat disediakan kepada penggunanya di kedua buah negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk memperkenalkan penggunaan gas NGV bagi kenderaan di Sabah dan Sarawak seperti mana yang dinikmati penduduk-penduduk di Semenanjung. Justeru itu bagi tujuan ini, pihak Petronas sedang menjalankan *feasibility study* dengan izin bagi membangunkan stesen NGV di negeri Sarawak dan Sabah. Kajian ini masih di peringkat awal dan akan mengambil masa bagi memastikan satu perancangan yang komprehensif dapat dilakukan.

Pelbagai faktor perlu diteliti dalam membangunkan stesen NGV seperti bentuk muka bumi, saluran paip serta stesen induk dan stesen minyak perlu diambil kira sebelum ianya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan menteri. Kalau kita lihat penggunaan NGV gas ini memang banyak kebaikannya terutama sekali kita mendengar ianya mengurangkan pencemaran udara dan juga *maintenance* kenderaan pun kurang. Kos pun kurang oleh sebab harga gas itu adalah murah, cuma 70 sen dibandingkan dengan petrol yang sekarang ini RM2.50. Kalau kita lihat di Kuala Lumpur, hampir kesemua teksi di Kuala Lumpur ini menggunakan NGV gas ini dan sebab itu tambang teksi pun dapat dikurangkan dan mungkin termurah di dunia ini.

Jadi soalan saya adalah mengikut maklumat yang ada, Malaysia mengeluarkan lebih kurang 40 juta tan gas ini tetapi cuma 20 juta tan saja yang digunakan. Jadi soalan saya adalah apakah yang terjadi kepada 20 juta tan lagi? Keduanya, berapakah subsidi yang diberikan kepada NGV gas ini menyebabkannya *viable* untuk digunakan oleh kenderaan-kenderaan. Terima kasih.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama tadi adalah merupakan satu pandangan yang begitu baik, keadaan alam sekitar dan sebagainya. Oleh sebab itu semakin bertambah permintaan untuk kebenaran menggunakan NGV khususnya di Semenanjung sini. Setakat ini ada 34,077 teksi yang menggunakan NGV dan kenderaan persendirian ada 3000 dan jumlah stesen yang sudah wujud adalah 87. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, ada 70 stesen NGV dalam pembangunan dan dalam peringkat *design* dan tender dan sejumlah 43 stesen NGV dalam peringkat analisa kesesuaian.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat, saya tak ada makluman terperinci di sini berkaitan dengan subsidi yang dibagi kepada NGV dan saya akan jawab soalan Yang Berhormat dengan secara bertulis. Sekian.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata sekarang Petronas telah mencadangkan satu *feasibility study* atas pengenalan perbekalan NGV di Sabah dan Sarawak dan apakah tujuan *feasibility study* itu. Adakah Petronas akan mementingkan *profit and loss* syarikatnya.

Kita semua tahu pengenalan penggunaan NGV akan menurunkan beban kehidupan rakyat, dan Sarawak adalah pembekal bahan api yang besar di negara kita. Kenapa anak-anak Sarawak, rakyat Sarawak dan Sabah tidak dapat menikmati satu bahan pembakaran yang lebih murah supaya beban kehidupan mereka kurang dan kenapa kerajaan hanya bergantung kepada Petronas untuk menjalankan satu *feasibility study*? Mungkin supaya *profitnya* akan dinaikkan dan bukannya tanggungjawab kerajaan untuk memberi rakyat seluruh Malaysia satu *fair treatment* di antara Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia ini kerana ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Panjang dah Yang Berhormat, dah faham Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ... sangatlah tidak adil kita selepas lebih 10 tahun masih belum dapat nikmati manfaat NGV dan sekarang apa yang dijawab oleh kerajaan, mereka hanya mementingkan *profit and loss* Petronas dan apakah kebajikan untuk rakyat Sabah dan Sarawak?

■ 1130

Oleh itu saya hendak tanya, apakah kriteria-kriteria *feasibility study* yang akan mempengaruhi keputusan sama ada mahu atau tidak mengenakan NGV di Sabah dan Sarawak. Apakah kriterianya?

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sebutkan tadi ada dua, tiga syarat yang digunakan oleh Petronas. Petronas sendiri ada kriteria-kriteria dia untuk menentukan bahawa penubuhannya ataupun menubuhkan satu-satu stesen NGV di Sabah dan di Sarawak dan mana-mana tempat pun akan memerlukan kajian yang teliti. Jadi, saya sebagai anak Malaysia dan juga anak Sarawak memang ingin juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi hendakkan

kemudahan-kemudahan seperti ini dan tidak ada polisi kerajaan yang membahagi-belah Sabah dan Sarawak daripada Semenanjung Malaysia dan atas teguran Yang Berhormat tadi kita ucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Terima kasih. Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberitahu kita apakah syarat-syarat yang digunakan oleh Petronas untuk memutuskan sama ada hendak memperkenalkan penggunaan NGV di sini. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu apa yang *consideration* Petronas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita? Apakah *consideration* Petronas, sama ada *profit and loss* sahaja, *cost benefit* sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya boleh benarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ini. Ada jawapan ataupun tidak ada jawapan Yang Berhormat? Kalau tidak ada jawapan boleh jawab bertulis Yang Berhormat.

**Tuan Jelaing anak Mersat :** Ya, bertulis pun boleh tetapi yang saya sebutkan pada awal-awal tadi, syarat-syarat yang digunakan oleh Petronas dari segi fizikalnya, bentuk muka bumi dan kesesuaian lain yang begitu... sebab bahan api ini merupakan satu yang *dangerous* juga itu yang bahaya dan kita kena kaji dengan baik. Permintaan dari Sabah dan Sarawak meningkat oleh kerana harga minyak yang naik pada bulan Jun itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, patut dipercepatkan penyelidikan Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA (PINDAAN) 2008**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Orang-orang Papa 1977, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**11.34 pg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memerlukan beberapa penjelasan di atas usul yang telah saya masukkan pada 17 Oktober yang lalu. Perkataan isu yang saya anggap sangat penting pelantikan Yang Arif Tan Sri Zaki Tun Azmi sebagai Ketua Hakim Negara yang baru. Saya menerima surat daripada Pejabat Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan bahawa usul ini tidak perlu disegerakan dan saya nampak bahawa telah menjadi suatu amalan yang tidak seperti hanya berlaku dalam sesi yang lalu. Setidak-tidaknya Tuan Yang di-Pertua dalam sesi yang lalu telah mengizinkan banyak usul tergepar ini dibacakan pada pagi ini tetapi nampaknya menjadi suatu amalan yang baru di mana Tuan Yang di-Pertua terlalu berkeinginan supaya semua usul-usul ini ditolak dalam kamar.

Jadi setidak-tidaknya pada pagi ini tentang isu pelantikan yang besar ini melibatkan Tun Zaki ini saya mengharapkan supaya Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan sedikit penjelasan mengapa usul ini ditolak dalam kamar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Saya mohon kepada Yang Berhormat apabila masa saya memberi penjelasan diberi ruang dan peluang untuk bercakap, tidak ada yang bersuara nyaring hingga apa yang saya kata tidak boleh didengar Ahli-ahli yang lain. Penjelasan saya Yang Berhormat, usul ini telah ditolak di bawah Peraturan 18(7)(c), apa pun usul melanggar mana-mana syarat dalam peraturan mesyuarat. Jadi peraturan yang dimaksudkan di sini ialah Peraturan 36(8). Di bawah Peraturan



36(8), saya bacakan Peraturan 36(8) Yang Berhormat ya, 'Kelakuan atau sifat, minggu lepas saya sudah buka buku ini, Kamus Dewan yang diserahkan dengan tiap-tiap Ahli Dewan.

Di bawah muka 872 kelakuan, di bawah muka 1,489 sifat, memberi penjelasan apa itu erti kelakuan dan apa itu sifat. Bagi hakim-hakim, tidak boleh disebut kecuali dengan keluar usul bersendirian bagi maksud-maksud itu. Maksudnya perkara ini perlu ditolak, mesti ditolak di bawah Peraturan 36(8) Yang Berhormat oleh sebab ini membahaskan persoalan hakim yang dalam peraturan ini bukan sahaja tidak boleh dibahas tetapi dalam peraturan mengata tidak boleh disebut. Tidak boleh disebut makna dia ditipiskan lagi persoalan bahas, dikatakan tidak boleh disebut langsung sifat dan kelakuan hakim ini. Jadi dengan keadaan sedemikian, usul ini juga masalah usul kalau hendak dibawa usul bersendirian untuk memasukkan perkara ini ke dalam agenda Dewan Yang Berhormat.

Ini ada kena-mengena dengan keperluan dan syarat yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan, Artikel 127. Kalau dibaca Artikel 127, menggunakan satu perkataan yang digunakan oleh peraturan ini juga, mengatakan kelakuan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincang di dalam mana-mana satu majlis Parlimen kecuali atas satu usul yang notis mengenainya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Parlimen itu. Satu perempat daripada 222 Yang Berhormat, notis ini masuk dan notis itu pula tertakluk kepada Peraturan 27, mesti dimasukkan memberi notis yang sama, panjang yang sama kerana tidak ada syarat notis di bawah Perlembagaan.

Saya juga telah membaca buku Documents of Destiny ini Yang Berhormat, di muka 646 yang mana Profesor Dr Shad Saleem Faruqi mengata dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris oleh sebab tidak ada bahasa Melayu, "*Insulation from politics. To protect the judiciary against politically inspired criticism, Article 127 bars Parliamentary discussion off the conduct of judges, saves on the substantive motion supported by not less than one quarter of the members*"

■1140

Jadi, di bawah artikel ini telah dilitigatekan dalam satu kes iaitu kes Majlis Peguam v Raja Segaran a/l Krishnan pada tahun 2005. 1 MLJ muka 15:

*"The insulation of judges from politics was elevated to the status of a total immunity against criticism. The Bar Council had called an EGM in June 2000 to Justice. The Court of Appeal held that the net effect of the EGM would be to censor the judiciary and to permit discussion of the conduct of His Majesty's judges in flagrant disregard of Articles 125 and 127 of the Constitution. An open discussion of the conduct of His Majesty's judges could amount to questioning the wisdom of the King in his selection. Openly criticizing the judiciary could bring about public misunderstanding of the system and would then produce unwarranted public misgivings."*

Jadi, Yang Berhormat, berlandaskan alasan yang telah saya bagi tadi, saya terpaksa memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita terpaksa menolak usul Yang Berhormat itu di bawah Peraturan Mesyuarat 36(8). Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, dua peraturan 18(c) yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, saya bangkit ini Tuan Yang di-Pertua, atas dasar untuk menjaga integriti dan wibawa Parlimen, saya memahami penjelasan Tuan Yang di-Pertua tadi, bersabit dengan kelakuan seseorang seperti hakim yang tidak boleh kita bahas di sini.

Cuma saya nak menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pun kecenderungan sekarang ini menolak usul dalam kamar, ini isunya, saya sendiri berpengalaman dalam sesi yang pertama dan yang kedua dulu, pernah membawa dua tiga usul, dan satu saja yang dapat dibentangkan, maka sekarang saya dah malas buat dah, sebab saya tahu akan ditolak.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tolak pun dalam kamar, pihak yang membuat usul seperti parti pembangkang dia boleh bawa usul yang ditolak ini dan diberi kepada akhbar masing-masing, dimasukkan dalam internet dalam *website*. Ini usul di bawah 18(1) ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua, dan Dewan Rakyat, usul itu dicetak juga, orang ramai membaca di luar yang akhirnya menjejaskan kredibiliti Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, apa tidaknya usul ini paling tidak dibentangkan dalam Dewan Rakyat, kemudian Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan, nak tolak, tolak, berdasarkan apa yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi, tapi kalau tolak secara senyap-senyap dalam kamar dengan satu surat dan pihak yang membuat usul mengedar pula usul di luar Dewan kepada akhbar yang saya katakan tadi, dia memberi gambaran yang tidak baik. Itu saya percaya, walaupun kita ada peraturan Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali peraturan ini menuntut Tuan Yang di-Pertua, tiga-tigalah Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, mengguna budi bicara, jasa baik dipertimbangkan, kadang-kadang ia boleh memberi kebaikan kepada pihak kerajaan sendiri.

Sebab saya menyatakan sedemikian, waktu Allahyarham Tun Zahir menjadi Tuan Yang di-Pertua, semoga roh Arwah Tun ditempatkan di kalangan para solihin ..

**Beberapa Ahli:** Amin.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya ingat dulu, boleh dikatakan Tuan Yang di-Pertua pun, anggota Dewan Rakyat paling lama sini, jarang sangat ditolak dalam kamar, tapi banyak ditolak dalam Dewan, jadi sekurang-kurangnya bagi orang yang mengarang usul ini Tuan Yang di-Pertua, nak letak usul mesti ada notis 24 jam, 48 jam, menulis di rumah buat *research* kemudian hantar ke Tuan Yang di-Pertua, dia punya semangat mari nak baca macam Ahli Parlimen Kubang Kerian ini, dia memang hebat nak mengusulkan ini, tiba-tiba usul ditolak, kecewa tahu! Macam orang hilang *girlfriend*, dia punya motivasi itu, jadi saya tolong bantu supaya ...[Disampuk...tidak kiralah, kekecewaan itu yang amat sangat.

Jadi sebab itu saya sendiri pun dah hilang motivasi nak buat usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat. Ini juga kalau dinilai dari segi peraturan, mengambil peluang untuk membahas ini juga tidak berapa tepat Yang Berhormat, tapi walau bagaimanapun saya terima baik cadangan Yang Berhormat, tetapi usul yang ada kena-mengena dengan 36 (8) memang tidak dapat dipertimbangkan Yang Berhormat, tetapi kalau usul perkara-perkara lain, saya akan bawa berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara lain, apa yang Yang Berhormat telah bangkitkan pada saya, kerana saya sendiri juga Yang Berhormat, pernah menghantar usul ditolak dalam Dewan dua tiga kali Yang Berhormat.

Saya memahami bagaimana perasaan apabila usul itu ditolak dalam kamar yang tidak sempat selepas buat berbincang berapa hari, berapa banyak perkataan dan sebagainya.

Kita rasa kecewa, memang saya memahami Yang Berhormat, jadi kalau yang terlibat dengan 36(8) ini tidak ada bertolak ansur kerana kita terikat dengan Perlembagaan, terikat dengan peraturan yang begitu khusus Yang Berhormat, dan dengan rasional-rasional yang amat membina kepada negara. Soalan politik Barisan Nasional, ataupun soalan politik PKR, IPR tidak berbangkit dalam keputusan ini Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai panduan mengenai 36(8) sungguhpun ada diterangkan oleh Tuan Yang di-Pertua, terikat kepada peruntukan, Perkara 127, tetapi masalahnya ialah apabila kita menggunakan Perkara 127 di mana ada satu per empat atau 55 orang Ahli Parlimen yang boleh menyokong menyatakan *substantive motion* supaya boleh bincang, bahas mengenai kelakuan seorang hakim, tetapi oleh sebab cara yang tidak adil dalam Dewan yang dingin ini, tidak ada proses yang adil, kita sukar untuk dapat masa untuk satu perbincangan. Bukankah perkara ini perlu diperbetulkan di mana apabila ada sesuatu *substantive motion* di bawah Perkara 127 untuk mengatasi Peraturan Mesyuarat 36(8) supaya bolehlah dibahaskan mengenai kelakuan yang dilakukan oleh seorang hakim yang dibenarkan oleh Perlembagaan, dalam *circumstances* begitu patutlah serta-merta Parlimen adalah satu perbincangan dan bukan *bottom of the list* dan hari kiamat pun tidak boleh lihat ini, *the sad of day*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya memahami apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dan saya juga terpaksa bertindak dan terikat dengan Peraturan Dewan, memang kalau Yang Berhormat ingin mencadangkan satu *substantive motion* dengan izin, di bawah Peraturan Mesyuarat 36(8) dan yang dibaca bersama dengan Artikel 127 perlukan satu per empat daripada Ahli Dewan dibawa ke Dewan ini. Peraturan untuk memasukkannya ke Dewan ini berlandaskan peraturan yang ditetapkan di bawah peraturan 27, Peraturan Ahli Parlimen, dengan itu dia mesti dikemudiankan daripada usul-usul kerajaan.

Jadi ini saya tidak boleh ubah Yang Berhormat, ini bukan saya punya keputusan, tetapi keputusan yang ditetapkan oleh peraturan Perlembagaan yang patut kita sendiri menerimanya, tapi kalau ada perlu diubahkan peraturan ini, itu bukan soal yang boleh saya jawab, walau

bagaimanapun saya akan berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua, atas apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur tadi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukankah itu satu interpretasi yang tidak begitu betul, oleh sebab dalam peraturan mesyuarat, tidak ada sebut *substantive motion*. Artikel 127 ada *substantive motion* iaitu jenis *motion* tidak ada disebut dalam peraturan mesyuarat, dan ini bererti bahawa ini tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ada dalam peraturan mesyuarat dan mengikut Perlembagaan dan *the spirit of the Constitution must be ...over, standing orders* apabila ada *substantive motion*, ada *one quarter* MP yang sokong perlulah dapat diutamakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kita mempunyai interpretasi yang berlainan kalau di sini tempatnya Yang Berhormat, sebab saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 99, yang mana interpretasi ataupun taksiran peraturan itu saya gunakan dan juga kalau ada pentafsiran saya itu salah, satu lagi, usul persendirian boleh dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 43, jadi Yang Berhormat kita akan berpusing-pusing di sana saja. Yang Berhormat saya mengingat semua peraturan ini dah, jadi saya mengetahui 43 untuk mengatasi 99, 99 itu untuk interpretasi, interpretasi itu yang saya buat keputusan..

■1150

Jadi, Yang Berhormat kita akan berpusing-pusing di sana sahaja. Saya mengingati semua peraturan ini sudah. Jadi, saya mengetahui 43 untuk mengatasi 99. 99 itu untuk interpretasi, interpretasi itu yang saya buat keputusan. Saya mengambil baik apa yang Yang Berhormat cadang. Insya-Allah saya akan bawa kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua untuk diperbincangkan mungkin dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima juta ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." [20 Oktober 2008]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Jerai, sila. Ada 23 minit lagi. Sudah selesai Yang Berhormat Jerai?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya. Sudah selesai Yang Berhormat Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jerai sudah selesai? Okey.

**Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]:** Sudah, sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada cerita lain Yang Berhormat? Saya jemput Yang Berhormat dari Bagan. Yang Berhormat Bagan ya? Sila Yang Berhormat Bagan.

**11.51 pg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Komputer ada masalah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2009.

Di sini untuk menghadapi masalah krisis kewangan global, pihak DAP ingin membuat cadangan untuk melaksanakan satu stimulus *plan* dengan izin atau program untuk merangsang ekonomi, membantu pihak fakir miskin, keluarga-keluarga yang terjejas oleh krisis kewangan

global dan juga pihak sektor perniagaan untuk mengatasi impak negatif kesan daripada krisis yang akan melanda Malaysia tidak lama lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pelan yang dicadangkan oleh pihak DAP, pihak kami adalah sebanyak RM48 bilion merangkumi langkah-langkah tersebut:-

- (i) bonus tahunan sebanyak RM6,000 kepada semua keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM6,000 sebulan dan juga kepada mereka yang masih bujang RM3,000 setahun kepada semua bujang yang mempunyai atau mendapat pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Ini akan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM35 bilion;
- (ii) mengurangkan kadar cukai syarikat daripada 25% sekarang secara progresif kepada 17% dalam bentuk *simple tax rate* yang akan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM13 bilion untuk tahun depan;
- (iii) mengkaji semula atau membuat perubahan harga petrol secara harian dan bukanlah secara sekali dalam tempoh masa dua minggu seperti yang diamalkan sekarang untuk mencerminkan penurunan harga minyak di peringkat antarabangsa; dan
- (iv) mengurangkan dengan segera tarif atau kadar tarif elektrik oleh tenaga kerana semasa kadar elektrik tenaga dinaikkan sebanyak 26%, harga pasaran antarabangsa minyak adalah sebanyak USD124 dan sekarang adalah di sekitar USD70. Sekiranya boleh dinaikkan sebanyak 26% apabila harga minyak dunia adalah sebanyak USD124 setong, mengapakah harga elektrik tidak dapat dikurangkan apabila ia telah jatuh hampir separuh kepada USD70 setong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa langkah ini dipertimbangkan kerana sekiranya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang baru ingin membantu keluarga-keluarga miskin dan juga peniaga-peniaga untuk menghadapi krisis kewangan atau krisis ekonomi, beliau haruslah mengambil kira masalah yang dihadapi oleh rakyat biasa Malaysia. Bukan hanya bantu syarikat-syarikat saham besar atau hanya membantu bank-bank yang menggunakan wang bukannya untuk membantu rakyat Malaysia tetapi untuk membeli bank-bank di luar negara yang tidak mahu dibeli oleh institusi-institusi lain seperti mana yang dilakukan oleh Maybank.

Ini akan saya rujuk sekejap lagi. Namun, untuk langkah RM48 bilion ini iaitu ekoran stimulus *plan* atau pelan untuk merangsang ekonomi Malaysia, ia juga akan mempunyai kesan secara langsung bukan sahaja memberikan bantuan kepada keluarga-keluarga dan juga peniaga-peniaga yang menghadapi kesulitan tetapi akan mempunyai satu daya penggerak

menghidupkan perniagaan atau ekonomi Malaysia. Ini adalah kerana sekiranya kita memberikan wang kepada keluarga-keluarga miskin dan pada masa yang sama mengurangkan cukai syarikat yang dikenakan ke atas semua syarikat, ini akan membolehkan satu dana yang begitu resah berputar dalam pasaran tempatan. Seperti yang saya sebutkan tadi ialah sebanyak RM48 bilion. Sekiranya RM48 bilion boleh berputar atau pun *circulate* dengan izin di pasaran tempatan Malaysia, ini akan menjadi satu stimulus dan dalam ekonomi juga akan menjadi satu *multiplier effect* yang mempunyai kesan yang lebih besar daripada jumlah bantuan yang dihulurkan. Saya percaya ia juga akan mewujudkan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil khususnya tetapi akan menghidupkan ekonomi Malaysia.

Oleh itu, saya harap bahawa pihak Kementerian Kewangan janganlah sekadar memperuntukkan RM5 bilion untuk membeli saham-saham yang jatuh harga atau nilainya. Ini perlu, saya faham tetapi pada masa yang sama harus berikan bantuan juga kepada mereka yang miskin, peniaga-peniaga kecil yang susah. Sekiranya tidak, saya rasa sekali lagi ini akan memberikan satu gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional hanya mementingkan pihak yang kaya dan bukanlah pihaknya yang susah.

Dalam aspek yang lain juga, saya ingin mencadangkan bahawa harga petrol mestilah diubah setiap hari kerana sebagai wakil rakyat, kami menerima banyak aduan atau banyak perasaan yang tidak puas hati apabila harga minyak turun dengan begitu cepat tetapi nampaknya harga minyak tempatan jumud di situ. Mengapa apabila harga minyak antarabangsa naik, kerajaan cepat-cepat naik tetapi apabila turun tidak boleh cepat-cepat turun. Jadi, itulah saya rasa amat tidak adil kepada pengguna-pengguna khususnya dalam aspek kadar elektrik. Saya rasa sudah sampai masanya apabila tenaga boleh mengecapi keuntungan yang begitu besar, tidak ada sebabnya mengapa mereka tidak boleh mengurangkan kadar elektrik. Apabila kos mereka pun sudah turun dan mereka dapat mengecapi keuntungan yang begitu besar pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa kalau kita melihat dari aspek sektor tenaga ini, ini secara ringkas sahaja tetapi kalau kita lihat dalam aspek tenaga ini, saya amat kesal bahawa tujuan asal pihak Kementerian Kewangan, kerajaan untuk mengenakan cukai durian runtuh atau dengan izin *windfall tax profit levy* ke atas semua IPP sebanyak 30% untuk semua keuntungan *before interest and tax* dengan izin, EBIDTA sebanyak 30% apabila pulangan mereka melebihi 9%. Semua keuntungan yang melebihi pulangan melebihi 9% ditarik balik.

#### ■1200

Saya rasa ini menunjukkan bahawa Kerajaan BN takut pada IPP, tetapi tidak takut kepada 27 juta rakyat Malaysia. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, *windfall tax levy* atau cukai durian runtuh ini harus dikenakan ke atas IPP. Ini kerana nombor satu mereka telah dapat mengecapi keuntungan yang begitu besar kerana mendapat jaminan daripada pihak kerajaan

bahawa tenaga mahu tidak mahu sungguhpun tidak perlukan jana kuasa yang dikeluarkan oleh IPP. TNB terpaksa juga untuk membeli kuasa yang dikeluarkan oleh IPP ini. Kedua pada masa yang sama kerajaan telah pun memberikan jaminan dan aspek pinjaman yang diambil oleh IPP tersebut.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rembau bangun.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Harap boleh dapat lebih banyak pencalonan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat wakil daripada Bagan. Saya tertarik dengan *point* yang dibangkitkan tadi mengenai cukai durian runtuh terhadap syarikat-syarikat IPP dan saya antara wakil rakyat yang telah meminta supaya *windfall tax* ini diadakan terhadap IPP. Cuma apabila kerajaan telah mengkaji semula soal *windfall tax* ini, kita diberitahu bahawa antara sebab *windfall tax* ini tidak diteruskan adalah soal bukan hanya IPP, tetapi banyak syarikat kewangan dan bank-bank tempatan adalah pemegang bond ataupun hutang dalam IPP-IPP tersebut. Jika kita teruskan dengan *windfall tax* atau *windfall levy* tersebut, bukan hanya pemegang bond seperti bank-bank tersebut terjejas, tetapi juga pasaran bond di Malaysia juga akan terjejas dan ini akan merumitkan keadaan kerana kalau syarikat-syarikat pada hari ini ingin mendapat modal melalui pasaran saham ataupun ekuiti market, ia memang susah kerana sentimen cukup lembap pada hari ini dan mereka bergantung kepada pasaran bond.

Kalau *windfall levy* ini masih diteruskan, maka ramai penganalisis kewangan yang mengatakan bahawa *bond market* kita juga akan terjejas. Jadi apakah pendapat Yang Amat Berhormat dalam perkara ini. terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini yang pertama menunjukkan bahawa pihak Kementerian Kewangan tidak menjalankan kajian yang baik dan terancang sebelum menjalankan atau melaksanakan cukai durian runtuh ini, *windfall levy* ini. Kalau mereka membuat perancangan yang betul saya rasa masalah ini tidak akan timbul.

Kedua tentang persoalan Yang Berhormat tadi, kesan ke atas *bond market* ini tentunya ada kesan sedikit tetapi kalau kita hendak lihat alternatif lain untuk mendapat dana kewangan, carilah Timur Tengah. Yang Berhormat pun sudah pergi Abu Dhabi, Dubai sana ada banyak dana yang disediakan pinjaman wang. Asalkan mereka boleh mendapat pulangan yang munasabah tetapi di sini...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bangun.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Nanti saya habiskan ini. Sekejap.



**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Point* sama.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini kita lihat, nampaknya kita di sini hendak membantu IPP sahaja. Sekarang saya difahamkan, sekarang mereka hanya perlu bayar satu tahun tetapi ini bermakna tahun ini mereka bayar, lepas ini mereka boleh mengacapi atau menikmati keuntungan yang maha besar. Malakoff satu tahun pun berbilion ringgit daripada IPP ini. Dan di sini kita lihat subsidi yang telah diberikan...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap, duduk, saya akan bagi. Saya akan bagi tentu pada rakan.

Akan tetapi kalau kita lihat dari subsidi yang diberikan oleh Tenaga sehingga sekarang adalah RM36 bilion diberi subsidi kepada IPP ini untuk membolehkan mereka mengecapi keuntungan berpuluh-puluh bilion ringgit. Adakah ini munasabah atau tidak? Sedangkan rakyat Malaysia tidak dapat apa-apa manfaat terpaksa bayar kadar tarif elektrik yang tinggi. Di sini saya lihat kerajaan hanya hendak bantu IPP sedia mengorbankan kepentingan 27 juta rakyat Malaysia.

Saya harap Yang Berhormat Rembau yang sekarang ini hendak bertanding menjadi Ketua Pemuda UMNO bolehlah ambil berat tentang perkara ini. Kalau beliau menggunakan isu ini, ini hendak berikan sedikit *free advice* kalau hendak menang jawatan Ketua Pemuda UMNO, lawanlah IPP betul-betul. Mungkin ada harapan. Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya ingin memajukan kepada Yang Berhormat Bagan untuk meneliti penghujahan Yang Berhormat Rembau sebentar tadi. Didakwa bahawa pemberian atau pengenaan *windfall tax* ini dikatakan adalah negatif dan mungkin tidak *pro-business* kerana akan menjejaskan *bond market*. Akan tetapi kita, Dewan yang mulia ini sedia maklum Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bagan bahawa *windfall tax* dikenakan kepada super normal *profit* di atas apa yang dikatakan 9% daripada *return of asset*. Dengan kata lain 30% cukai yang dikenakan tidak menjejaskan *bond holders*.

Kalau pun ia menjejaskan, ianya kepada *share holders*. Jadi jelasnya tidak ada isu tentang *bond market* ataupun *bond holders* yang terjejas akibat penguatkuasaan *windfall tax*. Kerana kita tahu bahawa IPP banyak dalam usaha mereka itu mengeluarkan isu bond berbeza dengan industri kelapa sawit yang menggunakan *investment* mereka atas *retain earnings* mereka. Jadi dengan kata lain, penghujahan Yang Berhormat Rembau adalah sebenarnya tersasar dan kerana ia tidak menjejaskan pembayaran kepada *bond holders*, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, sungguhpun tidak ada kepentingan atau tidak ada syarikat-syarikat seperti ECM Libra yang maha besar, nampaknya lebih pakar dalam hal

kewangan ini. Mungkin inilah itu di antara sebabnya ECM Libra mungkin tidak ada hubungan sekarang dengan YB-YB tertentu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tetapi di sini... saya tidak bagi. Saya hendak habiskan hujah saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini saya rasa...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...memang kalau kita lihat dari segi *bond holders*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa tidak bagi?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...tetapi dalam *bond*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu hak dia Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa tidak bagi?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...saya rasa kita kena lihat dari segi *supply and demand*. Dan sekiranya keadaan ekonomi...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semalam saya bagi banyak laluan kepada pembangkang...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ... adalah baik, saya rasa tidak ada sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan tidak bagi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semalam saya bagi banyak peluang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ... ada apa-apa kesan ke atas pasaran bond.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut ke?, takut ke? Takut ke?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya harap bahawa sekiranya Yang Berhormat Rembau bersama-sama dengan Ahli Barisan Nasional...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut ke?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semalam saya bagi banyak peluang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ... bolehlah memastikan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Takut ke?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, duduklah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada *gentleman*lah. Apa punya ini Ketua Menteri, takut.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...hubungan di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat besar ini adalah sungguh tidak sihat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi Yang Berhormat Batu Pahat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak payahlah, habiskan sudahlah. Tidak ada *point* punya, cukuplah. *Bankrupt* lah negara kalau ini Menteri Kewangan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Pasir Salak... tidak bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat tidak bagi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dia kena lihat dalam aspek belanjawan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cukuplah tidak ada modal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Bagan hendak bagi sebenarnya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dari segi manfaat cukai hanya sebagai penggunaannya adalah...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan Yang Berhormat Bagan, penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tadi rakan kata tidak bagi, saya dengar nasihat tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dari segi manfaat cukai yang diberikan kepada setiap...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebenarnya dia hendak bagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia sudah ubah fikiranlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** .....Rakyat Malaysia yang bekerja iaitu kalau kita lihat statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik ialah lebih 10 juta pekerja di Malaysia. Manfaat yang diberikan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2009 sebenarnya hanya sekadar RM36 setahun.

## ■1210

Marilah kita lihat adakah ini sesuatu yang boleh memberikan bantuan sebenarnya kepada mereka yang susah. Itulah sebabnya saya cakap tadi, kalau kita boleh berikan RM6,000.00 setahun kepada setiap keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM6,000.00 sebulan, kita boleh hapuskan dengan sekelip mata masalah kemiskinan di Malaysia.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Oh, bankraplah negara!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dengan sekelip mata kerana RM6,000.00 setahun, bermakna RM500 sebulan. Dengan RM500 sebulan, kita boleh hapuskan kemiskinan daripada Perlis...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Belajar ekonomi di mana ini? Belajar ekonomi di mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak, tidak boleh semacam itu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini adalah berdasarkan kepada kadar kemiskinan. Kalau kita lihat setiap keluarga miskin sekarang secara puratanya...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Bagan, mohon penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Adalah di antara 200 yang paling miskin, miskin tegar. Miskin tegar, pendapatan mereka sekadar RM200 hingga RM200 lebih. Sekiranya kita boleh berikan kepada setiap keluarga yang mengalami kesulitan, pendapatan kurang RM6,000 setiap keluarga sebulan, bagi RM6,000 setahun. RM500 sebulan, kita boleh hapuskan kemiskinan di Malaysia! Bukan sekadar kemiskinan tegar, kemiskinan keseluruhannya termasuk di Sabah yang mempunyai kadar kemiskinan 23.4%, kita akan hapuskan sama sekali!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat ..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi, saya tidak nampak, saya tak faham mengapa tidak mahu belajar?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Bagan, bagilah laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat, dia tidak bagi Yang Berhormat Batu Pahat. Sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sebab itu RM35 bilion ini setiap tahun yang hanya merupakan satu per tiga daripada keuntungan yang diperolehi oleh Petronas setiap tahun. Satu pertiga pun tak mahu bagi? Inilah saya rasa mengapa sebabnya Kerajaan Barisan Nasional mengalami kekalahan pada 8 Mac 2008.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Okey, bagi laluan Yang Berhormat Bagan. Penjelasan, boleh?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Biarkan saya habis hujah dahulu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Bolehlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau Yang Berhormat tanya betul-betul, saya bagi. Saya mahu habiskan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mahu tanya betul atau tidak lah ini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau lihat daripada RM36.00 yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Tengok, kacau-kacau ini, ini semua sudah lari. Komputer pun sudah lari. *[Ketawa][Sambil melihat maklumat di komputer]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cukuplah tu!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita lihat di sini. Kalau kita cakap dalam Belanjawan 2009, manfaat yang diberikan. Apa yang diperoleh kepada pekerja-pekerja ialah kalau dalam aspek cukai dikurang kutip RM364.2 juta. Ini adalah berdasarkan anggaran oleh Kementerian Kewangan sendiri. Ini bukan anggaran saya kerana daripada pendapatan atau penerimaan untuk tahun 2009, dianggarkan RM176,220 juta. Manakala yang akan dikutip selepas manfaat cukai diberikan ialah sebanyak RM175,855.4 juta, iaitu manfaat RM364.2 juta sahaja.

Itulah sebabnya saya nyatakan tadi, hanya manfaat cukai kepada rakyat Malaysia. Kita tidak cakap tidak ada manfaat langsung. Ada, RM36.00 setahun. Sedangkan daripada pihak PKR, daripada pihak parti DAP, kita hendak cadangkan RM6,000.00 setahun. Mana yang lebih baik? RM6,000.00 setahun atau RM36.00 setahun? Saya ingat tidak payah belajar ilmu hisab, kita pun tahu jawapannya. Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya hendak bangkitkan balik hujah Yang Berhormat Bagan tadi, menyebut tentang orang bujang ini yang RM3,000.00 setahun kalau pendapatan mereka di bawah RM3,000.00.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sebulan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebulan. Di mana melibatkan wang sebanyak RM35 bilion. Sedangkan sebelum ini, kita mendengar hujah daripada pihak pembangkang. Dia kata harga minyak sudah turun, maka unjuran pendapatan sudah berubah. Ini Yang Berhormat Bagan hendak janjikan pula RM35 bilion. Ini yang kita katakan *contradict*. Mana lebih baik?

Kalau hendak timbulkan soalan pertanyaan, berbanding dengan mana lebih baik RM3,000.00 untuk orang bujang, pendapatan kurang RM3,000.00 sebulan dengan beri yang dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam bajet ini, RM150.00 untuk OKU yang tidak bekerja. Sudah tentulah lebih baik bagi kepada OKU yang tidak bekerja sebanyak RM150.00 yang sukar mendapat pekerjaan berbanding dengan RM3,000.00 tadi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa mungkin Yang Berhormat Batu Pahat agak kelirulah. Sama ada dia keliru atau tidak, mungkin tidak mahu dengar dengan betul-betul. Saya rasa ini mungkin untuk kali terakhir, saya ulangi sekali lagi. Apabila kita cakap tentang minyak,

kita guna *multi-prong approach*. Kita buat dasar ekonomi secara multilateral. Bukan hanya *single* atau *mono dimensional*. Kita buat *multi- dimensional*.

Dalam aspek *civil plan*, kita kena gunakan *physical as well monetary instruments* supaya kita dapat merangsang ekonomi negara. Apabila saya sebut bantuan, kita boleh gunakan bantuan ini untuk merangsang ekonomi. Pada masa yang sama, kita hendak pastikan harga minyak turun. Sekarang harga minyak antarabangsa sudah turun, mengapa tidak boleh buat *revision* atau perubahan setiap hari? Mengapa mesti dua kali sebulan? So, sebab itu kalau kita cakap dari segi harga minyak sudah turun, kita turun pun...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya bukan tanya soal harga minyak turun tetapi unjuran pendapatan yang selalu dibangkitkan. Mana sumbernya RM35 bilion? Mana keutamaan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kerana pada masa ini kalau kita lihat dari segi manfaat ataupun wang ihsan yang kita boleh berikan kepada keluarga susah, OKU sekarang dapat RM150.00. Kita hendak bagi RM500.00 sebulan! Bukan sahaja kepada OKU tetapi kepada semua keluarga yang mempunyai pendapatan kurang RM6,000.00 sebulan. Ini hanya melibatkan kos RM35 bilion.

Kita sudah buat kita punya *financial mathematics! We have done our calculation. We have done our homework* dan kita percaya, pelan *stimulus* ini boleh bukan sahaja membantu mereka yang miskin, tetapi pada masa yang sama merangsang ekonomi. Kita pun hendak cadangkan bahawa cukai korporat dikurangkan. Sekarang, dalam setahun kita kutip kira-kira RM35 bilion lebih, RM36 bilion kalau kita hendak genapkan. RM36 bilion setahun daripada syarikat-syarikat.

Kalau kita kurangkan kepada 17%, kita mungkin kutip kurang RM12 bilion. Akan tetapi RM12 bilion ini boleh *circulate* atau boleh berkisar, berputar di dalam pasaran tempatan. Ini juga akan menggerakkan lagi ekonomi negara. So, dalam aspek ini saya berharap, janganlah sekadar melihat syarikat-syarikat besar sahaja. Kalau boleh, lihat pula orang-orang kecil, peniaga-peniaga besar dan yang perlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga pihak EPU tentang perlunya bahawa kita mempercepatkan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Sungguhpun banyak janji telah diberikan, saya amat kesal bahawa sehingga sekarang, Jambatan Kedua Pulau Pinang masih belum berjalan seperti mana yang dijanjikan sebelum ini.

Pihak kami iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang khatir sekiranya Perdana Menteri yang terpaksa meletakkan jawatan dengan lebih awal, bukan atas desakan PKR, tetapi atas desakan partinya sendiri. Kalau selepas beliau meninggalkan jawatan sebagai Perdana Menteri, kami khatir bahawa projek ini akan terlambat. Kita berharap bahawa projek ini selepas ditandatangani bolehlah dimulakan pembinaannya seperti yang dijanjikan pada bulan November. Ini kerana kami

difahamkan bahawa syarikat daripada China iaitu *China Harbour* telah bersetuju tetapi UEM tidak bersetuju. Ini kerana *special purpose vehicle* yang menguruskan projek ini ada sedikit perbalahan dengan pihak UEM. Oleh itu, sungguhpun tempoh pembinaan sekarang telah dilewatkan selama setahun, asalnya siap pada 1 Januari 2011.

■1220

Namun, sekarang akan lambat satu tahun, akan hanya siap pada 2011. Di sini saya rasa Kerajaan Pusat mempunyai satu tanggungjawab moral untuk memastikan bahawa jambatan ini boleh dibina dengan cepat dan dengan harga yang munasabah. Apa yang diminta oleh UEM sekarang adalah tidak munasabah dan juga bukanlah satu harga yang kompetitif kerana untuk bahagian yang mereka bertanggungjawab. Yang mereka minta ialah RM1.5 bilion, sedangkan yang ingin diberikan oleh pihak Kerajaan Pusat ialah sebanyak RM1.3 bilion.

Saya tidak faham mengapa kerajaan tidak boleh memaksa seperti yang mereka memaksa syarikat-syarikat lain untuk akur kepada tawaran Kerajaan Pusat. Saya harap, memandangkan bahawa UEM ada hubungan rapat dengan parti-parti politik utama dalam Barisan Nasional, kita harap bahawa demi kebajikan dan kepentingan rakyat, UEM bolehlah menerima tawaran ini. Kalau tidak, kita harap buatlah tender terbuka dengan masa yang paling singkat dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan tiga skandal baru yang berlaku selepas pilihan raya besar 2008. Sungguhpun saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana nampaknya dengan begitu selesa sekali akan memenangi jawatan Presiden UMNO. Kami harap sebagai Menteri Kewangan yang baru, beliau harus memulihkan keyakinan orang ramai ke atas kredibiliti dan kewibawaan pihak kementeriannya sebagai satu jabatan yang telus, yang *accountable*, yang cekap dan juga yang bersih.

Ada tiga skandal utama. Yang pertama ialah skandal pembelian Maybank sebanyak RM8.25 bilion, membeli Bank Internasional Indonesia atau PTBII. Yang kedua ialah pembelian sebanyak RM2.32 bilion, 12 buah helikopter *Cougar* daripada Eurocopter. Ketiga ialah menandatangani *High-speed Broadband Project* sebanyak RM11.3 bilion. Saya percaya perkara ini pun telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan saya tidak mahu cakap dengan panjang lebar ketiga-tiga skandal ini. Saya hanya hendak sebutkan pembelian Maybank ini dengan harga yang begitu tinggi yang hanya menguntungkan syarikat Singapura, Temasek Holdings merugikan negara dan juga merugikan rakyat Malaysia.

Saya hendak tanya, *where is the prudent professional management?* Mungkin Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Tan Sri Amirsham yang pernah menjadi bekas CEO Maybank boleh memberikan penjelasan macam mana Maybank boleh membeli sebuah bank yang tidak mahu dibeli oleh mana-mana institusi kewangan. Tuan Yang di-Pertua pun sedia maklum sungguhpun perjanjian itu sudah ditandatangani, tetapi Temasek Holdings dan

penjual bersedia memberikan diskaun sebanyak 15% atau sebanyak RM760 juta untuk memastikan urusan ini boleh dilaksanakan.

Kita tidak pernah lihat, kita tidak pernah nampak, kita tidak pernah dengar pun Temasek Holdings, syarikat Singapura yang begitu pandai dalam urusan perniagaan. Selepas bubuh tandatangan di surat perjanjian itu, selepas itu berikan diskaun lagi. Tidak pernah berlaku. Bila mereka berikan diskaun RM760 juta sedangkan dalam surat perjanjian yang ditandatangani mereka tidak perlu buat demikian. Mereka pun bersedia melepaskan deposit wang sebanyak RM483 juta yang mereka boleh rampas sekiranya Maybank tidak mahu teruskan pembelian ini. Ini bermakna Temasek Holdings dari Singapura telah bersedia melepaskan atau mengalami kerugian RM1.2 bilion.

Mengapakah Temasek Holdings dari Singapura bersedia mengambil kurang sebanyak RM1.2 bilion kalau sebab sebenarnya ialah Maybank telah membeli BII dengan harga yang sekurang-kurangnya sekali ganda lebih daripada harga pasaran. Saya juga tidak faham kalau mereka adalah *professional managers*, kenapakah mereka tidak menerima kerugian RM483 juta? Biarkan deposit ini dirampas oleh Temasek Holdings, lebih baik daripada mengalami kehilangan daripada penurunan harga pasaran. Tadi ada Yang Berhormat Barisan Nasional masih mempertahankan pembelian ini. Ini tidak masuk akal. Kalau sekarang BII ini dijual kepada pasaran, saya rasa harga asal RM8.25 bilion, RM4 bilion, separuh harga pun orang tidak mahu beli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Oleh itu saya harap jawablah dengan betul-betul. Sebelum saya habis, saya ingin hanya merujuk kerana musim ini adalah musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, saya pun ingin ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Minal Aidil Walfaizin kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Pada masa yang sama, kita harap dalam bulan Syawal suci ini bolehlah kita merenung kembali apakah sistem pemerintahan yang kita hendak amalkan. Di sini, seperti yang kita pernah sebut, politik atau pentadbiran baik yang kita harus amalkan daripada Empayar China, daripada Empayar Roma seperti Marcus Aurelius daripada Empayar China, Menteri Wei Zheng daripada Dinasti Tang dan juga Khalifah Umar Abdul Aziz dalam zaman kegemilangan Tamadun Islam.

Dalam sistem politik pemerintahan yang diamalkan oleh beliau adalah berdasarkan prinsip *amar makruf nahi mungkar*. [Disampuk] Apakah yang dimaksudkan oleh beliau sebagai *amar makruf nahi mungkar*? Iaitu dalam ertinya membangun negara dengan nilai-nilai kebebasan, nilai-nilai kebenaran, nilai-nilai ketakwaan kepada Tuhan, nilai-nilai kebajikan dalam semua bidang kegiatan kenegaraan dan masyarakat, di samping membasmi segala kemungkaran yang melekat sebagai kuman penyakit yang merosakkan...

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Minta laluan.



**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...seluruh masyarakat dan negara.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Bagan, minta laluan. Laluan sedikit sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya tidak cukup masa.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Satu ayat sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak cukup masa, tidak apa.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta maaf, nanti. *Amar makruf* tanpa diiringi *nahi mungkar* adalah sia-sia, manakala *nahi mungkar* tanpa menjalankan *amar makruf* adalah hampa. *Amar makruf* tanpa *nahi mungkar* akan mewujudkan bandar-bandar yang cantik dan indah seperti Putrajaya dengan rumah-rumah yang tersusun, bangunan-bangunan pencakar langit yang pada lahirnya tampak megah dan membanggakan, tetapi pada batinnya buruk dan pecah berderai kerana penghuninya terdiri daripada manusia yang rosak akhlak dan mentalnya. Sesungguhnya pembangunan raksasa tanpa *nahi mungkar*...

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Bagan, pohon laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...tidak baik.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Itu habuan seks sebagai sedekah itu *amar makruf* ke?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu amalan jahiliah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Jawablah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...akan hanya melahirkan manusia-manusia yang tidak mengikuti ajaran universal agama.

**Seorang Ahli:** Dakwah ke?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini bukan dakwah. Ini adalah ingatan tentang pentadbiran politik. Begitu juga *nahi mungkar* tanpa *amar makruf* akan menyebabkan kemunduran di mana tiada kemajuan dalam masyarakat, tiada kegiatan dan jumud tanpa perjuangan...

**Dato' Ismail bin Kasim [Arau]:** Pohon laluan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...di dunia yang sentiasa bergerak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi laluan, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...ke arah kemajuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak ada masa, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa inilah harapan rakyat Malaysia ke atas sistem pentadbiran politik *amar makruf nahi mungkar* yang diamalkan oleh Baginda Umar Abdul Aziz.

## ■ 1230

Di sini saya ingin menyeru sekiranya kita hendak menjalinkan hubungan baik hendaklah jauhkan diri daripada sistem amalan politik perkauman yang sering dimain-mainkan oleh ahli-ahli politik Barisan Nasional khususnya daripada UMNO. Saya ingin berikan peringatan bahawa janganlah cuba menggunakan media massa untuk menutup kesalahan dan kemungkarannya masing-masing dengan menggunakan isu-isu perkauman.

Saya amat kesal bahawa Yang Berhormat Seputeh apabila menjalankan tugasnya dengan baik dan elok sekarang diancam, diugut dan bukan sahaja ditahan di bawah ISA tetapi sekarang ada Chamil Wariya, seorang wartawan yang kita anggap sebagai wartawan yang baik tetapi boleh sampai ke tahap yang begitu rendah hendakkan beliau dibunuh. Adakah ini yang diamalkan oleh Barisan Nasional?

Semalam saya lihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melahirkan perasaan tidak puas hati tentang satu laporan yang tidak benar oleh *MalaysiaKini*. *MalaysiaKini* telah mengambil peranan yang bertanggungjawab dengan meminta maaf. Kalau buat salah, minta maaf dan bertaubat kita boleh terima, tetapi kalau *Utusan Malaysia* yang menggalakkan pembunuhan seorang Ahli Parlimen...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Itu cerpen. Itu cerpenlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...mengapakah tidak ada sebarang tindakan diambil ke atasnya. Lebih-lebih lagi apabila Utusan Malaysia memainkan isu perkauman yang tidak berasas di mana Yang Berhormat Seputeh tidak pernah menimbulkan isu-isu berkaitan dengan agama tetapi dipermainkan oleh Utusan Malaysia bahawa beliau bertanggungjawab ke atas perkara itu. Itu adalah sesesuai yang sungguh tidak bertanggungjawab. Kalau kita lihat dari semua ajaran agama universal, ISA sekarang ketinggalan zaman. Ia bukan sahaja melawan semua ajaran agama, ia harus dimansuhkan dengan segera.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Masa sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan mansuhkanlah ISA sebelum anda dimansuhkan. Sekian.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Kerajaan baru Pulau Pinang, bola sepak pun tidak boleh jaga.

**12.32 tgh.**

**Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]:** Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Labuan untuk sama-sama membahaskan Bajet 2009 - Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu. Sebelumnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang dapat mengimbangi ekonomi negara dan menguruskan perbelanjaan kerajaan secara berhemah.

Labuan yakin dan percaya berdasarkan Misi Nasional, Malaysia mampu mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Walau bagaimanapun masih banyak hal yang harus kita perbaiki. Umpamanya kalau kita di Labuan, Sabah dan Sarawak yang mana banyak disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak dan juga Labuan masih banyak sekolah-sekolah yang kurang sempurna terutama sekolah-sekolah di pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagaimanalah kita mampu memupuk minda kelas pertama jikalau tempat mengasah minda iaitu tempat mengasah ilmu masih dalam keadaan daif. Mungkin Labuan pula agak baik sedikit, akan tetapi masih ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan yang lain seperti Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk mengimbangi status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan ketidakseimbangan ini harus diperbaiki. Dengan itu Labuan memohon agar semua pusat pendidikan di Labuan dapat dinaiktarafkan. Salah satu daripadanya iaitu cabang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan dinaiktarafkan sebagai sebuah universiti penuh yang mempunyai identiti tersendiri yang kini dengan menjadikan Universiti Antarabangsa Labuan.

Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mula beroperasi sejak tahun 1999, telah ditubuhkan bertujuan untuk menghasilkan graduan dan juga menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai pusat kewangan pesisir yang terulung di rantau ini. Hasrat ini dapat dipenuhi oleh UMSKAL dengan pengeluaran hampir 600 orang graduan dalam bidang perniagaan antarabangsa dan kewangan antarabangsa serta teknologi maklumat setiap tahun.

Walaupun bagaimanapun kebanyakan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan telah menyatakan bahawa kesan kehadiran UMSKAL adalah terhad disebabkan bilangan pelajar seramai cuma hanya 2,000 orang pada saat ini yang dikira agak kecil. Sebagai contoh, Kolej Matrikulasi di Labuan sendiri mempunyai lebih daripada 3,000 pelajar. Ini menyebabkan kehadiran UMSKAL tidak dianggap sebagai membawa sebarang pembangunan ekonomi untuk Labuan seperti mana yang diharapkan oleh rakyat dan industri di Wilayah Persekutuan Labuan. Sejak penubuhan UMSKAL ini juga bilangan sekolah fakulti dan penawaran ijazah oleh UMSKAL tidak berubah oleh kerana UMSKAL tidak boleh menawarkan kursus yang sama yang telah ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu.

Oleh yang demikian dalam usaha menyokong pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan maka saya mencadangkan bagi membolehkan UMSKAL untuk berkembang kita perlu menaiktarafkan UMSKAL kepada universiti yang beroperasi sendiri yang terasing daripada Universiti Malaysia Sabah Kota Kinabalu dengan menggunakan contohnya Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan. Sekiranya Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan berjaya menjadi kenyataan, maka universiti akan dapat memainkan peranan yang penting dalam membantu membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan menawarkan program-program ijazah selari dengan perancangan strategik pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri.

Contohnya, sebagaimana yang dirancang di Wilayah Persekutuan Labuan ia adalah salah sebuah pulau yang menjadi pusat industri minyak dan gas; pusat pelancongan dan juga hab industri makanan halal.

Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan juga akan menawarkan ijazah-ijazah sarjana muda, ijazah sarjana kedoktoran dalam bidang-bidang yang relevan kepada pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sarawak dan juga negara kita Malaysia amnya. Lokasi Universiti Malaysia Labuan yang unik dan kelebihan yang sedia ada maka Labuan telah dikenali sebagai pusat kewangan pesisir, pusat minyak dan gas, pusat industri perkapalan, pusat pelancongan laut serta sebagai markas tentera udara di Timur Malaysia. Maka Universiti Labuan boleh memajukan industri-industri ini dengan menawarkan ijazah-ijazah dalam bidang-bidang berikut.

- (i) Fakulti yang sudah ada iaitu Fakulti Perniagaan Antarabangsa yang mengeluarkan Ijazah Sarjana Perniagaan Antarabangsa, Ijazah Sarjana Muda Pemasaran Antarabangsa;
- (ii) Fakulti Kewangan Antarabangsa yang mengeluarkan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa dan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam; dan
- (iii) Fakulti Sains Informatif - Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Multimedia dan juga Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat.

Ketiga-ketiga fakulti tersebut sudah pun dijalankan pada saat ini tetapi universiti tersebut tidak dapat menambah fakulti ataupun jurusan yang lain disebabkan ia tertakluk kepada universiti induk iaitu Universiti Malaysia Sabah yang berada di Kota Kinabalu.

#### ■1240

Oleh itu, sekiranya ia menjadi kenyataan dan diterima oleh kerajaan, maka fakulti yang akan ditambah adalah seperti berikut. Pertama iaitu Fakulti Pengurusan Gunaan yang mana akan mengeluarkan Sarjana Muda Pengurusan Strategik, Sarjana Muda Pengurusan Industri Makanan Halal, Sarjana Muda Pengurusan Perhotelan, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Logistik dan Pengangkutan dan sarjana Muda Pengurusan Zon Pesisir Pantai.

Manakala, jurusan kedua iaitu jurusan kejuruteraan yang mana akan dapat ditubuhkan atau diadakan jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Marin, Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas dan juga Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa.

Fakulti Sains yang seterusnya yang ketiga iaitu Fakulti Sains Oseanografi dan Geologi Marin yang mana akan membolehkan mengadakan Sarjana Muda Oseanografi, Sarjana Muda Geologi Marin, Sarjana Muda Akuakultur Marin, Sarjana Muda Ekologi Hidupan Liar dan Marin dan Sarjana Muda Teknologi Marin.

Keenam-enam fakulti ini akan disokong oleh pusat yang menawarkan kursus tetapi tidak menawarkan ijazah seperti pusat bahasa dan ilmu, dan pusat kemahiran islamiah.

Justifikasi ekonomi. Melalui penubuhan fakulti-fakulti ini, Universiti Malaysia Labuan boleh berkembang mengasaskan satu kampus yang menempatkan kapasiti maksimum seramai hampir 8,000 orang pelajar dan lebih kurang 1,200 orang kakitangan iaitu 600 orang tenaga pengajar dan 600 kakitangan sokongan. Universiti Malaysia Labuan juga dikenali sebagai universiti kecil ataupun universiti butik yang mengkhususkan kepada bidang spesifik yang mana kehadiran Universiti Malaysia Labuan akan mampu meningkatkan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan kerana bilangan warga kampus yang hampir 8,000 orang ini akan menyediakan *critical mass* dengan izin yang mampu menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan.

Universiti Malaysia Labuan juga dijangka akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada 1,200 orang secara terus-menerus dan akan menyumbang secara terus-menerus sebanyak RM100 juta setahun.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Arau bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** Okey.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Labuan. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat bangkitkan kedudukan IPTA dan universiti termasuk di Labuan di negara kita. Saya mendapat maklum balas iaitu berhubung dengan wujud sedikit elemen ketergesaan kita dalam usaha kita hendak meningkatkan taraf kecemerlangan universiti di negara kita ini, iaitu apabila kita mengalu-alukan kemasukan pelajar-pelajar asing ke negara kita untuk belajar di negara kita dan cara kita buat itu sebenarnya tidak betul iaitu pensyarah-pensyarah telah diarahkan oleh NC ataupun Naib Canselor supaya meluluskan markah walaupun pelajar itu tidak lulus.

Ketika melihat, yang kedua, iaitu terdapat di sebuah universiti IPTA di negara kita yang nilai akademik pensyarah itu, dalam KPInya, *Key Performance Index* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tidak diberi keutamaan malah dinilai dari sudut-sudut kerja-kerja yang lain sebagai sumber pemarkahan untuk meningkatkan *skill* gaji pensyarah-pensyarah berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini. Kalau sekiranya ia benar-benar terjadi, maka saya berasa amat kesal tentang perkara ini.

**Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Bagi pandangan saya, apabila kita tubuhkan contohnya, apa yang saya nyatakan, adakan di Labuan sebagai sebuah universiti tersendiri, kerana kedudukan Labuan itu sendiri yang berkedudukan internasional, contohnya, kita ada IOFC di situ dan juga seperti mana yang kita maklum, yang dilihat, yang dinyatakan tadi, kita rasa tergesa untuk menjadikan universiti sebagai satu misi kerajaan. Saya rasa dalam hal ini kualiti kita harus utamakan. Itulah sebabnya kita akan jadikan

Labuan sebagai satu contoh sebuah Pulau yang sudah agak terkenal berbanding dengan Langkawi. Langkawi lebih menonjol kepada pelancongan, yang mana kalau kita lihat kedudukan Labuan. Kedudukan Labuan dengan adanya fasilitas yang ada, contohnya kita ada *oil and gas* di situ, tidak salah kita bangun dan kita hidupkan sebuah universitinya tersendiri yang mana benda ini akan dapat menarik secara tidak langsung pelajar-pelajar dari luar dan juga kita tidak boleh *compromise* dalam hal kualiti dalam pendidikan yang mana kedudukan dan standard di Labuan itu sendiri telah pun tertubuh pusat perniagaan pesisir yang meliputi dan juga akan mendedahkan dan berhubung kait, berurusan dengan negara-negara luar.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, benda ini harus kita fikirkan semasak-masaknya supaya apa pun yang terjadi, benda ini akan kita jaga dan kualiti harus kita kekalkan supaya sesuatu yang kita tubuhkan itu harus berdaya maju dan berdaya saing. Terima kasih Yang Berhormat. Harap dapat menjawab soalan Yang Berhormat itulah.

Seterusnya, dalam hal ini saya juga meneruskan tidak termasuk penjana ekonomi secara langsung contohnya daripada pihak swasta yang akan meningkatkan pelaburan, mereka memberi perkhidmatan kepada warga universiti atau mencari peluang perniagaan di sekitar kampus di Labuan yang mana terdapat lebih kurang 8,000 pelancong contohnya pelajar yang tetap dan menetap selama tiga hingga empat tahun di Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi secara Langsung sumbangan Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan dari aspek ekonomi terhadap Wilayah Persekutuan Labuan juga dijangka akan dapat memperoleh pembangunan keseluruhan rakyat dan industri di Wilayah Persekutuan Labuan sehingga ke tahap yang cemerlang.

Justifikasi bukan ekonomi - Penubuhan Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan serta penawaran kursus-kursus unik yang disesuaikan kepada kelebihan semula jadi dan industri telah sedia ada di Wilayah Persekutuan Labuan akan meningkatkan lagi kualiti penimbaan ilmu dan kualiti graduan serta kebolehsaingan di Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan. Penambahan nilai ini kepada Wilayah Persekutuan Labuan dan negara yang bakal diperoleh jika universiti ini terwujud dan dinaik taraf adakah jauh melebihi kos yang terlibat.

Penyelidikan yang akan dijalankan oleh pensyarah-pensyarah dalam bidang spesifik mereka akan membantu negara untuk melindungi dan pada masa yang sama menguruskan pengeluaran hasil sumber-sumber negara secara berterusan. Bagi generasi akan datang, ilmu yang diperoleh oleh penyelidikan marin akan membolehkan negara mengawal dan mengurus sumber asli lautan yang tidak ternilai harganya melalui pengeksploitasian hasil-hasilnya.

Imej Malaysia sebagai negara Islam yang maju lebih terserlah jika Malaysia berjaya menjadi pemimpin industri makanan halal. Universiti Malaysia Antarabangsa Halal juga dijangka mampu memenuhi hasrat kejayaan ini memandangkan ia merupakan universiti pertama di Malaysia yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Makanan Halal.

Secara keseluruhannya, jelas sekali bahawa Wilayah Persekutuan Labuan memerlukan universiti yang berperanan penting dalam membantu menjayakan perancangan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri dan juga negara kita amnya.

Kebolehsaingan industri-industri penting negara akan dipertingkatkan sekiranya universiti ini ditubuhkan.

#### ■1250

Hasrat kerajaan untuk menyediakan hab industri makanan halal akan dapat dilaksanakan dengan menghasilkan graduan-graduan dalam pengurusan industri makanan halal. Industri minyak dan gas serta industri perkapalan akan juga dapat dimajukan dengan pesat dengan adanya fakulti-fakulti kejuruteraan yang mengkhususkan dalam bidang ini. Kekuatan negara juga akan dapat diperkukuhkan melalui pemahaman dari hasil lautan di sekitar perairan negara ini.

Melalui sumbangan Fakulti Sains Oseanografi dan Geologi Marin, nilai tambah yang akan diperolehi oleh negara sekiranya Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan ditubuhkan adalah jauh melebihi kos yang diperlukan untuk menaik tarafkan Universiti Malaysia Kampus Antarabangsa Labuan.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar cadangan menaik tarafkan Universiti Malaysia Kampus Antarabangsa Labuan kepada Universiti Malaysia Antarabangsa Labuan ini akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada kementerian dan Kerajaan Malaysia.

Di samping itu juga, dari segi hal ekonomi. Dari segi hal ekonomi, Labuan masih ketinggalan berbanding dengan mereka yang berada di Putrajaya dan Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, Labuan juga mengharapkan agar pusat halal hab gas di Labuan dapat diberikan peluang kepada penduduk-penduduk di Labuan dengan memberikan, contohnya memberikan kuota kepada penduduk-penduduk atau syarikat-syarikat di Labuan terutamanya dalam industri *oil and gas*, yang mana *oil and gas* di Labuan kita lihat lebih dimonopoli oleh mereka yang bukan dari Labuan.

Syarikat Petroleum Nasional contohnya harus memberi peluang kepada syarikat tempatan dengan menetapkan kuota beberapa peratus penglibatan syarikat tempatan dari Labuan di dalam bidang semua aktiviti minyak dan gas. Seperti menyediakan kapal-kapal dengan izin, *anchor handling tug supply* yang mana setiap hari membawa pengangkutan daripada *base* ke platform minyak di perairan Labuan.

Yang kedua, penyediaan peralatan eksplorasi juga bahan-bahan keperluan aktiviti minyak dan gas yang lain. Dengan penetapan kuota ini ianya akan memberi peluang kepada syarikat tempatan Labuan untuk terlibat sama dalam aktiviti gas dan minyak negara dengan secara tidak langsung dapat menjana ekonomi setempat. Apa yang kita lihat, apa yang kita ketahui terdapat sembilan *major oilfield*, dengan izin yang baru dijumpai di perairan Malaysia. Cuma dua *oilfield* sahaja yang *didevelop* atau diusahakan sekarang iaitu KK dan Gemesut. KK

sudah pun *on production* dan dengan mengeluarkan kira-kira 120 ribu *barrel per day*. Manakala Gemesut pula dijangkakan akan mengeluarkan sekitar 150 ribu *barrel per day*.

Program pencarian minyak masih diteruskan dengan aktif di perairan Malaysia sehingga hari ini. Oleh itu *exploration company*, dengan izin di luar negara dan juga termasuk Petronas Carigali dijangkakan dengan penemuan telaga minyak yang baru ini, Malaysia akan masih kekal menjadi pengeluar minyak dan gas antara 15 ke 20 tahun yang akan datang. Masih banyak telaga minyak yang dijumpai yang masih belum *develop* kerana saya rasa Petronas juga punya perancangan tersendiri.

Ini adalah untuk *future development of Petronas*. Sekiranya kita *develop* yang ada sekarang keseluruhannya, saya rasa pada tahun yang akan datang, kemungkinan besar kita tidak akan ada rizab minyak lagi. Jadi sebahagian yang sudah dijumpai akan *develop* dalam tempoh yang bertahap.

Oleh itu, saya rasa dalam ekonomi Malaysia yang ada sekarang, Petronas masih kekal unggul. Dan dengan penemuan telaga-telaga minyak yang baru ini, kita yakin dan percaya negara kita Malaysia akan tetap kukuh, yang mana sebahagian besar daripada hasil kerajaan adalah daripada minyak dan gas. Oleh itu, Labuan juga akan memohon supaya diberikan peluang terutama kepada syarikat-syarikat tempatan, diberikan kuota seperti mana yang saya nyatakan tadi supaya membolehkan orang Labuan itu juga dapat menikmati apa juga program-program dan juga projek-projek Petronas yang dikelolakan di depan matanya sendiri.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang keadaan sistem pengangkutan yang masih kurang selesa. Apa yang kita ketahui, sudah beberapa kali saya nyatakan di perbahasan yang lalu, iaitu mengenai kita punya sistem pengangkutan laut yang ada. Saya difahamkan monopoli akan berakhir pada tahun 2010. Diharapkan kerajaan atau kementerian yang berkaitan dapat membuka laluan supaya monopoli yang diusahakan oleh sebuah syarikat yang melaksanakan pengangkutan laut, iaitu pengangkutan feri kenderaan antara Labuan dan Tanah Besar Sabah-Menumbok dapat dibuka kepada satu atau dua perusahaan lagi supaya persaingan yang sihat dapat dilaksanakan dan akan dapat memberikan khidmat atau servis yang lebih baik.

Yang mana yang ada sekarang, contohnya macam di Pulau Pinang, antara Pulau Pinang dan Tanah Besar, Butterworth ya. Walaupun sistem monopoli pengangkutan feri tetapi oleh sebab dilaksanakan oleh pihak kerajaan, saya rasa jauh lebih bagus berbanding dengan sistem pengangkutan feri yang ada di Labuan. Sistem pengangkutan yang sedemikianlah yang kita harapkan supaya orang-orang Labuan juga akan senang berulang-alik ke Tanah Besar Sabah.

Jadi saya menyeru kepada kementerian, sekiranya ia dibuka insya-Allah saya rasa ada beberapa pengusaha yang berminat dan juga akan dapat memberikan khidmat yang baik, dan masalah sistem pengangkutan antara Labuan dan Tanah Besar Sabah akan dapat kita atasi.



Moga-moga tahun 2010 adalah satu tahun yang baik untuk Labuan yang mana kerajaan haruslah memberikan sistem terbuka kepada sistem pengangkutan yang ada sekarang.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, diharapkan apa yang saya suarakan pada hari ini untuk rakyat Labuan dan juga kepada penduduk Sabah dan Sarawak di sekitar Labuan akan dapat perhatian oleh kerajaan dan juga menteri-menteri yang berkenaan. Saya dengan ini, Labuan turut menyokong dengan bajet yang ada, yang telah pun dibentangkan oleh Perdana Menteri yang lalu dan saya akhiri dengan sebuah pantun:

*Labuan tidak berbukit,  
Ada bukit di Batu Arang,  
Budi kerajaan Barisan Nasional bukan sedikit,  
Dari dahulu hingga sekarang.*

Sekian, Labuan turut menyokong.

**12.59 tgh.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim kerana memberikan juga peluang kepada saya untuk membahaskan pembentangan bajet bagi tahun 2009. Saya memulakan ucapan pada tengah hari ini dengan menyebut firman Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud, “*Orang-orang atau mereka yang diberikan kekuasaan di atas muka bumi ini, sifat-sifat mereka adalah mereka mendirikan sembahyang...*”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Saya habiskan sedikit. ... *menunaikan zakat dan sifat juga mestilah menyeru kepada yang maaruf, mencegah kemungkaran dan kepada Allahlah kembali segala urusan*”. Saya sambung petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini. Selepas itu, majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 22 Oktober 2008.”

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya difahamkan ada lagi 29 minit ya?

**2.34 ptg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua. Saya telah memulakan ucapan pagi tadi dengan saya mengungkap sepotong ayat Quran yang menterjemahkan dan menggariskan perkara-perkara yang paling asas kepada mereka yang diberikan kekuasaan oleh Allah SWT untuk menguasai muka bumi ini. Di antara perkara penting yang menjadi asas kepada matlamat untuk memberikan keadilan di atas muka bumi ini adalah seseorang itu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan kemudian mengajak yang makruf, mencegah kemungkaran dan kepada Allah lah kembali segala urusan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting dalam negara kita pada hari ini ialah kita mahu sebuah kerajaan pemerintah, pemimpin yang bertanggungjawab, yang boleh melaksanakan amanah ini untuk kepentingan rakyat. Mana-mana kerajaan sekalipun Tuan Yang di-Pertua, akan mementingkan pemimpin yang boleh dan dapat menaungi bukan sekadar bangsanya sahaja, kaumnya sahaja, ataupun puaknya sahaja tetapi keadilan itu mestilah merentasi. Dapat sampai ke segenap lapisan masyarakat khususnya dalam tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah Islam dan mana-mana sejarah tamadun manusia sebagai contoh Islam sendiri telah dapat melahirkan pemimpin agung kita, Nabi besar kita Muhammad SAW yang menjadi contoh ikutan yang terbaik. Saya merujuk Tuan Yang di-Pertua, kepada satu tulisan oleh seorang sarjana Michael Hart dalam tulisannya bertajuk “*Ranking of the Most Influential Persons In History*”. Dalam buku ini Tuan Yang di-Pertua, Hart telah meletakkan Nabi besar Muhammad SAW sebagai yang teratas mengatasi tokoh-tokoh dunia lain dan dapat

menempatkan dirinya sama ada di kalangan saintis, budayawan, sasterawan, seperti St Paul, Christopher Colombus, Aristotle, Lenin Morses, Martin Luther dan Adam Smith dan lain-lain lagi.

Apabila Hart meletakkan tentang Nabi Muhammad SAW sebagai pilihan utamanya ia menukilkan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*my choice of Muhammad to lead the list of the world most influential persons miss surprise some readers and may be question by others but he was the only man in history who was supremely successful in both the religious and secular level*". Ini dinukilkan oleh Hart bila beliau menulis antara karya agungnya ini.

Demikian juga para sarjana yang lain seperti sejarawan terkemuka British, Simon Sebag dalam koleksi artikelnnya "*Speeches That Changed the World*" yang juga menempatkan bahawa watak dan peribadi Nabi SAW ini sebagai contoh terbaik yang mesti menjadi ikutan kepada seluruh yang diberikan amanah, memerintah sama ada kerajaan yang ada dalam dunia ini.

Mengambil iktibar daripada ini Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan hujahan saya apabila pada hari ini kita menyaksikan negara yang dikatakan akan mengambil suatu episod lagi dalam sejarah kepimpinan negara. Saya tidak kisah sama ada siapa yang akan memimpin nanti, peralihan kuasa ini, siapa yang akan naik dan siapa yang akan pergi dan begitulah sejarah menulis pemimpin datang dan pergi. Akan tetapi apa yang penting bagi kita adalah kita mahu seorang pemimpin yang boleh dan berupaya menyampaikan amanah ini yang berdasarkan kepada kriteria yang paling asas. Disebut dan boleh menjadi contoh kepada orang lain.

Kita tidak mahu pemimpin-pemimpin yang bakal menerajui negara kita ini sarat dengan isu, sarat dengan pelbagai skandal yang boleh mencemarkan wibawa pemimpin itu sendiri. Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan bajet ini sendiri sebagai contoh maka sebab itulah sahabat saya daripada Kuala Selangor semalam bila berhujah, memulakan ucapannya dengan mengetengahkan satu permasalahan rakyat dengan beliau membawa mesej sepinggan nasi yang naik dengan harga yang diakibatkan oleh kenaikan harga petrol. Dinaikkan oleh kerajaan 41% pada bulan Jun yang lalu.

Ada Ahli-ahli Parlimen yang memperlekehkan perkara ini. Kenapa mengambil contoh sepinggan nasi tetapi itulah falsafahnya. Siapa yang menjadi ahli ekonomi, siapa pun yang melahirkan dirinya dengan bidang ekonomi, sudah pasti kemahiran dalam bidang itu akhirnya yang golongan sasaran yang mesti mendapat nikmat daripada kepakaran ataupun kepandaian itu adalah golongan rakyat yang seharusnya mendapat kekayaan, agihan sumber dalam sesebuah negara itu. Bagi saya falsafah sepinggan nasi inilah yang menjadi *public outcry* yang ada pada hari ini. Rakyat yang hari ini yang rata-rata yang terkesan dengan harga barang.

Keperluan, kewajaran untuk kita meminta supaya bajet ini ditangguhkan sehari dua untuk dimasukkan dengan fakta-fakta yang baru itulah suatu pandangan kita, yang mesti diambil kira oleh pihak kerajaan. Saya cukup kesal sampai ke hari ini Menteri Kewangan baru, Menteri Kewangan Kedua, hatta Timbalan Menteri Kewangan pun masih tidak hadir di dalam Parlimen untuk datang dan mendengar sesi perbahasan bajet ini.

## ■1440

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, perkara inilah yang menjadi asas. Kalau rakyat esok ingin melihat atau ingin memastikan kehidupan mereka yang lebih baik, maka kita seharusnya lebih bertanggungjawab. Datang ke mari untuk mendengar, menganalisis, mengambil yang terbaik supaya apa yang kita hujahkan pada hari ini akhirnya dengan izin *at the end of the day* rakyat *will benefit*. Rakyatlah yang akan mendapat manfaatnya daripada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sebut pada hari ini ialah berkaitan dengan integriti badan-badan penguatkuasaan yang cukup penting. Sekali lagi kita menyaksikan sistem kehakiman dalam negara kita ini masuk satu lagi episod iaitu dengan pelantikan Ketua Hakim Negara yang baru.

Saya telah masukkan usul, saya telah mengemukakan dan minta pandangan pada pagi tadi. Saya telah dimaklumkan tentang Peraturan Mesyuarat 18(7), Peraturan Mesyuarat 36(6) dan juga dihujahkan tentang Perkara 127 dalam Perlembagaan Negara. Saya tidak akan menyentuh tentang hal itu kerana itu telah pun diputuskan. Apa yang saya mahu berhujah pada ketika ini Tuan Yang di-Pertua adalah tentang aturan dan prosedur supaya ini boleh kita bincangkan dan pandangan ini dapat diambil kira untuk kita memastikan bahawa negara kita pada hari ini dan pada masa yang akan datang akan memiliki sebuah sistem kehakiman yang akan mengembalikan zaman keagungannya.

Kita semua maklum sebelum daripada ini setidak-tidaknya negara boleh berbangga dengan nama-nama seperti Yang Mulia Raja Azlan Shah, Yang Arif Tun Salleh Abas, Yang Arif Hakim George Seah, Yang Arif Hakim Tun Sufian, *legacy* yang mereka tinggalkan sehingga ahli-ahli perundangan menamakan mereka ini sebagai *legal giant*. Mereka yang telah mengharumkan negara dengan kewibawaan mereka dan integriti mereka.

Maka pada hari ini saya bangun sekali lagi untuk mungkin bertanya kepada menteri yang berkenaan dan pada kerajaan sendiri, bagaimanakah cara yang kita boleh berkongsi pandangan supaya pelantikan hakim-hakim ini sama ada pelantikan hakim di Mahkamah Tinggi, mahkamah rayuan, mahkamah persekutuan dan ketua hakim itu sendiri cara dan bagaimana dan prosedur itu akan dilihat, akan melahirkan, membuahkan dan kita akan mempunyai barisan para-para hakim yang akan mengembalikan zaman keagungan yang pernah kita kecapai suatu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semakan saya di Amerika sebagai contoh dalam sejarah dan peradaban mereka yang panjang, begitu juga di United Kingdom sebagai contoh, di Amerika sebagai contoh. Presiden akan menamakan beberapa calon sebagai contohnya Ketua Hakim Negeranya dan *Senate* akan berperanan untuk *screen* nama-nama hakim-hakim ini. Kemudian mencadangkan nama-nama itu kembali kepada Presiden dan Presiden akhirnya melantik seorang hakim ataupun hakim-hakim dalam mahkamah-mahkamah penting mereka setelah

*Senate* dengan segala wibawa, dengan segala kebebasan, dengan integriti yang mereka miliki bila mereka *scan* ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak syarahkan dengan begitu panjang lebar, kes peribadinya, perniagaannya, moralnya, segala-galanya akan di *screen* oleh *Senate*. Maknanya, nama-nama yang melepasi proses skrin ini bagi rakyat Amerika setelah Presiden lantik mereka ini sebagai hakim-hakim adalah satu nama barisan nama-nama yang tidak lagi boleh dipertikaikan oleh rakyat. Begitu juga di United Kingdom sebagai contoh, pelantikan ini diserahkan satu badan atau satu panel yang ditubuhkan oleh Parlimen yang begitu berintegriti. *House of Commons* tidak boleh kita nafikan dari segi integritinya, satu Parlimen yang telah menjalani satu proses yang begitu panjang ratusan tahun. Kita melihat tentang bagaimana mereka cukup berintegriti termasuklah di dalam pelantikan hakim-hakim dalam negara mereka.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk mencadangkan sebab kita tidak lagi mahu selepas daripada ini ada lagi nama-nama hakim yang boleh dipertikaikan. Tuan Yang di-Pertua, sama ada perbahasan dalam Parlimen ini ataupun di luar Parlimen, sampai bila kerajaan atas nama sifatnya kerajaan akan menghalang rakyat untuk bercakap tentang perilaku dan tingkah laku para hakim. Sebagai masyarakat yang bertamadun yang mahu negara ini maju ke hadapan yang bercakap tentang integriti, sampai bila rakyat dan kita sebagai Ahli Parlimen akan dikekang dengan Perkara 36(8). Walaupun kita menggunakan Perkara 127 dalam Perlembagaan Negara untuk tidak boleh langsung menyentuh tentang wibawa, tentang sifat para-para hakim ini.

Sekiranya mereka melakukan satu perkara yang sangat dipertikaikan, kesan daripada perbuatan mereka itu akan menjadikan negara ini dan rakyat negara ini sebagai mangsa kepada ketidakadilan dan sikap perbuatan yang mencemarkan. Bukan sekadar integriti kehakiman itu tetapi melibatkan nama dan maruah negara berada dalam keadaan yang sangat mendukacitakan. Sampai bila? Tidak boleh langsung bincang, kalau bincang akan mengalami proses tangkapan ISA, Akta Hasutan. Sampai bila kalau kita yang ada pada hari ini tidak menyelesaikan perkara ini? Bila lahir isu video yang dibangkitkan, saya rasa hampir satu dekad dalam Parlimen ini, satu dekad masyarakat di luar sana membahaskan tentang isu video ini.

Akhirnya video ini lahir. Akhirnya kerajaan terpaksa menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja yang kami di dalam sesi yang lepas berhempas pulas yang pada waktu itu Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai Ketua Pembangkang untuk menubuhkan satu suruhanjaya. Sebelum daripada ini lahirlah satu sindrom biasa, *denial syndrome*. "*Oh tidak. Tidak mungkin ini berlaku. Itu fitnah dan seumpamanya*". Akan tetapi bila ditubuhkan Suruhanjaya Diraja satu suruhanjaya untuk menyiasat perkara ini maka lahirlah dan kerajaan terpaksa mengakui. Akhirnya beri pampasan balik kepada hakim-hakim yang tidak berdosa dan seumpamanya. Bagi saya apa yang penting ialah bagaimana kita yang ada pada hari ini bertanggungjawab ke atas perkara ini. Sampai bila kita mahu menggunakan kekebalan akta-akta yang ada tidak boleh

bincang, tidak boleh sentuh dan seumpamanya. Kalau ada hakim yang bercuti ke luar negara dengan pelanggan, kes Air Molek, kes-kes yang melibatkan bagaimana sejarah negara dimalukan yang akhirnya kerajaan kena bayar balik.

■ 1450

Banyak mana wang kerajaan yang kena dihabiskan untuk bayar balik semua ini? Ia bukan masalah harga, ia bukan masalah wang ringgit tetapi masalah maruah dan integriti sistem kehakiman dalam negara kita.

Perdana Menteri di hari-hari terakhir beliau sebagai seorang Perdana Menteri, punya satu lagi iltizam iaitu sebelum dia meninggalkan jawatan Perdana Menteri, ingin membawa suatu pembaharuan ke atas dua perkara. Membanteras rasuah, membuka Suruhanjaya Rasuah dan keduanya hendak memulihkan sistem kehakiman dalam negara kita.

Itulah janji beliau pada hari pertama beliau duduk di dalam Kabinet, menjadi pengerusi Kabinet, ketua Kabinet. Tahun 2004 berlalu, dan sudah tinggal menunggu bulan Mac tahun hadapan, hendak melaksanakan perkara ini. Boleh dilaksanakan atau tidak? Itu masalahnya. Rakyat menunggu dan rakyat masih menunggu tentang ingin melihat kembalinya integriti, kembalinya kewibawaan sistem kehakiman yang mungkin selepas ini rakyat tidak lagi mempertikaikannya.

Akan tetapi apabila terlantiknya Ketua Hakim yang baru, ia menimbulkan kembali masalah. Di mana prosedurnya dan saya membaca prosedur pelantikan hakim khususnya Ketua Hakim Negara. Perdana Menteri yang mencadangkan nama tersebut, Perdana Menteri yang menasihati Yang di-Pertuan Agong atas nama tersebut, dan bagaimana Perdana Menteri itu dinasihati, siapa yang menasihati beliau, adakah beliau kenal hakim-hakim yang ada, adakah beliau membaca rekod-rekod hakim yang ada? Ini persoalannya Tuan Yang di-Pertua.

Maka saya mencadangkan demi kebaikan negara, perlu ditubuhkan satu Panel Pelantikan Hakim. Ini telah kita bincangkan, kita hujahkan berdekat yang lalu supaya sistem dan prosedur pelantikan itu biar jelas dan kalau di Amerika, presiden itu mencadangkan nama itu kepada Senat dan rakyat Amerika tidak mempertikaikan Senat atas integritinya tetapi hari ini, isu kepercayaan rakyat, isu kelunturan keyakinan rakyat kepada sistem ini semakin hari semakin luntur. Bukan semakin hari semakin membina, semakin subur. Makin kuat berjanji, lain yang dicakapkan, lain jadinya.

Kita tanya kepada warga mahkamah yang ada pada hari ini, tanya rakan-rakan kita dalam *Bar Council* yang ada pada hari ini, pengamal undang-undang yang ada pada hari ini, apa perasaan mereka, apa *perception* mereka tentang isu yang saya bawa ini.

Oleh itu, kita mesti berani untuk membuat satu anjakan. Sampai bila? Saya mencadangkan satu panel yang mungkin boleh dibarisi oleh mereka yang arif, yang berwibawa, yang berintegriti, merekalah yang menamakan, siapakah yang bakal menjadi Ketua Hakim

Negara, siapakah yang boleh menduduki kerusi Presiden Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Setelah panel ini....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan sedikit sahaja. Sungguhpun Mesyuarat Majlis Raja-Raja adalah sudah bersidang empat hari bermula hari Khamis dan mengikut laporan ada dibuat pelantikan Tan Sri Zaki sebagai Ketua Hakim tetapi sampai sekarang, belum ada apa-apa pengumuman dibuat. Bukankah ini sangat aneh oleh kerana..., adakah ini menunjukkan bahawa pentadbiran atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kurang yakin untuk mempertahankan pelantikan ini. Kenapa sampai sekarang tidak ada satu pengumuman yang rasmi, apa keadaannya?

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Ipoh Timur. Ini menimbulkan satu lagi masalah, satu lagi pertikaian rakyat terhadap pelantikan ini. Mengapa tidak diumumkan segera. Oleh itu, apa yang berlaku pada hari ini ialah, adakah PM tidak tahu atau dia tidak sedar pelantikan ini ataupun beliau tidak sempat melihat itu semua, ataupun dia telah menyerahkan segala-gala kepada pengganti beliau....?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Minta penjelasan. Sebenarnya beliau hari Jumaat ialah hari terakhir Tun Abdul Hamid bersara, apakah sekarang ada kekosongan, kita mahu tahu kan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tun Abdul Hamid bersara wajib pada 17 hari bulan, bersara wajib tidak boleh *extend* lagi. Ini satu *post* yang sangat penting. *Post*, satu jawatan yang paling penting antara yang terpenting dalam negara kita, dan saya difahamkan ada Yang Arif Hakim Sallahuddin yang saya rasa kalau rakan-rakan warga mahkamah, warga perundangan, saya rasa tidak mempunyai masalah tetapi itu satu keputusan yang saya rasa telah diputuskan, yang saya tidak mahu menyentuhnya lagi Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, saya mencadangkan kita mahu sebagai suatu perkongsian idea, suatu pandangan demi kebaikan kita bersama, satu Panel Pelantikan Hakim ditubuhkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih kurang 10 minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Kemudian panel ini mestilah dianggotai oleh mereka yang betul-betul dan benar-benar mempunyai keupayaan, pengalaman, kepakaran dalam bidang perundangan dan kehakiman....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** [*Berdiri*]

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Sekejap, saya habiskan tentang panel. Sedikit dan selepas itu saya bagi Yang Berhormat Batu Pahat.

Mereka boleh menamakan, dan saya rasa telah sampai masanya negara, rakyat dan Parlimen sendiri boleh memberikan suatu kepercayaan penuh kepada panel ini. Panel ini akan insya-Allah, menamakan nama-nama hakim ini, sama ada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan seumpamanya kepada menteri dan prosedurnya, Perdana Menteri akan mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong

melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu untuk melantik hakim-hakim yang saya maksudkan tadi.

Ini cara di antara cara yang boleh kita cadangkan berbanding dengan apa yang ada pada hari ini yang hanya kuasa Perdana Menteri yang mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kubang Kerian, saya mengamati apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian iaitu soal kebebasan hakim dan cadangan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian soal untuk mewujudkan satu panel untuk melantik hakim ini tetapi saya yakin bahawa kerajaan adalah komited sebenarnya terhadap usaha untuk memperbaiki sistem kehakiman di negara kita ini.

Sebab itulah, tunggulah. Maksudnya kerajaan sudah pun umumkan akan bawa satu undang-undang untuk mewujudkan Suruhanjaya Kehakiman ini dan ini adalah komitmen yang telah pun dinyatakan dan termasuklah soal suruhanjaya tentang BPR yang juga akan dibentangkan, termasuklah yang disebutkan baru-baru ini iaitu Suruhanjaya Aduan Khas.

Jadi kenapa maksudnya, kita tidak boleh sabar menunggu dalam perkara ini. Sebab itu apabila disebut tentang bebas tidak bebas ini, itu yang menjadi masalah bahawa kita banyak perkara yang berbangkit, apabila terkena pada diri kita, kita tidak hendak terima. Kita kata tidak bebas dan sebagainya. Jadi sebab itulah kadang-kadang, kita sendiri bersikap tidak adil dan saya selalu melihat pembangkang membangkitkan perkara-perkara, pertuduhan-pertuduhan hanya berasaskan kepada laporan yang dipetik daripada *internet* dan hari ini kita tahu *MalaysiaKini* membuat satu cerita yang bukan-bukan sehingga ada orang yang terpaksa meletak jawatan kerana integriti itu.

Ini satu contoh, sebab itu lain kali janganlah berhujah pertuduhan. Selalu sangat bangkitkan soal Altantuya, hanya berasaskan kepada cerita-cerita andaian seolah-olah bahawa apa yang disebut oleh kebebasan yang dibangkit oleh pembangkang in menjadikan Raja Petra sebagai *benchmark*. Ini saya rasa tidak betul.

#### ■1500

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Bukan masalah kita tak sabar, kita letih, *we are tired*. Sejak 2004 Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Balik Pulau, sikit saja penjelasan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** ... Saya habiskan sikit lagi. Saya menjawab dulu. Tahun 2004, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu mendapat majoriti 9/10 majoriti dalam Parlimen ini. Menjanjikan tentang IPCMC, menjanjikan memerangi rasuah sampai ke akar umbi. Sekarang tinggal 5 hingga 6 bulan. Ini persoalannya dan jangan kata kita hanya berasaskan sekadar pada persepsi tentang kehakiman ini.



Tuan Yang di-Pertua, zaman yang mulia Tuan Azlan Shah, zaman Tun Salleh Abas, zaman Tun Suffian. Saya rasa melalui pembacaan kita dalam jurnal-jurnal undang-undang dalam negeri yang diterbitkan di luar negara, saya rasa hampir tidak ada pertikaian tentang apa yang dikatakan suatu kecacatan dalam sistem kehakiman dalam negara kita tapi hari ini hakim bercuti luar negara, ini bukan perkara yang saya bawa sebagai cerita tepi jalan.

Diperakui oleh suruhanjaya yang menyiasat isu video Linggam dan seumpamanya. Ini yang kita perjuangkan, bukan andaian dan seumpamanya. Tentang Altantuya itu, yang empunya dirilah yang kena bersihkan nama. Saya pun tak sebut benda itu dalam Parlimen ini. Itu sendirilah mahu ingat. Sila Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada *injury time* ya Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya sedikit saja Yang Berhormat Kubang Kerian. Tadi kerana teman saya dari Batu Pahat menggunakan perkataan kerajaan komited, komited. Saya orang muda, saya tak sabar. Terus-terang saya cakap kat sini sebab saya juga terlibat dalam kes Suruhanjaya Kehakiman kerana pelbagai *recommendation* telah dibuat tapi sehingga hari ini satu pendakwaan pun tidak dapat dilihat dan duit pembayar cukai pun telah habis banyak di dalam suruhanjaya pada tempoh hari tetapi hasilnya tak ada tetapi yang digunakan komited. Jadi saya tak faham, mungkin Yang Berhormat Kubang Kerian boleh jelaskan kepada saya apa maksud komited ini. Saya tak faham.

**Seorang ahli:** Kemetot, kemetot.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya lah, nanti bila buat cepat sangat macam DNA marah pula. Kata tak bincang dengan orang, tak tanya dengan orang dan sebagainya...[Ketawa]

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Kemetot, bukan komited.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak usahlah berdialog Yang Berhormat. Sila, sila teruskanlah. Ada tiga minit setengah lagi.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, ya saya faham. Maknanya kita mesti komited, *walk the talk*. Perdana Menteri saya harap, *he say what he means, he means what he say*. Ini yang kita mahu suatu jawapan, suatu pembuktian. Bukan kita menunggu dengan begitu lama, bukan kita membiarkan suatu perjalanan masa yang begitu panjang dan jauh yang kita mahu melihat kembalinya apa yang saya sebutkan tadi ialah kembalinya satu sistem kehakiman yang semua rakyat akan mendapat manfaatnya nanti yang insya-Allah saya rasa itulah ucapan yang saya nak sampaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [Menyampuk] Ada tiga minit lagi.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tak ada, setengah minit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Silam.

**3.03 ptg.**

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** *Bismillahirrahmanirahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terus membahaskan ucapan Bajet bagi tahun 2009. Sebelum saya meneruskan terlebih jauh dalam perbahasan bajet ini, di sini saya nak bacakan sedikit petikan daripada *bloggers*.

*“Aku ini pun orang Sabah cuma dah lama duduk kat Semenanjung ini. Memang betul cakap Geng Sarawak 08 itu. Senario politik Sabah dan Sarawak berbeza. Pengundi Sabah ramai daripada kalangan orang yang berumur dan tahu akan erti pembangunan. Bagi mereka, mengundi Barisan Nasional adalah untuk anak cucu mereka pada masa depan, mengharapkan sebuah kerajaan yang boleh membela nasib anak cucu dia orang. Aku tahulah sebab kat kampung halaman aku itu semua sokong BN, tak kira muda ataupun tua. Pakatan Rakyat memang tak laku pun kat sana. Mereka ini bila berfikir nampak macam logik, terima apa pun dengan terbuka sebab dia orang tahu kerajaan sekarang ini masih sebuah kerajaan yang boleh diharap.*

*Anwar kalau pergi kat sana hem...! Tak ada orang pun nak layan, semua buat tak tahu saja sebab dia orang ada semangat perjuangan bangsa. Tak mudah kena tipu oleh Anwar Ibrahim.”*

Saya ingin memetik di sini ketika Ketua Pembangkang yang sekarang ini saya ibaratkan sebagai sebuah kereta *secondhand* yang masuk ke Dewan yang mulia ini semula dan ketika itu dia menjawat Timbalan Perdana Menteri ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Enjin baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, dengarlah.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Dengar dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun mahu dengar.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Oleh sebab empat jam lebih beliau telah menyampaikan ucapan bagi pihak pembangkang dan sebagai orang yang julung-julung kali menjadi seorang ahli Dewan Rakyat, saya ingin memetik iaitu pada hari Selasa 14 November 1995 iaitu ketika menyampaikan ucapan bajet bagi tahun 1996 dan jawatan Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu ialah sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga selaku Menteri Kewangan. Bahagian ini saya petik;

*“Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab sekali gus Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Yang Berhormat dari Keningau membuat tuduhan yang agak keras terhadap Kerajaan Persekutuan kerana kononnya menindas rakyat Malaysia dari Sabah. Ini sebenarnya;*

*Tuan Yang di-Pertua, lagu lama cuba didendangkan baru kerana ini mungkin sedikit sebanyak berlaku kerana pertikaian dahulu di antara pemimpin*

*kerajaan negeri Sabah dengan persekutuan tetapi keadaannya banyak berubah. Jadi saya syorkan supaya Yang Berhormat dari Keningau buka buku-buku dan kitab-kitab baru. Jangan terlalu berpandukan dengan sentimen lama umpamanya daripada segi kedudukan dua perkara yang melibatkan soal pelantikan perkhidmatan. Ini diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (45) Awam, satu badan yang bebas. Pelantikan ini ditetapkan dengan syarat yang ditentukan oleh suruhanjaya. Begitu juga soal kenaikan pangkat yang ditentukan berdasarkan merit. Walau bagaimanapun sering kali ada bantahan, perasaan tidak puas hati dan perkara ini sebenarnya diberi pertimbangan dan bukanlah umpama kita harus melayani setiap perasaan tidak puas hati kerana prinsip yang dipertahankan dalam Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam ialah pengurusan prestasi, keadilan, objektiviti, mesyuarat dan ketelusan.*

*Datuk Joseph Pairin Kitingan: [Bangun]*

*Timbalan Yang Dipertua: Ya, Keningau....”*

Saya memetik ini ucapan ketika Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan selaku Menteri Kewangan sebab saya tertarik beliau ada menyebut ketika membahaskan ucapan bajet pada beberapa minggu yang lepas, beliau ada menyebut perkataan bagaimana masyarakat Bajau itu menyisihkan diri dan di sini saya ingin bangkitkan ucapan yang telah disampaikan ini. Kenapa, kenapa dan mengapa ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan selaku Menteri Kewangan tidak mengambil berat, tidak mengambil perhatian untuk memberi pembangunan dan bajet yang lebih kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Sebab sama juga, tidak ada bezanya di antara kerajaan yang ada sekarang ini yang mentadbir iaitu memberi keutamaan kepada Sabah dan Sarawak untuk mendapat pembangunan yang lebih dengan memberi peruntukan kepada negeri Sabah berjumlah RM3 bilion sebab kita tidak mahu bagaimana dia cuba memperlekehkan iaitu kaum Bajau konon menyisihkan diri. Sebenarnya ketika itu pada waktu saya masih menjadi seorang pelajar dan memohon biasiswa kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang ketika itu Menteri Pelajaran ialah Yang Berhormat Permatang Pauh dan sangat menyedihkan dan mengecewakan apabila beliau menjawab mengatakan bahawa peruntukan daripada Kementerian Pelajaran dan JPA itu tiada peruntukan khas untuk pelajar-pelajar dari negeri Sabah.

Kenapa sekarang ini, kenapa sekarang ini kita baru melihat beliau ini nak menjadi hero kampung pula bagi Sabah dan Sarawak.... [Tepuk] Ini seolah-olah membuktikan beliau ini seorang pemimpin yang talam dua muka, yang mahu menjadi hero kepada kita semua dan kita yang menyokong kerajaan Barisan Nasional ini setelah terbukti kita adalah kerajaan yang bertanggungjawab yang mentadbir yang mengurus kepada semua kaum. Bukan hanya kepada individu-individu yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah bentuk jawapan yang telah diberikan ketika itu oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa beliau bermaharajalela dalam kerajaan BN dulu tetapi sekarang ucapan itu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** ... Saya ingin menyebut ini sebab ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bolehlah, saya dapat perhatikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat selalu menyebut nama. Kalau boleh jangan sebut nama ahli Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Tak, saya petik ucapan yang ketika waktu itu yang menjawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sebut nama kawasan di mana yang diwakili oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya telah menyebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

#### ■ 1510

Tuan Yang di-Pertua, transisi kepemimpinan negara bukan baru dalam konteks sejarah kepemimpinan negara selama 51 tahun merdeka. Selepas hampir lima tahun memegang jawatan dalam parti dan kerajaan, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan persaraan lebih awal daripada pelan asal peralihan kuasa. Ini menunjukkan bagaimana Perdana Menteri yang ada sekarang ini, dia lebih mengutamakan kepada sekuriti rakyat ataupun kesejahteraan dan keselamatan rakyat, dalam masa tanpa perlu risau sama ada keadaan tidak menentu akan berterusan, sehingga menjejaskan kehidupan harian malahan menyebabkan bosan dengan kerenah pemimpin tertentu yang terus buntu untuk memainkan peranan sebagai wakil rakyat.

Motivasi perkhidmatan awam yang telah menjadi tulang belakang pentadbiran kerajaan perlu dipertingkatkan. Koordinasi antara pembuat pengamal dan kumpulan sasaran perlu dikemaskinikan dengan merujuk semula beberapa kelemahan perlu diakui dan diikuti dengan proses meningkatkan kualiti perkhidmatan. Saya berharap kepada kerajaan supaya mengambil perhatian berat ini terutamanya kepada negeri Sabah dan Sarawak supaya keutamaan itu juga diberikan kepada rakyat yang ada di negeri-negeri tersebut sebab kita mahu melihat bagaimana perasaan persefahaman dan setia kawan dalam semua kaum yang ada di negara kita ini dapat dihormati.

Empat tahun Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, ada pasang surutnya. Bermula dengan mengadakan gelombang *feeling good* ke atas pentadbiran beliau apabila mengetuai pilihan raya yang kesebelas dengan penuh keyakinan. Kemenangan yang telah dicapai merupakan kemenangan yang bergaya, yang paling besar dalam sejarah pilihan raya umum tanah air. Ini membolehkan beliau merangka agenda baru untuk kesejahteraan dan masa depan rakyat dan pilihan raya yang kedua belas yang telah berlalu, telah melihat kepada kita

bagaimana perubahan dan gelombang persekitaran semasa yang telah merubah struktur dan kerajaan yang ada sekarang ini tetapi walau bagaimanapun, rakyat masih memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk terus mentadbir di peringkat Persekutuan.

Sepanjang tahun keempat, beliau juga telah merangsang semula semua manifesto dan 12 gagasan yang diumumkan dalam ucapan dasar Presiden UMNO yang telah dijelaskan. Gagasan tersebut bukan sekadar retorik tetapi sudah mula dilaksanakan. Mungkin dari segi proses masa yang diambil, kita perlu sabar dan insya-Allah saya yakin, kalau kita yakin dan percaya, tanpa ada gangguan, walaupun suasana sekarang ini dari segi kedudukan ekonomi dunia iaitu tidak begitu stabil tetapi kita melihat bagaimana bajet yang telah dibentangkan ini adalah disesuaikan dengan kehendak dan cita rasa rakyat negara Malaysia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan melalui teladan sistem demokrasi berpaksikan tanggungjawab bersama pembangunan modal insan, penerokaan sumber baru ekonomi, masyarakat perindustrian dan perdagangan, peranan sektor swasta, peningkatan mutu sektor awam, rasuah, penguatkuasaan undang-undang, penyertaan warga muda dan wanita, kedaulatan di peringkat antarabangsa dan perpaduan nasional menjadi nadi kekuatan kepimpinan ini. Itulah sebabnya kita melihat bagaimana tidak ada satu parti yang istimewa di negara kita ini tetapi tidak adalah yang boleh menyaingi Kerajaan Barisan Nasional yang telah berupaya membuktikan selama kita mentadbir selama 51 tahun.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak tertentu tidak pernah menghargai dan berasa bersyukur, berterima kasih bagaimana selama 51 tahun ini kita telah dapat menjaga hubungan semua kaum yang ada di negara kita ini. Sosial Kontrak yang telah kita perersetujui bersama ini telah menjadi satu kerangka yang terbaik sebagai garis panduan kepada negara kita yang selama ini sentiasa menghormati di antara satu sama lain. Sambutan 51 tahun kemerdekaan negara berlangsung ketika negara berada dalam tahun keempat. Sering kali isu perpaduan dijadikan tema besar mana-mana pemimpin dan sehingga hari ini. Isu perpaduan dan integrasi berjaya dipelihara oleh kepimpinan yang ada sekarang.

Walaupun mengakui ada lompong ataupun kekurangan yang boleh memberi kesan kepada perpaduan masyarakat pelbagai etnik di negara ini tetapi sebagai pemimpin yang mentadbir dan menerajui kepimpinan Barisan Nasional ini, kita melihat bagaimana di Persidangan CEO, *Forbes Global* di Singapura September lepas, satu identiti nasional secara perlahan-lahan sudah lahir yang bersatu, dan kestabilan politik adalah berasaskan kepada penerimaan, ke atas keunikan bangsa Malaysia itu sendiri.

Saya baru-baru ini telah berjumpa dengan beberapa orang pelancong yang datang ke kawasan saya. Sebenarnya mereka menyarankan kepada kita supaya kekuatan yang ada pada kita iaitu dari segi *multiracial* dengan izin, berbilang kaum ini perlu kita hargai. Tidak perlu kita menerima ataupun meniru bangsa lain yang mempunyai kekuatan sendiri.

Sudah banyak dan beberapa buah negara yang ada di dunia ini, kalau kita menghormati dan tahu kekuatan kita sendiri, saya yakin dan pasti ini akan tentu dapat membentuk satu negara yang dari segi kaumnya walaupun berbilang kaum tetapi mereka boleh maju ke hadapan. Mungkin dari segi proses 51 tahun pertama ini kita menghadapi suasana seumpama ini untuk membolehkan kita menghayati semula, apakah selama ini negara yang telah kita bentuk ini dari segi kekurangan dan kelemahannya. Kalau kita berusaha ingin memperbaiki, saya yakin dan pasti, kita akan dapat sama-sama melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Saya ingin di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah diberi mandat dan telah diberi peluang sebagai Menteri Kewangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini terbukti dari segi tempoh masa, transisi masa yang digunakan ini, kita berharap supaya sama-sama dapat dimanfaatkan dan hala tuju untuk dari segi pengurusan sumber ekonomi negara kita perlu disesuaikan dengan tuntutan semasa supaya keyakinan para pelabur dan keyakinan masyarakat setempat atau rakyat di negara kita ini dapat kita perbaiki dan mereka semakin kukuh dan semakin bersatu padu, supaya apa pun sumber yang akan kita majukan untuk kesejahteraan masyarakat ini akan dapat kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, mementingkan *human security*, dengan izin. Titik perubahan dalam sejarah negara ialah kemaraan sebagai sebuah negara baru dan bermulanya perjalanan negara yang sungguh mengagumkan, sejarah kita menjadi saksi kepada perpaduan dan kesepakatan bangsa yang satu ketika dahulu pernah dijajah. Kita sampai kepada tahap kekukuhan ini kerana kita menjivai peri pentingnya perpaduan dan keperluan untuk sentiasa bersatu. Sepanjang 51 tahun merdeka ini kita memberi kekuatan sebenar kepada Malaysia untuk terus kekal stabil, rukun dan pesat membangun. Timbul persoalan, siapakah yang bertanggungjawab terhadap proses penghayatan ke atas hubungan yang harmoni ini. Apakah mekanisme yang boleh dipergunakan untuk memantapkan hubungan antara etnik di Malaysia agar tidak terganggu oleh konflik dalaman dan luaran...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Silakan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Silam. Yang Berhormat, soal perpaduan, harmoni yang kita rasai, yang kita rasakan di Sabah dan Sarawak, adakah Yang Berhormat pernah mendengar hasutan dari satu kaum kepada kaum yang lain di Sabah dan Sarawak. Pernahkah ia berlaku jika dibandingkan dengan keadaan yang berlaku di Semenanjung yang selalu dibangkit-bangkit, dihasut-hasut oleh pihak pembangkang. Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Putatan. Saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya

dari segi *unity* ataupun perpaduan yang selalu disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Haji Aman dalam ucapan-ucapannya ketika mengadakan program di negeri Sabah. Sebenarnya keunikan, sebagai contohnya kalau di negeri Sabah itu sendiri, dia lebih kurang ada 35 hingga 45 etnik yang pelbagai. Macam Yang Berhormat Putatan mempunyai bahasa ibunda sendiri dan saya sebagai masyarakat bangsa Bajau mempunyai bahasa yang tersendiri.

Sebenarnya tidak pernah berlaku suatu hasutan walaupun mungkin kalau Sabah dan Sarawak itu baru 45 tahun dalam Malaysia, tetapi sebenarnya kita tidak ingin memperlekehkan sahabat-sahabat kita daripada tanah Semenanjung ini, tetapi model yang terbaik untuk melihat bagaimana perpaduan dan hormat-menghormati di antara satu sama lain dari segi kaum yang berbeza ini, yang latar belakang agamanya berbeza, etnik dia berbeza, cara pakaian dia berbeza, maka Sabah dan Sarawak adalah *role model* yang terbaik.... [Tepuk]

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan bagaimana pentingnya kita menjaga perpaduan dan persefahaman kita, sebab saya melihat bagaimana akhbar-akhbar tempatan di negara kita ini terutamanya akhbar nasional yang seolah-olah sebenarnya dengan izin, masih *backward*, yang masih lagi menceritakan soal hubungan kaum. Kenapa tidak akhbar nasional ini cuba membawa satu cerita yang boleh membina kepada asas kekuatan perpaduan itu sendiri. Juga pada masa yang sama kita mahu melihat sudah tiba masanya.

#### ■1520

Saya tidak ingin memperlekehkan kita punya wartawan, tetapi sebenarnya sudah tiba masanya apabila editor ataupun ketua pengarang itu sendiri memikirkan suatu risalah yang dimuatkan dalam akhbar mereka itu lebih menjurus mengundang kepada pemikiran untuk pembinaan bangsa itu sendiri, bukan diceritakan untuk menghasut ataupun menyebabkan timbul suasana yang tidak baik sehinggakan kalau kita dengar pandangan daripada masyarakat di kawasan saya yang melihat bagaimana mereka macam seperti tidak yakin seolah-olah kerajaan kita ini tidak stabil. Ini ekoran daripada tulisan-tulisan yang banyak menjurus kepada isu-isu, sentimen yang perkauman ini.

Jadi saya sangat berharap supaya apa yang kita alami di negeri Sabah dan Sarawak itu, dari segi menghormati mungkin, walaupun saya beragama Islam, kalau saya pergi naik ke rumah masyarakat Dusun ataupun Kadazan, mereka tahu dan ketika mahu menghidangkan minuman itu pun mereka faham bahawa kumpulan masyarakat yang beragama ini, ini dia tidak boleh minum atau tidak boleh makan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dari segi negara yang telah lama merdeka, menganggap bahawa suatu ketika dahulu kita dijajah tetapi sebenarnya sudah tiba masanya kita mahu pendefinisian asas untuk merdeka mengikut takrifan konvensional memang umum dan banyak kita boleh tafsirkan, tetapi biarlah kemerdekaan yang ada yang kita peroleh di negara kita ini adalah acuan Malaysia itu sendiri dengan kita menghormati bangsa lain, keturunan lain. supaya kita percayalah. Saya yakin dan pasti mungkin dari segi keturunan, saya datang daripada

kawasan yang lain, tetapi saya rasa saya tidak akan mahu kembali ke negara yang mungkin moyang saya berasal sebab saya telah lahir di negara ini, maka saya sayang negara yang saya duduki sekarang ini dan kawan-kawan ada semua di sini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan bagaimana dengan pengisian ke atas kemerdekaan ini, saya melihat bajet yang telah dibentangkan lebih menekankan kepada pembangunan modal insan. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya ialah pada masa yang sama iaitu penumpuan kita mengatasi ataupun cuba mengurangkan kadar kemiskinan tegar dan kadar kemiskinan. Pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya sentiasa mengambil berat untuk memastikan pembangunan modal insan yang dijurus yang diberi keutamaan ini kepada generasi muda sebab kita melihat masa pilihan raya akan datang bagaimana generasi muda ini akan menjadi pengundi utama ataupun mereka ini mempunyai kuasa untuk sama-sama membuang undi. Kita mahu memelihara bangsa Malaysia yang mempunyai persefahaman dan toleransi yang tinggi dan juga kita mahu melihat kelahiran dan kematian di kalangan generasi muda terutamanya kalau kita lihat di negeri Sabah masih lagi tinggi dan kita minta kepada kerajaan supaya memberi peruntukan yang secukupnya kepada sektor kesihatan, supaya masalah-masalah kronik yang terdapat di negeri Sabah dapat dikurangkan.

Kita berharap juga supaya doktor-doktor yang dihantar ke negeri Sabah dipercepatkan dari segi penempatan mereka sebab kita melihat doktor ini sangat penting bagi memastikan kadar kesihatan ini dapat kita peroleh dan dapat dilaksanakan dengan baik. Pada masa yang sama juga, kita berharap supaya kadar pengangguran juga dapat dikurangkan, dan kita berharap kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran supaya memperkenalkan sistem pelajaran yang berorientasikan kepada sistem kemahiran dan mengkaji bagaimana anak muda dan generasi yang ada sekarang ini dapat disesuaikan dan mereka ini apabila tamat universiti ataupun sekolah laku dari segi pasaran kerja. Ini boleh mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

Konflik dan pergelutan kuasa kepada hak individu dapat dipelihara jika kita mempunyai sistem pendidikan yang teratur. Ucapan tahniah kepada kerajaan yang memberi peruntukan yang besar kepada negeri Sabah dan kita juga mengalu-alukan apabila Kementerian Pelajaran diberi peruntukan yang besar dan kita berharap supaya pembangunan di negeri Sabah dapat ditingkatkan dipercepatkan dari segi modus operandinya supaya pelaksanaan itu dapat kita laksanakan dengan baik. Ini sudah tentu akan dapat melahirkan satu masyarakat yang merasa yakin dan selamat dan kita berharap juga dengan adanya *human security*, dengan izin, akan menjadi kukuh dan kerajaan akan memastikan jaringan sosial akan terjamin dan dapat kita peroleh dalam Bajet 2009 selain mencerminkan hasrat kerajaan untuk memastikan kekayaan negara terus berkembang dan dinikmati oleh semua rakyat dan belanjawan kali ini juga perlu memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan rendah.



Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan sama ada kios ataupun pusat hentian sementara untuk mengumpul maklumat bagi mengatasi segala masalah yang diperoleh di peringkat kampung. Sebagai contohnya, Pengerusi JKKK, ketua kampung ataupun pemimpin masyarakat, mereka ini perlu dilatih untuk mendapat ilmu dan mereka ini didedahkan bagaimana cara untuk memberi sumbangan agar pelaksanaan bajet yang telah dirancang oleh kerajaan ini sampai kepada akar umbi dan sampai kepada mereka yang berhak menerimanya.

Bajet tahun depan juga begitu menekankan pengukuhan perpaduan yang cuba digembeng beberapa usaha nasional merangkumi pembangunan koridor ekonomi pembangunan pendidikan yang seimbang antara bandar dan luar bandar, pembangunan usahawan kebajikan dan kesihatan. Kita berharap dan saya mencadangkan kepada kerajaan supaya pembangunan koridor yang ada di negeri Sabah ini diberi peranan dan penjanaan dari segi pemberian peruntukan agar kita dapat jana dan kita berharap supaya kerajaan dapat melaksanakan tanggung jawab ini dengan sewajarnya dan disesuaikan dengan pertumbuhan ekonomi yang ada sekarang ini. Saya cadangkan supaya lebih menjurus kepada pembangunan modal insan, dan kekuatan kepada pembentukan bangsa ini akan menjadikan bangsa Malaysia itu boleh berdikari malah mempunyai jati diri yang kukuh dan kuat dan mereka ini boleh berusaha sendiri tanpa berharap sepenuhnya bantuan itu daripada pihak kerajaan.

Nilai yang perlu ada pada generasi sekarang ini ialah nasionalisme di mana masyarakat mana-mana pun perlu dipupuk oleh kerajaan. Nasionalisme tidak boleh dipisahkan daripada sistem nilai masyarakat. Kalau sebuah masyarakat ini mengutamakan pencapaian individu maka individualisme akan mengembang ataupun menenggelamkan nasionalisme.

Rakyat menjadi nafsi objek kesetiaan dan kecintaan mereka bukanlah kepada negara tetapi kepada diri sendiri. Masyarakat yang terlalu individualistik akan cepat meretak dan akan timbul keadaan di mana seseorang tidak akan menghormati orang lain. Masyarakat akan lebih berkecenderungan mengejar simbol terutamanya yang berkaitan dengan kekayaan.

Ini adalah pandangan yang telah disampaikan oleh Profesor Khoo Kay Kim dan saya tertarik dengan pandangan ini, bagaimana kita ingin membentuk bangsa Malaysia yang betul-betul faham bukan kerana kita diri sendiri, tapi yang paling penting ialah semangat setia kawan, kita menghormati antara satu sama lain, semangat kebangsaan. Cuma terdapat di kalangan pemimpin lapisan utama iaitu di kalangan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang menteri yang rapat dengan mereka..

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** ...Lapisan utama menghadapi kesukaran kerana orang yang dipertanggungjawabkan melaksanakan cita-cita dan perancangan untuk mereka tidak mempunyai pandangan dan semangat yang sama, natijahnya tidak terbentuk satu sikap patriotisme yang jitu dan ini mendatangkan masalah kepada negara. Semangat cintakan negara daripada kalangan generasi muda semakin pupus kerana pengaruh budaya

antarabangsa, kita berharap supaya dalam Bajet 2009 ini supaya kerajaan memperuntukkan yang sewajarnya kepada Kementerian Perpaduan supaya dapat meluaskan lagi konsep pembangunan dengan menjadikan suatu budaya Malaysia ini sebagai suatu kekuatan untuk memastikan kita akan dapat membentuk dan mencapai hasrat kerajaan untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat pembangunan yang telah dirancang oleh kerajaan sebagai yang kita dapati dalam Bajet 2009 iaitu kita lebih menjurus kepada reformasi pendidikan dan dasar liberalisasi telah mencorakkan pelbagai perkembangan perubahan yang telah menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai suatu industri dan sektor pembangunan manusia, yang mustahak kini berharap kerajaan supaya sejumlah wang yang telah diperuntukkan itu dapat disalurkan terutamanya kepada negeri Sabah sebab dari segi geografi dan muka buminya yang begitu besar dan kita melihat dari segi pembangunan dan pendidikan masih lagi ketinggalan, dan kita berharap supaya kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat dalam hal pembangunan pendidikan ini, sebab kita melihat inilah satu kekuatan yang ada pada negara kita dengan memberi keutamaan kepada pendidikan ini agar kita boleh menjadikan ia suatu aspek untuk mengubah rakyat daripada mereka tidak tahu dari segi ilmu dan sebagainya kepada orang yang boleh memahami dari segi pendidikan dan mereka mengetahui apa kegunaannya pendidikan kepada mereka apabila mereka berjaya keluar daripada universiti.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, skim-skim yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar seperti produk-produk di kawasan luar bandar, saya berharap supaya pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kemajuan Luar Bandar memberi perhatian khusus dan secara fokus. Kita tidak mahu melihat atau pun memperkenalkan iaitu produk yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya melihat dengan pengalaman yang dibandingkan dengan beberapa negara yang telah maju dalam bidang-bidang tertentu, yang kita dapati di negara kita ini kita nampak tidak ada suatu pemfokusan budaya kerja aktiviti ekonomi yang sentiasa berubah-ubah. Kalau kita mempunyai perancangan yang panjang, jauh dan kita fokus kepada aktiviti kita, saya yakin pada suatu masa dahulu bagaimana diperkenalkan Buku Hijau, Buku Merah iaitu pertanian diberikan keutamaan dan negara kita pada suatu ketika berada pada tahap yang dibanggakan dan menjadi *role model* kepada negara lain.

Jadi, kita berada supaya kerajaan fokus terutamanya kepada bidang pertanian ini. Inilah kekuatan kita, sebab kita tahu rakyat kita yang masih ramai di kawasan luar bandar dan di kawasan pinggir pantai yang terlibat dalam segi aktiviti perikanan ini perlu diberi keutamaan.

Itu sebabnya saya mencadangkan kepada kerajaan baru-baru ini supaya di kawasan Parlimen Silam yang akan dijadikan Pusat Akuakultur Negara dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Ini kerana, kita tidak mahu melihat ianya hanya satu retorik yang akhirnya kita akan melihat akan menjadi satu bahan sejarah sahaja. Jadi, tindakan ataupun pelaksanaan itu adalah lebih utama perlu kita ketengahkan.

Dari segi pelancongan, saya berharap kepada Kementerian Pelancongan pada cadangan saya baru-baru ini iaitu menjadikan kawasan Parlimen Silam sebagai pusat *ecotourism* untuk negeri Sabah di kawasan pantai timur. Oleh sebab melihat kepada keindahan semula jadi dan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di kawasan Parlimen saya. Memang banyak perkara yang perlu kita boleh majukan dalam bidang pelancongan. Ini kerana begitu banyak pelancong dari luar negara yang datang dari USA, United Kingdom, Jepun dan Korea yang datang ke daerah Lahad Datu di kawasan Parlimen Silam. Hitung banyaknya dalam satu bulan lebih kurang 7,000 hingga 9,000.

Kalau prasarana dapat diperbaiki terutamanya dari segi pembinaan *airport* yang akan dilaksanakan dan mudah-mudahan ia dapat peruntukan yang sewajarnya. Ini akan menjana pembangunan ekonomi di kawasan pantai timur. Kita berharap kawasan Parlimen Silam itu sendiri akan menjadi hab pembangunan kawasan pantai timur. Oleh sebab dalam sedikit masa lagi iaitu *barter trade*, kawasan selatan Filipina dengan kawasan Lahad Datu akan dapat dibuka. Inilah faktor-faktor yang akan menjana kepada pembangunan ekonomi di kawasan pantai timur di negeri Sabah.

Saya mencadangkan kepada kerajaan juga supaya mengambil perhatian dan dapat melaksanakan prasarana-prasarana yang sesuai seperti mewujudkan pos-pos kawalan imigresen, pusat kawalan maritim di kawasan pantai timur di negeri Sabah terutamanya di kawasan Parlimen Silam dapat diperkenalkan.

Kepada kerajaan terutamanya yang mentadbir dalam mengurus FELDA dalam Rancangan Bajet tahun 2009 ini, saya melihat perumahan rakyat kos rendah ingin diberikan oleh kerajaan. Saya berharap agar kawasan saya juga diberi keutamaan sebab kita melihat bagaimana kawasan FELDA antara yang terbesar di Malaysia ini terdapat di kawasan Parlimen Silam.

Jadi, dengan adanya perumahan kos rendah, akan dapat menghapuskan miskin tegar dan insya-Allah di kawasan Parlimen Silam di daerah Kunak dan Lahad Datu mungkin menjadi daerah yang pertama di negeri Sabah dan Malaysia keluar daripada kemiskinan tegar. Inilah, saya berharap supaya peruntukan yang sewajarnya dapat diberikan kepada kawasan saya dan agar kita dapat menterjemahkan apa yang telah diharapkan. Sebab dalam pilihan raya yang lepas kita tahu di negeri Sabah, Kerajaan Barisan Nasional telah diberi mandat yang besar dan kita tidak mahu nanti dalam masa pilihan raya akan datang kita akan berhadapan dengan masalah yang telah kita timbulkan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan seumpama ini menegaskan kerajaan supaya memberi keutamaan kepada peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar, projek kampung dan bekalan air luar bandar di seluruh negara juga tidak ketinggalan daripada kawasan saya di kawasan Parlimen Silam. Namun, apa yang jelas sekarang ini adalah seperti kedengaran bunyi guruh di langit sahaja tetapi tiada hujan. Projek demi projek diumumkan kepada rakyat tetapi projek itu belum dijalankan. Saya berharap supaya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Silam.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah tukar Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Doa Yang Berhormat, saya tambah. Terima kasih.

**Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]:** Itu menyedapkan telinga dia sahaja. Dia ada syok sendiri itu. Sebenarnya kita pun dalam Barisan Nasional ini bukan dia sahaja hendak kritik, kita pun sendiri boleh tegur pentadbir kita. Ini ertinya kita..., *you* berteriak di sana pun tidak kisah.

Program-program ini demi memastikan kumpulan sasaran menikmati faedah yang maksimum dan berkekalan. Bagaimana kalau saya sebagai Ahli Parlimen hendak menjawab kepada rakyat untuk mula mempersoalkan niat kerajaan. Jadi, sebelum mereka menyoal ataupun mempersoalkan niat kita, kita berharap dalam Bajet 2009 ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kita berharap juga *delivery system* terutamanya daripada pihak kerajaan dapat mengurangkan kerenah-kerenah birokrasi sebab kita tidak mahu perkara ini akan menjadi penghalang kepada pembangunan terutamanya di negeri Sabah.

Ekuiti bumiputera minoriti adalah satu perkara yang serius dengan status negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai salah satu insiden kemiskinan tertinggi. Itulah sebabnya saya berharap supaya pihak kerajaan mengambil berat dan tidak salahlah kalau kepimpinan sekarang ini mengambil perhatian yang berat kepada pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak.

Ini sebab kita tahu dari segi, kita sudah 45 tahun masuk menerusi Malaysia ini, saya yakin dan pasti tidak salah kalau kita diberi keutamaan. Inilah juga dalam 20 perkara yang telah kita persetujui bahawa pembangunan di Sabah dan Sarawak perlu diberi keutamaan dan tidak dianaktirikan seperti mana yang telah dipersetujui. Saya rasa 45 tahun yang lalu, pemimpin di negeri Sabah ketika itu dan di Sarawak tidak akan bersetuju jika tidak ada satu dengan izin, *assurance* daripada Kerajaan Persekutuan untuk membuat pembangunan kepada negeri Sabah. Saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada masalah teknikal tetapi baik untuk Speaker. Tiap-tiap kali kita tekan ini untuk bercakap, gambar kita keluar. Yang Berhormat Gopeng.

**3.37 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009. Sebelum itu, saya ingin membangkitkan peristiwa pagi tadi di mana saya tidak diberi peluang untuk membangkitkan satu soalan berkenaan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Petagas. Ini saya rasa peluang untuk saya terangkan di sini bahawa supaya menteri yang berkenaan berpeluang untuk menjawab semasa jawapan menteri nanti.

Sebenarnya soalan saya itu apakah anggaran kos untuk membina Sekolah Kebangsaan Petagas. Soalan yang *simple*. Alasan saya keluarkan soalan ini adalah ...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat. Kenapa bermula dengan peruntukan Petagas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat Gopeng baru mula.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Baru mula ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bagi peluang Yang Berhormat Gopeng bercakap Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sebab saya keluarkan soalan ini kerana mengikut bekas Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Samy Vellu mengatakan bahawa kos pembinaan sekolah untuk setiap bilik darjah adalah sekadar RM60,000 hingga RM300,000. Sekiranya kita gunakan angka ini dan tanya kepada sesiapa yang dalam perniagaan pembinaan, pasti ini satu angka yang menakutkan. Di mana kalau kita lihat untuk membina sebuah rumah kos rendah, mungkin cuma dalam lingkungan RM20,000 hingga RM25,000 sahaja dan kos satu bilik darjah dengan kemudahan yang begitu *simple* kalau dibandingkan dengan sebuah rumah kos rendah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta laluan sedikit?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini melihatkan mungkin ada banyak pembaziran yang berlaku dalam hal ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Hendak bagi peluang Yang Berhormat?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Okey.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Soal kos. Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Memang saya hormati Yang Berhormat Gopeng kerana menyentuh soal Petagas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan Yang Berhormat. Tidak banyak masa Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dia masih banyak masa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya mahu minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Gopeng soal kos pembinaan bilik darjah ini. Sedar atau tidak Yang Berhormat Gopeng bahawa kos yang ada pada Semenanjung dengan kos yang di Sabah dan Sarawak agak berlainan. Sedar atau tidak? Itu sahaja soalan saya.

■1540

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Setahu saya di Semenanjung mungkin lebih murah kalau dibandingkan Sabah dan Sarawak tetapi itu butiran itu kita biarlah menteri yang berkenaan untuk jawab. Saya ingin teruskan dengan perkara yang lain. Sekarang kita lihat memang tsunami ekonomi telah melanda di seluruh dunia. Nampaknya pihak Barisan Nasional masih dalam keadaan yang menyangkal, *denial syndrome*. Bagaimana sebuah negara Malaysia yang ekonominya begitu global boleh terkecuali dalam tsunami ekonomi buat sementara waktu?

Ini saya rasa tidak masuk akal. Bajet yang dikemukakan dengan anggaran bahawa defisit bajet 3.6% KDNK, dan sekarang dengan turun harga minyak mentah dengan kekurangan pendapatan hasil daripada Petronas dan hasil petroleum dan sebagainya, pasti dengan kekurangan itu bajet defisit akan meningkat sekurang-kurangnya ke 6.8%. Ini tidak kira dengan faktor kemerosotan ekonomi, faktor kejatuhan harga getah dan harga minyak kelapa sawit dan sebagainya. Sekiranya kita meneruskan perbelanjaan seperti mana yang dicadangkan oleh Bajet 2009 ini, pasti bajet defisit negara kita akan makin meningkat mungkin sehingga 10%.

Adakah keadaan ekonomi sekarang ini akan menjadi pulih dalam masa yang singkat? Pasti tidak, kalau kita lihat sejarah pun apabila Bursa Saham Kuala Lumpur turun, setakat ini sudah turun sebanyak 35% dari tahap kemuncak dan impak kepada ekonomi sekurang-kurangnya 6 bulan dan mungkin dalam hal ini kalau ikut satu laporan daripada Profesor Morell Robini dalam satu temu ramah di Bloomberg baru-baru ini, seorang profesor ekonomi di New York University, beliau mengatakan bahawa dengan izin, Robini *see worst recession in 40 years*. Satu keadaan yang begitu menakutkan dan beliau juga menyangka bahawa keadaan kemerosotan ekonomi akan berlarutan sekurang-kurangnya 18 hingga 24 bulan dan sepatutnya kerajaan yang bertanggungjawab seharusnya mengambil kira faktor-faktor sedemikian.

Sekiranya masih ada Ahli Parlimen Yang Berhormat masih tidur dengan keadaan kegawatan ekonomi, mungkin mereka mengatakan bahawa angka-angka ini tidak bermakna. Tidak apa, balik kawasan, balik kampung, tanyalah penoreh getah, tanyalah peneroka FELDA, mereka menghadapi masalah kenaikan harga baja 40-50%. Kenaikan harga racun 40% hingga 50% dengan harga getah turun, harga minyak kelapa sawit turun. Bagaimana mereka menghadapi masalah ekonomi setiap hari. Jadi kalau masih tidur, balik kampung, balik kawasan tanyakan mereka. Adakah keadaan ekonomi Malaysia masih kukuh, masih baik seperti mana yang cuba dibayangkan oleh kerajaan Barisan Nasional...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh, silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Gopeng, saya ingin bertanya tentang sindrom *denial* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gopeng tetapi saya hairan hinggakan hari ini saya lihat pembangkang tidak pernah mengkritik diri sendiri. Terutamanya dengan kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai oleh pembangkang. Semalam kita dengar Titah Ucapan Sultan Kelantan mengkritik kerajaan negeri. Defisit juga di Selangor, defisit juga di Kelantan. Ketua Audit Negara pun mengkritik pengurusan pentadbiran agensi-agensi kerajaan negeri di negeri Kelantan. Jadi kenapa tidak pernah mengkritik perkara-perkara seperti ini? Ini juga *denial syndrome*. Jangan lihat pada pihak kerajaan sahaja. Lihat pada diri sendiri juga.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Mana boleh sebut Sultan?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya di Parlimen, saya kritik Kerajaan Persekutuan. Saya bukan di Dewan Undangan Negeri, jadi itu perkara yang berlainan. Jadi soalan itu tidak relevan. Kita lihat dalam menghadapi masalah ekonomi...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Pembangkang pun selalu sebut tentang kerajaan negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, jangan buat macam itu Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Dalam menghadapi keadaan kegawatan ekonomi, kita lihat masih juga ada *signal* yang berlainan daripada Barisan Nasional. Baru semalam Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa bajet kita *expansionary*. Manakala Perdana Menteri pula mengatakan projek-projek besar akan dikaji semula. Jadi adakah hala tuju ekonomi kita kepada *expansionary* ataupun *constructional* ataupun dengan mengurangkan perbelanjaan? Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam menghadapi kegawatan ekonomi, kita seharusnya mengambil sikap yang bertanggungjawab dan dalam hal ini ada *approach*. Sepatutnya ada tiga *approaches*. Yang pertama, kita seharusnya mengkaji semula perbelanjaan supaya boleh mengurangkan pembaziran. Misalannya kalau kita boleh kurangkan rasuah, mungkin boleh jimat. Mengikut Morgan Stanley, mungkin RM10 bilion setiap tahun.

Tender terbuka kita boleh lihat apabila kita seperti sebut harga berbanding dengan JKR dan *open tender*, kita lihat bezanya begitu besar sekali. Kita juga sepatutnya mengkaji semula projek mega seperti *high speed broadband*. Kita teruskan projek mega seperti *high speed broadband*. Saya rasa setuju juga perlu untuk memacu pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang, tetapi jangan kita gunakan wang rakyat, wang kerajaan, apabila ada opsyen yang lain di mana tidak perlu satu sen pun daripada wang kerajaan. Kita mungkin juga boleh kaji bagaimana kita boleh perolehi Eurocopter 12 buah dan mungkin ada cara yang lain kita boleh jimatkan wang berkenaan. *Approach* yang kedua pula kita perlu berikan perangsangan kepada ekonomi.

Perbelanjaan terhadap infrastruktur sepatutnya dipertingkatkan khususnya dalam pengangkutan awam dan sebagainya. Di samping menambah perbelanjaan dalam meningkatkan modal insan. Sementara *approach* yang ketiga adalah program jaringan keselamatan, *safety net* patut diperluaskan, diteruskan untuk menjaga kesejahteraan mereka yang terpinggir khususnya golongan miskin, OKU, ibu tunggal dan sebagainya. Ini saya rasa sepatutnya *approach* yang lebih munasabah untuk menghadapi kegawatan ekonomi.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat berkenaan dengan takrifan golongan miskin tadi yang disebut kerana dalam belanjawan memang khusus dikatakan pewujudan *safety net* ini adalah untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah. Pada 23 Jun yang lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mendefinisikan semula maksud golongan berpendapatan rendah iaitu diukur dengan garis pendapatan bawah RM2,000.

■1550

Bermakna, RM2,000 dan ke bawah itu adalah dianggap miskin. Ini dikaitkan dengan tujuan yang diberitahu kepada Dewan kita yang mulia ini, kerajaan menyasarkan golongan berpendapatan rendah dan miskin berkurangan sehingga 2.8%. Mengambil kira tentang definisi baru ini yang dibentangkan oleh pihak kerajaan sendiri, termasuk dalam beberapa aspek yang dicadangkan di dalam belanjawan yang baru lalu ini.

Saya rasa, mengambil kira keadaan semasa dan pentakrifan semula ini, peratusan kemiskinan ataupun golongan miskin paling minimum mesti meningkat tiga ataupun lima kali ganda. Jadi dari segi lokasi ataupun cadangan belanjawan yang dibuat baru-baru ini menyentuh tentang golongan ini, saya ragu-ragu akan dapat satu gambaran yang lebih tepat ataupun lebih baik untuk mengatasi masalah ini.

Oleh sebab itu saya cadangkan kalau boleh kita mintalah satu definisi baru dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru. Sekurang-kurangnya untuk menilai semula definisi ini supaya ia akan dapat mencerminkan perkara sebenar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Panjang soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Gopeng bagi masa. Sila Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota itu. Walaupun kita banyak bahaskan sama ada kita hendak satu bajet yang baru ataupun hendak kaji semula, tetapi saya rasa kalau kita hendak buat *adjustment*, itu satu *adjustment* yang besar. Bukan setakat *adjustment* sahaja tetapi satu *overhaul*.

Untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru untuk menunjukkan bahawa beliau menghormati Dewan yang mulia ini, seharusnya beliau kemukakan apakah *adjustments* baru yang beliau akan buat dalam Dewan ini. Oleh sebab itulah, saya rasa kita seharusnya



kemukakan satu bajet yang baru. Saya ingin balik kepada beberapa program di dalam kesihatan. Di dalam hal ini saya rasa tahun 2009 merupakan satu tahun yang mana...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan sedikit.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tidak ada masa.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Sebelum pergi, menjurus kepada...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Di mana Kementerian Kesihatan seharusnya memulakan proses mengkaji semula kontrak-kontrak penswastaaan di dalam kementerian tersebut. Di antaranya:

- (i) konsesi yang diberikan kepada United Engineer Berhad yang sekarang dipegang oleh Pharma Niaga mulai 1 Disember 1994 untuk pengeluaran, pembelian, penyimpanan dan pengedaran produk farmaseutikal dan perubatan ke institusi dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Kontrak ini dijangka tamat pada bulan November 2009. Saya tidak mendapat maklumat berapa banyak kontrak itu, tetapi saya mendapat maklumat melalui laporan tahunan Pharma Niaga di mana daripada hasil keseluruhan dijangka daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, dalam kontrak ini adalah sekadar RM849 juta setahun. Kita seharusnya mengkaji setakat manakah tahap khidmat yang diberikan oleh Pharma Niaga setakat ini dan adakah kita akan adakan tender terbuka untuk *competitive biding*, dengan izin dan mengenakan syarat yang baru supaya wang rakyat tidak dibazirkan;
- (ii) kontrak untuk pengurusan sisa klinikal, perkhidmatan pembersihan hospital, kejuruteraan *biomedical* di hospital, *laundry*, urusan kemudahan kejuruteraan yang diberikan kepada tiga syarikat iaitu Faber Medi-Serve, Radicare Sdn. Bhd. dan Pantai Medinvest Sdn. Bhd. Kontrak ini bermula pada bulan Jun 1995 dan dijangka tamat pada tahun 2010 dan tahun 2009 sepatutnya kita mulakan penilaian apakah prestasi ketiga-tiga syarikat ini di dalam urusan perkara-perkara tersebut; dan
- (iii) konsesi selama 15 tahun mulai tahun 1997 hingga 2012 untuk pemeriksaan kesihatan pekerja asing oleh FOMEMA Sdn. Bhd.

Inilah ketiga-tiga penswastaaan. Saya rasa sudah tiba masanya kita mengkaji semula agar tidak membazirkan wang rakyat. Saya ingin beralih kepada perkara yang lain berkenaan *high speed broadband*. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kerajaan dengan satu peruntukan RM2.4 bilion kepada Telekom Malaysia...

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pendang bangun. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Penjelasan tentang penswastaaan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya juga mendapat maklumat daripada mereka yang bekerja di kementerian dan juga di hospital bahawasanya ada dua lagi servis di kementerian yang akan diswastakan mungkin pada tahun hadapan, iaitu perkhidmatan patologi dan juga x-ray di hospital. Jadi ini merupakan satu bebanan lagilah yang akan terpaksa ditanggung oleh rakyat dengan pengurusan pemerintahan Barisan Nasional ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Kalau kita ambil alih, kita bantah sehabis-habisnya. Jadi dalam *high speed broadband* ini, kerajaan akan membelanjakan RM2.4 bilion untuk membantu Telekom Malaysia di dalam projek tersebut. Walaupun memang ada *competitive bidding* daripada HSBT, di mana tidak ada satu sen pun yang diperlukan untuk projek yang sama.

Saya rasa kalau kita masih perhatikan projek komputer mak cik yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat, berkali-kalilah, kalau RM500 setiap komputer dengan RM2.4 bilion, kita boleh membeli hampir lima juta buah komputer. Kita tidak payah bersusah-payah untuk mak cik-mak cik beli komputer, tetapi kita boleh beri *free* kepada semua keluarga di Malaysia dengan RM2.4 bilion ini. Saya rasa dalam usaha kita menangani *digital divide*, kita seharusnya mengambil tindakan yang lebih efektif dan bukan menumpukan kepada perbelanjaan mega yang menguntungkan syarikat-syarikat yang tertentu.

Sebelum saya mengakhiri, ingin saya membangkitkan beberapa perkara khususnya untuk kawasan Gopeng dan Perak.

Yang pertama, sama ada bajet ini dikaji semula ataupun tidak, saya merayu supaya Kementerian Kerja Raya meneliti soal jalan di antara Simpang Pulai ke Pengkalan Pegoh disebabkan pembangunan yang pesat sekali. Kita berharap jalan tersebut boleh dinaiktarafkan kepada *dual carriageway*.

Begitu juga jalan di antara Ipoh ke Gopeng hingga ke Kampar. Trafik sekarang begitu tinggi sekali dan kemalangan sering terjadi. Seharusnya jalan tersebut dinaikkan taraf kepada *dual carriageway*.

Kedua, untuk Kementerian Kesihatan. Memandangkan pembangunan di kawasan Pengkalan Pegoh dan sekitarnya telah begitu pesat sekali, penambahan penduduk yang begitu ramai, klinik kesihatan di situ seharusnya dinaikkan taraf.

Yang ketiga, ingin saya menerangkan satu insiden soal perkhidmatan ambulans di kawasan Gopeng. Di mana ada dua kejadian kemalangan jalan raya yang terjadi di Kampung Klawang Kuda dan apabila diminta perkhidmatan ambulans, ambulans yang berdekatan daripada Klinik Kesihatan Gopeng dan juga Kota Bharu yang tidak sampai 5 kilometer daripada tempat

kejadian kemalangan, mengambil masa lebih daripada 40 minit untuk tiba ke tempat kejadian kemalangan. Saya rasa ini memang tidak sepatutnya berlaku. Malangnya, di antara dua kemalangan ini, satu daripadanya telah menjadi maut.

■1600

Saya juga ingin membangkitkan soal Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Lapangan terbang di Ipoh sekarang telah menghadapi masalah yang besar sejak Lebu Raya Utara-Selatan disiapkan dan kini tidak ada sebarang penerbangan domestik sama ada daripada MAS ataupun AirAsia yang mendarat di lapangan terbang tersebut. Ini merumitkan usaha negeri Perak untuk menarik pelancong dan pelabur asing.

Sebenarnya dalam tahun 2007, Kerajaan Pusat ataupun Perdana Menteri masa itu pernah mengumumkan bahawa satu peruntukan sebanyak RM301 juta telah diluluskan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Seri Iskandar. Selepas itu ada cadangan balas daripada kerajaan negeri Barisan Nasional masa itu untuk merancang *runway* dengan 500 meter lagi kepada 1,981 meter dengan kos RM40 juta sahaja. Malang sekali, setakat ini nampaknya tidak ada sebarang maklum balas daripada kementerian berkenaan walaupun saya terima jawapan secara bertulis bahawa tidak ada rancangan untuk naik taraf, tidak ada rancangan untuk lapangan terbang yang baru. Ini saya rasa agak mengecewakan.

Saya harap kementerian berkenaan akan mengkaji semula dalam hal ini. Dengan itu, saya mohon Menteri Kewangan mengkaji semula Bajet 2009. Sekian.

4.02 ptg.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan tentang pembentangan bajet yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kerana kerajaan prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Bajet 2009 adalah salah satu mekanisme yang merealisasikan hasrat tersebut. Selari dengan falsafah bajet yang pertamanya, pembangunan negara. Yang keduanya, menyokong kadar pertumbuhan ekonomi supaya terus kukuh supaya kita dapat memastikan semua kekayaan yang diwujudkan dapat diagihkan secara adil.

Ketiganya, bajet yang berkeupayaan untuk meyakinkan pelabur-pelabur serta rakyat supaya mereka yakin terhadap hala tuju, arah dan strategi yang dibawa oleh kerajaan. Keempatnya, segala perancangan yang boleh memastikan kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat yang mengalami tekanan daripada kos kenaikan harga minyak dan barangan keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kadar inflasi telah menyebabkan ramai telah menjadi miskin disebabkan kos sara hidup meningkat dan kuasa beli pula menurun. Tindakan kerajaan untuk menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan kebajikan di

bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta menaikkan tahap minimum pencen pesara kepada RM720 sebulan membuktikan kerajaan prihatin dan ianya selaras dengan tema Bajet 2009.

Sebagai mengukuhkan lagi keprihatinan kerajaan, maka saya ingin mengesyorkan: pertamanya, pencen anggota tentera yang berkhidmat kurang daripada 25 tahun turut menerima kenaikan yang sama kerana mereka bersara atas syarat perkhidmatan dan bukan atas pilihan sendiri. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tentera-tentera hanya dikehendaki berkhidmat selama 20 tahun dan mereka terpaksa meninggalkan perkhidmatan dalam usia yang cukup muda. Mereka hanya diberikan pencen sebenarnya di bawah paras kemiskinan dan seharusnya jumlah perkhidmatan mereka jangan diukur daripada 25 tahun ke atas, bahkan seharusnya 21 tahun ke atas.

Keduanya, kepada *Special Constable*, dengan izin, iaitu polis-polis khas yang telah berkhidmat semasa darurat diberikan pencen kerana pengorbanan mereka demi keselamatan rakyat. Sebenarnya bilangan mereka kini hanyalah dianggarkan lebih kurang 10 ribu orang.

Ketiganya, pencen pesara lain turut diberikan perhatian kerana ianya turut terlibat dengan keadaan kenaikan kos barang dan juga inflasi.

Keempatnya, menambahkan peruntukan Program Bantuan Rumah sekurang-kurangnya kepada angka RM200 juta agar sekurang-kurangnya suku daripada 38,400 orang miskin tegar dapat dibantu. Ini kerana peruntukan sebanyak RM50 juta adalah tidak memadai dan hanya mampu untuk menolong seramai 2,400 orang miskin tegar atau hanya 6% sahaja.

Kelimanya, kita mestilah memberikan keutamaan dalam usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk mengurangkan kadar pengangguran dan juga membasmi kemiskinan. Di dalam membangunkan perkara tersebut, kita seharusnya memberikan perhatian kepada menjamin kebajikan pekerja. Pertamanya saya ingin mencadangkan pengecualian cukai di atas perbelanjaan materniti supaya kita dapat membantu menjayakan dasar penduduk 70 juta. Keduanya, pengecualian ke atas perubatan tradisional yang disebutkan secara jelas adalah akupunktur dan ayurvedik. Saya ingin tahun apakah sebenarnya usaha yang dibuat supaya ianya meliputi perubatan tradisional seperti urut dan lain-lain. Ketiganya, kemudahan tambang pergi balik untuk mengunjungi wilayah asal bagi pegawai kerajaan yang berkhidmat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya kita dapat tingkatkan bagi membantu inisiatif integrasi nasional.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, landskap ekonomi global..., ekonomi dunia pada ketika ini menghadapi satu keadaan yang amat gawat sekali. Sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gopeng tidak begitu tepat. Kegawatan berlaku disebabkan masalah pinjaman sub prima yang berlaku di USA hingga menyebabkan, dengan izin, *market knock-down* di negara tersebut dan berjangkit di negara tersebut dan di Eropah dan akan turut memberi impak di Asia.

Ekonomi dunia diunjurkan akan bertambah lebih perlahan pada tahun depan berbanding pada tahun ini kerana ditarik oleh ekonomi USA yang mengalami kemelesetan. Saya ingin *quote*

satu daripada tulisan sebenarnya apa yang berlaku di Amerika pada ketika ini dan sebenarnya apa tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Gopeng tidak tepat. Di sini, dengan izin, “*Wall Street investment banks got a brilliant idea bundle the riskiest of these mortgages, then slice and dice these portfolios into tradable bonds to be sold to other banks and investors.*” Jadi inilah sebenarnya pinjaman sub prima yang berlaku di USA yang menyebabkan krisis ekonomi yang mungkin ianya ada kaitan dengan negara kita pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara kita adalah daripada arah tuju yang sama juga...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sebenarnya apa yang saya katakan itu akibat masalah krisis sub prima di Amerika Syarikat akan mengakibatkan kegawatan ekonomi seluruh dunia dan Malaysia tidak akan terkecuali. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita lihat dalam Bajet 2009, anggaran pertumbuhan ekonomi adalah 5.3%. Akan tetapi sekarang mengikut MIER adalah 3.4% sahaja dan mengikut *rating agency*, MARC adalah sekadar 3.5% sahaja. Saya rasa kita juga akan menghadapi masalah.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, sebenarnya apa yang saya sebut tadi, semasa pembentangan bajet, pertumbuhan ekonomi kita adalah pada angka 5.5% dan anggaran untuk tahun 2009, pertumbuhan sebanyak 5.7% .

#### ■1610

Tidak mengambil kira krisis ekonomi yang berlaku pada ketika ini. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kejatuhan bursa saham sebanyak 39% kita tidak boleh salahkan kepada kerajaan bahkan ia adalah berasaskan kepada kejatuhan yang berlaku di USA dan juga di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara kita juga dalam arah hala yang sama tetapi tidaklah dijangka seteruk USA dan juga Eropah....

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Penjelasan.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sekejap, biar saya habiskan dulu. Untuk memastikan bahawa ekonomi kita terus *resilient*, dengan izin, Malaysia hendaklah mengamalkan dasar ekonomi yang lebih *prudent* dengan dipandu oleh dasar *monitory* dan juga dasar fiskal yang anjal. Jemput Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Masalah ekonomi yang akan kita hadapi pada 2009 itu sama ada akibat krisis di Amerika Syarikat ataupun masalah kita sendiri itu kita biarkan forum yang lain untuk dibahaskan tetapi *in-action* dalam situasi krisis *is a crime* , dengan izin. Jadi, apa yang saya salahkan itu setakat ini tidak ada langkah-langkah positif daripada Kerajaan Barisan Nasional untuk menangani masalah ekonomi yang pasti akan merosot pada masa yang akan datang.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Itulah sebabnya saya sebutkan tadi bahawa ekonomi negara kita pada ketika ini juga berada dalam arah hala tuju yang sama tetapi dijangka tidaklah seteruk USA dan juga Eropah kerana kita telah mengambil langkah-langkah awal sebab kita telah belajar daripada kesilapan yang telah kita lakukan semasa kita menghadapi kegawatan 1997/1999 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, *international reserve* kita berada pada tahap yang cukup meyakinkan iaitu pada angka sebanyak RM379.3 bilion dan OPR kita sebanyak 3.5% dan BLR sebanyak 6.75% untuk *intercessory*. Jadi, seharusnya apa juga keputusan yang dibuat untuk menaik atau menurunkan *interest rate* seharusnya diberikan kepada tugas mereka yang profesional kerana seharusnya mereka lebih arif untuk mengetahui tentang keadaan ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bercuti, baru hari ini saya datang ke Dewan untuk tugas rasmi. Saya telah membaca surat khabar pagi tadi dan melihat satu berita iaitu ucapan daripada sahabat saya Yang Berhormat Kalabakan menyentuh tentang penganugerahan darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Tuan Yang Terutama Negeri Melaka. Saya ingin berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Kalabakan. Sebenarnya apa juga penganugerahan yang dibuat oleh ketua setiap negeri adalah hak ataupun prerogatif yang diberikan kepada ketua negeri tersebut dan seharusnya perkara ini tidak kita bahaskan. Namun untuk makluman bahawa seniman Shah Rukh Khan kita berikan penganugerahan adalah sebagai menghargai sumbangan dan juga sebagai pelaburan kita untuk menarik...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Diamlah, saya bercakap dulu kalau hendak mendengar. Saya orang Melaka seharusnya saya mahu memberi penerangan yang sejelasnya. Sebagai menghargai sumbangannya dan juga sebagai pelaburan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong daripada India yang menjadi *emerging economy* dunia pada ketika ini dan dengan izin, *at no cost*. Kita tidak keluar apa-apa belanja pun. Ini disebabkan ekonomi negeri Melaka adalah berasaskan daripada pelancongan dan ia memberikan impak yang cukup positif sekali...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya juga orang Melaka tetapi yang bagi anugerah itu bukan orang Melaka.

Saya ingin kemukakan soalan ini kerana adakah kita memberi anugerah ini untuk menarik pelancong dan apakah *basis* keputusan ini dibuat bahawa kalau orang India tengok ada *Datukship* yang diberikan kepada orang India maka orang India akan datang lebih ramai ke

Melaka. Kita kemukakan bantahan ini atau kritikan ini kerana ramai lagi artis tempatan dan juga tokoh-tokoh yang telah menyumbang kepada pembangunan negara dan menyumbang banyak jasa kepada masyarakat tidak dapat diiktiraf. Namun seorang artis yang hanya melakukan satu *shooting* di Melaka sudah dapat satu anugerah yang tinggi. Ini yang dipertikaikan.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat sebut tadi 'bukan orang Melaka' itu tidak tepat. Kalau Yang Berhormat orang Melaka, seharusnya Yang Berhormat bangga bahawa penghormatan ataupun penganugerahan ini dibuat oleh Tuan Yang Terutama Negeri Melaka. Yang Berhormat jangan cakap 'bukan orang Melaka' tetapi 'Tuan Yang Terutama Negeri Melaka'. Jadi...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Saya belum habis lagi. Jumlah kenaikan pelancong dari India pada ketika ini cukup ketara sekali kerana ekonomi negeri Melaka adalah berasaskan pelancongan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005 kita menerima pelancong seramai 6,700 orang. Pada tahun 2006 kita menerima seramai 16,923 orang dan bagi tahun 2007 seramai 20,633 orang. Bagi tahun 2008 pula sehingga bulan Ogos kita telah menerima seramai 15,264 orang. Ini cukup jelas iaitu satu peningkatan yang cukup ketara. Bukanlah kerana dia hanya kerana *shooting* sekali, sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi sebagai menghargai sumbangan beliau dan pelaburan kita untuk jangka masa yang panjang kita akan berkeupayaan bukan sahaja untuk *shooting* sekali bahkan untuk menjadikan negeri Melaka mungkin sebagai satu daripada perkampungan filem.

Kedua, Yang Berhormat ada sebutkan tadi mengenai kenapa kita tinggalkan seniman tempatan. Apa yang negeri Melaka buat sebenarnya kemungkinan banyak negeri-negeri lain tidak buat. Saya hendak sebutkan di sini bahawa pertamanya, negeri Melaka telah memberi banyak pingat kepada seniman-seniman. Contoh yang saya ingat seperti Andre Goh, Puan Mariam, Ali Mamak..., ada geng Ali Mamak di sini, pun kita beri dan juga kepada Siti Norhaniza, bukan Siti Nurhaliza. Kita berikan dia perniagaan tetapi rugi.

Sebenarnya negeri Melaka juga telah mewujudkan satu perkampungan seluas 50 ekar yang dihaskan untuk seniman-seniman yang mungkin negeri lain tidak buat sebagai mengiktiraf pengorbanan mereka dan jasa seniman-seniman tanah air.

Kedua, saya hendak berkongsi pendapat juga dengan Yang Berhormat Bagan yang ada menyebut tentang tarif TNB yang begitu tinggi. Sebenarnya saya bersetuju pada suatu ketika dahulu tidak seharusnya TNB menaikkan tarif yang boleh membebankan rakyat dalam masa kita menghadapi kegawatan. Sebagai wakil rakyat sebelum saya mengkritik kerajaan, saya terpaksa berhadapan dengan rakyat dan saya terpaksa membuat satu penyelidikan. Saya dapati apa yang dibuat oleh TNB cukup bertepatan sekali dan seharusnya tiada sesiapa yang membuat tuduhan yang melulu seolah-olah TNB mengaut keuntungan dalam masa kegawatan yang kita hadapi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang terjadi di TNB, kos pembekalan daripada yang diperlukan 60% daripada keperluan untuk menjana kuasa adalah daripada gas tempatan. Keduanya, 30% adalah daripada arang batu yang diimport dan satu angka yang cukup kecil mereka menggunakan minyak. Itu pun di tempat lokasi yang terpencil seperti Pulau Tioman dan juga Pulau Perhentian.

■1620

Dengan itu, penurunan harga minyak mentah di pasaran dunia mempunyai impak yang cukup minimum sekali kepada harga pengeluaran TNB. Harga gas di pasaran dunia di peg kepada harga minyak. Di Malaysia pula harga gas yang kita ambil daripada harga gas tempatan ditetapkan oleh kerajaan pada satu harga. Untuk makluman sebelum Julai 2007, harga gas tempatan adalah RM6.40. Sekarang kerajaan telah menetapkan harga RM13.34 sementara harga arang batu ditetapkan oleh pasaran dunia yang cukup tinggi pada ketika ini. Jadi, kalaulah ada juga tuduhan yang mengatakan TNB menaikkan tarif sewenang-wenangnya adalah tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan *midterm review* saya ada bangkitkan tentang Melaka hanya mendapat peruntukan sebanyak RM4 bilion sahaja untuk Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu lebih kurang RM800 juta setahun. Sebenarnya negeri Melaka menyumbang sebanyak RM1.9 bilion tiap-tiap tahun yang berjumlah sebanyak RM9.5 bilion. Kita hanya mendapat peruntukan sebanyak RM4 bilion sahaja.

Dari sini, adalah cukup tepat kalau Melaka memohon peruntukan yang diberikan kalau boleh dikaji semula supaya kita dapat memberikan pembangunan terutamanya dalam usaha kita untuk membangunkan 18 pekan kecil dan membina jalan pantai daripada Kuala Linggi ke Sungai Rambai dan selebihnya untuk memajukan produk pelancongan seperti yang saya sebut tadi yang menjadi asas ekonomi negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari Jasin, satu daerah yang pendapatannya adalah terkecil berbanding dengan daerah-daerah yang lain. Walaupun pada ketika ini Melaka akan menjadi sebuah negeri maju tahun 2010 seharusnya Jasin diberi perhatian kerana kawasan ini selain daripada kawasan tadahan, mempunyai satu prospek yang cukup tinggi sekali terutamanya kalau boleh dijadikan sebagai pusat pembelajaran. Saya memohon kalau boleh Kementerian Pengajian Tinggi mendirikan IPTA ataupun IPTS di dalam kawasan Jasin yang sekali gus boleh meningkatkan pembangunan ekonomi dan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengangkutan awam. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan turut memberikan perhatian selain daripada bandar-bandar utama selain Kuala Lumpur dan Pulau Pinang kerajaan memberikan perhatian kepada Bandaraya Melaka yang memerlukan naik taraf dari segi perkhidmatan dan juga prasarana. Keduanya, kadar inflasi bulan Ogos 2008 menunjukkan kenaikan kadar tertinggi ialah bagi kumpulan pengangkutan iaitu 21.8% berbanding dengan setahun yang lalu.



Sekalipun harga runcit petrol dan diesel telah diturunkan, kenaikannya telah didorong oleh kenaikan harga tambang dan kenaikan harga yang lain seperti tayar, minyak enjin dan lain-lain. Bajet 2009 tidak memberikan perhatian kepada perkara-perkara seperti ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### 4.24 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita sakit, tidak seperti sahabat saya yang masih sihat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya terima alasan Yang Berhormat sebagai kurang sihat. Saya bagi peluang dahululah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan bajet yang *historical* ini, bukan bajet untuk semasa. Angka-angka dalam bajet sudah *outdated*. Justeru itu Ahli-ahli Yang Berhormat, tak payah habiskan masa dengan bajet yang dibentangkan oleh *outgoing Prime Minister* lah.

Kemungkinan yang besar tak lama lagi bajet baru akan dibentangkan di Dewan ini. Kemungkinan daripada kami di sinilah. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, saya ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Barisan Nasional ini telah melaksanakan semua rekomendasi oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2007 ini.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 202. Ini berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan item 10.4.3.4. Saya harap pegawai di belakang itu ambil, catatkan perkara ini.

*“Semakan audit selanjutnya mendapati jabatan telah membayar sejumlah RM3.16 juta kepada pembekal pada bulan Jun 2007 bagi 1,291 ekor lembu sahaja. Pada pandangan audit, keputusan ini menerima 1,282 ekor lembu tersebut adalah tidak wajar kerana spesifikasi teknikal yang ditetapkan dalam perjanjian tidak dipatuhi sepenuhnya. Selain itu, jabatan sepatutnya membuat bayaran terhadap sembilan ekor sahaja yang mematuhi spesifikasi.”*

So, saya harap pegawai itu memberitahu menteri untuk jawab ya. Juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pada muka surat 308 item 13.5.2, berkenaan dengan (b):

*“Memastikan kontraktor menjelaskan denda akibat daripada kegagalannya menyiapkan projek pada 1 Julai 2007. Mengikut pengiraan audit, jumlah denda yang perlu dijelaskan pada tempoh 1 Julai 2007 hingga ke tarikh akhir pengauditan iaitu pada 31 Januari 2008 adalah RM49.47 juta. Sama ada wang denda ini telah dikutip, kalau tidak, kenapa tidak.”*

Juga Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, muka surat 348, item 15.5.2 (a)...

*“Kementerian tenaga Air dan komunikasi Suruhanjaya Tenaga dan agensi-agensi pusat lain yang berkaitan perlu menandatangani isu perjanjian*

*pembelian tenaga supaya rundingan semula, syarat-syarat perjanjian dengan syarikat penjana tenaga bebas, IPP ini dengan dilaksanakan dan diseragamkan bagi kepentingan semua pihak dan termasuk pengguna.”*

Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 372, ini adalah DBKL, Kementerian Wilayah Persekutuanlah ini.

*“Kehilangan peralatan bernilai RM3.4 juta hanya dikesan semasa lawatan audit pada bulan April 2007. Ini menandakan ketiadaan pemantauan daripada DBKL terhadap Syarikat Retail Security Services Sdn. Bhd yang memberi perkhidmatan kawalan keselamatan di tapak pembinaan. DBKL perlu mengambil tindakan tegas untuk memastikan syarikat tersebut menjelaskan tuntutan kerugian berjumlah RM3.7 juta ini.”*

So saya harap Kementerian Wilayah Persekutuan boleh memberi penjelasan juga. Ini Kementerian Pelajaran muka surat 404 item 17.5 (elektrik).

*“Bagi tempoh tahun 2005-2007, terdapat kehilangan peralatan PPSMI yang berjumlah RM9.56 juta di 812 sekolah. Denda tidak dikenakan terhadap kelewatan kerja penyelenggaraan dan pemulihan oleh pembekal utama..”*

#### ■1630

So, saya harap juga Kementerian Pelajaran boleh memberitahu kami mengenai perkara ini dan ada banyak lagilah. Saya harap kementerian tersebut, kementerian yang lain juga mengambil masa baca buku Ketua Audit Negara ini dan beritahu di Parlimen sama ada semua rekomendasi dalam laporan Ketua Audit Negara tahun 2007 ini telah dilaksanakan. Kalau tidak, kenapa tidak?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru atau dua, tiga bulan ini kita sering baca dalam surat khabar di mana tokoh politik yang sebelah sana sering mengungkit keturunan orang lain. Saya rasa ini tidak baik dan jangan ungkit keturunan sebab kita sudah sampai tahap, sampai masa, sekarang sudah 2008.

**Seorang Ahli:** Siapa ungkit?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Siapa ungkit? Orang UMNO lah yang ungkit di Pulau Pinang, mengungkit mendakwa bahawa orang Tionghoa ini adalah penumpang. Kami bukan penumpang, kalau kira penumpang, kita tidak akan buat sama-sama di sini. Kita adalah warganegara Malaysia bersama-sama dengan sahabat dari Batu Pahat dan yang lain di sini. Kalaulah mereka nak ungkit keturunan kita, nanti kita ungkit keturunan mereka juga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Seorang Ahli:** Eh, jangan-jangan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tak baik, sebab itu kita tak mahu. So janganlah ungkit keturunan, ini sangat tidak baik. Semasa orang yang ungkit keturunan orang lain, mereka ditangkap, ditahan di bawah ISA seperti pemberita, buat liputan mengenai...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan, penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini nak kacau kah apa ini? Okey, *short one* ya, kasi dialah, kawan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya ingin bertanya, siapa yang mengungkit soal keturunan ini, siapa yang mengungkit? *We start with that one first.* Nak mempertikaikan orang Melayu sebagai peribumi di negara ini, berlaku tahun 1987 Operasi Lalang. Orang Melayu kononnya bukan peribumi dalam negara kita ini. Ketuanan Melayu tidak diiktiraf, itu sebab kita berkumpul beribu-ribu orang di TPCA mempertahankannya. Saya masuk ISA sebab itu dan sekarang mahu diungkit lagi?

Tanah ini tanah Melayu, sejarahnya ini tanah Melayu, orang Melayu yang menjadi penduduk di sini. Kita ada Raja-Raja Melayu, ada pemerintahan kerajaan Melayu, bagaimana boleh dipersoalkan bahawa orang Melayu sebagai peribumi di negara kita ini? Mengapa ada orang katakan yang orang Melayu sebagai pendatang? Jangan tunjuk sikap ekstrem kerana orang Melayu pun boleh bersikap ekstrem. Jangan tunjuk garang kepada orang-orang Melayu, orang Melayu juga boleh tunjuk garang kepada orang lain...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Cukuplah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan cari jalan untuk bergaduh di antara Melayu dengan bukan Melayu...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini buat hujahan ni.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tolong, tidak ada siapa yang untung...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebab itu ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan bangkit lagi, kita ikut peruntukan dalam Perlembagaan...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebab itu saya sebut ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Social Contract* kita terima, sudah jangan persoalkan lagi.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebab itu saya kata kita tak pernah ungit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tak pernah ungit?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebab itu saya kata janganlah ungit di pilihan raya ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini hak-hak biasiswa orang Melayu hendak dipertikaikan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Siapa pertikaikan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa pertikai?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ISA itu ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan berdialog macam ini Yang Berhormat ya. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sila duduklah. So terima kasih lah ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi soal tajuk siapa, berasal dari mana, jangan bangkitkan lagi. Sudah, tutup!

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sebab itulah saya kata jangan unguikan keturunan orang lain sebab kalaulah kita ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa yang unguikan?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Orang UMNO lah, dengar dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Orang UMNO, UMNO mana?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Di Pulau Pinang, Datuk Ahmad Ismail itu siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia bercakap soal sejarah yang betul.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju nak bagi Yang Berhormat Batu Pahat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti saya belum habis, sikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan timbulkan pergaduhan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Semasa orang yang unguikan keturunan orang lain, tak kena tahan di bawah ISA tetapi pemberita yang buat liputan kena tangkap di bawah ISA. Penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa untuk menjaga keselamatan pemberita Miss Tan itu. Ini tak masuk akal.

Baru-baru ini juga Raja Petra pun ditangkap di bawah ISA. Yang Berhormat Seputeh pun ditangkap di bawah ISA. Negara kita ada bermacam-macam undang-undang, boleh mendakwa sesiapa yang buat kesalahan tetapi kerana apa kerajaan Barisan Nasional ini tidak berani menuduh mereka di dalam mahkamah? Juga saya memetik satu ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Minta maaf, saya nak habiskan, ada banyak lagi, *sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia nak teruskan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Dalam petikan bahawa, "*Freedom Under Executive Power in Malaysia*".

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini saya nak bertanya, dalam Dewan ini ...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya tak memberi jalan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini perbincangan bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Perbincangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi kalau bercakap seorang sahaja, tidak ada perbincangan. Berbahas dengan siapa, berbahas dengan Kerusi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tak apa. Yang Berhormat dia berbahas.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Berbahas mesti ada seorang bercakap, seorang bertanya, seorang menjawab, seorang bertanya, ini berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kalau nak mencelah Yang Berhormat, Yang Berhormat kena minta jalan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti, belum habis lagi, dengarlah dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tunggu bila habis?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nantilah belum habis lagi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tiap-tiap kali saya bangun nak berbahas, tak boleh, tak boleh, tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kena minta jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini bukan perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya teruskan Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetikkan *Freedom Under Executive Power* di Malaysia ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Raja Petra, Raja Petra, Raja Petra!

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *A Study of Executive Supremacy*, buku ini ditulis oleh siapa? Dato' Rais Yatim, seorang Menteri Luar Negeri sekarang. Beliau mengatakan di sini, *is the ISA still necessary? The answer to this question is surely in the negative. There are six main reasons why the ISA must now be revoked.*

- (i) *There has been no real subversion within or without the country since 1969 emergency. Although crimes that occupied the police in their rightful to maintain law and order. Even an act of subversion workers, the government power to proclaim a state of emergency is always at the hand by virtue of Article 150;*

- (ii) *There is enough legislation at the disposal of the executive to take care of every conceivable eventuality including another state of emergency. It was mentioned earlier that other than ISA, there are number of law with similar powers of arrest and detention and there are many;*
- (iii) *It must be appreciated that while it is true that the ISA was a piece of wartime legislation in that communist terrorism had to be faced, that objective is now non-existent; and*
- (iv) *The continued implementation of the ISA has become the excuse for the authorities to administer the country on an emergency basis. Announcing at various time that the county is still under severe security threat. Public outcry and adherence of the ISA has been more than sufficient in the pass as channel to the Bar Council Malaysia Trade Union and concern citizen.;*
- (v) *It is now unknown for the ISA to be politically used to silence the opposition.*

So siapa berani kata tidak ada?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *There is not true?*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini ditulis oleh menteri sekarang ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menteri, *you* tanyalah menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak kena minta jalan ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jalan tak bagi, macam mana nak bercakap. *You give me a chance, I will talk.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan, tak boleh cakap Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Macam mana tak boleh, tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat cakap macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ubah ini peraturan, *it's useless* peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebelum ubah tak bolehlah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Sixthly, Malaysia has to give due respect and recognition to the demand of human right as entrenched under the various international covenants.*

Tuan Yang di-Pertua, ini yang ditulis oleh menteri sebelah sana, Barisan Nasional, bukan kita. Kalau menteri sendiri menulis dalam satu buku, ini bermakna ISA sudah tidak boleh digunakan.

■1640

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia minta laluan Yang Berhormat. Hendak bagi atau tidak?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti dulu, saya tak habis lagi, saya tak ada masa.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan pun tak boleh, mencelah tak boleh, apa pun tak boleh. Apa yang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You are champion of democracy. You are champion of free of speech, champion of this and that. What is this..?.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini amat jelas bahawa...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jumud.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Sudah *outdated*...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sikap yang jumud.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti ambil tindakanlah terhadap Yang Berhormat Pasir Salak ini. Dia kacau terlampau banyak sudah. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, nanti kena ISA ya sebentar lagi tetapi sebelum itu kita akan *fight* untuk saudara. Jangan bimbang, kita akan menentang ISA. Walaupun dia kenakan kepada Barisan Nasional...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I don't need your help ever.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Walaupun you don't need, we will still help you.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, tak payah.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *We will still help you.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I'm ready.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Because you need help for sure.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I'm ready.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah amat jelas bahawa ISA ini sudah *outdated* dan kita mesti...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *It is not outdated.*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Kita mesti hapuskan. Tidak guna lagi. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita juga baca dalam surat khabar mengenai dengan seorang

Captain (R) Mokhtiar Singh yang berumur 76 tahun. Beliau memasuki askar pada umurnya 16 tahun. Beliau melawan komunis dan mempertahankan kepentingan negara kita dan keselamatan negara kita. Bila beliau bersara pada tahun 1978, beliau tidak diberi *pension*. Oleh sebab apa? Oleh kerana beliau tidak hadir dalam satu *course, platoon veteran and young officer tactic course*. Ini bukan satu kesalahan yang amat serius, kita mesti timbang akan *contribution* beliau. Akan tetapi kenapa Kementerian Pertahanan ini mengambil tindakan yang amat keras, tidak ambil kira sumbangan dan apa-apa *contribution* yang telah dibuat oleh beliau.

Saya harap Kementerian Pertahanan mengambil kira perkara ini dan memberikan *pension* kepada Captain (R) Mokhtiar Singh ini. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita baca banyak kenyataan daripada Perdana Menteri, *the outgoing Prime Minister*. Macam reformasi, saya ingin memetik apa yang dinyatakan oleh beliau pada 8 Oktober 2008 dalam *The Sun*. Reformasi beliau ini, "*The judiciary need to enhance his statue and credibility in the eyes of the public. Before I end my term, our table of Parliamentary Bill to establish a judicial appointment commission..*", dia kata. Akan tetapi minggu yang lepas, beliau sendiri membuat satu rekomendasi kepada Majlis Raja-Raja, di mana Tan Sri Zaki dilantik sebagai Ketua Hakim Negara. Tanpa *consultation* dengan Majlis Peguam...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan. Minta laluan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Badan-badan NGO yang lain

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi laluan Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tidak ada masa *sorry*, minta maaf. Ini telah menjelaskan bahawa...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan pun tak boleh.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Perdana Menteri ini tidak ikhlas dengan pengisytiharan beliau. Kemungkinan beliau membaca ucapan yang ditulis oleh budak-budak Tingkatan Empat yang masih berada dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Mabuk kuasa.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Yang kedua...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Sorry* tak ada masa, saya ada banyak lagi.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat bercakap soal belanjawan kah, bercakap soal apa?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Bila saya habis baru boleh bercakap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *What are you talking about? You are talking about budget or what?*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan dia berucap Yang Berhormat Pasir Salak ya. Biarkan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *They also need a strong and effective anti corruption body that can combat the cancer of corruption without fear or favour. Before the end of the year, I will table a Parliamentary bill to establish the Malaysian anti corruption commission and with greater power of investigation and enforcement.* Ini pun sama juga. Pada tahun 2004 bila Perdana Menteri menang dengan majoriti yang besar dan beliau telah juga berjanji yang sama untuk menghapuskan semua *corruption* di kalangan kerajaan

Selepas itu, satu tuduhan yang diambil saja terhadap Kasitah Gadam. Beliau mengatakan ada 18 ikan yu lagi dia akan tuduh. Sampai hari ini yang ditangkap, yang kena tuduh di mahkamah oleh ACA adalah ikan bilis sahaja, buat malu sahaja cakap begini. Dan juga dia berkata "*I intend to complete the establishment of the Special Complain Commission to enhance the integrity of the effectiveness of enforcement agency...*". Tak payah lah, kalau dalam lima tahun beliau ada seorang *lame duck Prime Minister* dan sekarang ada baki lima bulan sahaja, susah jadi satu *dead duck*. Mana boleh buat apa-apa perubahan, tak mungkin, yang beliau buat reformasi, satu koridor demi satu koridor...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Koridornya di Parlimen sahaja. Koridor, semua koridor auta punya koridor. Dan juga...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cakap fasal belanjawan lah. Belanjawan, bajet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Pahat tidak bagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Wangsa Maju penjelasan. Yang Berhormat Wangsa Maju penjelasanlah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti, nanti dulu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya bercakap itu hari Yang Berhormat Wangsa Maju saya bagi lima kali peluang untuk mencelah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Mana ada, saya tak pernah kacau.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, lupa. Jangan lupalah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, sesi yang lepas saya bertanya dengan *de facto law minister* yang sudah letak jawatan. Mengenai dengan pampasan yang diberikan kepada 5 hakim yang kena pecat. Memang saya sokong dengan hakim tersebut, tetapi kita perlu tahu berapa pampasan yang diberi. Ini bukannya satu sulit. *No taxation without representation*. Kalau ada wang rakyat digunakan membayar pampasan, kita ada hak tahu berapanya.

Saya harap menteri *de facto law minister* yang baru ini boleh beri jawapan. Jangan datang ke Dewan ini mengatakan “Oh! Itu adalah sulit” Oleh kerana keluarga mereka tidak beritahu, kalau wang pampasan itu diberi oleh UMNO ataupun parti Barisan Nasional ataupun...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cakaplah fasal bajet, jemu menunggu, boringlah.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya harap beritahu kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak tak boleh buat macam tu ya Yang Berhormat Pasir Salak ya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya rasa kena halau keluar, tetapi dia kawan baik saya tak akan... Okey, itulah bajet, kita cakap mengenai dengan dasar. Tak faham...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *We are not dumb lah to hear all these stupid arguments...*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Cakap guna perkataan...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *Point of order.* Semalam kita ada *ruling* dalam isu ini, *the word “stupid”...*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya kesian Yang Berhormat Pasir Salak lah dia tak berapa bijak, tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap soal badan penghakiman dan badan perundangan. Pada 15 September 2008, enam Pesuruhjaya Kehakiman baru telah dilantik, tiga dari mereka ialah dari kalangan Pegawai Perundangan dan seorang pesara bekas pegawai perundangan. Dua orang lagi terdiri dari peguam cara dan peguam bela dari swasta. Tiada seorang pun yang dilantik dari kalangan Pegawai Kehakiman. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan untuk dilantik sebagai JC iaitu *Judicial Commissioner* pegawai dari perkhidmatan kehakiman dan perundangan hendaklah terdiri dari gred utama JUSA C dan ke atas.

Dari kajian saya dapati bahawa hanya terdapat 9 Pegawai Kehakiman manakala terdapat lebih kurang 76 pegawai perundangan dari gred JUSA C ke atas. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah ia benar? Polisi Peguam Negara yang mengetuai perkhidmatan kehakiman dan perundangan untuk membanjiri badan kehakiman iaitu dari Mahkamah Tinggi dan ke atas dengan pegawai perundangan supaya pada masa hadapan beliau akan memberi keputusan memihak Peguam Negara, ini sangat penting.

#### ■1650

Adakah ini polisi kerajaan supaya pegawai kehakiman seperti hakim Puan Komathy itu di *Session Court Judge* yang masih lagi gred L54 tidak dilantik sebagai JC. walaupun berpengalaman dalam bidang kehakiman lebih 26 tahun. Manakala pegawai perundangan yang tiada pengalaman di bidang kehakiman dilantik sebagai JC kerana mereka pegawai Gred Utama JUSA C dan ke atas. Oleh kerana terdapat hanya sembilan jawatan JUSA C dan ke atas

dalam perkhidmatan kehakiman bermakna pegawai kehakiman akan bersara begitu sahaja. Ini akan *lead to brain drain*. So saya harap kerajaan ambil berat perkara ini.

Adakah Peguam Negara sebagai Ketua Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah gagal memastikan tidak terdapat perbezaan bilangan pegawai Gred Utama JUSA C dan ke atas pegawai kehakiman dalam Badan Kehakiman dan pegawai perundangan. Saya rasa kita mesti mengasingkan dua badan ini supaya tidak ada *conflict of interest*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bertanya mengenai dengan Hakim Mahkamah Rayuan ini yang terlibat dalam amalan rasuah. Kenapa tiada apa-apa tindakan diambil terhadap beliau Low Hop Bing, *Court of Appeal*.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan soal perjudian. Magnum, Empat Ekor, Toto, Big Sweep sekarang ini kita telah ada empat *draw* satu minggu. Baru-baru ini minggu lepas Kementerian Kewangan memberi kelulusan pula empat kali *draw*. Ini bukannya menggalakkan perjudian dalam negara kita? Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri *the dead duck* sekarang adalah menggalakkan perjudian sedemikian di bawah pengajaran Islam Hadhari yang disyorkan oleh beliau.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Carilah modal lain, tidak ada modal kah? Balik-balik modal itu sahaja!

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Bukankah, bukannya..., dan saya ingin menyentuhkan ...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mohon penjelasan Wangsa Maju.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Nanti dahulu saya tidak ada masa banyak lagi serius ini sekarang.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Wangsa Maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat ada lapan minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya ingin tanya kalau begitu Wangsa Maju setuju atau tidak bahawa pusat perjudian Genting Highlands tutup sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Pahat dia tidak bagi jalan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Mesti ada yang kacau ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tempat minum arak tutup sahaja setuju atau tidak?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin menanyakan bahawa ...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Jawablah, setuju atau tidak Genting Highlands semua kita tutup, tempat judi semua kita tutup, tempat hiburan semua tutup.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sila *stop* kan masa itu untuk saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Pahat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ha, saya tidak bagi jalan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita telah mendedahkan mengenai dengan Mentari Services Sdn. Bhd. mengenai dengan Eurocopter. Ini amat baik dengan itu nama Kapten Zahar bin Hashim. Saya ingin bangkit di sini bahawa di Wangsa Maju, Jalan Genting Klang ada juga satu Mentari Contracting Sdn. Bhd. untuk projek melebar jalan, di mana saya *check* semua *director* nya sama sahaja. Ini saya rasa ini menunjukkan bahawa...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau hendak mintalah baik-baik.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini menunjukkan bahawa beliau tidak dapat projek Eurocopter ini ...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ....Sebab itu dia marah. *Short one* okey, *short one*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Wangsa Maju. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Wangsa Maju *double standard* ha.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak bertanya berkenaan dengan *company* yang disebutkan tadi, semakan saya yang terhad menunjukkan bahawa *company* ini ditubuhkan *incorporated* pada tahun 2001. Makna baru lapan tahun *turnover* ini baru RM40 juta setahun *turnover* bukannya keuntungan. Jadi macam mana *company* yang *turnover* begitu sedikit dan baru kata lapan tahun dalam berniaga ini boleh dibenarkan atau diberi kontrak yang sebegitu besar. Terima kasih.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Memanglah ini mesti konco-konco orang tertentu ataupun konco-konco Barisan Nasional atau kroni mereka. Ini mesti jelas.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itulah itu sangkaan jahat. Tuan Yang di-Pertua sangkaan jahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Di negeri Perak Setiausaha Politik, Menteri Besar arahkan JPS bagi kontrak pada JKKK.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Itu tidak betul itu, itu fitnah Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Kata tender tetapi kenapa keluarkan surat bagi arahan.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Tidak betul itu Batu Pahat itu fitnah itu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ha, jawablah kalau fitnah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Pahat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya tidak bagi jalan saya ada lima minit lagi.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Tidak Batu Pahat jangan tuduh saya orang Perak, Bukit Gantang minta tarik balik.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tarik balik apa.

**Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]:** Setiausaha Politik tidak buat kerja macam itulah baca *internet*.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ha, itulah bila sudah kena batang hidung sendiri tarik balik tidak hendak mengaku dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 37(b), sama-sama kita faham 37(b).

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Peraturan, jangan bercakap berniat jahat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya harap Pasir Salak ini dia faham dirilah jangan syok sendiri sahaja ya. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang saya syok sendiri? *No*, saya tidak syok sekarang...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ....Dengan projek pelebaran jalan di Jalan Genting-Klang ini...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sekarang sedang tidak syok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Pasir Salak biarkan dia berucap Pasir Salak ya. Mana-mana perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri nanti ya, akan digulung oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia cakap saya syok, saya *very angry*.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah kita tidak mahu dengar apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, projek pelebaran jalan ini di Jalan Genting-Klang di Wangsa Maju ini dia ada kata pengambilan tanah RM25 juta dan projek binaan jalan ini RM15 juta. Dan saya tahu itu tidak ada tanah yang diambil oleh kerajaan, oleh kerana jalan-jalan yang itu semua di *road reserved*, dengan izin. Jadi kalau kita ambil kira 8,000 luas tanah diambil oleh kerajaan harganya lebih kurang RM3,000 semeter persegi dan kaki persegi adalah 280. Ini harga lebih mahal daripada KLCC, Bangsar dan sebagainya.

Saya harap kementerian mengambil tindakan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ha, yang ini saya mahu sokong bagi saya laluan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi laluan?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Bagi laluanlah saya hendak sokong.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Sorry, sorry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagilah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya hendak sokong pun tidak hendak bagi laluan juga.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ... Satu tawaran kompaun oleh DBKL mengenai dengan tanah di Jalan Tuanku Abdul Rahman; Nombor Siri 7184; Rujukan 31; Dalam DBKL/JPNKB3068/54T; Tetuan Loke Kwan Yap Sdn. Bhd. Di sini dia dituduh membina tambahan kepada bangunan sedia ada daripada restoran satu tingkat kepada arked beli belah dua tingkat serta membina tiga blok arked komersial dua tingkat tanpa perintah pembangunan denda RM50,000. Denda telah dibayar, tetapi sampai hari ini tiada apa-apa tindakan telah diambil mengenai dengan tambahan ini. Ini notis ia dikeluarkan pada 13 Oktober 2006. So saya harap Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil tindakan terhadap perkara ini.

Yang kedua, yang satu lagi itu mengenai AirAsia Tuan Yang di-Pertua. Di mana sudah dibentangkan di sini oleh Menteri Pengangkutan bahawa AirAsia hutang MAHB RM110 juta. Ini untuk apa? Sebab hutang apa? Hutang *airport tax*. *Airport tax* ini telah dibayar oleh pelanggan. Kenapa dia boleh hutang? Saya rasa MAHB ini pegawai ini semua kena ambil tindakan *sack* semua, tidak menjaga kepentingan negara. Dan baru-baru ini Tony Fernandez AirAsia CEO mengatakan, "Oh! Beliau telah *settled*." Apa *settle*? Yang saya tahu hutang ini belum dibayar mungkin *settle* dengan mulutnya sahaja.

Saya ingin tahu mengapa Kementerian Pengangkutan tidak berani mengambil tindakan? Dan yang kedua mengenai Air Asia ini pada tahun 2008 beliau ada *deferred taxation* RM588 juta. Dan ini dianggapkan sebagai *profit* dalam *profit and losses account* nya. Bagaimana Kementerian Kewangan boleh memberi peluang kepada AirAsia membuat kreatif *accounting* untuk menipu rakyat ataupun *investing public*. Ini sangat berbahaya, sangat membimbangkan.

#### ■1700

Oleh kerana kalaulah Syarikat AirAsia ini bankrap habis wang rakyat, siapa yang rizab tiket enam bulan sebelum ini, setahun sebelum ini. Saya harap Kementerian Pengangkutan mesti beri satu jaminan bahawa tiada apa *bailout* untuk AirAsia sebab dia mendapat keuntungan yang banyak. Akan tetapi saya tahu mesti ada tindakan yang akan dibuat *bailout* ini sebab AirAsia ini tidak lama lagi saya rasa mesti ada masalah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pentadbir tanah di Wilayah Persekutuan, kita nampak ada banyak tanah-tanah di Wilayah Persekutuan di mana PTG atau Pentadbir Tanah dan Galian menyewakan kepada orang awam tetapi orang awam ini orang tertentu sahaja dan sebaliknya orang yang mendapat sewaan ini tidak menggunakan tapak yang disewa.

Mereka menyewakan pula kepada orang lain dengan sewaan yang lebih tinggi, mungkin sepuluh kali ganda. Saya harap juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan terhadap perkara ini dan menyasiat perkara ini. Saya ada bukti tetapi tiada masa sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tiada masa lagi Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *Last*, saya juga ingin menjelaskan Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan jualan MV Agusta. Proton telah menjual 57.5% saham MV Agusta dengan harga RM5 sahaja dan harga belian saham tersebut adalah Euro 70 juta, RM350 juta bilion.

Baru-baru ini, BMW telah membeli sebahagian saham MV Agusta dengan harga RM460 juta dan Harley Davidson membeli baki saham dengan harga RM350 juta. Ini bermakna bahawa jumlah harga jualan untuk BMW dan Halley Davidson RM805 juta. Ini bermakna bahawa Proton telah mengalami kerugian sebanyak RM455 juta dan saya telah menyoal Menteri Kewangan pada masa Perdana Menteri yang menjadi Menteri Kewangan, kenapa kerajaan pada tahun itu mengizinkan Proton menjual saham MV Agusta dengan harga RM5.

Sebagai jawapan beliau mengatakan Proton juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun memandangkan MVAM mempunyai dana pengawal saham yang negatif, *negative shareholder fund*, aliran wang tunai yang tidak mencukupi, *cash flow deficit* dan juga menanggung kerugian berterusan berjumlah 118 juta Euro bagi tempoh enam bulan sehingga 31 Disember 2005.

Nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperolehi. Jawapan ini tidak benar Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu *white lies*. Semasa Proton membeli saham MV Agusta tersebut, semua *debtors*, penghutang berjumlah lebih kurang RM1 bilion telah dibekukan dan Proton telah diberikan masa dalam tempoh tiga hingga lima tahun untuk membuat bayaran.

*Cash flow shift* yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah MV Agusta adalah *received projected* pada 213 juta Euro dan bayaran adalah 212.5 juta Euro. Daripada angka ini pada masa yang material MV Agusta mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar perbelanjaan. Pada Disember 2005, Proton perlu membayar hutang yang telah dibekukan berjumlah 2.5 juta Euro iaitu lebih kurang RM25 *million* sahaja.

Bukan RM1 bilion yang dijawab oleh Menteri Kewangan di dalam Parlimen pada 15 Oktober 2008. Berani saya cakap di sini bahawa Proton ini tidak menawarkan 50.75% sahamnya di MV Agusta di pasaran terbuka tetapi Proton menjual saham tersebut kepada Syarikat GEVI. Proton sebagai sebuah GLC telah mengalami kerugian sebanyak RM455 juta. Kerajaan Barisan Nasional mengizinkan Proton menjual saham tersebut dalam keadaan tiada *business acumen* langsung dengan izin dan amat bodoh.

Saya cadangkan bahawa kerajaan perlu menubuhkan satu Royal Commission untuk menyiasat transaksi ini. Tuan Yang di-Pertua, dan juga Pempena Sdn. Bhd, saya harap Kementerian Pelancongan yang memberikan jaminan agar dapat memberi satu jawapan mengenai dengan skandal kewangan di dalam Syarikat Pempena Sdn. Bhd...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya harap juga sebab audit telah dilaksanakan tiga bulan dan pada hari kita belum mendapat apa-apa jawapan. Yang akhir sekali, ini *injury time* sebab Yang Berhormat Batu Pahat kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Baru-baru ini di Majlis Raja-Raja di Kuala Terengganu, semua sultannya tinggal dalam 13 banglo dan saya difahamkan bahawa banglo ini dibina dengan harga RM28 juta. Oleh siapa? Patrick Badawi..., *sorry*, Patrick Lim...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa kena-mengena dengan bajet ini?

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini telah merugikan itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Yang saya fahamnya harga pembinaan yang aktualnya ialah RM13 juta. Saya harap ini boleh diberikan satu penjelasan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### **5.06 ptg.**

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2009 ini. Pada saya Bajet 2009 yang bertemakan Kerajaan Prihatin dengan peruntukan RM207 bilion ini merupakan bajet yang mesra rakyat dan ianya perlu diteruskan dan tidak perlulah kita menangguhkan dengan satu cadangan pihak di sebelah sana kerana bajet ini amat penting dan ianya dapat menjamin kesejahteraan rakyat serta membangunkan modal insan yang berkualiti serta memperkukuhkan daya tahan negara.

Sudah tentu sekali bajet ini akan meringankan beban rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana serta akan dapat menangani masalah kos sara hidup yang semakin meningkat yang akan mengakibatkan pendapatan isi rumah yang mengecil kesan daripada persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan global yang mencabar dan tidak menentu.

Oleh itu, bajet ini amat penting kita bincang dan kita luluskan untuk membolehkan ekonomi negara terus bergerak dan rakyat akan terus menikmati hasil yang baik dan negara kita terus maju ke depan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah meluluskan bonus sebulan gaji kepada kakitangan kerajaan.



Sebenarnya inilah yang ditunggu-tunggu oleh kakitangan kerajaan dan mereka telah pun mendapat bayaran pertama pada bulan September dan akan menerima pula pada bulan November bagi bayaran kedua. Hari ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan pula bonus insentif produktiviti bagi peneroka-peneroka FELDA yang berjumlah RM144 juta bagi seramai 84,581 peneroka di mana di kalangan peneroka ini akan mendapat habuan di antara RM700 hingga RM2000 berdasarkan produktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam bidang pendidikan. Bidang pendidikan merupakan teras dalam Bajet 2009. Peruntukan sebanyak RM31 bilion diperuntukkan dalam bidang pendidikan untuk melahirkan masyarakat kelas pertama yang bermula daripada sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi supaya kita dapat melahirkan insan yang sempurna.

Peruntukan ini juga akan memastikan bahawa kualiti pendidikan negara akan terus dipertahankan. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM615 juta diperuntukkan untuk penyelenggaraan sekolah dan asrama supaya pelajar-pelajar kita, anak-anak kita dapat belajar dalam keadaan selesa dan selamat.

#### ■1710

Dalam hal ini saya ingin mengambil satu contoh kes sekolah di dalam kawasan saya di Bukit Katil, Sekolah Menengah Teknik Melaka di Bukit Piatu. Untuk makluman 'tuan-tuan' dan 'puan-puan'...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** 'Tuan-tuan' dan 'puan-puan', Yang Berhormat!

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, minta maaf. Sekolah ini telah dibuka pada tahun 1974 bererti ia telah berusia 38 tahun. Sekolah Menengah Teknik Melaka ini adalah antara sekolah yang terbaik pencapaiannya dalam pelbagai peperiksaan terutama SPM. Malangnya bangunan sekolah ini yang sudah dibina sejak tahun 1974 sehingga hari ini pada hari dibina itu dicat sekolah ini sampailah hari ini tidak pernah dicat lagi.

Keadaan bangunan sekolah begitu usang dan tidak nampak sebagai sekolah yang boleh dibanggakan. Catnya telah luntur, keindahannya telah hilang. Pagarnya runtuh, pencuri boleh masuk, keselamatan sekolah, pelajar yang tinggal di asrama begitu runsing dan risau pada setiap malam. Pendawaian elektrik tak usah sebutlah, memang bergayut-gayut talian wayarnya dan menimbulkan keadaan tidak selamat. Bas sekolah pula sudah dilucut hak oleh JPJ, oleh JKR. Tak boleh guna lagi tetapi terus guna juga kerana tak ada pilihan.

Pelajar-pelajar ingin meneruskan kegiatan kokurikulum dan sebagainya terpaksa menggunakan bas ini dalam keadaan yang tidak selamat. Ini menimbulkan satu keadaan risiko yang amat tinggi. Beberapa kali permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran tetapi sampai hari ini tidak ada satu jawapan pun yang diberi. Ini satu contoh. Saya percaya

banyak lagi sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia menghadapi keadaan yang sama. Oleh itu, peruntukan inilah nak dipercepatkan, hendaklah segera kita luluskan supaya dapat diperbaiki keadaan-keadaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk pula kepada bidang pelancongan. Pelancongan di Malaysia merupakan antara penyumbang utama ekonomi negara. Pada tahun lepas 2007, jumlah pelancong yang melawat Melaka seramai 21 juta. Tahun 2010, unjurannya sebanyak 24.6 juta. Ini akan menjana pendapatan negara sebanyak RM59 bilion dan menghasilkan pekerjaan sebanyak 520,000 bidang pekerjaan.

Di negeri saya, negeri Melaka merupakan negeri pelancongan. Tahun lalu 2007, pelancong yang melawat Melaka seramai enam juta orang termasuklah pelancong India yang diperkatakan oleh Jasin tadi dan unjuran kita 2010 seramai lapan juta pelancong akan melawat Melaka. Ini berbeza dengan penduduk Melaka yang tahun lalu 738,800 orang dan 2010 akan meningkat kepada 786,000.

Baru-baru ini UNESCO pada 7 Julai 2008 telah memberi pengiktirafan kepada Melaka dan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Warisan Dunia dan ini telah meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke negeri Melaka sama ada pelancong domestik ataupun pelancong antarabangsa. Yang paling ramai Jepun, Eropah, India, Indonesia dan Singapura. Peruntukan sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk pemeliharaan tapak-tapak warisan. Melaka ucapkan terima kasih kerana dengan peruntukan ini akan menaiktarafkan pusat-pusat pelancongan yang ada dan ianya akan dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong datang ke Melaka.

Pelancongan kesihatan. Pada 2007 seramai 100,000 pesakit dari luar Melaka yang datang berubat terutamanya dari Sumatera, Indonesia. Sebab itulah Lapangan Terbang Batu Berendam ini begitu penting kepada Melaka. Walaupun pada hari ini hanya *Fokker* dan juga *Berjaya Air* dan *Riau Airlines* saja yang terbang ke Melaka, bagaimanapun setiap hari penuh dan tak dapat tempat kalau tak *booking* dalam tempoh satu bulan. Kerajaan telah bersetuju untuk menaik taraf lapangan terbang ini daripada 1,372 meter panjang landasan kepada 1,800 meter yang jumlah kosnya lebih kurang RM130 juta.

Bagaimanapun, pemanjangan sejauh sepanjang 1,800 meter ini tidak mencukupi kerana ianya hanya boleh mendarat Boeing 737 dan hasil usaha kerajaan negeri, AirAsia sudah pun bersetuju untuk terbang dari Melaka dan ke Melaka dengan menggunakan Airbus 320. Untuk membolehkan Airbus mendarat di Lapangan Terbang Batu Berendam, kerajaan negeri memohon supaya landasan ini dipanjangkan lagi sebanyak 400 meter dan kosnya hanyalah RM40 juta dan menjadikan landasan ini sepanjang 2,245 meter. Sekiranya tidak diluluskan, AirAsia hanya boleh turun di Melaka dengan muatannya 30% kurang, ini akan merugikan syarikat penerbangan.

Selain daripada itu, kos pengambilan tanah untuk pemanjangan landasan ini telah pun disediakan oleh kerajaan negeri dan telah pun diselesaikan. AirAsia telah bersetuju melakukan

enam penerbangan sehari sama ada penerbangan antarabangsa dan juga domestik termasuklah ke Medan, Palembang dan Pekan Baru serta Pulau Pinang dan Langkawi. Selain daripada itu Yang Berhormat Ahli Parlimen, kita juga sedang menguruskan penerbangan *chartered* dari Nanjing, China. Ini juga dah hampir di peringkat persetujuan.

Sekiranya landasan ini tidak dipanjangkan, ia tentu akan merencatkan rancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan ekonomi negeri dan juga negara. Yang pentingnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dah setuju. Pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan juga dah setuju tapi pegawai-pegawai pula tak setuju. Dia boleh cakap pula "*You take it or you leave it*", dengan izin. Tak profesional langsung. Kita nak buat ini nak bangunkan negeri, nak bangunkan negara tapi dia boleh ugut pula kerajaan negeri nak ambil. Tak nak ambil sudah. Mana boleh macam itu. Tadi pula timbalan menteri pula jawab dia kata tak berdaya maju, mana ada betul. Kalau tak berdaya maju, tak buat langsung.

Lapangan Terbang Batu Berendam akan memberi manfaat kepada rakyat khususnya di negeri Melaka. Bukan saja menambah peluang pekerjaan, peluang-peluang perniagaan, ia juga akan menjana pendapatan dan ekonomi negara. Oleh itu pandangan daripada Timbalan Menteri tadi saya tolak kerana ianya tidak tepat langsung.

Dalam bidang perumahan, saya ingin menyentuh kepada pemaju-pemaju perumahan terutama kerajaan-kerajaan negeri yang menentukan kuota-kuota bumiputera dan juga bukan bumiputera. Yang saya sering mendapat aduan apabila bumiputera ingin membeli rumah dan pergi ke pejabat-pejabat pemaju perumahan, selalunya dikatakan "*Telah habis dijual, tak ada lagi, tunggu next phase*", tapi bila pergi lagi juga dah habis.

Bagaimanapun dalam masa yang sama, pemaju-pemaju perumahan memohon untuk dilepaskan kuota bumiputera untuk dijual kepada bukan bumiputera.

#### ■1720

Jadi saya berharap, saya mahu perkara ini disiasat dan ianya eloklah kita menjalankan tugas kita dengan jujur dan ikhlas. Kalau ianya kuota bumiputera, bila bumiputera datang jual kepada bumiputera, jangan bohong dan akhirnya bumiputera tidak dapat rumah, semuanya dijual dengan tipu helah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memohon supaya bajet ini disegerakan dan dapat diluluskan dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

#### 5.21 ptg.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang selesa dengan belanjawan yang dibentangkan pada hujung bulan Ogos dan sebabnya ialah langsung tidak ambil kira kemungkinan berlakunya satu kegawatan ekonomi. Dalam bajet itu, Menteri Kewangan menafikan kemungkinan ekonomi akan mengalami kemelesetan. Dia mengatakan ekonomi kita sudah dipelbagaikan, eksport kita bukan hanya kepada Amerika dan Eropah, rizab kita luar negeri besar dan pertumbuhan ekonomi China dan India adalah kuat.

Oleh sebab itu, langsung dia tidak kira kemungkinan berlaku kegawatan dan tidak ada cadangan-cadangan spesifik untuk kendalikan masalah rakyat biasa sekiranya berlakunya kegawatan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kegawatan berlaku, rakyat biasa menghadapi banyak masalah. Satu ialah penurunan pendapatan, yang tidak dibuat kerja OT dia pun dipotong. Selain daripada itu daripada enam hari kerja seminggu dia dapat tiga atau empat hari bekerja. Ada juga pekerja yang akan hilang kerja, yang hilang kerja yang bernasib baik itu daripada *company-company* yang bayar pampasan. Pampasan berhenti kerja tetapi di Malaysia sekarang, satu pertiga daripada pekerja kita adalah pekerja kontrak. Bila mereka hilang kerja mereka dapat kosong, tidak ada pampasan. Juga ada pekerja-pekerja yang dia kena *lock out*, dia datang kerja dia nampak *gate* pada *factory* itu, kilang itu ditutup, majikan sudah lari.

Jadi gaji yang sepatutnya diterima untuk bulan lalu itu tidak dapat. Juga ada pekerja dan peniaga yang akan hadapi masalah kerana pinjaman bank, pinjaman untuk beli rumah tidak dapat dibayar dan mereka mungkin akan hilang rumah juga. Bukan sahaja hilang kerja tetapi hilang rumah. Jadi kegawatan ekonomi ini membawa banyak masalah yang teruk kepada orang biasa dan satu kerajaan yang bertanggungjawab yang menyatakan ia penyayang, harus sediakan pelan-pelan kontingensi untuk menangani semua masalah ini.

Kita ini berada dalam satu ekonomi global bercorak kapitalis yang akan mengalami masalah kegawatan dari masa ke semasa. Ini berlaku pada 1987, 1998 dan sekarang. Jadi isunya bukan ada kegawatan akan berlaku tetapi bila dia akan berlaku dan berapa teruk. Dalam ini saya tidak setuju dengan istilah *creative destruction*, ribut-ribut kemusnahan yang membina. Kegawatan membawa kesengsaraan kepada berjuta-juta rakyat di negara ini dan di seluruh dunia dan tidak patut dihiasi dengan perkataan kreatif.

*You know* kegawatan adalah satu malapetaka sosial dan menyusahkan. Ia adalah satu kegagalan sistem *free enterprise* dan saya ingat untuk *apology* macam *Schumpeter* katakan *creative games of destruction*, dengan izin. Tidak patut kita ulangi perkataan itu. Satu kerajaan yang bertanggungjawab harus ada pelan-pelan kontingensi untuk mengendalikan kegawatan. Apa salahnya, jika tidak berlaku kegawatan kita simpan sahaja pelan tetapi jika berlakunya kita *ready* dengan satu pelan untuk bantu. Antara yang harus disertakan dalam pelan kontingensi yang pertama ialah dana khas untuk bantu pekerja-pekerja yang dibuang kerja.

*Especially* pekerja-pekerja daripada kontrak kerana pekerja kontrak itu tidak akan dapat apa-apa. Selain daripada itu pekerja yang di *lock out*. Dana ini boleh dipakai bukan sahaja untuk membantu pekerja tetapi ini juga akan membantu dalam pemulihan ekonomi. Dalam satu kegawatan, isu pokok ialah kekurangan permintaan. Bukan sahaja pekerja itu yang kena tetapi juga peniaga-peniaga kecil yang *depend* pada *market*, kepada pasaran, mereka pun akan terjejas. Jadi jika kita wujudkan satu dana untuk bantu pekerja-pekerja yang hilang kerja dan tidak dapat apa-apa pampasan, penurunan pasaran dalaman tidak akan begitu mendadak.

Ini akan mempercepat lagi pemulihan ekonomi negara. Satu lagi langkah yang harus kita wujudkan ialah satu mekanisme untuk bagi perlindungan kepada rakyat daripada golongan sederhana yang telah ambil pinjaman bank. Ramai daripada pekerja terutama keluarga yang muda ada pinjaman bank dan pada masa kegawatan bukan sahaja hilang kerja tetapi ada kemungkinan dia hilang pinjaman mereka. Saya ingat apa yang kita boleh lakukan ialah wujudkan satu mekanisme di mana mereka boleh di kecualikan daripada bayaran bank untuk satu masa yang singkat mungkin setahun atau setahun setengah.

Kita ada buat *restructuring of loan* dengan izin, untuk *company-company* besar. Kenapa kaedah yang sama tidak boleh dipakai untuk orang biasa? Jika mereka diiktiraf sebagai seorang mangsa kegawatan katakan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Sungai Siput. Berkenaan dengan cadangan untuk membantu golongan-golongan yang dikatakan kena kesan tadi termasuk untuk menghapuskan sebahagian daripada pinjaman dan sebagainya, saya teringat jawapan daripada Menteri Kewangan pada dua bulan yang lalu iaitu kaedah kerajaan menurunkan peratusan *non-performing loan*. Ini dibaca dalam Dewan, soalan itu ditanya kemudian menteri menjawab, penurunan NPL ini kepada 2% akibat daripada keputusan kerajaan untuk menghapus kira hutang. Kalau ini boleh dilakukan kepada syarikat-syarikat ataupun perniagaan-perniagaan yang ada kaitan dengan bank, kenapa tidak digunakan kepada pekerja yang kena kesan itu secara langsung. Terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat. So saya rasa ini boleh dibuat, kita kena wujudkan mekanisme dia dan cara ini boleh dibuat mungkin dengan dialog dengan bank-bank tetapi ini saya ingat akan ringankan beban kepada pekerja yang jadi mangsa dan kehilangan kerja. Satu lagi langkah yang harus diambil oleh kerajaan ialah untuk menjana pekerjaan. Pada masa kegawatan, pekerja yang hilang kerja akan hadapi masalah untuk dapat kerja gantian. Pada masa itu semua sedang kurangkan dia punya *workforce* dan mereka tidak akan dapat kerja. Satu yang boleh dibuat oleh kerajaan ialah untuk sendiri mengambil lebih orang pekerja.

Ada banyak kerja-kerja pemulihan yang perlu di bandar-bandar kita, ada sistem-sistem longkang yang lapuk yang perlu dibaiki, ada taman-taman di mana padang permainan kanak-kanak perlu *repair*. Kita perlu rumah-rumah murah untuk lapisan miskin dan sederhana. Semua ini boleh diusahakan oleh kerajaan dan melalui ini dia boleh beri kerja kepada pekerja-pekerja yang memerlukan kerja. Selain daripada ini, kita pun kena meminjamkan tanah di bandar-bandar kecil untuk rakyat untuk buat pertanian, kebun untuk menternak. Walaupun tiada pelan-pelan seperti ini dalam bajet tetapi masih tidak terlalu lewat, kita masih boleh buat ini.

Saya syorkan Menteri Sumber Manusia dan Menteri Kewangan menubuhkan satu komiti untuk mengkaji cadangan-cadangan seperti ini bersama dengan MTUC, JERIT dan lain-lain kumpulan untuk menyediakan pelan-pelan spesifik, cadangan-cadangan spesifik untuk membantu rakyat sekiranya berlaku kegawatan. Saya rasa kemungkinan kegawatan ini adalah amat tinggi. Sekarang Tuan Yang di-Pertua saya hendak alih ke beberapa perkara yang lain, satu ialah hasrat kerajaan untuk menyokong pembangunan Pusat Pelancongan Kesihatan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

■1730

Saya kecewa dengan pendekatan ini, saya dah bawa perkara ini dalam perbahasan bajet tambahan. Saya menyatakan bahawa perkembangan dalam sektor pelancongan kesihatan akan membesarkan pasaran di sektor swasta dan ini akan melemahkan sektor kerajaan. Akan tetapi jawapan yang diberi oleh kawan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri begitu kurang tepat. Dia katakan sektor swasta tertentu akan mengambil bahagian dalam ini pelancongan kesihatan dan sektor kerajaan tidak akan buat begitu dan akan terus menjaga rakyat yang miskin dan sederhana.

Namun, saya ingat itu fikiran yang terlalu mekanistik. Dalam sistem sosial ini kita kena pakai kaedah yang dialektik di mana bila satu komponen ada perkembangan, dia ada efek atas komponen-komponen yang lain. Dalam ini katakan kita galakkan pelancongan kesihatan dan kita berjaya, *business* di sana akan *increase* dan mereka mungkin memerlukan lebih jururawat berpengalaman dalam OT. Mereka takkan latih jururawat mereka sendiri. Mereka akan pancing daripada hospital kerajaan. Sama juga dengan doktor-doktor dia takkan latih sendiri, dia akan dapat daripada hospital awam.

Jadi, perkembangan satu sistem swasta itu akan melemahkan sistem kerajaan itulah dialektik. Satu komponen ini bila dia berkembang dia bawa kadang-kadang kesan buruk pada komponen yang lain. Ini isu saya rasa tidak diambil kira oleh kerajaan, dia katakan, "Yes, I agree". Ini kita adakan pelancongan kesihatan, ini akan bawa kesan yang baik akan cari mata wang asing *as a income for country*. Akan tetapi, apakah harga dia? Apakah kos dia? Pada masa ini juga kita 70% daripada pakar kita berada di sistem swasta, hanya 30% di sistem kerajaan. Pada masa ini juga 70% daripada *population* kita masih bertumpu pada hospital kerajaan untuk rawatan, sekarang pun ada satu ketidakseimbangan antara swasta dan awam.

Jadi, kita lagi menggalakkan pelancongan kesihatan dan menambahkan lagi pasaran untuk hospital swasta. *Situation* ini akan lebih teruk. Jadi ini saya rasa amat kecewa kerana isu ini bukan kali pertama saya bawa di sini, ini kali ketiga saya bawa ke sini. Masa kita tengok polisi yang akan susahkan rakyat ini masih diteruskan.

Satu lagi saya nak sentuh ialah isu perumahan. Baru-baru ini, minggu lalu 291 penduduk keluarga di Kampung Baru Plentong Tengah di Johor Bahru ada satu usaha atau cubaan untuk menguisir mereka. Sejarah kampung ini adalah *interesting* dan agak menarik. Ia ditubuhkan lebih

kurang 30 tahun dahulu, pada masa itu pemimpin kerajaan, dia punya wakil rakyat mengatakan *you* boleh duduk di sini, boleh mohon untuk tanah. Mereka pun telah mohon untuk geran untuk kampung itu.

Malangnya, selepas 10 tahun tanah itu diberi kepada seorang pemaju, dan pemaju pertama dia jual kepada pemaju kedua, '*Mospec*'. Pemaju kedua ini buat tawaran kepada penduduk bandar mengatakan, "Saya boleh jual tanah ini kepada *you*". Dia ada pernah juga ada dapat bayar 5% ke 10% daripada harga tanah itu, tapi tanpa memberi balik bayaran itu. *Developer* kedua jual kepada *developer* ketiga, *Bukit Lenang Development* yang sekarang tuan tanah itu dan mereka yang datang untuk usir mereka.

Walaupun peneroka bandar ini telah diberi tawaran oleh kerajaan negeri untuk satu tanah gantian, tapi malangnya tanah itu belum lagi diratakan, kerja menambak tanah itu belum dibuat, pemecahan lot belum dibuat. Jadi apa yang diminta oleh peneroka bandar ialah untuk sediakan tanah gantian dulu sebelum mereka pindah. Namun *developer* ini pergi ke mahkamah dan dapat itu *order* untuk usir mereka.

Ini yang telah berlaku dan ini yang menggambarkan masalah yang ramai peneroka bandar hadapi. Tanah yang mereka terokai, mereka duduki diberi kepada pemaju. Jika kerajaan kita membantu lapisan orang miskin, kenapa tidak boleh beri geran-geran kepada penduduk di situ. Bagi tanah yang lapang kepada pemaju, tapi tanah yang diterokai dan yang dipakai oleh rakyat kita ini, kenapa rampas balik dan beri orang lain?

Walaupun *you* beri tanah lain untuk mereka untuk binaan rumah di situ, ambil berpuluh-puluh ringgit..

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya minta pendapat adakah Yang Berhormat Sungai Siput setuju di mana Kerajaan Negeri Perak, Pakatan Rakyat baru-baru ini mengumumkan akan mengurniakan atau menganugerahkan setiap keluarga Orang Asli akan diberikan tanah sebanyak 8.5 ekar untuk mereka bercucuk tanam. Ini kerana sejak turun temurun hak mereka tidak diiktiraf dan di mana masyarakat Orang Asli telah pun terpinggir di bawah Barisan Nasional. Apakah pendapat, adakah dasar ini membantu mengayakan Orang Asli dan juga mereka akan tidak terpinggir dari arus pembangunan perdana negara. terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping, pada saya, saya rasa 8.4 ekar itu tidak cukup besar kerana FELDA pun bagi sepuluh ekar, berbelas ekar, ini Orang Asli. Jika kita tengok adat Orang Asli menganggap hutan itu sebagai hutan mereka. So saya ingat 8 ekar tidak cukup besar untuk mereka, tolong bagi lebih... *[Ketawa]* Juga saya rasa itu perkara lain, mungkin lain kali kita boleh bincang tapi saya rasa lapan ekar tidak cukup, perlu lebih.

Saya pernah balik ke Johor Bahru. Situasi di Johor Bahru bila berlakunya pengusiran secara paksa, bila Polis datang dengan FRU dengan *water cannon*. Beberapa orang daripada

sukarelawan daripada 'suara' yang pergi untuk membantu penduduk di situ. Mereka tidak pergi sana untuk minta geran dan untuk minta tanah. Dalam itu bila 27 orang ditangkap, ada seorang gadis muda Cina Cheng Lee Whee yang juga kena tangkap oleh polis kerana cuba hentikan perobohan rumah. Gadis ini bila keluar malam itu, dia tulis dalam web bahawa polis bertindak keras, dia tulis situ minta orang buat *email campaign* untuk bagi *pressure*, tekanan kepada polis supaya mereka tidak usir lagi. Untuk itu beliau ditangkap di bawah seksyen 28 ISA dan ditahan selama sehari.

Lepas itu Polis telah minta reman, pada saya, saya rasa seorang macam ini yang turun untuk membantu orang miskin daripada satu bangsa yang lain, ada satu 'breed' yang sudah jadi banyak di Malaysia, untuk berdiri bersama sesuatu kaum, suku kaum yang lain dan sampai ditangkap oleh Polis. Saya ingat dia harus diberi satu pingat, bukan dituduh di bawah ISA. Jadi *something is wrong*, saya rasa malulah. Orang macam ini yang tunjuk dia ada perasaan untuk orang miskin, dan bukan saja orang miskin yang lain bangsa, bererti ini yang harus, *hold-up* sebagai satu yang harus di amali oleh semua.

Akhir sekali, saya nak datang ke isu Orang Asli di Sungai Siput, dalam bajet diperuntukkan RM160 juta untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Apa yang harus kita sedar ialah kita hanya peruntukan duit sahaja tidak cukup, itu mesti sampai ke sasaran. Macam di Sungai Siput ada beratus-ratus ekar tanah rizab Orang Asli yang dibangunkan sebagai ladang kelapa sawit dan getah oleh peruntukan Orang Asli. Akan tetapi ia ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta oleh kontraktor yang berkaitan dengan pemimpin Barisan Nasional tempatan dan juga kroni-kroni kepada kerajaan yang berkenaan.

#### ■ 1740

Umpamanya seperti di Kampung Pelantuk, 95 keluarga ada 300 ekar tanah kelapa sawit untuk mereka tetapi mereka tidak dapat kerja di situ kerana kontraktor kata mereka malas, mereka tidak tahu kerja. Kontraktor pakai buruh asing untuk kerja, mereka tidak dapat kerja. Untuk tahun lalu, tahun 2007 mereka hanya dapat RM100 sebulan sekeluarga tetapi purata tanah mereka ialah tiga ekar sekeluarga. Dengan tiga ekar itu, dengan harga kelapa sawit pada tahun lalu, dia harus dapat lebih kurang RM2,000 sebulan tetapi hanya dapat RM100 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu masalah yang utama. Kita ada polisi yang baik, peruntukan untuk orang miskin tetapi tidak sampai ke sasaran dia. Ketidaktulusan, rasuah, kronisme, sudah jadi satu budaya di kalangan kita. Saya rasa apa yang berlaku, ini pilihan yang berlaku di akar umbi di Kampung Pelantuk ini ada kaitan dengan apa yang berlaku di pihak-pihak atasan. Ada berkaitan dengan komisen yang dapat untuk pembelian Sukhoi dan *submarine* dan sebagainya. Kemudian diasingkan, apabila pemimpin di peringkat nasional pun melakukan yang sama, JHEOA dan *land office* pun ikut sama lah.

Sebagai seorang doktor, saya sudah bekerja sebagai doktor selama 27 tahun dan saya ada banyak kali merawat luka-luka di kaki orang kencing manis. Apabila jangkitan jadi teruk,



sampai ke tulang, sampai dalam, kita panggil dia gangren. Apabila ada gangren tiada ubat, tiada boleh pulih, kena potong *amputated*. Soalannya sekarang ialah bolehkah kita merawat sindrom penyelewengan, rasuah, kronisme dalam pentadbiran kita tanpa buat *amputation* pada parti-parti yang bawah ini? Bolehkah, bolehkah dipulihkan atau kita perlu *amputate* parti-parti yang main politik kronisme. Saya rasa ada ramai kawan-kawan di sebelah situ, di BN yang berhati baik, yang benar-benar mahu bantu rakyat Malaysia. So, ini saya beri satu soalan, satu *question*, bolehkah atau pun adakah budaya kronisme dan rasuah sudah jadi sampai gangren, sampai tulang. Jadi, kita tidak boleh lagi rawat.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya tengok *trend* Yang Berhormat Sungai Siput ini sama sahaja dengan pembangkang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [*Ketawa*] Memang dia pembangkang pun.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Usrah, semua sekali. Saya minta Yang Berhormat pastikan, kata tadi katakan Pegawai Jabatan Orang Asli rasuah. Kita banyak dengar. Yang Berhormat mungkin dengar cerita daripada orang Asli. Jangan menghina pegawai kerajaan. Apabila bercakap sebelah kerajaan, Barisan Nasional semuanya seolah-olah rasuah. Saya minta Yang Berhormat buktikan. Ini maruah pegawai-pegawai kerajaan, maruah kakitangan Jabatan Orang Asli dan mungkin mereka tidak terlibat tetapi apabila dengar cerita sahaja Yang Berhormat tuduh mereka ini rasuah. Saya minta Yang Berhormat buktikan perkara ini adalah imej mereka. Terima kasih.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Sensitif sangat. Okey, saya tidak kata semua orang BN, semua ahli kerajaan rasuah tetapi adalah hakikat. Datangkan ke Sungai Siput, saya bawa *you* ke Kampung-kampung Orang Asli di semua tempat dari Kampung Pelantuk, Kampung Pos Pia, Pos Legap, Pos Provo. Semua tempat projek ladang itu dikendalikan oleh kontraktor, bukan oleh Orang Asli.

Apabila Orang Asli pun mengatakan dia satu koperasi, minta balik, tidak dapat. Itu yang berlaku dan apa yang dia dapat sebagai dividen dia begitu rendah. Itu hakikat. Saya tidak pernah kata semua orang dalam kerajaan makan rasuah. Tidak tetapi ini yang berlaku. Saya pun tidak tahu di Sungai Siput siapa yang boleh disalahkan untuk itu. Ya, saya tidak tuduh secara spesifik tetapi ini hakikatnya dan juga saya tidak kata semua orang ahli politik Barisan Nasional pun makan rasuah. Saya tidak kata, saya kata tadi sahaja. Ada ramai orang di sebelah itu pun yang prihatin, yang mahu bantu rakyat. Saya terima itu. *We don't have the monopoly on* nilai-nilai murnilah, dengan izin.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, satu bajet yang dicadangkan mesti realistik. Dia mesti ada analisa yang betul, dia mesti diasaskan pada fakta tetapi dokumen bajet ini tidak mahu berhadapan dengan realiti. Dia langsung tidak ambil kira risiko kegawatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, akan habiskan. Masalah kelemahan dalam pengurusan, epidemik rasuah dan ketidaktelusan dalam pentadbiran tidak diambil kira, tidak di *address*. Masalah dengan definisi kemiskinan, saya tidak sentuh kali ini. Masalah dengan kelemahan pelancongan kesihatan. Kesemua ini tidak diambil kira. So, itu satu bajet yang bukan diasas atas satu realiti. So, malangnya, satu dokumen berasaskan kepada *denial*. Saya sedih untuk rakyat Malaysia dan saya khuatir untuk masa depan dengan bajet seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kasi sebelah kanan. Yang Berhormat Tuaran. Yang sebelah kiri ini kena berundinglah siapa yang dahulu selepas Yang Berhormat Tuaran.

**5.47 ptg.**

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan ke atas belanjawan bagi tahun 2009. Oleh kerana masa yang ada bagi saya agak terhad, saya akan menumpukan ucapan saya ini kepada perkara-perkara tertentu sahaja. Butiran perincian belanjawan tersebut akan kita sama-sama sentuh dalam peringkat jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak sebulan setengah selepas belanjawan telah dibentangkan dalam Dewan ini. Banyak perkembangan dalam ekonomi negara telah berlaku yang telah dicetuskan oleh kenaikan harga minyak. Walaupun belanjawan tersebut telah mengambil kira impak kenaikan harga minyak, kenaikan kadar inflasi dari anggaran 5% kepada paras melebihi 8% sudah tentu menggugat sasaran belanjawan tersebut. Angka ini adalah sangka rasmi tetapi keadaan sebenar di peringkat akar umbi ekonomi adalah jauh berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah membuat satu kajian sebenarnya ke atas keadaan harga barangan di kawasan saya sendiri dalam masa terdekat ini. Saya dapati bahawa secara purata harga barangan telah naik sebanyak 40%. Ini agak menakutkan Tuan Yang di-Pertua. Dalam kajian ini saya telah mencatat perbandingan, sebanyak 62 barangan runcit iaitu harga sebelum kenaikan harga minyak dan selepas kenaikan harga. Kumpulan barangan ini termasuklah barangan kawalan dengan izin, *control items* dan bukan kawalan. Namun, barangan keperluan harian termasuklah ikan, daging, sayuran dan keperluan lain seperti tong gas, kadar kenaikan yang dicatatkan ialah pada tahap serendah-rendah 17% iaitu tong gas kepada 280% iaitu harga minyak tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil beberapa contoh yang lain. Barangan yang saya ambil ini adalah keperluan orang-orang miskin iaitu di kampung. Contohnya, beras iaitu Cap Anggur naik 50%, halia 100%, ikan, ikan basung ini. Ikan untuk orang miskin naik 100%, kopi 100%, bawang besar 100%, jagung iaitu makanan untuk haiwan 100% dan ikan masin naik 250%.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh barangan tadi kerana itu adalah antara barangan keperluan rakyat miskin di kampung. Tujuan saya ialah untuk menarik perhatian kepada kesan inflasi kepada golongan rakyat miskin. Sesungguhnya, kesan kenaikan harga

minyak sangat dirasakan oleh penduduk Sabah yang mana saya juga percaya dirasakan di kalangan sebahagian besar rakyat Malaysia. Dengan kajian sebenarnya yang telah dijalankan itu menunjukkan bahawa angka kadar inflasi yang diumumkan tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya di akar umbi.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan kemiskinan di Sabah, kerajaan telah menetapkan jumlah pendapatan sebanyak RM520 bagi garis miskin tegar di luar bandar dan RM880 bagi kawasan bandar. Manakala bagi garis kemiskinan relatif...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin kalau... ya terima kasih. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuaran, kerana amat prihatin kepada permasalahan yang dihadapi oleh kos yang tinggi ke atas barang-barang makanan di luar bandar. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan, kerana kalau kita lihat di bandar-bandar ada penguat kuasa yang mengawasi tentang harga barang ini, tetapi kita tidak melihat di kampung-kampung. Adakah Yang Berhormat setuju mengapa tidak Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengadakan penguat kuasa di kampung-kampung supaya pekedai-pekedai ini tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga yang tinggi seperti yang Yang Berhormat nyatakan tadi.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita bercerita tentang pengawalan harga barangan ini, ini tertumpu kepada satu *basket* barangan seperti tepung, minyak dan sebagainya. Ini dikawal selia di bandar-bandar atau pekan. Akan tetapi di kawasan luar bandar, terdapat banyak kedai runcit dan sebagainya. Harga jualan itu jauh tinggi daripada di pekan-pekan.

Jadi saya amat setuju kalau peninjauan dibuat sekali di kampung-kampung, kadangkadangkang Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh salahkan bagi projek di luar bandar kerana kos pengangkutan itu berikutan dengan kenaikan harga minyak. Kalau kenaikan kos pengangkutan 10%, peruncit itu naik 100%. Inilah masalah, tetapi penguatkuasaan, ini saya setuju.

Penguatkuasaan ini hanya tertumpu kepada bandar-bandar dan pekan-pekan dan terhad kepada barangan kawalan. Jadi kalau kita berbicara tentang barangan kawalan Tuan Yang di-Pertua, umpamanya tepung, minyak ini harga berasingan, tetapi apabila ianya diolah sebagai satu makanan umpamanya mi goreng, ia menjadi tinggi. Tidak mencerminkan kenaikan barangan import dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyentuh tentang garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagi Sabah, kemiskinan tegar adalah RM520 di luar bandar, di bandar RM880, maka garis kemiskinan relatif ialah RM960 bagi luar bandar dan RM1,500 bagi bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya membuat pandangan seperti ini, bahawa garis tersebut sepatutnya terbalik. Iaitu bagi garis kemiskinan di luar bandar tinggi daripada bandar atau sekurang-kurangnya sama kerana ramai penduduk luar bandar tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh mereka yang tinggal di bandar.

Kerajaan telah memaklumkan bahawa peratusan kemiskinan di Sabah telah menurun dari 23% kepada 16%. Dengan kenaikan harga minyak dan barangan saya percaya kadar kemiskinan ini telah meningkat dan tidak menurun. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu perbandingan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya ambil satu kumpulan berpendapatan iaitu RM1,000. Ini untuk kita buat satu analisa. Katalah seorang ini mempunyai pendapatan bulanan RM1,000 sebelum minyak naik. RM1,000 itu diagihkan kepada empat perbelanjaan yang penting. Satu minyak RM200, makanan RM500, utiliti RM100, perbelanjaan anak-anak RM200.

Jadi ini jumlahnya RM1,000. Tetapi selepas kenaikan minyak, perbelanjaan ini telah naik iaitu petrol naik dari RM200 ke RM280, makanan dari RM500 kepada RM700, utiliti dari RM100 ke RM130, perbelanjaan anak dari RM200 kepada RM240. Jumlahnya RM1,390. Angka model tersebut di atas menunjukkan bahawa seseorang yang berpendapatan RM1,000 umpamanya. Dahulu sebelum kenaikan harga minyak, sekarang ini hanya mempunyai kuasa beli ataupun *purchasing power*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berjumlah RM610. Daripada RM1,000 *purchasing power gone down* to RM610. Ini memberi pengertian gambaran kepada kita kesan inflasi kepada rakyat terutama sekali di luar bandar.

Sekali gus lebih ramai lagi rakyat yang jatuh masuk ke dalam golongan miskin. Kalau dahulu pendapatan RM1,000 *purchasing power* RM1,000 dia masih di luar garis kemiskinan. Sekarang ini ia turun kepada RM610 dia automatik dah jatuh menjadi orang miskin. Saya berpendapat bahawa kerajaan harus membuat satu pengertian yang sewajarnya, saya tidak mahu mempertikaikan angka yang dibagi oleh EPU Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berpendapat dengan kajian sebenarnya. Saya telah membawa seorang pengkaji di kampung-kampung dengan harga sebenarnya dan ini jauh berbeza dengan angka yang diberikan oleh EPU. So, kalau angka itu berlainan, maka keberkesanan dasar kita itu tidak akan sampai ke sasaran dia. Tuan Yang di-Pertua, gejala ini seolah-olah seperti dengan izin, *double sword* yang menyerang rakyat biasa.

Berkaitan dengan soal getah ini para pemilik ladang getah kecil Tuan Yang di-Pertua, sudah jatuh. Ini di Sabah adalah satu pendapatan yang menyeluruh ataupun yang diperoleh oleh ramai orang kampung. Sudahlah harga getah turun, harga barangan naik dan inilah satu *double sword* yang menyerang rakyat. Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, ramai yang mengeluh.

Sekarang ini harga getah menurun dan pembeli tidak datang membeli. Penoreh getah tinggal dengan kepingan getah dan mereka mengeluh tidak ada wang untuk membeli susu dan sebagainya. Mereka ini dengan kepingan getah tetapi tidak membeli. Di Sabah ini *culprit* ialah Lembaga Tabung dan Industri Getah. Sudah dua minggu sudah tidak membeli Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini tinggal di kampung tidak ada wang.

Satu lagi perkara mengenai dengan harga getah ini Tuan Yang di-Pertua, ialah ketidakseimbangan harga di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. *What happen to our country*, dengan izin? Yang tertinggi ialah Semenanjung, nombor dua di Sarawak. Di Sabah

paling runcing kata orang Sabah. Apabila kita bertanyakan mengenai masalah ini, jawapan pihak berkenaan ialah dia sebut tentang kualiti getah. Kalau kualiti itu tidak betul mesti ada satu cara untuk meminta para pembeli kebun getah supaya ia menghasilkan getah yang mempunyai kualiti. Apa yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, ialah monopoli. Apabila soal monopoli ini timbul dan wujud dalam satu *basic economy* yang melibatkan orang kampung, ini adalah satu penyebab yang lebih dahsyat kepada sasaran.

Saya menggesa kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri supaya mengambil tindakan dan campur tangan secepat mungkin untuk menyelamatkan sara hidup petani kita. Kalau kerajaan seperti USA dan EU mengambil langkah yang cepat menyelamatkan warga niaga, komersial dan kewangan dalam negara mereka dari jatuh bankrap, sekurang-kurangnya kerajaan kita harus mengambil langkah konkrit untuk menyelamatkan rakyat kita dari jatuh dalam jurang kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan sekali lagi satu kajian yang terperinci mengenai masalah ini agar satu pendekatan yang lebih tepat dan dekat dengan masalah sebenarnya supaya program bantuan kerajaan dapat dilakukan khas untuk kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *we have to reduce and relook at our program and policies. With these* perangkaan yang kita dapat, *the real statistic that we have to get from the ground*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2009, kerajaan telah mencadangkan beberapa bantuan dan inisiatif kepada kumpulan sasaran. Antara lain ialah subsidi sara hidup kepada nelayan. Program bantuan ini sangat-sangat dialu-alukan kerana kaum nelayan juga menerima padah berikutan dengan kenaikan harga barangan. Malangnya tiada bantuan seperti ini diberikan kepada kaum petani dan ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita ke Dewan ini penyokong kita para petani memesan supaya perkara ini dibawa kepada perhatian kerajaan kerana *they are not receiving any incentives*.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya dan saya percaya di kawasan lain di Sabah dan Sarawak masih ramai petani padi yang mengamalkan penanaman padi huma atau padi bukit. Mereka ini menerima kesan ekonomi kerana mereka ini tinggal jauh di pedalaman dan tidak menerima apa-apa bantuan kerajaan khas untuk meningkatkan sara hidup mereka.

■1800

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian kerajaan agar mereka ini juga tidak dipinggirkan. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2009 yang dibentangkan oleh kerajaan tidak boleh dipertikaikan. Ini adalah berasaskan keikhlasan walaupun ada kelemahannya yang disentuh oleh beberapa Yang Berhormat dan mengambil kira kedudukan rakyat yang berhadapan dengan ekonomi dunia dan negara. Apa pun kelemahan ataupun kekuatan belanjawan tersebut, saya berpendapat kita di dalam Dewan ini mempunyai tanggungjawab untuk mendukung walaupun kita menegurnya untuk diperbaiki kerana ia ditawarkan kepada rakyat. Sudah tentunya dengan lonjakan keadaan ekonomi negara di masa ini, sebahagian daripada sasaran dalam bajet

tersebut perlu dikaji semula ataupun sesudah belanjawan ini diluluskan di dalam Dewan ini seperti kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kajian ke atas koridor pembangunan berasaskan keupayaan negara semasa *maybe we have to review it immediately after passing* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan koridor pembangunan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sebahagian daripada program itu mungkin ditangguhkan. Bagi soal di Sabah, saya ingin tahu siapakah *prime mover*? Kalau kita bincang di Semenanjung, *prime mover* ialah Petronas ataupun syarikat-syarikat besar. Akan tetapi di Sabah, tanggungjawab ini telah diletakkan pada bahu syarikat-syarikat tempatan yang tidak mempunyai dana yang cukup. Jadi kita masih ragu-ragu keberkesannya atas pelaksanaan koridor pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dan kegagalan pelaksanaan belanjawan tersebut akan bergantung erat, kuat kepada beberapa parameter yang sangat penting. Pertama sekali ialah perpaduan rakyat. Segala usaha kerajaan akan lumpuh jika perpaduan di kalangan rakyat reput. Maksud saya berkaitan dengan perkara perpaduan ini, bukanlah bermaksud wujudnya parti kerajaan, parti pembangkang. Itu bukanlah perbalahan. Ini adalah satu struktur demokrasi. Saya menjurus kepada perkembangan masa kini di kalangan rakyat di kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian lama kita telah memupuk perpaduan rakyat yang majmuk. Negara kita telah membelanjakan begitu banyak wang sekian lama. Sedikit sebanyak kita telah berjaya. Program seperti Kongsi Raya, Perayaan Bersama Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Gawai dan Ka'amatan telah menjalinkan semangat kita di kalangan rakyat Malaysia cintakan negara. *We feel good*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *We feel good and the love for the country is very strong*. Penekanan kerajaan ke atas hal perpaduan ini dijelaskan dengan adanya satu kementerian yang khusus untuk merancang dan mengurus perihal perpaduan. Akan tetapi malangnya sekarang ini hal mengenai perpaduan ini hanya ditumpangkan di dalam satu kementerian bersama dengan kebudayaan dan warisan. Seolah-olah isu perpaduan ini tidak lagi penting. Peruntukan kepada kementerian ini juga telah menurun dari RM690.9 juta dalam tahun 2008 kepada hanya RM687 juta pada tahun 2009. Ini seharusnya tidak berlaku di dalam keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh kebelakangan ini unsur-unsur *racial* ekstremisme telah mula timbul semula di kalangan kita. Ini sangat menyedihkan. Ini telah menghancurkan segala fabrik perpaduan yang telah sekian lama kita pupuk dalam sekelip masa sahaja. Kenyataan-kenyataan yang menyentuh tentang kejadian 13 Mei dahulu adalah sangat-sangat berbahaya dan tidak harus timbul.

Tuan Yang di-Pertua, kesan yang diakibatkan oleh perkembangan ini tidak mudah untuk dibaik pulih. Penggunaan kuasa undang-undang seperti ISA tidak akan menyelesaikan masalah ini. Kita harus sama-sama bekerjasama. Kerajaan dan pembangkang harus mencari jalan untuk mengenal pasti penyebab asas, *the root cause of this problem*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah di tahap yang kritikal dan bagi saya lebih memerlukan perhatian prioriti yang tinggi. Lebih tinggi prioritinya daripada projek-projek dan belanjawan. Ini kerana apa juga yang kita rancang dan laksanakan ini akan kecundang jika rakyat berpecah belah. Baru-baru ini ada satu cadangan untuk membentangkan satu akta perhubungan kaum di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa jadi? Kementerian Perpaduan sudah dimansuhkan, dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam satu kementerian. Sekarang ini satu lagi akta bakal dicadangkan. Saya tidak tahu bagaimana di Semenanjung Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berpendapat dan yakin bahawa akta ini tidak diperlukan di Sabah dan Sarawak. Walaupun apa corak politik di Sabah dan Sarawak, perpaduan di kalangan rakyat biasa itu sedia kala. Bagi pihak-pihak yang belum mengetahui, saya jemput ke Sabah. Tinggal di sana, masuk kampung dan lihatlah bagaimana suku-suku kaum yang berbilang bangsa dan agama.

Dalam satu media, di Kota Kinabalu misalnya, kita tidak boleh mengenali siapa Islam dan tidak Islam. Kita seperti yang disentuh oleh salah seorang Yang Berhormat tadi, kita telah selamat. Kita menghormati. Bagi rakan-rakan dari Semenanjung yang pernah bertugas di Sabah, memang mengetahui perkara ini. *We have no problem*. Jadi bil ini ataupun akta ini tidak diperlukan.

Satu kesan negatif ialah Tuan Yang di-Pertua, apabila kita ada akta perhubungan kaum ini, dengan izin, *our racial consist* akan meningkat. Ini kamu tidak boleh buat sebab akta kata tidak boleh buat begitu. Kamu ini bangsa ini, akta itu mengehendkan apa yang kamu boleh buat dan apa yang kamu tidak boleh buat. Ini akan merosakkan fabrik perpaduan di Malaysia. Saya tidak menyokong, saya tidak bersetuju sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang sangat penting dan kritikal yang melibatkan rakyat ataupun penduduk Malaysia di Sabah. Baru-baru ini telah timbul masalah kerakyatan yang melibatkan seorang rakyat Malaysia di Sabah yang bernama Puan Yong Lee Hua. Saya rasa tidak perlu untuk menghuraikan kes ini kerana ia telah meluas disebarkan di media baru-baru ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod Dewan yang mulia ini, secara ringkas Puan Yong ini adalah seorang bumiputera dengan status suku Kadazandusun mengikut *Enactment Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Sabah)* dengan izin. Apabila beliau memohon penggantian Mykad yang hilang, beliau diberi kad baru dengan status penduduk tetap. Kes ini sangat serius dan telah mengguris hati masyarakat setempat. Persoalannya ialah kenapakah selepas sekian lama, seorang warganegara golongan bumiputera tiba-tiba kehilangan kewarganegaraan beliau?

Apa yang menjadi persoalan ialah pihak Jabatan Pendaftaran Negara masih mengatakan walaupun telah diselesaikan, mengatakan bahawa terdapat kesilapan semasa Puan Yong diberikan *bill* dahulu. Saya ingin bertanya, apakah kesilapan tersebut? Perkara ini harus

diterangkan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya kerana ia melibatkan perkara pokok, hak rakyat.

Dalam hal ini, saya berterima kasihlah juga kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara kerana pada akhirnya hak kerakyatan Puan Yong telah dikembalikan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana bergegas. Bergegas ke Sabah untuk menyelesaikan hal tersebut. Terima kasih juga kepada Ketua Menteri Sabah dan yang lain-lain yang telah membantu menyuarkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit tentang perkara ini kerana saya dimaklumkan bahawa ada pihak yang tidak begitu arif tentang latar belakang kes ini. Termasuk juga *mass media, must know*. Ada pula pihak yang mengatakan bahawa kes ini tertentu, *isolated* dan sengaja diperbesarkan *or blown out of propotion* Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan kes terpencil Tuan Yang di-Pertua. Selepas kes Puan Yong ini timbul, banyak kes telah disampaikan kepada kami dalam Parti UPKO dengan rayuan agar kes mereka ini diberikan bantuan setelah sekian lama mereka berusaha untuk mendapatkan penyelesaian daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya ingin memberi tumpuan kepada beberapa kes Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh, untuk rekod Dewan ini, yang pertama, Chong Chui Li. Dia ada IC, tahun 1967. Memohon IC baru. Tahun 1982 diminta memohon kembali. Tahun 1997 diminta mengisi borang lagi. Apabila akhirnya kad itu sampai, kad *permanent resident*, kad merah. *After waiting for so long* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bapa kepada penama ini adalah Kadazan, orang tempatan. *By definition of law*, dia adalah seorang bumiputera.

■1810

Kes dua, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sebut tiga sahaja. Saudara Lim Yoke Kong, bapa, Lim Fong Chun ini, Sinau Kadazan. Permohonan awal tahun 1985, ditolak oleh Menteri Dalam Negeri, 1995 selepas 10 tahun. Kes ketiga, Saudara Paul Masudal. Dia dilahirkan di Brunei. Paul Masudal ini, Tuan Yang di-Pertua, dia mempunyai lapan adik-beradik. Yang lain sudah dapat IC, hanya beliau belum. *By definition of law*, dia sepatutnya berhak. Dia ini warganegara Malaysia tetapi sampai hari ini belum dapat. Dia memohon tahun 1976. Belum ada jawapan sehingga tahun 2004...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit lagi.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Banyak lagi saya mahu cakap ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi kes, Tuan Yang di-Pertua, Saudara Lejowin Edwin bin Kasang, kehilangan kad pengenalan apabila beliau pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara, dia dimaklumkan, "Minta maaf saudara, kamu ini sudah mati. Mengikut rekod kami, kamu ini sudah mati." Tidak ada pengerusi



cawangan. Ada seorang tuan haji, seorang Bajau Islam di kampung saya, dia juga begitu. Dia kehilangan kad di Putrajaya, bila dia mahu pohon satu kad baru, dia bilang, "Tuan haji, minta maaf, kau sudah mati." Kenapa perkara ini boleh terjadi?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya, di dalam tangan saya ini ada banyak kes. So saya memohonlah kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan saya memohon kepada jabatan ini, *please setup a special committee, to look into this*, dengan izin, lihatlah...

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** *[Bangun]*

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Yang Berhormat.

**Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat dari Tuaran, adakah perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran itu ialah kerana satu, *administrative failure*, dengan izin. Kedua, adakah ianya oleh kerana bersangkutan paut dengan dasar ataupun ketiga, ianya bahawa pegawai-pegawai tidak begitu prihatin, leka ataupun memandang ianya satu perkara yang remeh-temeh. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak berpendapat bahawa ini melibatkan satu dasar, tetapi ini adalah menunjukkan kelemahan, *problem in JPN* yang tidak diselesaikan. Kita tidak boleh mengerti, Tuan Yang di-Pertua, 20 tahun. Saya sentuh di sini dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah kesan orang yang tidak ada IC. Puan Yong ini, dahulu dia ini kad biru, statusnya bumiputera. Setelah dia dapat kad merah ini, dia tidak boleh *draw* dia punya akaun dalam ASB kerana kamu ini penduduk tetap. So dia punya wang ini *frozen* dalam bank. Dia mempunyai entiti di Sabah ini. Entiti untuk bumiputera dia tidak boleh pegang lagi entiti. Dia tidak boleh memperbaharui pasport dan dahulu dia diminta sebelum kita timbulkan dalam publik, dia diminta pergi ke Putrajaya untuk menyelesaikan kes.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada IC, mana boleh jalan dan memerlukan beribu wang ringgit untuk ke Putrajaya sedangkan ada jabatan di Kota Kinabalu. Jadi untuk respons kepada Yang Berhormat, saya tidak menuduh bahawa ini adalah satu dasar tetapi saya mintalah dalam Dewan ini, kalau tidak ada satu tindakan konkrit, kita akan terus mengemukakan dan menyuarakan perkara ini kerana ini melibatkan ramai orang, bukan sahaja kes-kes yang saya sentuh tadi. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sedikit, kalau boleh ada *injury time*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada yang mengganggu, Yang Berhormat. *No injury time*.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ya, sedikit lagi. Satu lagi kes yang aneh dan ini harus dimengerti bagi keadaan di Sabah ini. Tuan Yang di-Pertua di Sabah ini, untuk makluman rakan-rakan, kadang-kadang ramai orang Sabah ini walaupun dia bumiputera, macam nama Orang Putih. Satu contoh, nama dia, Max Paul Jip. Max Paul Jip ini bapanya Kadazan, emak dia Kadazan tetapi nama dia Max Paul Jip. Dia ini bekerja di Kuala Lumpur, dia mahu melabur dalam ASB, dia ditanya di mana surat beranak. Jadi dia ambil surat beranak, dia

tunjukkan, "Oh, *you are not qualified*. Saudara tidak layak kerana kamu bukan *first class bumiputera*."

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan main-main. Saya telefon bapa dia tadi sebelum saya datang ke Dewan. *Is it confirmed the exact word?* Perkataan yang dicituskan oleh ASB dia bilang *confirm* kamu tidak layak kerana kamu ini bukan *first class bumiputera*. Saya berani berdiri ini *and I will hold to what I said because* saya telefon bapa dia tadi. Betulkah ini atau tidak? Jadi saya mohonlah perkara ini dimengerti, buat tindakan, penjelasan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izinkan oleh kerana masa tidak banyak, saya balik kepada kawasan. Kita berbicara tentang *development corridor*. Ini di Pantai Barat. Tuaran ini di tengah-tengah Pantai Barat. Perhubungan antara Sandakan dan Kota Kinabalu adalah Ranau road dan Sandakan. Sekarang ini sudah *jam*, Tuan Yang di-Pertua. Kalau cuba kita *drive* dari Kota Kinabalu jam 7.00 pagi, kita akan sampai di Ranau dua jam kemudian kerana *jam*. Itu sahaja.

Jadi lima tahun yang lalu saya punya *predecessor*, bekas wakil rakyat dahulu, Saudara Datuk Wilfred Madius Tangau telah mencadangkan perkara, satu ialah jalan raya daripada KKLP ke Ranau iaitu satu *bypass* lagi. Saya dimaklumkan bahawa projek ini sudah diluluskan dan sudah pun ada LOI, *letter of intention* tetapi ditarik balik. Jadi saya tidak mahu sentuh tentang apa yang terjadi yang lepas, tetapi saya mahu memohon demi untuk pembangunan koridor ini dan untuk pembangunan di Pantai Barat, bukan sahaja Tuaran.

Saya mohonlah kepada kerajaan kerana ada RM3 bilion yang dibagi kepada Sabah ini, tolonglah *restart* balik projek ini. Projek ini memang besar, Tuan Yang di-Pertua, RM500 juta, tetapi dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan, hanya memerlukan RM20 juta sahaja *to start off*. Ini bukan untuk Tuaran sahaja, tetapi untuk Sandakan, Ranau dan sebagainya. Jadi butirannya semua dalam tangan kerajaan, JKR dan sebagainya. Jadi saya mohonlah supaya ini dapat di *restart*.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan kenaikan harga minyak. Kita ini adalah pengeluar minyak sawit yang terbesar dan kita belum lagi menggunakan sawit ini sebagai *fuel*. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk membentangkan satu dasar B5 di Dewan ini, *high time*. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini diluluskan, apabila harga CPU diturun, dia ada , harga *biofuel zone*, dia tidak akan turun sebab dia gunakan sebagai *fuel*, sedangkan negara seperti Australia sudah lama mengamalkan B5 ini. Mereka tidak ada minyak dan sebagainya. Dia hanya ada minyak bijirin dan sebagainya, tetapi sudah lama, B5 dan apabila kerajaan mencadangkan, saya menyokong kerana kita banyak lebihan. Sekarang ini kita ada lebihan, *high time that we use our CPU into fuel*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya mahu cakap tetapi saya hormatilah kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi akhir sekali, *last*, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beliau akan *step down* dalam bulan Mac akan datang dan

beliau telah ditanya oleh pemberita baru-baru ini, “*What do you want the people of Malaysia to remember you?*” Dia cakap, “*I don’t want people to remember*”, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, apa pun kritikan, apa pun penilaian rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri sekarang ini, saya berpendapat dan menyuarakan di Dewan ini, dengan izin, *there is one great contribution by the Prime Minister to our country. That he’s the only leader who dare to introduce openers, keterbukaan di Malaysia.*

Kalau bukan dengan kerana Perdana Menteri kita sekarang, kita tidak boleh bercerita sekarang. Lihat dahulu siapa berani cakap. *Contribution* beliau tidak dinilai dari segi *mega project* dan sebagainya tetapi *in the long run*, beliau telah mencetuskan satu keadaan keterbukaan di Malaysia *which we appreciate it*, bagi saya. Jadi keputusan beliau untuk mengundur diri, kita hormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja. Apa pun komen kita dalam bajet ini, ini adalah ditawarkan kepada rakyat dan berasaskan kepada perkara itu, kita harus menyokong dan saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6.20 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2008 di Dewan yang mulia ini banyak menyentuh tentang sejumlah peruntukan kerajaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dalam membantu golongan miskin, ibu tunggal dan orang-orang kurang upaya atau OKU. Jadi, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih.

Namun saya ingin menekankan tentang perlunya peruntukan dan faedah tersebut diberikan kepada rakyat secara menyeluruh tanpa mengira daripada negeri mana dan daripada fahaman politik mana. Antara halangan yang menyebabkan sebahagian rakyat gagal menikmati faedah daripada dasar-dasar kerajaan adalah wujudnya orang tengah kepada individu yang berpendapatan tinggi untuk mendapatkan faedah atau manfaat daripada kerajaan. Sebagai contoh di dalam pembelian rumah kos rendah kerap kali berlaku mereka yang berpendapatan tinggi atau seorang peniaga menggunakan individu yang berpendapatan rendah sebagai penama bagi membolehkan individu yang berpendapatan tinggi tersebut mendapatkan rumah kos rendah. Akhirnya rumah tersebut disewakan kepada orang lain sebelum dijual apabila sudah sampai masanya dengan harga yang lebih tinggi. Akhirnya mereka yang benar-benar layak dan memerlukan rumah tersebut tidak mendapatnya. Kerajaan harus memantau perkara ini dengan teliti agar tidak terus menerus berlaku.

**Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin ingin mencelah, Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Belum sampai lagi. Okeylah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat, pakar nuklear. Syabas kepada Yang Berhormat bahawa dari segi kita membela, kita membela semua. UMNO buat begitu PAS pun buat begitu tetapi saya hendak bertanya juga baru-baru ini di Kedah apabila dikatakan untuk memastikan bahawa semua kumpulan itu diberikan rumah kos rendah 50% bagi bumiputera dan 50% bagi bukan bumiputera tetapi DAP membangkang. Apakah pandangan PAS sebab saya tahu PAS dalam Pakatan Rakyat tidak bersetuju semuanya dengan DAP. Saya pun nampak Presiden PAS pun berkata begitu juga. Apa pandangan Yang Berhormat bahawa PAS ada pandangan sendiri dan Keadilan dengan DAP ada pandangan-pandangan sendiri. Seperti juga kita mendengar Yang Berhormat daripada Kedah itu.

Adakah PAS atas isu negara kesejahteraan rakyat sanggup berbeza dengan sebelah sana, kerana di sebelah sana dia ada politik tak habis-habis tetapi PAS bagus. Saya ucapkan syabas kepada Hulu Langat...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah *point* itu. Kita boleh berbeza tetapi kita boleh bersatu. Saya memang akur kerana selama pengalaman saya dari tahun 60-an lagi memanglah bumiputera ini hanya dihadkan 30%. Jadi, kalau Kerajaan Negeri Kedah menghadkan memberi keadilan 50-50 itu satu pembaharuan yang dibuat iaitu pada pandangan sayalah.

Selain daripada itu...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** [Bangun]

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Saya belum lagi bergerak di mana-mana.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya hanya ingin melanjutkan adakah Yang Berhormat Hulu Langat bersetuju dari dasar kerajaan sebagai prinsip dasar yang kebanyakan kita bersetuju dalam Pakatan Rakyat tetapi dalam *administration* dengan izin, mungkin ada perbezaan pendapat. Itu adalah amalan demokrasi. Namun kalau dibandingkan dengan Barisan Nasional kita dapati ada perbincangan di dalam Barisan Nasional ada komponen parti yang mengatakan UMNO itu adalah pembuli bagi parti-parti yang lain dan juga ada perbezaan besar dalam pendekatan menangani isu ISA, ada komponen parti yang sekarang sangat teguh dan tidak bersetuju dengan cara UMNO menangani isu menggunakan ISA dan banyak lagi dasar-dasar yang merupakan dasar pokok. Bukankah ini....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *Point of order.* Tidak ada kena mengena dengan apa yang dihujahkan. Yang Berhormat Hulu Langat bercakap mengenai perumahan. Ini tidak ada kena mengena dengan perumahan. Ini luar daripada tajuk, Tuan Yang di-Pertua. Saya khas kepada ...

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Bukankah ini lebih besar perbezaan di antara...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya sokong Yang Berhormat Hulu Langat. Itu dasar yang baik, dia pergi kepada ke lain sampai ke dunia, sampai ke mana benua buat apa.

**Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Point of order* yang mana?... [Ketawa]

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batu memberi penjelasan. Itu pandangan Yang Berhormat Batu. Jadi, saya ingin sambung balik. Selain daripada itu maklumat satu lagi yang saya minta walaupun peruntukan tadi sudah ada semuanya. Satu perkara penting juga iaitu maklumat tentang manfaat yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan sasaran iaitu golongan miskin, OKU dan sebagainya yang tidak sampai kepada rakyat bawahan juga menjadi penghalang kepada mereka untuk mendapat pelbagai faedah daripada kerajaan. Bahkan dengan banyaknya prosedur dan ditambah lagi dengan taraf pendidikan rakyat yang rendah menjadikan mereka mudah berputus asa daripada memohon pelbagai faedah daripada kerajaan.

Harapan saya adalah agar pegawai agensi yang berkenaan bersama dengan pemimpin masyarakat iaitu ketua kampung, tok penghulu dan sebagainya turun padang ke seluruh pelosok negeri dan kampung bagi menerangkan kepada rakyat tentang faedah yang diberi oleh pihak kerajaan dan dalam masa yang sama juga dapat mengemaskinikan bank data mereka. Kerajaan juga harus mempermudah dan mempercepatkan sebarang permohonan rakyat. Seruan saya ini ditujukan kepada kerajaan dan agensi juga kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, pemaju perumahan kos rendah, Yayasan Tekun, MARA dan pelbagai agensi lain untuk mengambil tindakan yang sebaiknya yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, antara pendapatan besar negara adalah dari cukai pendapatan dan cukai-cukai lain tetapi sebanyak 14.4% adalah daripada bayaran balik pinjaman. Ia adalah satu peratusan yang besar yang tidak boleh kita pandang remeh oleh kerajaan. Oleh itu sebarang tunggakan pembayaran hutang daripada mana-mana pinjaman selalunya akan merencatkan atau mengurangkan pendapatan untuk pembangunan negara.

Jadi, saya ingin merujuk kepada Laporan Audit Akaun Awam 2007 daripada muka surat 30 sehingga 40 yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia baru-baru ini berkenaan dengan mendapat bayaran balik pinjaman yang tertunggak.

Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2007 tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM10.02 bilion. Jumlah ini telah meningkat sejumlah RM0.58 bilion daripada tahun 2006 yang pada masa itu berjumlah RM10.04 bilion. Sebagai pecahan, hutang daripada kerajaan negeri sebanyak RM3.49 bilion, Perbadanan Kemajuan Negeri - RM139.74 juta; pihak berkuasa tempatan - RM477.61 juta; badan berkanun - RM2.422 bilion; koperasi - RM15.8 juta; syarikat - RM3.89 bilion; dan pelbagai agensi RM164.32 juta.

■1830

Jadi Kerajaan Persekutuan seharusnya mengkaji apakah masalah yang berlaku di dalam proses pembayaran balik ini terutama kepada kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat.

Ketidakcekan dalam pemantauan ini boleh menyebabkan kerajaan mengalami kerugian. Antara perkara yang terdapat dalam perjanjian pinjaman ialah jumlah jadual bayaran balik perlu disediakan selepas pinjaman terakhir dikeluarkan kepada peminjam dan selepas berakhirnya tempoh penangguhan atau *grace period* dengan izin, yang mana lebih awal.

Malangnya semakan audit mendapati jadual bayaran balik bagi 55 pinjaman yang berjumlah RM2.51 bilion yang diluluskan masih belum disediakan jadual walaupun pinjaman berjumlah RM2.28 bilion telah dikeluarkan. Tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman yang diluluskan telah tamat antara tahun 1994 -2007.

Kelewatan menyediakan jadual bayaran balik menyebabkan pihak peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman mereka. Soalnya, apakah pihak Kerajaan Persekutuan yang bertindak sebagai pemiutang gagal dalam menyediakan jadual pembayaran balik kepada 55 peminjam tersebut, sedangkan wang pinjaman sebanyak RM2. 51 bilion telah pun dikeluarkan.

Bahkan empat daripada pinjaman tersebut iaitu negeri Johor, Kedah, Perak dan Pulau Pinang berjumlah RM74.32 juta telah diluluskan antara tahun 1996-1998 kini dalam proses hapus kira. Jadi saya berpandangan proses hapus kira ini akan menggalakkan lagi budaya menanggung pembayaran pinjaman di kalangan peminjam selain merugikan Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [Bangun]

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Rompin, saya tahu...

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sedikit sahaja. Saya ingin komen kepada Yang Berhormat Hulu Langat. Saya menghargai pandangan Yang Berhormat bahawa agensi-agensi ini kalau beban hutang mereka itu patutlah disokong, saya ingin menyokong. Itu satu pandangan baik Yang Berhormat.

Akan tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat juga. Bila sudah agensi ini dikurangkan beban mampu bergerak kembali tapi ada bahayanya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat ingin berkongsi pandangan dengan saya. Bahayanya nanti dia akan bersaing dengan usahawan-usahawan tempatan, usahawan kita sendiri, usahawan bumiputera, usahawan bukan bumiputera, usahawan Malaysia.

Adakah pandangan Yang Berhormat nanti kalau kita lepaskan beban ini nanti, dia boleh bergerak, tapi dia bergerak dengan bersaing dengan rakyat Malaysia, dengan swasta. Saya risau dan bimbang juga sekarang ini dengan keluhan-keluhan usahawan-usahawan kita. Mereka kata projek-projek yang mana mereka boleh kendalikan, perumahan-perumahan biasa itu, persaingan itu dengan agensi-agensi ini.

Saya minta pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju cadangan kementerian, saya setuju benar dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Akan tetapi mesti dikawal dari segi aktiviti yang mereka terokai. Janganlah mereka bersaing dengan bidang-bidang yang mana usahawan kita boleh. Patut mereka itu memasuki bidang-bidang yang mana risikonya tinggi, berteknologi tinggi tapi jangan sektor-sektor yang mana usahawan yang kita bela pada

kecil sehingga mereka berjaya tetapi terpaksa bersaing dengan agensi-agensi kerajaan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Memang saya setuju supaya pihak kerajaan memantau juga supaya tidak berlaku *competition* di antara usahawan-usahawan bumiputera dengan agensi kerajaan yang mungkin mempunyai peruntukan yang besar. Terima kasih.

Jadi kerajaan melalui Perbadanan Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia hendaklah mewujudkan satu mekanisme untuk memantau dan memastikan jadual bayaran balik dikeluarkan sebelum tamat tempoh penangguhan bayaran balik. Ini supaya agensi yang meminjam dapat membayar balik pada masa yang tepat dan seterusnya mengurangkan jumlah tunggukan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Jadi, tempoh penyediaan jadual bayaran balik juga perlu ditentukan supaya tempoh tersebut tidak mengambil masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 60-an telah timbul kesedaran tentang pembakaran bahan api fosil seperti minyak, gas, dan arang batu ke atas alam sekitar. Krisis minyak pada 1973 dan 1978, 1980 juga telah memberi dorongan yang kuat kepada usaha penyelidikan terhadap penjimatan penggunaan tenaga, peningkatan kecekapan, penggunaan tenaga dan teknologi dan teknologi penggunaan sumber-sumber tenaga diperbaharui seperti biojisim, angin, dan tenaga suria.

Sumber bahan api fosil dunia adalah terhad mengikut dengan izin, *World Energy Council* dalam laporan yang bertajuk *Energy for Tomorrow's World* dalam tahun 2000 menganggarkan bahawa arang batu boleh bertahan selama 182 tahun, minyak 25 tahun lagi dan gas asli 41 tahun lagi. Sungguhpun bahan api fosil tidak diramalkan akan lupus dalam tempoh yang terdekat, permintaan yang meningkat terutama selepas terbukanya ekonomi China dan India menyebabkan harga bahan api fosil ini tidak menentu.

Pada tahun 1979 kerajaan telah menggubal dasar tenaga negara yang mempunyai tiga objektif jangka panjang iaitu:

- (i) mengurangkan pergantungan kepada minyak sebagai sumber tenaga dengan membangunkan sumber-sumber alternatif. Yang dimaksudkan dengan sumber alternatif ialah gas asli, arang batu dan hidro;
- (ii) memastikan bekalan sumber-sumber tenaga yang stabil dari segi bekalan dan harga; dan
- (iii) menggalakkan penggunaan tenaga dengan cekap dan optimum.

Pada tahun 1980 pula, kerajaan menggubal dasar pengeluaran minyak negara yang menetapkan kawalan pengeluaran terhadap lembangan-lembangan minyak terutama dihadkan pengeluaran yang kepada tidak lebih daripada 3% setahun bagi menjamin kelangsungan sumber

minyak negara dalam jangka masa panjang. Jadi pada tahun 1981 pula kerajaan melancarkan *strategy for fuel* untuk mengurangkan kebergantungan kepada minyak.

Strategi ini mengisytiharkan empat sumber tenaga iaitu minyak, gas asli, hidro dan arang batu sebagai sumber tenaga jangka panjang. Kesemua dasar-dasar ini dibuat oleh kerajaan hampir 30 tahun yang lalu di mana teknologi berkenaan dengan sumber tenaga lain serta sumber tenaga diperbaharui masih lagi minimum.

Mengikut laporan *National Energy Balance* pada tahun 2004, peratusan penjanaan tenaga elektrik negara seperti berikut iaitu gas asli 60%, arang batu 30%, kuasa hidro 70% sahaja, minyak dan petroleum 3%. Jadi ingin saya simpulkan bahawa buat masa sekarang Malaysia bergantung kepada 93% bahan api, *fuel*. Manakala stesen jana kuasa hidro pula perlu melibatkan kos yang tinggi sejumlah kawasan yang besar yang ditenggelami air. Ia melibatkan isu alam sekitar dan hutan. Untuk makluman, kawasan hutan yang akan ditenggelami air selepas Empangan Bakun siap adalah seluas satu daerah Hulu Langat iaitu 612 kilometer persegi. Ia juga akan melibatkan pemindahan penduduk setempat.

Di atas kesedaran mengurangkan kebergantungan kepada satu jenis sumber tenaga terutama daripada bahan api fosil yang bakal habis suatu hari nanti, maka saya menyokong dengan cadangan kerajaan untuk meletakkan sumber tenaga nuklear sebagai alternatif yang utama bahkan dimasukkan dalam dasar kepelbagaian bahan api negara. Tuan Yang di-Pertua, kini teknologi bagi pembinaan loji nuklear telah pun sampai ke generasi ketiga...

■1840

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** ...Generasi ketiga *plus* dan...

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya nak bagi tahniah kepada Yang Berhormat Hulu Langat kerana mungkin di antara kita hanya beliau seorang yang ada kepakaran dalam bidang nuklear. Kalau mahu izin, bagi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Hulu Langat kerana di antara kita, beliau lah yang paling pakar di kalangan kita.

Kebimbangan orang ramai Yang Berhormat dalam penggunaan nuklear ialah dari segi kesan dia punya *waste* dengan izin, *radiation*, bahan buangan...

**Beberapa Ahli:** Sisa!

**Dato' Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sisa, terima kasih. Yang beritanya DAP, bukan PAS, tahniah DAP. Sisa radioaktif itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju pembekal kita punya pembekalan *nuclear rods* ini yang ke negara kita nanti, mesti mereka juga ambil balik dia punya sisa itu. Bermakna rakyat Malaysia tidak perlu bimbang, apa dia *nuclear rod*, *supply rod* itu diberi kepada kita tetapi apabila habis dibawa balik *waste* ke negara mereka.



Kalau ini dapat diuruskan dengan baik oleh negara dan saya juga minta pandangan Yang Berhormat bahawa yang mempunyai nuklear reaktor ini mesti kerajaan, tak boleh swasta. Kalau nuklear reaktor ini dipunyai oleh swasta mungkin orang ramai akan rasa bimbang dari segi selamat tak selamat. Akan tetapi nuklear reaktor itu dipunyai oleh kerajaan tetapi dari segi dia punya wap, itu boleh diberi kepada Tenaga Nasional untuk menjana generator. Maka kebimbangan orang ramai yang pertama, keselamatan nuklear reaktor itu kepada kerajaan. Yang kedua, sisa itu mereka tidak bimbang.

Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa ini boleh menghakiskan kurang keyakinan rakyat Malaysia tentang negara memasuki era baru tenaga iaitu era baru dalam penggunaan nuklear kerana apa jua sumber tenaga yang ada sekarang sama ada minyak, arang batu, semuanya kita telah lihat ada kaitan dengan harga minyak. Harga minyak naik, arang batu naik, bermakna dan juga di negara kita, sumber air kurang. Itu insya-Allah akan menjamin harga kuasa, harga tenaga negara itu pada paras yang kompetitif bukan sahaja kepada industri, juga berpatutan kepada rakyat Malaysia. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin yang banyak mengambil masa, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lapan minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lapan minit lagi.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Okey, terima kasih. Sebenarnya memanglah oleh sebab kita tidak memahami secara saintifik mengenai reaktor maka kita menganggap bahawa reaktor ini memberi satu bahaya ataupun kemudaratan kepada kita. Sebenarnya kalau kita ambil *cooling system* di dalam reaktor, tidak memberi kesan radioaktif yang tinggi, tidak ada.

Kemudian yang kedua, dari segi *radiation*. Ini yang saya nak sebut berdasarkan daripada laporan *United Nations Scientific Committee on Effect of Atomic Radiation* menyebut stesen janakuasa nuklear adalah paling rendah sekali dari segi penelahannya iaitu 0.002 mSv (*millisievert*) berbanding dengan sumber semula jadi sebanyak 2.4 mSv Pemeriksaan X-ray 0.4 mSv dan ujian nuklear atmosfera sebanyak 0.005 mSv. Jadi dari segi *radiation* nya, kita tidak perlu bimbang dan apa Yang Berhormat Rompin sebut tadi, kita sebenarnya membeli pakej yang telah pun sedia ada daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang telah pun menjamin dari segi keselamatan reaktor nuklear. Jadi rakyat atau masyarakat tidak perlu bimbang.

Reaktor nuklear dari segi kos penjanaan nuklear juga agak murah. Umpamanya reaktor nuklear, untuk menjana satu mega watt per jam hanya antara RM10 ke RM28. Kalau kita tengok minyak, RM37 ke RM41 dan gas asli antara RM13 ke RM30. Itu perbezaannya. Dan kos pembinaan untuk satu reaktor nuklear yang menghasilkan 1,000 mega watt hanya antara RM8 ke RM10 bilion. Kalau kita dengar untuk membina kabel di bawah dasar laut daripada Bakun ke

Semenanjung juga memerlukan kos yang lebih daripada RM10 bilion. Jadi maknanya kita boleh bina dah satu reaktor nuklear.

Saya nak mencadangkan untuk permulaan, mungkin reaktor nuklear ini boleh kita bina di kawasan koridor, pembangunan koridor. Umpamanya di Johor, di timur dan sebagainya. Jadi itu sebagai *starting* lah.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Masa dah tak ada dah. Sikit saja.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Sikit sahaja, saya nak tanya tentang bahaya reaktor nuklear dengan bahaya radiasi daripada alam semula jadi. Tadi dikatakan reaktor nuklear ini tidak mempunyai radiasi yang terlalu tinggi sebab kita ada perlombongan, kuari batu, kuari yang boleh menyebabkan radiasi tersebar. Dibandingkan dengan bahaya ini, mana lebih rasa-rasanya daripada Yang Berhormat Hulu Langat?

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Itu saya sebut tadi, bahaya dari sinaran, sinar latar sahaja 2.4 mSv sedangkan reaktor yang telah pun mempunyai *safety feature* nya, dia hanya 0.002 mSv. Sebab perlombongan dan sebagainya kita tidak meletak *shielding* atau pendindingnya yang sebaik seperti reaktor, jadi itu yang bezanya. Satu daripada kebaikan reaktor juga, ia tidak menghasilkan karbon yang tinggi. Umpamanya reaktor hanya menghasilkan 10 gram karbon setara atau *equivalent per kilowatt hour*. Dan kalau banding dengan arang batu 350 gram karbon kilowatt *hour*, minyak 330 gram karbon setara per kilowatt *hour*.

Oleh itu sistem jana kuasa yang menggunakan reaktor nuklear boleh menjamin keselamatan, insya-Allah. Kecukupan perbekalan tenaga negara dengan kos yang rendah dan mengurangkan penghasilan gas rumah hijau negara bagi tempoh jangka panjang. Dan ini selaras dengan dasar tenaga negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi soal jawab di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kepong menyatakan bahawa sebanyak 564 projek di bawah program *Science Fund*, *Techno Fund* dan *Inno Fund* telah diluluskan sehingga Oktober tahun ini dengan melibatkan peruntukan RM358.03 juta. Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan baru dalam bidang penyelidikan dan perkembangan bio teknologi.

Sejumlah besar peruntukan yang diberikan daripada kerajaan kepada agensi terutama untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tidak cukup sekiranya kerajaan tidak memantau dan menyelaras dan juga mengkomersialkan hasil penyelidikan di sektor awam dan sektor swasta. Jika penyelarasan ini tidak dibuat maka pembaziran boleh berlaku.

Sebagai contoh, beberapa tahun yang lepas ketika negara mengalami krisis kekurangan gula maka saya difahamkan satu *proposal* telah dikemukakan dari MARDI kepada kerajaan untuk menggunakan tanaman alternatif sebagai sumber gula iaitu pokok stevia yang nama saintifiknya

*stevia rebaudiana*. Pada tahun 2006, Kabinet telah bersetuju dengan *proposal* tersebut dan pihak MARDI telah diberikan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk mencari klon yang sesuai untuk ditanam di persekitaran Malaysia dan teknologi penanaman dan pemrosesannya juga dikembangkan. Daripada peruntukan RM5 juta, RM1 juta telah pun diberikan kepada MARDI melalui tabung sains dan telah digunakan kira-kira 60% daripadanya.

■1850

Dalam masa yang sama sebuah syarikat di Malaysia telah pun berjaya menghasilkan klon *stevia* yang sesuai ditanam di Malaysia. Projek penanaman pokok *stevia* ini dilakukan oleh syarikat swasta tersebut di beberapa lokasi di Pahang. Pihak syarikat juga telah menjalankan R&D berkenaan klon pokok *stevia* tersebut dengan menggunakan kosnya sendiri. Jadi, pada masa ini pihak syarikat telah berjaya menghasilkan produk berbentuk teh dengan jenama Hayat. Saya juga difahamkan bahawa pihak MARDI telah pun beberapa kali mengunjungi syarikat ini untuk mendapatkan maklumat, tetapi pihak syarikat tidak bekerjasama disebabkan tidak jelas dari segi perjanjian yang berkaitan dengan hak milik ataupun harta intelek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Jadi, mungkin ada baiknya jika kerajaan dapat memantau peruntukan penyelidikan daripada agensi kerajaan dan mencadangkan kerjasama di antara badan kerajaan dan swasta dalam penyelidikan dan pengkomersialan hasil penyelidikan serta turut memberi insentif kepada badan swasta yang berpotensi untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti.

Akhir sekali, saya ingin menegaskan sekali lagi tentang peri pentingnya penyusunan bajet yang seimbang bagi semua sektor serta pelaksanaan pengagihannya yang menyeluruh kepada semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari penyokong kerajaan ada? Sila Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2009. Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri yang ketika merangkap Menteri Kewangan pada 29 Ogos mengumumkan tema Bajet 2009 adalah “Sebuah Kerajaan Prihatin” dengan tiga strategi spesifik.

Pertama, menjamin kesejahteraan rakyat.

Kedua, membangunkan modal insan berkualiti.

Ketiga, memperkukuhkan daya tahan negara.

Pada pandangan saya, strategi-strategi yang dicadangkan mempunyai kelemahan yang serius dan harus dibetulkan. Misalnya angka bajet telah lari, dalam 6 minggu selepas ucapan bajet dan tarikh perbahasan, ekonomi dunia telah masuk ke dalam kegawatan krisis kewangan. Di New York *Wall Street* telah menjadi mini *street*, angka-angka dan andaian-andaian yang digunakan dalam bajet telah tidak boleh digunakan lagi. Sumber pendapatan bajet iaitu harga

minyak dan harga kelapa sawit telah turun. Harga minyak daripada 147 Dolar setong telah turun kepada 70 Dolar setong.

Oleh yang demikian, perbincangan bajet ini akan menjadi sia-sia kerana apa yang akan dibincangkan tidak mencerminkan situasi yang benar. Ada beberapa ahli di dalam Dewan ini mengatakan kita boleh terus berhujah dan membincangkan bajet ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kami di Dewan ini bukan ada di sini untuk membincangkan, kami di sini dilantik untuk menjaga kepentingan rakyat dan tidak ada kepentingan, tidak ada tugas yang lebih penting daripada menjaga wang rakyat. Oleh itu, ahli-ahli Dewan ini hendaklah ada angka yang realistik supaya kita dapat menunaikan tanggungjawab kita.

Oleh sebab itu, kita memohon kerajaan untuk memberikan angka yang realistik supaya kita dapat menunaikan tanggungjawab kita kepada rakyat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah kegawatan krisis kewangan dunia. Menteri Kewangan baru telah mengumumkan negara kita tidak akan terjejas, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mengatakan bank-bank kita tidak terjejas dengan pinjaman *subprime*. Ini memang betul, tetapi ini tidak bermakna ekonomi kita tidak akan terjejas. Kegawatan di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun bukan hanya pinjaman *subprime*. Dan seperti yang dikatakan oleh pakar ekonomi Norel Robin yang telah dikata oleh Yang Berhormat Gopeng tadi.

Dengan izin dia berkata "*The crisis was caused by the largest leverage asset bubble and credit bubble, in the history of humanity. There were excessive leveraging and bubbles would not limited to housing in the US but also to housing in many other countries and excessive borrowing by financial institution and some segment of the corporate sector and the public sector in many and different economics. A housing bubble, a mortgage bubble and equity bubble, a bon bubble, a credit bubble, a commodity bubble, a private equity bubble, a hedge fund bubble, or bursting at the same time. Making it the biggest real sector and financial sector the leveraging since the great depression. And in a world whether is a glut and excess capacity of goods where aggregate demand is falling soon enough we will see the system collapse and a global recession.*"

Ini adalah kesan kegawatan kewangan. Bukan sahaja pinjaman *subprime* tetapi akan berkesan kepada ekonomi-ekonomi yang lain. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga mengatakan negara kita tidak akan terjejas kerana perdagangan kami dengan Amerika Syarikat telah menurun daripada 20% kepada 16% dan perdagangan kami ini dengan China dan India telah meningkat. Ini adalah satu anggapan yang salah. Ini adalah sebab kita mengeksportkan barang kepada China, oleh kerana China juga mengeksportkan barang mereka ke Amerika Syarikat.

Oleh sebab itu, China telah membeli dan memegang 700 bilion Dolar bon-bon Amerika Syarikat. China adalah peminjam kedua terbesar kepada Amerika Syarikat dan yang terbesar ialah Jepun. China membuat demikian oleh sebab eksport mereka dibeli oleh Amerika Syarikat

dan bila ada *recession* di Amerika Syarikat, China juga akan terjejas dan kami juga terjejas kerana kita tidak dapat menjual barang-barang kami kepada China.

Kesimpulannya, ekonomi Malaysia bukan ekonomi persendirian, kita dikehendaki menjual barang kepada negara yang lain dan jikalau kesemua negara terjejas kerana *recession* dunia bagaimana kita dapat mencapai sasaran pertumbuhan 5.4%. Bila kita tidak akan ada pasar untuk menjual barang kita. Oleh yang demikian, kita harus membuat persiapan untuk menghadapi kemelesetan ekonomi. Kerajaan-kerajaan seluruh dunia membuat persiapan hanya kerajaan kami. Jika Kerajaan Barisan Nasional tidak menerima hakikat bahawa ribut kegawatan kewangan akan menjejaskan kita rakyat Malaysia kita akan menjadi mangsa seperti apa yang telah terjadi kepada penduduk-penduduk di Louisiana semasa ditimpa oleh *hurricane Katrina* kerana tidak ada persiapan yang dibuat.

#### ■1900

Kegagalan melindungi rakyat akan menjadi satu kecuaihan, satu sikap tidak bertanggungjawab dan akan menjadi satu kesalahan. Oleh itu saya meminta tindakan dibuat, tindakan seperti kerajaan hendaklah menggesa bahawa bank-bank kita cukup *liquidity*.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh? Tuan Yang di-Pertua terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Selayang bagi memberikan sedikit imbuhan. Apa yang telah kita dengar sebentar tadi daripada Yang Berhormat merupakan mimpi ngeri yang telah menjadi realiti yang mengembalikan kita kepada suasana, *the global depression almost 70 over years ago, 1930*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kali ini ia ringkasnya ialah *the worst of it*. Apakah *the over leveraging of all form of securities, mortgage-backed*, segalanya rumah, kereta, segala yang merupakan hasil daripada usaha *liberization of the global financial system*. Yang paling malang, setelah kita tekankan, wakil-wakil Yang Berhormat daripada Pakatan tekankan keperluan untuk Menteri Kewangan datang, kita sebutkan bahawa perlu ada satu *number crunching* yang baru, pembentangan yang mengambil kira krisis ini ditolak.

Tiba-tiba kita dengar dalam sehari dua ini, Menteri Kewangan datang dengan satu penyelesaian yang sebutannya adalah *to further liberize* sektor kewangan. Kita mahu dengar penjelasan beliau tetapi saya minta Yang Berhormat Selayang kerana apa yang menjadi pertikaian hari ini ialah *corporate governance*, persoalan *accountability*, persoalan sebuah negara yang cukup samseng yang telah *over leverage* seluruh ekonomi, *emerging* ataupun *advance* yang telah membiayai kehidupan mereka yang begitu mewah.

Hari ini apabila Menteri Kewangan bercakap tentang *liberalizing further* sektor *finance* ataupun sektor kewangan khususnya RM5 bilion yang disuntik dalam *value cab* setelah *injection* RM5 bilion *earlier*, saya menjadi kluatir Yang Berhormat Selayang. Tuan Yang di-Pertua kita minta pandangan Yang Berhormat Selayang. Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Ya kita memang kluatir dengan pengumuman liberalisasi ini kerana ini menunjukkan kerajaan kita belum sedar bahawa liberalisasi ialah punca kegawatan ekonomi yang sedang ditimpa seluruh dunia. Kita hendak kerajaan mengambil tindakan dengan segera untuk melindungi rakyat, melindungi kerja. Kalau kita tidak... kerajaan ini akan tidak bertanggungjawab. Di antara tindakan yang hendak diambil ialah membekukan tindakan untuk mengambil balik pinjaman, tindakan mufliis kepada isi rumah. Apa yang dihendaki ialah perangsang fiskal kerajaan untuk mengadakan kerja awam yang lebih memberikan kerja infrastruktur dan juga kerja awam kepada negeri-negeri....

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Selayang. Tadi saya mendengar hujah yang dibawa oleh Kuala Selangor mengatakan bahawa liberalisasi itu merupakan satu perkara yang menyebabkan kegawatan ekonomi dunia dan seterusnya mungkin akan menggugat ekonomi Malaysia. Saya cuma ingin meminta penjelasan daripada yang Berhormat Selayang apakah parti pembangkang mahu supaya kerajaan lebih ketat *monitoring* nya terhadap kegiatan ekonomi di Malaysia ini. Contohnya dalam tahun 1997, 1998 dalam krisis ekonomi yang telah melanda negara kita pada waktu itu, Ketua Pembangkang sewaktu menjadi Menteri Kewangan mengetatkan cengkaman kerajaan dalam sektor ekonomi.

Contohnya mengurangkan MPL daripada enam bulan kepada tiga bulan dan juga menaikkan *interest rate*. Itu hampir-hampir memusnahkan ekonomi negara pada waktu itu. Nasib baiklah pada waktu itu Perdana Menteri meliberalisasikan lagi *monitoring* dan juga memberi ruang kepada bank-bank menyelamatkan keadaan, menyuntik modal. Ini adalah satu perkara yang betul. Kalaulah ini yang dikehendaki oleh parti pembangkang, saya rasa perlu disebut dan dibawa kepada rakyat sama ada kerajaan pembangkang parti pembangkang mahukan kerajaan yang lebih mencengkam *authority* nya dalam ekonomi ini. Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Belud. Apa makna liberalisasi ialah wang bank tidak bertanggungjawab dan memberikan pinjaman kepada mereka yang tidak layak. Itu yang masalahnya. Kita tidak menggalakkan kelakuan dan tindakan macam ini. Apa yang dihendaki ialah bank bertanggungjawab kerana deposit-deposit ialah juga deposit oleh rakyat. Kalau mereka tidak menjaga wang rakyat, Bank Negara dengan wang rakyat hendak mengadakan lagi satu *bailout*. Kita tidak hendak gunakan wang rakyat untuk *bailout* institusi-institusi yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, isu saya yang kedua ialah tentang kerajaan prihatin dan fokus strategi yang pertama iaitu kesejahteraan rakyat. Mengikut bajet, pengecualian cukai import diberikan untuk makanan dengan tujuan untuk meringankan beban kos hidup kepada rumah

berpendapatan rendah. Saya telah meneliti lampiran dan kalau kita melihat Lampiran A - pemansuhan duti import, apa yang telah dimansuh? Yang pertamanya *livers and world of fish such as salmon, yogurt, crab, lobster, abalone, spageti, lasagna, makaroni dan caviar*.

Tuan Yang di-Pertua ini bukan makanan orang biasa Malaysia. Ini adalah makanan orang yang kaya, orang yang elit. Rupa-rupanya Kerajaan Barisan Nasional telah hilang kepekaan kepada rakyat jelata di Malaysia. Kami orang biasa makan nasi, ikan dan sayur. Harga makanan ini tidak turun tetapi telah meningkat. Menurut Jabatan Statistik, *Consumer Price Index* pada Ogos 2008 telah meningkat 4.8%. Indeks bagi makanan dan minuman bulan Ogos telah meningkat tinggi dengan perubahan sebanyak 11.7%. Yang utamanya beras, roti, biji-bijian telah meningkat 15%, susu dan telur 15%, daging 7.9%, ikan dan sayur-sayuran 5.4%.

#### ■1910

Adakah ini menunjukkan kerajaan yang prihatin. Kalau ini dikatakan prihatin, ini seperti keprihatinan Emperors Marie Antoinette isteri kepada Raja Louis ke-16 Perancis pada masa pemberontakan Perancis apabila dimaklumkan bahawa rakyat Perancis menderita kerana lapar, tidak mampu membeli roti. Beliau berkata dengan izin, *tell them to eat cake*. Ini adalah seperti yang diberikan kepada kita.

Rakyat tidak mampu membeli nasi dan beras untuk makan dan apa yang diberikan kepada kita *caviar, lobster dan abalone*. [Tepuk] Untuk makluman pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, Marie Antoinette telah dipancung kepala oleh rakyatnya semasa kehadiran Pengerusi Perancis.

Oleh itu demi menyelamatkan kepala pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, saya cadangkan seperti berikut; berikan bantuan *cash*, tunai makanan *foot stand* sekurang-kurangnya sebanyak RM500 sebulan kepada isi rumah berpendapatan RM1,500 atau ke bawah, meluaskan jaringan keselamatan untuk melindungi mereka yang akan paling terjejas kepada krisis ini.

Hakikat adalah bahawa tiada isi rumah di Malaysia di mana pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan boleh hidup bukan sahaja di kawasan Lembah Klang tetapi juga di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Masa telah tiba bagi Kerajaan Barisan Nasional hendak bertindak jangan seperti bidalan burung Kasawari keluarkan kepalanya dari lubang dan tengok apa yang benar kepada rakyat Malaysia. Kita hendaklah berhenti berlindung di belakang statistik kerana apa yang mustahak ialah kita hendak melindungi rakyat-rakyat kita yang berpendapatan kurang.

Satu tindakan yang boleh dibuat juga ialah mengurangkan dengan segera sumbangan pekerja-pekerja ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja daripada 11% ke 8%. Dengan ini kita akan memberikan lebih wang untuk digunakan oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Isu yang ketiga ialah tentang keselamatan. Sebelum pilihan raya sehingga hari ini, rakyat sentiasa hidup dalam keadaan takut. Tiap-tiap hari kita baca di surat khabar, rakyat

Malaysia dirompak, dirogol dan dibunuh dan kita hendaklah dengan segera memberikan peruntukan yang cukup untuk Polis Diraja Malaysia menyelamatkan keadaan yang ada sekarang.

Fokus yang kedua, pembangunan modal insan. Mengikut bajet peruntukan yang diberikan untuk pendidikan tetapi kalau kita mengkaji dengan teliti apa yang digunakan, ini digunakan untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah rendah dan menengah untuk membina lagi sekolah dan membeli alat-alat.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan modal insan bukan akan terjadi dengan memberikan wang kepada kontraktor-kontraktor untuk membina bangunan. Apa yang harus dibuat ialah mengadakan guru-guru yang lebih cekap, pensyarah-pensyarah yang cekap dan berikan gaji yang sepatutnya kepada mereka. Ini telah ditunjukkan dengan universiti-universiti awam kita di mana standard sedang merosot. Universiti Malaya yang berkedudukan 89 dalam *world ranking* pada tahun 2004 telah jauh keluar daripada *ranking* 200 dan pada tahun ini juga belum kembali kepada *world ranking* 200.

Sebaliknya, Singapura mempunyai dua buah universiti dan kedudukan tinggi pada tahun 2007. National University of Singapore berkedudukan di tangga ke-33 dan Nanyang University di tangga 69 dan juga Chulalongkorn University of Thailand berkedudukan 161. Ini adalah jelas membuktikan bahawa semua tidak sempurna di universiti-universiti awam Malaysia dan wang telah dibelanjakan untuk membina dewan-dewan kuliah dan bangunan tidak menghasilkan pulangan yang diperlukan dalam melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan dengan pemikiran kritikal dan pemikiran berinovasi.

Dalam isu FDI. Dalam tempoh kritikal kemelesetan ekonomi global ini kerajaan harus memberikan perhatian kepada melindungi kerja dan bukan untuk mencari pelaburan baru kerana di dalam suasana kita berada ini tidak akan ada pelaburan yang baru. Apa yang harus kita buat ialah memberikan insentif kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO syarikat multinasional yang hendak membuat pilihan di antara menutup dua kilang, satu di Amerika dan satu di Malaysia. Kita hendaklah memberi insentif dan rebat kepada CEO ini untuk memilih membuka kilang di Malaysia dan dengan ini akan menjaga kerja-kerja. Kita juga hendaklah memberi galakan ...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kepada perusahaan kecil dan sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kota Belud Yang Berhormat. Nak bagi Yang Berhormat Kota Belud?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya kesuntukan masa, saya habiskan ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Pasal *foreign direct investment*, FDI sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Selayang ada mengatakan bahawa



*foreign direct investment* atau FDI di Malaysia ini berkurangan ataupun tidak ada yang baru datang ke Malaysia. Akan tetapi dalam kenyataan Tan Sri Muhyiddin selaku Menteri MITI hari ini, beliau mengatakan bahawa *foreign investment* dalam sektor pembuatan di Malaysia ini dalam lapan bulan yang pertama tahun ini berjumlah RM36.8 bilion melebihi jumlah untuk sepanjang tahun 2007 sebanyak RM33.4 bilion dan jumlah pelaburan yang telah di *approved* ialah RM49.8 bilion dan RM13 bilion daripada pelabur tempatan.

Jadi saya ingin minta penjelasan, tadi Yang Berhormat Selayang mengatakan tadi bahawa *foreign direct investment* sudah berkurangan atau tidak ada yang baru datang dan ke Malaysia dan ini adalah fakta yang diberikan oleh kerajaan, terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Mungkin sudah lewat kerana saya tidak berkata FDI dikurangkan. Apa yang saya kata ialah kita hendaklah memberikan perhatian untuk menahankan FDI yang sedia ada oleh kerana suasana ekonomi yang akan datang yang merosot, kita tidak akan ada FDI yang baru. Memang statistik yang diberikan ialah benar.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kalau boleh saya habiskan isunya.

#### ■1920

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Isu yang sama untuk ini, boleh? Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemerosotan FDI tadi, saya rasa kebimbangannya bukan pada 2008. Ia lebih untuk ketepatan dengan *propose* belanjawan untuk tahun 2009 sebab saya semak dan perkara ini cukup terang. Apabila cadangan untuk memberi insentif kepada syarikat-syarikat luar yang bakal melabur di Malaysia dalam bentuk FDI akan datang pada tahun 2009. Sebenarnya telah ditawarkan satu insentif baru seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan iaitu mereka diberi kelayakan untuk menuntut *capital allowance* ataupun elaun modal yang sebelum ini memang diberi setiap tahun tapi saya tak faham, saya ulang semula, saya tidak faham kerana polisi ini telah diubah, dicadangkan dalam Belanjawan tahun 2009 di mana *capital allowance* hanya boleh dituntut tahun ketiga.

Dasar ini pelik dan saya rasa kalau tidak dibincangkan atau dibangkitkan perkara ini, benda ini akan berterusan akan disokong oleh semua orang untuk dilaksanakan tahun 2009 sedangkan perkara ini jelas negatif. Mana ada *company* dalam dunia ini yang terang nampak akan jadi kerugian pada dia sebab dia tak boleh menuntut *capital allowance* maksudnya kerugian dia atau keuntungan dia tak ke mana. Mereka tidak boleh mendapat insentif apabila kita hadkan tahun pertama, kedua, ketiga tak boleh menuntut *capital allowance*. Maknanya kalau tahun pertama, kedua dan ketiga itu rugi, rugi itu rugi hangus. Maksudnya tak boleh kita *accumulate* dan bawa ke depan sebagaimana polisi sebelum ini.

Jadi ini yang kita bimbang apabila pelabur tengok dan faham isu ini, dia orang tak mungkin nak melabur di Malaysia sebab *treatment* cukai ataupun insentif yang kita beri ini bunyi

dia seolah-olah nak beri galakan tapi impak akhirnya sebenarnya tidak memberi galakan langsung malah menakutkan mereka untuk datang dan melabur. Saya minta perkara ini kalau boleh dibincangkan dan itulah berkali-kali kita kata kalau boleh Menteri Kewangan yang baru datang dengar perkara ini, kalau boleh kita bincang dan kalau perkara ini jelas negatif dan tidak baik kepada ekonomi negara, kita segera tukar atau *revise* perkara ini. Terima kasih YB.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, saya bersetuju. Yang dibimbangkan bukan sahaja jumlah FDI yang masuk kerana jumlah FDI yang keluar pada hari ini sudah lebih daripada FDI yang masuk. *Point* yang kedua yang lebih penting ialah FDI yang masuk, perusahaan-perusahaan tidak akan dapat jalan, mengapa? Kerana pada hari ini bekalan gas asli cecair (*liquid metal gas*) tidak dapat dibekalkan kepada perusahaan-perusahaan baru atau kepada perusahaan sedia ada yang hendak tambah bekalan. Dengan tidak ada bekalan LNG, FDI ini tidak boleh dilaksanakan dan ini jelas diberikan di dalam Laporan Tahunan Gas Petronas.

Ini adalah satu isu yang penting yang hendak diselesaikan. Malaysia dan Indonesia merupakan pengeluar terbesar gas asli dan pada tahun 2008, eksport LNG Malaysia merupakan hasil perolehan kelima terbesar 98% pengeluaran LNG dieksport ke Korea, Jepun dan Taiwan dan hanya 5% digunakan oleh perusahaan-perusahaan tempatan dan kos untuk eksport ialah RM24.77 tetapi kalau kita tolakkan kos pengeluaran cari gali, *liquidification*, *regasification* dan penyimpanan, nilai komoditi bersih untuk Petronas dan Malaysia adalah hanya 3.3% atau harga bersih RM8.17 sen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya. Kita hendak memberikan peluang kepada perusahaan kita dengan mengkaji semula harga, menaikkan gas kepada perusahaan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menunjukkan bahawa di dalam masa yang suntuk ini bagaimana Kerajaan Barisan Nasional telah mengabaikan banyak isu dan hakikatnya Kerajaan Barisan Nasional telah mengabaikan keperluan rakyat jelata di dalam Bajet 2009 dan adalah penting bagi kerajaan untuk menyemak semula bajet dan polisi-polisi dengan menggunakan angka-angka yang realistik dan dengan izin, *if there is no change in the government, then there have to be a change of a government*. Saya pohon bajet dibentangkan semula dengan angka yang baru dan realistik. Sekian, terima kasih. *[Tepuk meja]*

**Beberapa ahli: [Bangun]**

**7.26 mlm.**

**Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]:** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan dan peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Bajet 2009. Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya membentangkan Bajet 2009 yang menyeluruh bertemakan Kerajaan Prihatin.

Bajet ini adalah sesuai dengan keadaan ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan seperti krisis kewangan, kenaikan harga barang dan makanan. Kerajaan memperkenalkan tiga strategi utama dalam Bajet 2009 iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan berkualiti dan memperkukuhkan daya tahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menjamin kesejahteraan rakyat, membasmi kemiskinan, permulaannya saya ingin menyentuh tentang komitmen kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat melalui program-program jaringan keselamatan sosial.

Langkah kerajaan menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi bantuan kebajikan daripada RM400 kepada RM720 sebulan untuk Semenanjung dan RM830 Sarawak dan RM960 untuk Sabah. Bilangan penerima yang layak dijangka 110,000 isi rumah daripada 54,000 orang termasuklah warga emas yang layak 40,000 penerima daripada 14,000 dengan peruntukan RM500 juta yang menunjukkan keprihatinan kerajaan. Bilangan isi rumah miskin 2007 seramai 209,000 berbanding 311,300 tahun 2004 manakala bilangan isi rumah yang miskin tegar berjumlah 38,400 pada tahun 2007 daripada 67,300 pada tahun 2004.

Usaha kerajaan untuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2010 bukanlah impian semata-mata kerana kerajaan telah membuktikan kemampuan untuk membasmi kemiskinan. Bajet 2009 adalah bajet yang prihatin kepada golongan petani, nelayan dan pesawah. Lebih 350,000 petani yang mengusahakan sayur-sayuran, buah-buahan, akuakultur dan ternakan akan mendapat manfaat dengan peruntukan RM5.6 bilion yang disediakan di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara bagi meringankan beban kos pengeluaran. Sementara itu, nasib nelayan juga terbela dengan peruntukan RM300 juta bagi tujuan menampung sara hidup dan pemilikan bot.

#### ■1930

Dalam kedua-dua hal ini, kerajaan disarankan agar mengambil pendekatan yang lebih berkesan, khususnya dari segi pembahagian dana bagi menampung sara hidup dan pemilikan bot. Kelemahan pengurusan dana pada masa lalu mesti diatasi bagi memastikan hanya yang layak patut menerima dana ini. Adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai perancangan memperkembangkan peruntukan RM180 juta sebagai modal untuk membangunkan taraf hidup nelayan.

Bajet 2009 juga prihatin kepada pesawah padi dengan menghapuskan duti import sebanyak 5% hingga 25% ke atas baja dan racun perosak. Penurunan harga baja dan racun perosak akan meningkatkan produktiviti pengeluaran produk pertanian. Penghapusan duti import akan menggalakkan pekebun menggunakan lebih banyak baja dan meningkatkan produktiviti dan sekali gus merendahkan harga makanan. Langkah kerajaan ini akan membendung kenaikan harga barang makanan.

Saya juga ingin menyentuh tentang program bantuan rumah untuk membantu keluarga miskin yang diperuntukkan RM50 juta untuk membina 1,400 rumah baru dan membaik pulih 1,000 buah rumah kepada golongan tua, uzur, cacat, ibu bapa tunggal. Pangkalan data yang lebih kemas adalah penting supaya tidak ada yang terlepas pandang. Bajet 2009 juga mengumumkan peruntukan RM330 juta kepada Jabatan Perumahan Negara bari menyiapkan unit PPR untuk disewa.

Kerajaan turut mengumumkan pembinaan 1,500 unit PPR bersepadu dan 600 unit PPR untuk dimiliki selain Syarikat Perumahan Negara Berhad akan membina 33,000 lagi rumah kos rendah. Perumahan adalah perkara asas dalam pembasmian kemiskinan. Sekiranya masalah perumahan dapat diatasi, boleh dikatakan 50% masalah kemiskinan dapat ditangani. Selepas itu masalah lain seperti meningkatkan pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, memantapkan perkhidmatan kesihatan. Memantapkan perkhidmatan kesihatan sebanyak RM13.7 bilion bagi tujuan antaranya meningkatkan kemudahan dan peralatan kesihatan. Menambah bekalan ubat, membangunkan sumber manusia serta pembinaan hospital, klinik dan kuarters kakitangan. Pertamanya langkah kerajaan ini adalah wajar, memberi keutamaan kepada kemudahan dan peralatan kesihatan terutamanya di luar bandar kerana kemudahan dan peralatan kesihatan adalah terhad.

Sebagai contohnya, alat pemeriksaan mata, *fundus camera* khas untuk pesakit diabetes, terdapat hanya sebuah sahaja di Parlimen Dungun. Alat ini ditempatkan di Klinik Ketengah Jaya yang jaraknya lebih kurang 43 kilometer. Pesakit diabetes yang memerlukan pemeriksaan mata dibawa dari Hospital Dungun ke klinik berkenaan dengan bilangan yang terhad dan perkhidmatan ini disediakan seminggu sekali sahaja. Keadaan ini amat menyukarkan kerana bilangan ambulans yang terhad dan pesakit pula terpaksa melapangkan masa tiga hingga empat jam untuk mendapatkan pemeriksaan mata ini.

Adalah wajar Hospital Dungun dibekalkan alat pemeriksaan mata *fundus camera*. Ini memandangkan bilangan pesakit diabetes yang mendapatkan rawatan di Hospital Dungun sahaja melebihi 1,000 orang tidak termasuk pesakit diabetes dari klinik-klinik sekitar seperti Klinik Kuala Abang, Paka dan Bukit Besi. Oleh itu saya memohon Kementerian Kesihatan dapat mempertimbangkan dan menguruskan pembekalan alat pemeriksaan mata ini ke Hospital Daerah Dungun. Kedua, saya ingin menyentuh berhubung komitmen kerajaan bagi memastikan bekalan ubat di hospital dan klinik kerajaan di dalam Bajet 2009.

Bagaimanapun bekalan ubat di Hospital Dungun agak kritikal semenjak awal tahun 2008 lagi. Khususnya bagi pesakit darah tinggi, diabetes dan kawalan kolesterol didapati di sesetengah telah kehabisan stok, terhad dan dicatu. Jika dulu pesakit diberikan ubat untuk dua bulan tetapi semenjak kebelakangan ini hanya untuk 15 hari sahaja. Keadaan ini tentulah menyukarkan pesakit-pesakit darah tinggi dan diabetes yang kebanyakannya warga emas dan

tinggal di luar bandar yang terpaksa berulang alik untuk mendapatkan ubat. Saya difahamkan, peruntukan tambahan tidak diperoleh sejak Julai 2008 lagi, menyebabkan pembelian ubat penting pun terpaksa ditangguhkan.

Saya berharap Kementerian Kesihatan menjelaskan bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini dengan segera. Memandangkan Dungun telah pun menjadi Majlis Perbandaran mulai 28 Ogos 2008 lalu, maka mutu kesihatan diberikan kepada penduduk Dungun juga perlu ditingkatkan. Kementerian Kesihatan bercadang membina Hospital Daerah Dungun pada tahun 2010, hospital baru dan kita berharap ianya dapat direalisasikan sebagaimana keperluan penduduk dalam daerah Dungun.

Menjana pendapatan melalui kredit mikro. Seterusnya saya ingin menyentuh strategi kerajaan untuk menjana pendapatan melalui kredit mikro. Kerajaan mengumumkan dana khas sebagai modal pusingan sebanyak RM100 juta untuk membiayai program kewangan mikro bandar bagi mereka yang berpendapatan RM2,000 ke bawah.

Dalam hubungan ini, Amanah Ikhtiar Malaysia, AIM yang ditubuhkan sejak 1987 telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan program ini. AIM telah pun mengeluarkan pinjaman kepada lebih 180,000 isi rumah dengan jumlah pembiayaan RM2.5 bilion kepada masyarakat desa atau luar bandar. Peranan yang dimainkan oleh AIM dalam menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar amat penting tetapi persoalannya sejauh manakah kejayaan pembiayaan tersebut akan memberi manfaat kepada penduduk luar bandar. Adakah pembiayaan ini telah berjaya menaikkan taraf hidup peminjamnya?

Saya difahamkan AIM mampu membuat kutipan bayaran balik pinjaman yang tinggi tetapi dalam masa yang sama saya juga difahamkan bahawa bayaran balik ini bukan dari perniagaan. Oleh itu kita berharap kerajaan mengkaji keberkesanan program kredit mikro oleh AIM dan memastikan pengurusan dan pentadbiran AIM diperkemas bagi memantapkan lagi pengurusan AIM yang amanah, wibawa dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, menambah baik pengangkutan awam. Kerajaan serius dalam menangani masalah pengangkutan awam dan berusaha menggalakkan lebih ramai menggunakan pengangkutan awam. Bajet 2009 memperuntukkan RM35 bilion dalam tempoh 2009 hingga 2014 bagi meningkatkan keupayaan sistem LRT di Lembah Klang, KL Monorel, komuter dan projek landasan berkembar supaya efisien, selamat dan bermutu tinggi.

Kadar penggunaan pengangkutan awam di negara ini adalah rendah. Hanya 16% berbanding lebih 79% di negara maju. Langkah kerajaan menyediakan peruntukan yang agak besar ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan awam. Begitu pun kerajaan disarankan agar menyegerakan pelan induk pengangkutan nasional dan penubuhan suruhanjaya pengangkutan awam dengan segera.

Kerajaan juga diharapkan akan memperluaskan rangkaian jalur perkhidmatan kereta api ke seluruh negara. Di samping itu kerajaan disarankan mengkaji peranan Kereta Api Tanah

Melayu Berhad supaya dapat diperkasakan dengan menambahkan beberapa laluan baru bagi memenuhi keperluan rakyat dan pelancong termasuk ke Terengganu. Satu-satunya negeri yang belum mempunyai sistem kereta api. Adakah benar satu kajian kemungkinan telah dibuat berhubung cadangan mengadakan laluan kereta api ke Terengganu melalui Mentakab ataupun Lipis? Kita tunggu jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, membangunkan modal insan berkualiti. Bajet 2009 mengumumkan peruntukan yang besar kepada pembangunan modal insan sebanyak RM2.4 bilion untuk menaik taraf politeknik dan kolej komuniti, institut latihan perindustrian dan pusat latihan teknologi tinggi, institut kemahiran MARA dan institut kemahiran tinggi MARA dan kolej pelajaran MARA dan projek giat MARA.

■ 1940

Peruntukan juga diberikan kepada Institut Latihan Kejururawatan dan Lembaga Kemajuan Pembangunan Industri Pembinaan. Tenaga mahir dan separuh mahir terlatih amat diperlukan dalam pelbagai bidang kemahiran, kepada sektor industri negara yang kini sedang berkembang, sumber manusia adalah faktor penentu yang penting dalam perkembangan ekonomi negara. Sumber manusia adalah ejen aktif yang mampu mengeksploitasi sumber semula jadi, pengumpulan dan pengembangan modal serta menjana proses kemajuan negara.

Penyertaan industri adalah penting dalam membangunkan tenaga kerja bagi memastikan tenaga kerja yang dilahirkan memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja khusus industri, peranan institusi-institusi latihan kemahiran seperti ILP, IKM dan pusat giat harus diperkemas dan diuruskan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran yang diperlukan bagi mengisi jawatan dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran.

Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi diminta menjelaskan berapa ramaikah pelatih IKM dan pusat giat yang dilahirkan dari tahun 2004 hingga 2008 mengikut bidang, adakah pelatih-pelatih telah pun mendapat pekerjaan atau adakah kementerian mempunyai rancangan untuk kerjaya pelatih-pelatih ini.

Kementerian Sumber Manusia juga diminta memberikan penjelasan berapa ramaikah pelatih ILP dan institusi kemahiran lahir di bawah kementerian ini yang dapat dilahirkan sejak 2004 hingga 2008 mengikut bidang kemahiran. Apakah kesannya kepada usaha untuk mengurangkan pengangguran kepada pekerja asing? Bilangan pekerja asing kini sudah mencapai 2.6 juta orang atau kira-kira 10% daripada penduduk negara ini. Bilangan ini adalah menyamai bilangan penduduk India negara ini dan penduduk Negeri Sembilan.

Bagi mempercepatkan lagi pengeluaran tenaga kerja tempatan berkemahiran, Kementerian Sumber Manusia dengan membuka lebih banyak pusat latihan kemahiran, MLVK terutamanya di luar bandar seperti di Dungun khususnya dalam bidang yang mendapat permintaan tinggi seperti automotif, mekanikal elektrik dan ICT.

Tuan Yang di-Pertua, pengangguran siswazah, sehubungan dengan usaha membangunkan modal insan kita tidak wajar melupakan modal insan yang telah dilahirkan di kalangan siswazah, bilangan pengangguran di kalangan siswazah telah mencapai 100 ribu orang termasuk yang bekerja sambilan. Bilangan ini terus bertambah selari dengan pertambahan IPTS. Masalah pengangguran di kalangan siswazah wajar mendapat perhatian kerajaan kerana adalah suatu kerugian dan pembaziran kerana tenaga kerja di kalangan siswazah tidak dapat dimanfaatkan secara optimum, sering kali dikatakan kegagalan siswazah ini mendapat pekerjaan adalah disebabkan ketiadaan kepakaran dalam *hardskills* dan kelemahan dalam *softskills*.

Bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam kedua-dua *hardskills* dan *softskills* ini, IPT telah pun menyediakan ataupun mewajibkan latihan praktikal di industri. Ini adalah program asas sahaja yang mementingkan pemarkahan, tetapi latihan industri setelah menamatkan pengajian adalah berkesan kerana mendedahkan siswazah kepada alam sebenar pekerjaan seperti hubungan sesama pekerja, komunikasi dan modul yang lebih fleksibel.

Antara program latihan industri selepas pengajian adalah program penempatan dalam industri yang mampu meningkatkan keupayaan *hardskills* dan *softskills* di kalangan siswazah, program ini juga mampu membuka pintu mendapatkan pekerjaan di kalangan siswazah. Memperkukuhkan daya saing negara, Bajet 2009 membuktikan komitmen kerajaan bagi koridor pertumbuhan wilayah untuk membuka lebih banyak peluang pelaburan, pekerjaan dan keusahawanan.

Bajet 2009, memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pembangunan semua koridor pertumbuhan wilayah. Wilayah Koridor Pantai Timur (ECER) umpamanya akan menumpukan projek agropolitan, membangunkan projek kenaf dan memajukan industri hiliran dari sumber petroleum. ECER mempunyai jumlah penduduk 3.9 juta orang ataupun 14.5% daripada keseluruhan penduduk negara yang berjumlah 26.8 juta.

Wilayah ini merupakan kawasan kediaman masyarakat bumiputera iaitu 86.6% diikuti Cina 7.8%, India 1.8% dan lain-lain 3.8%. Terengganu memang terkenal dengan keindahan Pantai Timur serta pulaunya, namun industri pelancongan masih perlahan, khususnya pelancongan domestik yang memainkan peranan penting dalam memacu perkembangan industri berkenaan.

Kementerian Pelancongan di saran menyediakan dana khas berbentuk geran untuk membaik pulih dan menaik taraf chalet-chalet di Pantai Timur termasuk di kawasan pelancongan strategik seperti di Rantau Abang, Dungun dan lain-lain.

Dengan memantapkan industri pelancongan ini di Terengganu akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan mutu hidup penduduk. Bajet 2009 adalah diharapkan akan meningkatkan sepenuhnya potensi dan daya saing negeri Terengganu melalui program pembangunan wilayah ECER khususnya pembangunan sektor teras iaitu perkilangan

minyak, gas dan petrokimia. Terengganu juga diharapkan akan dapat menarik kemasukan pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan daya saing Proton, berhubung dengan strategi ketiga Bajet 2009 iaitu memperkukuhkan daya tahan negara yang menyentuh tentang perkhidmatan serantau, industri berasaskan sumber dan industri pembuatan nilai ditambah. Saya ingin menyentuh tentang Proton, syarikat kereta Nasional yang telah mengeluarkan pelbagai jenis kenderaan ISWARA, WIRA, SATTRIA, WAJA, PERDANA dan PERSONA semenjak 1987.

Mutu kereta keluaran Proton sering dipersoalkan kerana terdapat pelbagai masalah teknikal. Kemampuan dan kepakaran kereta sahaja tidak memadai tetapi juga perkhidmatan lepas jualan atau *after sales service* yang meliputi pusat servis dan pusat alat ganti, kerajaan telah memberikan pelbagai sokongan dan perlindungan kepada Proton tetapi pusat servis Proton Edar Sdn. Bhd. pula dikatakan tidak menerima pesanan kerajaan atau *letter order* dari jabatan kerajaan, untuk mendapatkan khidmat servis dan pemeriksaan enjin menyebabkan jabatan kerajaan terpaksa menghantar ke bengkel-bengkel lain. Masalah lain ini ialah pusat servis Proton Edar Sdn. Bhd. atau wakil pusat servis yang dilantik di seluruh negara adalah terhad.

Mutu perkhidmatan pusat servis ini atau PESB *service centres* mengecewakan kerana pelanggan terpaksa menunggu empat jam hingga lima jam sekadar untuk menukar minyak pelincir dan pemeriksaan kenderaan perlu diperbetulkan. Selepas diservis perlu datang semula ke pusat servis untuk pemeriksaan semula kenderaan, alat ganti dibekalkan melalui PESB *parts centre* juga mengecewakan kerana harga alat ganti yang dikatakan mahal dan *out of stock*, alat ganti yang kehabisan stok adalah alat ganti asas seperti plag, kabel yang dimaklumkan kehabisan bekalan di Lembah Klang sehingga tiga ke empat hari, begitu juga *transmitter* kunci kereta WIRA sehingga dua bulan tidak dapat dibekalkan.

Proton mesti diperkasakan kerana inilah satu-satunya kereta Nasional di peringkat domestik sebelum Proton hendak bersaing di peringkat global dan peringkat *international*. Sebelum saya menutup perbahasan saya ini, izinkan saya untuk satu lagi. Kerajaan diminta mengkaji semula pinjaman kenderaan dan juga pinjaman perumahan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan kerana peruntukan yang disediakan bagi pinjaman kenderaan dan juga pinjaman perumahan mengikut kategori adalah peruntukan yang sudah lama dengan keadaan kenaikan harga barang perlu dikaji semula kepada pegawai dan kakitangan kerajaan kedua-dua pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berhemah ketika membentangkan Bajet 2009 yang mencakupi skop yang luas bagi kepentingan rakyat. Bajet ini mengasaskan pembahagian perbelanjaan dengan kewajaran secara eksplisit dan implisit serta memenuhi kehendak rakyat dan prihatin kepada kebajikan rakyat tanpa diskriminasi. Bajet 2009 menyeluruh sesuai dengan keadaan ekonomi semasa bajet tersebut dibentangkan.



**■1950**

Keprihatinan kerajaan membela rakyat terbanyak dengan memastikan ekonomi terus berkembang adalah bukti kemampuan kerajaan terus mentadbir negara dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**7.51 mlm.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2009. Seperti yang sedia maklum oleh semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa satu bajet tahunan adalah begitu penting bagi kerajaan dan negara sebagai satu garis panduan dan perancangan pelaksanaan projek pembangunan dalam semua sektor.

Tuan Yang di-Pertua, bajet juga merupakan satu perancangan kewangan tahunan untuk menentu jangkaan jumlah perbelanjaan dan hasil pendapatan. Contohnya, jangkaan cukai dan sumber kewangan lain yang akan dikutip oleh pihak kerajaan. Bajet tahunan juga adalah dijadikan sebagai satu panduan bagi kawalan kepada pentadbiran dan juga pengurusan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa satu tsunami ekonomi dunia telah berlaku baru-baru ini, dan kita semua harus mengakui bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang banyak bergantung pada eksport ke luar negara seperti USA dan lain-lain. Maka, sudah pasti negara kita memang tidak dapat mengelak dari kesan-kesan negatif akibat tsunami ekonomi ini. Maka, kerajaan perlu bertindak segera untuk melaksanakan usaha-usaha yang dapat mengurangkan kesan negatif ini.

Dalam ucapan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Permatang Pauh adalah dengan jelasnya memberikan fakta-fakta dan juga perbandingan harga minyak dan lain-lain komoditi pada masa sekarang, dan semasa bajet dibentangkan sudah pasti pendapatan negara yang banyak bergantung kepada minyak dan komuniti seperti kelapa sawit, getah akan kurang dengan mendadak dan mungkin tidak mencapai angka yang dijangka dalam Bajet 2009.

Begitu juga harga bahan binaan yang telah meningkat dengan banyak. Sudah pasti kos projek-projek kerajaan juga akan terus meningkat. Maka, kita seharusnya mengakui bahawa Bajet 2009 yang sedang dibincangkan dalam Dewan memang tidak tepat, sungguhpun Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional mengatakan, bahawa satu bajet baru tidak perlu dibentangkan sungguhpun tsunami ekonomi dunia ini telah menjejaskan jangkaan awal.

Alasan bahawa kerajaan akan mengutamakan projek yang penting bukanlah satu cara penyelesaian yang baik. Alasan sedemikian tidak diterima dan perbincangan Dewan berdasarkan kepada bajet yang tidak menggambarkan suasana ekonomi yang sebenarnya tidak akan membawakan faedah kepada rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, saya sebagai wakil

rakyat terpaksa mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan membincangkan dasar-dasar kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan tentang Kementerian Pelajaran iaitu tentang disiplin dan kegiatan yang tidak sihat di dalam sekolah, dan institusi pendidikan memang menjadi satu keadaan yang amat membimbangkan. Beberapa Yang Berhormat pun pernah membangkitkan perkara ini di dalam Dewan. Sungguhpun pihak kementerian mengatakan bahawa keadaan ini sudah bertambah baik. Saya amat sukar untuk menerima kenyataan ini. Ini adalah kerana terdapat banyak kes masih berlaku. Saya ingin memberikan satu contoh dan mengharapkan pihak kementerian dapat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kes yang akan saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Menengah Teknik Melaka yang tadi baru disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Katil. Saya setuju bahawa kemudahan dan sekolah ini perlu dibaik pulih atau dibina lebih tentang kemudahan yang diperlukan, tetapi saya ingin bahas tentang disiplin dalaman sekolah dan kegiatan atau keganasan yang berlaku di sekolah. Sekolah ini yang pada satu ketika merupakan sebuah sekolah yang terkenal, ternama atas pencapaian yang cemerlang. Begitu juga tidak ada sebarang masalah disiplin yang serius pernah dilaporkan. Akan tetapi kebelakangan ini keadaan disiplin dalam sekolah yang berasrama ini telah menjadi buruk. Dalam tahun ini, satu kes yang serius telah berlaku di mana telah mengakibatkan kehilangan nyawa seorang murid. Seorang lagi murid telah mengalami cedera parah yang serius dan hari ini masih terlantar di atas katil. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini tentang kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 11 April, seorang murid namanya Mohd. Sujaini Mohd. Nong Chik berumur 16 yang meninggal dunia pada 24 April. Allahyarham Sujaini ini ditumbuk oleh dua pelajar sehingga muka beliau bengkok dan senget. Laporan polis sudah dibuat, aduan pun sudah disampaikan kepada pihak kementerian, pihak sekolah dan kepada semua pihak yang terlibat, tetapi nampaknya tiada tindakan yang berkesan. Pada bulan 14 Jun seorang lagi murid Zulkifli Roslan berumur 16 dipukul oleh seramai 15 pelajar sehingga terpaksa menjalani pembedahan tiga kali akibat keretakan tulang belakang dan hari ini masih di katil.

Sungguhpun pihak sekolah mengatakan hanya lima pelajar yang terlibat dan tindakan akan telah diambil, tetapi nampaknya tidak berkesan juga sebab pada 29 Ogos, saya ingat ramai Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pun ada bangkit di Dewan yang mulia ini, iaitu satu rakaman seorang pelajar yang dibelasah oleh lima rakannya dengan gaya kung fu tanpa belas kasihan. Seorang daripada lima pelajar ini kemudian dengan bangganya menyebarkan rakaman ini ke internet melalui *you tube*. Baru kita...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya memandang sangat serius apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka berkenaan dengan keganasan yang berlaku di sekolah, tetapi kalau kita tengok dalam Dewan sekarang hanya seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, semua tempat, kerusi itu kosong dan pegawai kementerian juga tidak ramai. Apakah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan berkesan untuk memastikan kementerian akan mengambil tindakan?

Kalau kita ada pemimpin-pemimpin yang tidak ambil peduli suara-suara rakyat yang dibangkitkan dalam Dewan mesyuarat ini, jadi saya hendak tahu apakah Yang Berhormat Kota Melaka risau atau tidak dengan keadaan yang sedemikian? Pemimpin-pemimpin yang memimpin negara ini bersifat tidak ambil peduli dengan suara-suara rakyat ini.

■2000

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Gajah. Memang saya risau, memang saya sependapat. Sebab itu sungguhpun memang tahu keadaan sekarang yang kita tidak cukup kuorum tetapi saya telah diminta kerjasama supaya kita berikan peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk berbahas dalam bajet ini. Sungguhpun saya sudah tunggu dua malam sampai malam ini baru dapat peluang tapi saya menganggap bahawa sebagai seorang wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, memang saya diwajibkan untuk membangkitkan masalah yang saya anggap bahawa Dewan yang mulia ini ialah tempat yang paling sesuai untuk saya kemukakan. Ini supaya kementerian atau jabatan-jabatan berkenaan akan pandang lebih berat dan tindakan yang sewajarnya diambil.

Tentang disiplin dalaman sekolah atau kegiatan keganasan di Sekolah Menengah Teknik Melaka, memang ini satu masalah yang paling serius. Dahulu jika satu sekolah yang berasrama memang semua ibu bapa suka menghantar anaknya ke sekolah berasrama kerana keyakinan mereka anak mereka akan lebih berdisiplin sebab ada warden kawalan dengan masa tidur dan juga tiada kegiatan yang tidak sihat akan berlaku di dalam hostel atau di dalam sekolah. Akan tetapi sekolah menengah teknik ini memang sejak dari dahulu terkenal. Adik perempuan saya pun dari sekolah ini dan sekarang sebagai seorang jurutera dan saya tak sangka bahawa hari ini sekolah yang terkenal ini sudah jadi begitu. Bukan hanya sekolah yang usang yang perlu dibaik pulih banyak tempat tetapi disiplin dan kegiatan yang tidak sihat di dalam sekolah ini semakin teruk. Ini saya harap kementerian dan pihak polis sebab beberapa laporan polis sudah dibuat juga aduan-aduan kepada sekolah dan kementerian semua pun sudah dibuat. Saya harap tindakan yang lebih berkesan yang dapat mengatasi masalah ini. Saya tidak ingin nampak atau melihat laporan lagi atau juga lain-lain kes akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini sering kali dikatakan satu bajet yang prihatin dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini tentang perkara kewarganegaraan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua izinkan saya sedikit masa kerana saya akan berikan dua contoh tentang

kewarganegaraan mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk yang mempunyai IC merah dan penduduk sementara yang mempunyai IC hijau.

Tuan Yang di-Pertua, jika Bajet 2009 ini dikatakan amat prihatin, maka saya ingin bertanya sama ada kandungan bajet ini meliputi prosedur atau kelonggaran yang akan membantu mempercepatkan kelulusan permohonan kewarganegaraan oleh pasangan rakyat Malaysia dari negara asing dan juga permohonan kewarganegaraan dari penduduk tetap atau IC merah yang telah tinggal di sini berpuluh tahun atau beranak di sini tetapi tidak mematuhi beberapa syarat atau tidak beri maklumat yang mencukupi sebab itu mereka mempunyai IC merah. Ada di antara mereka yang saya sebut ini lahir di sini tetapi kerana masalah teknik atau kekurangan maklumat ibu bapa asal mereka maka kerajaan telah menafikan hak mereka untuk menjadi sebagai warganegara yang sah di tanah air mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya terasa amat sedih apabila mendengar hujah-hujah Yang Berhormat dari Sabah yang mengatakan beribu-ribu pendatang asing boleh memperoleh IC biru dengan mudah sahaja sedangkan permohonan yang sepatutnya diberikan kewarganegaraan telah diketepikan. Adakah amalan sedemikian dinamakan prihatin?

Saya ingin berikan satu contoh. Tuan Yang di-Pertua, seorang pemuda Khong See Ming yang berumur 28 tahun IC merah yang lahir di Melaka dan berketurunan India. Oleh sebab tidak dapat maklumat ibu bapa yang sempurna, 17 Februari 1995, beliau telah dapat didaftarkan sebagai anak angkat kepada Khong Tong Ann dan Chua Sui Kim. Pada bulan November tahun 1997, beliau telah memohon sebagai warganegara dengan rujukan JPN 163/3(D)/M/1414. Sampai 10 tahun masih belum dapat kelulusan dan kementerian sering kali mengatakan dalam proses. Baru-baru ini dikatakan fail ini sudah sampai ke tangan menteri. Saya harap permohonan ini jika pihak kementerian dapat memberikan satu keterangan atau satu jawapan tentang rujukan yang terkini iaitu rujukan kementerian sekarang ialah KDNS158/560/2/2-21828. Saya harap kementerian buat sedemikian dan meluluskan permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya Dewan yang mulia ini mengenai penduduk sementara iaitu dengan IC hijau. Saya difahamkan kerajaan mempunyai satu rekod yang lengkap terhadap kedudukan mereka dan adakah kerajaan memahami bahawa dengan kerajaan membekukan pada tahun 2005 pengeluaran IC hijau ini, apakah kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Bolehkah kerajaan beritahu kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebab IC hijau ini dibekukan dan bilakah ia akan dikeluarkan semula. Jika tidak, apakah cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh golongan penduduk yang memegang IC hijau. Saya juga ingin memberikan satu contoh kepada Dewan yang mulia ini. Seorang yang mempunyai IC hijau menghadapi masalah yang sampai hari ini amat sedih. Saya ingin beritahu kepada Dewan yang mulia ini.

**■2010**

Tuan Yang di-Pertua, seorang perempuan Cina umurnya 36 tahun. Dia bersuami dan ada seorang anak perempuan berumur lima tahun. Dia juga dilahirkan di Jasin, Melaka. Semasa beliau dilahirkan, maklumat bapa tidak dapat dipenuhkan di dalam surat beranak. Selepas itu, dia hanya dibenarkan memegang IC hijau dan kena buat *renewal* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi malangnya pada tahun 2005, pada satu hari beg perempuan ini telah diragut. Di dalam beg ini ada IC hijau, kad ATM dan juga *driving license* semuanya ada. Beliau terpaksa membuat permohonan semula. Semasa dia pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk memohon gantian terhadap IC hijau, beliau diberitahu jabatan tidak mengeluarkan IC hijau lagi kerana telah dibekukan oleh kementerian. Tanpa IC hijau ini, dia tidak boleh buat apa-apa. Dia kena tanggung seorang anak dan terpaksa bekerja. Gajinya masuk ke akaun bank dan dia hanya boleh gunakan ATM untuk mengeluarkan wang. Sekarang dia tidak boleh memohon ATM yang baru. Bank mahu tutup akaun dia dan dia langsung tidak dapat berbuat apa-apa.

Tiap-tiap kali dia kena rayu kepada bank dan tiap-tiap kali bank hanya minta dia dapatkan IC hijau. Sampai beberapa kali dia ke Jabatan Pendaftaran Negara, mereka pun kasihan kepada dia lalu dikeluarkan satu cabutan pendaftaran tanpa gambar. Sampai hari ini, hanya satu kertas yang dibawa, tiada IC. Saya bawa dia beberapa kali ke Jabatan Pendaftaran Negara dan kakitangan pun merasa sedih juga dan berkata; "*Sudah banyak kali dia datang, tetapi kita tidak boleh buat apa-apa. Harap Yang Berhormat bawa kepada Parlimen, minta kementerian jangan bekukan IC hijau.*" Ini mendatangkan banyak kesulitan kepada pemegang IC hijau.

Sebab itu saya berharap Dewan yang mulia ini bolehkah mempertimbangkan, apakah sebab IC hijau dibekukan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelas atau terangkan kepada Dewan yang mulia ini dan adakah cadangan untuk mengeluarkan semula IC hijau atau cadangan-cadangan lain yang boleh menggantikan IC hijau. Saya ingat sudah tiga tahun dan memang sudah cukup masa untuk satu jawapan dari Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk membangkitkan satu keraguan yang saya anggap bahawa Parlimen Malaysia ini dengan dewan undangan negeri di Malaysia ini, kita mengamalkan satu sistem demokratik berparlimen. Jika saya tidak salah, kita gunakan *Westminster system*. Akan tetapi memang masih ada di antara Parlimen dengan Dewan Undang Negeri ada prosedur atau peraturan mesyuarat yang masih ada perbezaan.

Saya ingin berikan satu contoh ucapan penangguhan, sebab saya pernah jadi ADUN di negeri Melaka. Ucapan penangguhan di Dewan Undangan Negeri Melaka, ucapan ini sebagai satu agenda mesyuarat yang akhir. Ucapan penangguhan ini diucapkan sebelum Dewan ditangguhkan. Sebab itu kuorum mesti perlu. Tidak cukup kuorum tidak boleh bahas, tidak boleh

ucap ucapan penangguhan. Oleh sebab itu, Kerajaan Barisan Nasional sudah menggunakan 33 kali mewujudkan satu keadaan tidak cukup kuorum untuk menghalang ADUN dari pembangkang untuk mengambil bahagian di dalam ucapan penangguhan. Akan tetapi apabila sampai Parlimen, saya nampak ucapan penangguhan ini diucapkan selepas seorang menteri menangguhan persidangan.

Oleh sebab itu, sudah beberapa kali saya nampak. Saya selalu sanggup tunggu dan saya nampak ucapan penangguhan diucapkan dengan hanya beberapa orang sahaja. Yang saya tidak salah, satu malam hanya lima orang termasuk menteri yang menjawab. Semuanya termasuk hanya lima orang sahaja. Begitu juga kuorum dengan kuorum. Saya pun faham bahawa semua Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan dari Pakatan, memang kita sedia dan mahu mengambil bahagian untuk berbahas tetapi jika kita mematuhi, *stick to the* peraturan tentang kuorum, kita akan hilang peluang untuk berbahas.

Oleh sebab itu, adakah Parlimen dengan dewan undangan negeri sering kali ada meneliti tentang prosedur atau tentang peraturan mesyuarat, seperti soalan, susunan soalan lisan, berapa jumlah soalan yang dibenarkan. Saya difahamkan dari rakan dari Negeri Sembilan, Selangor - kita semua tidak sama. Sungguhpun Ahli Yang Berhormat atau ADUN di negeri-negeri jumlah bilangan orang tidak sama, tetapi soalan pun tidak sama. Ada yang dibenarkan hanya tiga soalan lisan, ada yang dibenarkan sepuluh soalan lisan, pun tidak ada selaras.

Oleh sebab itu, saya pun hendak masukkan susunan. Di negeri Melaka, semua Barisan Nasional perlu dihabiskan barulah sampai kepada pembangkang. Di dalam satu setengah jam ini memang tidak ada peluang untuk pembangkang membangkitkan soalan lisannya. Oleh sebab itulah, saya lebih terima bahawa di dalam Parlimen kita memang ada *alternate*, ada yang tukar-tukar dua pihak. Sungguhpun kita kena tunggu, tetapi saya anggap ini satu cara yang lebih sihat.

Lagi satu tentang bayaran ganjaran. Saya difahamkan pada tahun 2003, Parlimen ini, Dewan yang mulia ini telah buat pindaan siling untuk bayar ganjaran kepada anggota yang bukan pentadbiran. Siling sudah tidak ada. Pada tahun itu saya difahamkan ada bayaran balik tambahan ganjaran kepada yang berkhidmat di Dewan ini melebihi 72 bulan. Akan tetapi di dalam beberapa negeri seperti di Melaka, siling itu masih ada. Saya dapati dari Setiausaha Dewan mengatakan ada lain-lain negeri sudah pindah mengikut Parlimen.

Adakah syarat-syarat yang mengatakan bahawa Parlimen dan dewan undangan negeri perlu selaras? Itu memang satu pertanyaan yang saya harap bahawa Parlimen atau Dewan yang mulia ini dapat berikan keterangan atau jawapan. Adakah Parlimen sanggup meneliti peraturan mesyuarat dewan undang negeri yang masing-masing dan tengok apakah perbezaan. Adakah perbezaan yang besar ataupun bercanggah dengan prinsip-prinsip atau konvensyen di dalam Parlimen ini? Saya anggap jika perbezaannya ada, Parlimen akan menjadi satu, *suppose to be the guide* dengan izin.

Saya ingin membangkitkan dua perkara lagi. Satunya ialah tentang pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya terima atau saya sokong Yang Berhormat dari Bukit Katil, mengatakan Melaka sebagai satu negeri yang bergantung pada sektor pelancongan. Di dalam jawapan oleh kementerian dalam Dewan persidangan ini, saya juga difahamkan bahawa Melaka tidak di dalam negeri keempat yang tinggi yang mendapat sambutan yang baik dari pelancong.

■2020

Saya ingat usaha untuk menarik lebih pelancong memang ini satu usaha yang baik oleh kerajaan negeri. Akan tetapi baru-baru ini satu projek yang dibawa ke Melaka ini saya tidak nampak projek ini akan dapat membawa kebaikan kepada sektor pelancongan iaitu *Eye on Malaysia*. *Eye on Malaysia* nampaknya hampir siap dibina dan mungkin akan beroperasi tidak lama lagi. Akan tetapi tempat pun tak sesuai. *Eye on Malaysia* dekat muara Sungai Melaka telah menjejaskan imej bandar lama atau dikatakan '*bandar raya warisan*'. Memang sudah menjejaskan imej atau *what we say* dengan *fun wheel* atau ciri-ciri kesejarahan telah dirosakkan.

Apa yang saya amat tidak boleh terima iaitu selepas saya terima dari kementerian, maklumat tentang perbelanjaan melalui *ticket collection* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima maklumat dari kementerian iaitu perbelanjaan keseluruhan daripada tahun 2007-2008, jumlah RM50 juta semasa *Eye on Malaysia* di Titiwangsa. Pendapatan daripada jualan tiket untuk tempoh yang sama iaitu 7 Januari hingga 31 Disember 2007 dan 1 Januari hingga 24 Ogos 2008. Jumlahnya hanya RM19, 578,416.

Jika dibandingkan begini dan dikatakan Kementerian Pelancongan akan memperoleh 30% hasil perolehan jualan tiket. Jika kita banding ini, apa akan terjadi kepada Melaka. Melaka sudah membelanjakan RM43 juta untuk membeli *Eye on Malaysia* dan bawa ke Melaka. Jika Titiwangsa, Kuala Lumpur, yang pelancong yang mengikut jawapan dari kementerian paling tinggi sekali pun hanya dapat angka-angka sebegini. Apa akan terjadi kepada Melaka. Kita punya RM43 juta, saya ingat, sangat susah, kita bukan hanya hendak untung balik, saya ingat hendak *maintain, operation* pun akan jadi satu masalah. Saya tak tahu apa akan terjadi, adakah RM43 juta ini jika pinjaman, berapa kita kena tanggung bayaran ini, pulangan dan *interest-interest*.

Sebab itu saya amat bimbang tentang *Eye on Malaysia* yang dibawa ke Melaka. Saya ingat ini tidak akan membantu sektor pelancongan di Melaka. Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya dah nampak ada juga tentang kerajaan tempatan bahawa ada projek-projek yang akan dilaksanakan dan saya harap satu projek yang amat penting di Melaka iaitu tapak pengurusan sisa pepejal. Memang Melaka kita sudah sampai satu tahap yang amat bahaya, iaitu kita punya *landfill* atau bukit sampah Kelubung sudah penuh sampai satu tahap tidak boleh muat lagi. Kerajaan negeri terpaksa untuk menjadikan satu tempat yang kecil untuk sementara. Saya tak pasti sampai berapa bulan sahaja.

Kerajaan negeri sudah sediakan satu tempat melalui pengambilan tanah dan bayaran tak kurang dari RM2 juta, bayaran sudah dibuat. Sebelum ini, menteri pun ada memberikan ruangan untuk mereka buat permohonan satu projek *incinerator* yang dikatakan dengan teknologi Jepun, plaster teknologi dia. Akan tetapi sampai hari ini kita masih perlukan kelulusan dari kementerian. Saya harap di Dewan yang mulia ini jika ada peluang menteri dapat jawab atau menteri yang baru, saya tak pasti Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bersama sebab sudah kalah dalam pilihan raya MCA. Akan tetapi, lamakah, barukah, saya harap menteri dapat jawab, bahawa projek Melaka ini akan diluluskan atau tidak akan diluluskan dan jika tidak, apakah bantuan kementerian kepada Kerajaan Negeri Melaka. Dengan ini saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya.

**8.26 mlm.**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang, kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Bajet 2009 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sepanjang tempoh kira-kira dua bulan lepas, selepas Bajet 2009 dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan saya mengambil kesempatan ini untuk meneliti dan memperhalus bajet prihatin tersebut.

Umumnya, saya melihat ia sebagai satu bajet mesra rakyat kerana berpaksi ke arah menjamin kesejahteraan hidup rakyat mengharungi ketidaktentuan ekonomi global. Saya katakan demikian kerana jelas terpancar daripada bajet tersebut komitmen yang tinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan ketika itu dengan merumuskan tiga strategi utama iaitu memastikan kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan berkualiti dan memperkukuhkan daya tahan negara bagi menangani kesan persekitaran luar yang semakin rencam.

Daripada ketiga-tiga rumusan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa fokus lebih tertumpu kepada strategi pengukuhan asas ekonomi iaitu menambah pendapatan pengukuhan asas ekonomi, menambah pendapatan boleh belanja rakyat sebagai usaha meringankan impak inflasi terhadap rakyat. Impak inflasi dilihat sebagai cabaran terhadap kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara kerana kerajaan perlu menggalakkan pembabitian aktiviti ekonomi yang aktif dari golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah yang boleh dianggap golongan majoriti rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya tidak melihat Bajet 2009 ini sebagai gula-gula semata-mata sebagaimana yang diangkatkan oleh Ketua Pembangkang dalam ucapan perbahasan tempoh hari. Bagaimanapun dari sudut lain, saya barangkali bersetuju jika dikatakan bajet ini sebagai gula-gula berkhasiat dan bervitamin yang memberikan kesejahteraan hidup rakyat terutama kami di Sabah dan Sarawak yang mendapat peruntukan besar Bajet 2007.

*Gula-gula Rabbit diharamkan kerana melamin,*



*Bajet 2009, gula-gula bervitamin,  
Kepada pembangkang tengoklah cermin,  
Hentam-hentam rakyat yang dipermain.*

Tuan Yang di-Pertua, mengakui bahawa ekonomi negara kita sentiasa dipengaruhi gelombang ekonomi dunia, maka mahu tidak mahu kita akan rasa kesan tempias yang berlaku di peringkat global. Oleh yang demikian usaha dan pendekatan lebih pragmatik sewajarnya diambil bagi memperkasakan ekonomi negara secara berterusan. Pembangunan modal insan merupakan antara rangkaian yang boleh menjana ke arah ini. Justeru ia semestinya menjadi agenda penting dan keutamaan walaupun dalam apa jua situasi. Ini bertujuan untuk memastikan proses pengukuhan daya saing negara terus berjalan demi memartabatkan agenda tamadun bangsa.

Justeru budaya ilmu perlu diperkukuhkan secara berterusan. Ilmu dihargai sebagai sifat dan nilai yang utama agar semua keputusan penting harus ditentukan berdasarkan wibawa ilmu dan hikmah. Sementara kenyataan ini yang Cuma berdasarkan sentimen sebagaimana yang dicadangkan oleh pembangkang serta kepentingan tertentu perlulah dielakkan. Dalam konteks mengukuhkan daya saing serta ketahanan negara untuk mendepani fenomena global yang semakin rencam suatu anjakan paradigma amat diperlukan.

#### ■2030

Perkembangan ilmu semasa dan terkini harus difahami dan dikuasai agar negara dapat terus bersama komuniti dunia di pentas antarabangsa. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai suatu pendekatan yang diimplementasikan di Sabah yang barangkali berlainan dengan negeri-negeri di Semenanjung dalam menjana pembangunan serta pertumbuhan ekonomi khasnya negeri Sabah Di Bawah Bayu. Koridor Pembangunan Sabah (SDC) merupakan suatu kerangka baru yang bakal mengubah landskap sosioekonomi Sabah dalam jangka waktu pelaksanaannya sekitar 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Koridor Pembangunan Sabah atau *Sabah Development Corridor* (SDC) adalah merupakan pembangunan yang bercirikan *private sector driven*. Strategi SDC adalah memanfaatkan perhutanan Sabah yang sedia ada iaitu lokasi yang strategik, kekayaan sumber asli dan warisan budaya dan biodiversiti untuk memperkembangkan dan memperkukuhkan ekonomi berpotensi tinggi di Sabah. Selaras dengan hala tuju negeri Sabah, sektor yang dipromosikan dalam inisiatif SDC adalah pertanian, pelancongan, perkhidmatan logistik serta pembuatan.

Bagi sektor pelancongan SDC menggariskan strategi untuk mencapai perolehan yang tinggi dan menarik pengunjung agar tinggal dalam tempoh yang lebih lama di negeri Sabah. Dalam rangka tindakan SDC juga digariskan usaha meningkatkan kedudukan Sabah sebagai eko-kembara perdana serta destinasi kediaman kedua kelas atasan dan vila percutian mewah

serta eksekutif gaya hidup. Kemapanan pembangunan adalah tema utama dalam sektor ini. Penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan adalah digalakkan dan malah disokong terutama sekali pembangunan kraf tangan tradisional dan aktiviti-aktiviti *homestay* di kampung.

Keperluan membangunkan sistem logistik negeri bagi menangani kos perniagaan yang tinggi di negeri ini berbanding dengan negeri lain di Semenanjung menjadi agenda penting *Sabah Development Corridor*. Sistem logistik, pengangkutan dan infrastruktur lain adalah merupakan komponen yang tidak boleh dipinggirkan untuk menjana ekonomi negeri. Sektor pertanian pula ditumpukan sepenuhnya kepada usaha meningkatkan kemampuan diri dalam penghasilan makanan, penanaman tanaman bernilai tinggi untuk dieksport serta membantu dalam pembasmian kemiskinan. Subsektor pertanian yang dipromosikan dalam SDC termasuklah akuakultur, perikanan laut dalam, penternakan dan hortikultur.

Strategi bagi sektor pembuatan adalah menarik syarikat bertaraf dunia, membuka pangkalan mereka dan memacu pertumbuhan aktiviti pembuatan hiliran dengan memanfaatkan sumber asli Sabah seperti kelapa sawit, minyak dan gas, mineral dan balak sebagai bahan mentah. Peringkat permulaan tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan dan menaik taraf faktor pendaya seperti infrastruktur dan modal insan. Bilangan IKS juga akan ditingkatkan sehingga ke tahap mencukupi, bukan sahaja dapat menyokong syarikat multinasional yang lebih besar tetapi dapat menyediakan ruang untuk pertumbuhan masa hadapan.

Wawasan SDC adalah untuk menjadi sebuah negeri yang bertenaga, berjaya dari segi ekonomi dan diidamkan sebagai tempat kediaman yang selesa. Secara umumnya banyak aktiviti SDC memerlukan penglibatan lebih ramai usahawan dan pelabur. Dalam masa yang sama kerajaan perlu melihat dan mencari penyelesaian dengan serius isu-isu pembangunan yang dihadapi oleh negeri Sabah yang memberikan kesan kepada perkembangan ekonomi keseluruhan.

Selain daripada isu kemiskinan, banjir pekerja asing, keselamatan dan pembangunan ruang ekonomi yang tidak seimbang dan *fragmented*, isu-isu yang juga perlu diberi perhatian serius yang sering disuarakan oleh para usahawan adalah kos perniagaan yang tinggi. Khususnya kos pengangkutan perkapalan yang tinggi, jumlah kargo rendah, frekuensi kedatangan kapal rendah dan *double handling* disebabkan oleh *cabotage*, isu infrastruktur asas air, elektrik dan kekurangan *critical mass* modal insan, pembangunan pengangkutan darat dan lain-lain. Infrastruktur di Sabah masih jauh tertinggal dan ini mengehadkan pertumbuhan sektor logistik yang menyokong pembangunan perniagaan dan perdagangan.

Oleh kerana pembangunan sektor logistik jauh ke belakang menyebabkan wujudnya rangkaian masalah perniagaan dan perdagangan khususnya di Sabah. Kos untuk menjalankan perniagaan yang tinggi ini banyak membantut minat usahawan-usahawan baru dan ini tidak akan dapat menggalakkan perkembangan sektor ekonomi yang lain. Keadaan infrastruktur negeri Sabah, logistik dan perkhidmatan sokongan untuk PKS di Sabah masih perlu banyak diwujudkan,

diperbaiki dan diperkemaskinikan. Usaha-usaha galakan latihan dan motivasi keusahawanan di kalangan kaum bumiputera terutama sekali di luar bandar akan lebih bermakna dan berkesan dengan penyediaan perkhidmatan dan sokongan asas yang diperlukan dan mudah diperoleh oleh para usahawan.

Secara umumnya tahap *survival* usahawan bumiputera di luar bandar di Sabah adalah amat rendah kerana rangkaian halangan dan risiko yang perlu dilepasi amat mencabar dan ia memerlukan pengorbanan yang terlalu berat. Senario seumpama ini tidak mampu menarik ramai usahawan baru dan pelabur daripada luar. Sebagai contoh mudah bagi usaha kecil PKS makanan luar bandar di Sabah, bahan-bahan pembungkusan seperti botol plastik, tin, sesetengah bahan mentah, percetakan dan label yang merupakan perkara-perkara asas dalam pemasaran tidak mudah diperoleh di Sabah. Ini menyebabkan meningkatnya kos perniagaan melebihi 50 - 70% kerana PKS ini terpaksa mendapatkan bahan ini di luar daripada Sabah. Ini tidak termasuk kos penghantaran barangan siap di dalam dan di luar negeri. Kita belum lagi bercakap tentang halal, sistem logistik halal untuk memastikan barangan tidak dicemari dan berada mengikut aspek dan *spec* kualiti yang ditetapkan semasa pemprosesan, penyimpanan dan penghantaran.

Rangkaian masalah dan kekurangan yang dihadapi oleh para usahawan perlu diberi perhatian yang serius kerana ia memberi kesan yang ketara dalam pembangunan sektor ekonomi. Kajian SDC menunjukkan bahawa kurangnya aktiviti pembuatan dan hiliran di Sabah juga mengakibatkan bilangan kontena import dua kali ganda kontena eksport. Ini memberikan kesan terhadap kadar tambang pengangkutan apabila kapal terpaksa pulang dengan ia separuh muatan.

Infrastruktur ICT termasuk bekalan elektrik, komponen fizikal yang membentuk jaringan digital, telekomunikasi dan perkhidmatan internet di Sabah juga amat jauh ketinggalan. Berdasarkan statistik 2005 15% rumah di luar bandar masih tidak mempunyai elektrik berbanding dengan 100% di Semenanjung. Talian telefon rumah hanya dinikmati oleh 6.27% penduduk luar bandar Sabah. Peratus terendah di Malaysia dalam sektor peniagaan pula penggunaan sistem telekomunikasi di Sabah hanya 2.66% berbanding 5.28% di Malaysia. Bagi penggunaan internet di Sabah hanya mencatat 1.6% berbanding dengan Selangor 8.49% khasnya *Knowledge Based Economy Master Plan Malaysia* dalam 2005.

Berdasarkan input logistik dan ICT yang masih lemah, secara umumnya ini memberikan kesan membantutkan perkembangan pembangunan khasnya dalam sektor ekonomi. Dari kajian juga didapati bahawa usahawan negeri Sabah terutama PKS bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan dan bimbingan tetapi juga penyediaan prasarana perniagaan yang mudah diperoleh serta latihan dan pendedahan yang berterusan.

Oleh yang demikian bagi memastikan SDC dapat dilaksanakan dengan jayanya. *Linkage* yang dikenal pasti dalam SDC terutama sekali keperluan menambah serta memperkemaskan

dan menaik taraf sistem telekomunikasi serta sistem sokongan lain di negeri ini tidak boleh dilengah-lengahkan. Masa adalah kos dalam perniagaan, *speed and efficiency* amat diperlukan bagi ketika ini untuk terus dapat seiring dan bersaing.

Pendekatan pembangunan '*one size fits for all*' dengan izin dalam menangani masalah usahawan perlu dielakkan. Ini kerana punca penyelesaian bagi usahawan tempatan adalah berbeza keadaannya berbanding dengan usahawan-usahawan yang berada di Semenanjung Malaysia yang lebih banyak pendedahan prasarana *networking* dan *advantage*, dengan izin kerana lebih dekat dengan perkhidmatan sokongan yang diperlukan.

#### ■ 2040

Tuan Yang di-Pertua, Sabah sememangnya kaya dengan sumber alamnya tetapi dari segi pencapaian ekonomi dan taraf rakyat Sabah masih jauh tertinggal di belakang. Kekayaan sumber alam sahaja tidak mampu menjamin keutuhan ekonomi jika modal insan tidak diuruskan dengan dilengkapkan dengan pengetahuan kepakaran yang diperlukan. Oleh yang demikian dalam era ekonomi ini, kepentingan pembangunan modal insan dan kapasiti dan *capability* amat diperlukan agar lebih ramai anak Sabah mempunyai ilmu dan kepakaran dalam menggerakkan seperti yang diperlukan selaras dengan inisiatif SDC, negeri Sabah dapat seiring dengan kemajuan pembangunan perdana negeri-negeri yang maju, khasnya dalam konteks Malaysia ini.

Sesungguhnya peningkatan dan peluang perniagaan dan keusahawanan terbentang luas khususnya dengan pelancaran Gagasan Pembangunan Wilayah Bersepadu yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti SDC yang saya bincangkan ini di Sabah. Ini sememangnya membuka dan menyediakan peluang penyertaan yang begitu luas bagi penglibatan industri PKS di pelbagai sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi, terutama sekali di sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan.

Saya yakin rakyat Sabah akan mendapat manfaat daripada SDC ini jika kerajaan terus dengan serius melaksanakannya tanpa terlalu banyak *red tapes*, inisiatif SDC bukan sahaja dapat menjana kekayaan baru tetapi mampu melahirkan lebih ramai dan pelbagai usahawan dan kepakaran dalam bidang-bidang strategik dan baru yang diperlukan oleh negeri ini. Ini sekali gus dapat memastikan rakyat mempunyai pendapatan atas garis kemiskinan dan pendapatan yang boleh digunakan dengan nilai yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengimbau kembali inti pati ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2009, antara lain menegaskan bahawa kestabilan politik negara wajib dipelihara bersama. Kenyataan tersebut perlu diberi perhatian berat oleh semua pihak negara ini. Sesungguhnya semua pihak mempunyai tanggungjawab bersama membina sebuah negara yang aman, damai, teguh dan bersatu.

Rakyat tidak akan dapat dimakmurkan dan negara tidak dapat dibangunkan hanya dengan retorik politik, budaya berpolitik yang keterlaluan merugikan setiap kita, malah

menjejaskan kemakmuran negara. Oleh itu rakyat perlu menolak tindakan sesetengah pihak yang gemar menimbulkan suasana ketidaktentuan dengan menolak perjuangan sempit. Rakyat perlu memahami bahawa golongan ini tidak akan duduk diam selagi tidak memperoleh kuasa, malah mereka akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan kuasa termasuk merampas mandat daripada rakyat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

Oleh itu, segenap lapisan rakyat perlu menyokong kerajaan yang ada sekarang yang berusaha dengan penuh ikhlas untuk membawa kemajuan dan perubahan. Menjadi tanggungjawab kita semua tanpa mengira kaum dan keturunan terus bersatu untuk memastikan negara ini sentiasa stabil dan tidak mudah digugat oleh mana-mana pihak. Sekian, saya mohon menyokong.

**8.44 mlm.**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** *Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan, seterusnya yang hadir pada malam ini. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet bagi 2009.

Saya mempunyai beberapa isu yang hendak dibangkitkan di dalam Dewan pada malam ini. Berkaitan juga beberapa isu yang berkait rapat dengan salah satu daripada fokus utama di dalam pembentangan bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Isu yang pertama yang saya hendak sebut ialah yang berkait dengan pendidikan iaitu sebanyak RM47.7 bilion berdasarkan kepada peruntukan ataupun bajet yang disediakan adalah dikhususkan untuk pendidikan dan juga latihan. RM14 bilion adalah diperuntukkan untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Prasarana asas yang kita lihat pada hari ini berkait dengan mahasiswa yang mereka ini diberi bantuan baik daripada jabatan ataupun daripada JPA atau mereka yang mendapat pinjaman daripada agensi seumpama PTPTN.

Kita melihat bagaimana dalam jawapan yang diberikan dalam Parlimen sebelum daripada ini dalam tahun 2007, bagaimana mahasiswa yang berada di peringkat diploma mereka ini sebelumnya dapat RM5,000 lebih kurang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat diploma mendapat tambahan sehingga RM8,000. Itu di peringkat diploma. Manakala bagi yang berada di peringkat ijazah dasar, mereka ini akan ditingkatkan pinjaman daripada RM20,000 sepanjang tempoh pengajian kepada RM30,000.

Baiklah, kalau kita lihat daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri tahun lepas, peruntukan yang diterima oleh pusat serenti ataupun oleh pelatih di pusat serenti pun lebih banyak daripada yang diperolehi mahasiswa di peringkat universiti. Kalau kita lihat perbelanjaan bagi setiap pelatih per hari ataupun mengikut harian,

mereka dapat lebih kurang satu hari RM20. Kalau kita lihat kepada apa yang diperolehi oleh mahasiswa dengan RM20 yang diperolehi oleh pelatih di pusat serenti yang kalau RM20, 30 hari mereka dapat lebih kurang sebulan RM600. Kalau mereka berada di pusat serenti selama tiga tahun, jumlah yang mereka akan dapat lebih kurang RM20,000.

Kalau kita tengok mahasiswa yang berada di peringkat diploma, mereka hanya dapat lebih kurang RM8,000 sahaja. Ini satu benda yang begitu menyedihkan kita. Sehingga satu kajian yang dibuat oleh satu persatuan mahasiswa yang mana kalau dibandingkan dengan pendapatan per kapita penduduk dalam negara kita sendiri pun seolah-olahnya mahasiswa ini berada di bawah paras kemiskinan. Jadi kita kasihan kepada mereka. Kita hendak lahirkan pada masa yang sama, modal insan yang baik tetapi mereka akhirnya terpaksa bekerja pada waktu malam untuk mencari lebih untuk meneruskan pengajian mereka.

Dalam peluang ucapan perbahasan ini, saya juga hendak menyebut, Tuan Yang di-Pertua, tentang amalan demokrasi yang berlaku ataupun yang berlangsung di kampus-kampus. Selaras dengan peruntukan yang ada di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, universiti mesti mengadakan pemilihan untuk Majlis Perwakilan Mahasiswa. Masalah yang berlaku ialah seperti mana yang berlaku kepada kita rakyat Malaysia yang berada luar daripada menara gading, tarikh pilihan raya kampus juga masih menjadi rahsia, tidak diumumkan.

Kalau dahulu pihak kementerian mengumumkan pilihan raya kampus ini akan dibuat serentak di semua kampus, tetapi sekarang ada pilihan raya yang berlaku pada hari ini ataupun 21 Oktober hari ini, ada kampus yang melanjutkan ataupun yang dikatakan akan mengadakan pilihan raya pada bulan Januari 2009, malah dalam tempoh itu ada pula *caretaker government...*, seolah-olahnya begitu, ada pula bila mereka sudah habis tempoh mereka memegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Mahasiswa, ada pula orang yang mengisi jawatan sehinggalah berlaku pilihan raya pada bulan Januari.

Ini satu perkara yang pelik yang berlaku dalam kampus pada hari ini. Kita diajar ataupun mahasiswa diajar supaya mengenal, mendapat pendedahan awal tentang sistem demokrasi. Mereka diberi peluang untuk mengasah bakat kepimpinan, tetapi pada masa yang sama mereka masih dikongkong dengan peraturan-peraturan yang tidak begitu mesra mahasiswa seperti mana yang diperkenalkan oleh HEP khususnya.

Begitu juga kita melihat bagaimana berlaku di dalam kampus seolah-olah mahasiswa terpaksa berlawan dengan pihak Hal Ehwal Pelajar. Kita melihat bagaimana ada Hal Ehwal Pelajar yang taja calon, ugut macam-macam kepada mahasiswa termasuklah buang kolej sekiranya tidak memberi undi kepada calon-calon yang ditaja oleh HEP. Ini satu perkara yang amat malang dalam satu masa kita hendak mempromosi demokrasi yang lebih adil, lebih saksama, tetapi kita lihat seolah-olah ada ugutan di dalam kampus, tempat penyuburan ataupun tempat mereka mempelajari tentang teori demokrasi itu sendiri.

**■2050**

Satu isu yang berbangkit juga yang menimbulkan perbincangan hangat di kalangan mahasiswa dan juga kawan-kawan yang begitu prihatin terhadap demokrasi ialah *e-voting*, iaitu bagaimana pembuangan undi yang dilakukan secara *online*. Ini diwujudkan dalam pilihan raya sebelum ini di kampus seumpama di UPM, UIA dan juga UPSI, tetapi pada masa yang sama sistem *e-voting* ini mendapat kawalan penuh daripada TNC dan juga HEP. Jadi sudah tentulah kita melihat bagaimana isu kebebasan timbul sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka kita melahirkan modal-modal insan terbaik dalam negara kita. Saya juga nak menimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana isu yang berkaitan dengan kualiti bangunan ataupun kualiti persekitaran yang ada dalam universiti itu sendiri. Saya sempat pada tengah hari tadi melawat Universiti Malaya, Universiti Malaya tempat saya graduasi. Bagaimana saya mendapat laporan bahawa terdapat tanah runtuh di Universiti Malaya, bukan kali pertama, sudah berkali-kali sebelum ini di kolej 10, sebelum ini di asasi.

Pada hari ini berlaku tanah runtuh pula di Akademi Pengajian Islam, di bangunan Akademi Pengajian Islam, sehingga telah merosakkan sebahagian daripada bangunan pentadbiran Akademi Pengajian Islam yang melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Ini satu isu yang cukup besar, yang mesti kita lihat terutamanya pihak-pihak yang terbabit dalam menguruskan ataupun yang berurusan terus dengan pihak universiti. Bagaimana blok D Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang menempatkan perpustakaan, blok pentadbiran yang terdiri daripada pejabat pengarah, pejabat ijazah tinggi, ijazah dasar dan pejabat pembangunan dan juga penyelidikan termasuk di sudut pejabat-pejabat bagi timbangan-timbangan pengarah yang kita lihat 20 Oktober, berlaku kelmarin sahaja, kita melihat hampir runtuh.

Perpustakaan rosak, yang ada dalam perpustakaan itu, ribuan buku-buku, kitab-kitab, tesis-tesis, jurnal-jurnal yang terbenam di dalam tanah. Maka kita nak pertikaikan bagaimana kualiti, walaupun telah mungkin sebelum ini sudah mendapat perakuan keselamatan dan sebagainya. Maka kita minta supaya Kementerian Pengajian Tinggi mengambil berat isu ini. Kita minta supaya pihak-pihak yang berkenaan boleh memberikan peruntukan kecemasan kepada pihak universiti terutamanya Universiti Malaya untuk memulihkan apa yang berlaku pada hari ini, yang mana sebelum daripada ini ada pihak yang menganggarkan kerugian lebih kurang RM10 juta.

Jadi tempat atau yang kita panggil perpustakaan yang menempatkan puluhan komputer dan juga tesis akademik musnah. Dan pada masa yang sama di sebelah blok C, kita lihat ada lagi bangunan yang berada dalam keadaan yang hampir sama dengan bukit yang berada di belakangnya, hampir sama kedudukannya yang mungkin boleh runtuh bila-bila masa. Ini isu yang sangat besar yang perlu diberi perhatian. Kalaulah ia berlaku pada waktu malam ketika pelajar-pelajar ataupun mahasiswa sedang *study*, bagaimana dengan keselamatan mereka?

Nasib baik berlaku waktu malam, tidak ada orang, kalau ada orang, kalau ada timbalan pengarah, kalau ada Pengarah Akademi Islam, berapa banyak jiwa yang terbaik yang terkorban - mungkin. Yang sedang berada di dalam perpustakaan sekiranya berlaku pada waktu siang ketika *study week!* Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dewan yang mulia, kita harapkan satu tindakan yang serta-merta dan segera terhadap isu ini.

Kalau tengok isu ini berkaitan lama sebenarnya. Sebelum daripada ini dijanjikan kepada fakulti Islam, sebuah universiti yang dicadangkan di Bachok, Kelantan. Tiba-tiba peruntukannya diubah untuk membina Universiti Utara Malaysia. Kemudian peruntukan yang RM70 juta lebih kurang dikurangkan sehingga RM30 juta. Tinggal RM30 juta, buat pula bangunan yang cukup tidak selamat, cukup berisiko. Jadi ini satu isu yang cukup besar.

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga prihatin terhadap ura-ura Universiti Malaya khususnya yang akan mengurangkan seperti mana yang disebut dalam akhbar-akhbar, pengambilan mahasiswa yang terlibat di dalam akademi Islam khususnya ataupun terlibat di dalam ijazah dasar. Kononnya mereka akan ambil lebih pelajar-pelajar di peringkat ijazah tinggi untuk menaikkan semula *ranking* ataupun kedudukan universiti di mata dunia. Saya juga mendengar khabar bahawa mahasiswa daripada pra Sabah dan juga Sarawak yang sebelum ini berada di dalam Nilam Puri, Kelantan iaitu salah satu daripada cawangan Universiti Malaya akan diambil oleh pihak USIM.

Jadi persoalannya ialah kita telah melihat bagaimana mahasiswa pra daripada akademi Islam yang berada di akademi Islam yang berasal daripada Sabah dan Sarawak yang sudah berada sekarang di jabatan masing-masing di Sabah, Sarawak yang memberi sumbangan yang begitu besar terhadap pembangunan umat Islam di Sabah, Sarawak yang sebelum ini bergraduasi dari Universiti Malaya. Tiba-tiba kita sudah tidak lihat lagi mereka dididik daripada Universiti Malaya.

Jadi saya minta supaya pihak Universiti Malaya ataupun pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan mengambil berat juga isu ini, kerana pada masa yang sama kita *promote* satu program. Perdana Menteri telah melancarkan satu program yang bernama j-QAF. Iaitu Jawi, Quran dan Fardu Ain yang memerlukan ribuan tenaga untuk diisi, tetapi pada masa yang sama pengurangan berlaku kepada mahasiswa daripada aliran ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika dunia berdepan dengan krisis ekonomi, saya juga pada malam ini ingin mencadangkan ataupun menarik perhatian dari pihak Jabatan Perdana Menteri untuk memikirkan terutamanya di bawah Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, untuk memikirkan satu akta yang berkaitan dengan pajak gadai Islam yang kita lihat pada hari ini, yang kita panggil agensi-agensi atau pihak-pihak swasta yang memberikan pinjaman-pinjaman dengan riba dan sebagainya.

So, ini menarik perhatian Dewan pada malam ini. Satu sistem pajak gadai Islam wujud sebenarnya dalam negara kita tetapi tanpa satu akta, namanya mungkin Akta Pajak Gadai Islam



atau sebagainya, ia tidak boleh berkembang dengan lebih luas. Jadi pada malam ini saya ingin menyebut, bahawa pajak gadai Islam ataupun disebut sebagai Ar-Rahnu yang sebelum ini ataupun sekarang dilaksanakan melalui Bank Rakyat, melalui Yayasan Pembangunan Ekonomi Malaysia di bawah JPM yang berlandaskan syariah, tidak ada riba dan tidak ada manipulasi, tidak ada ketidaktentuan, ia cepat, murah, dijamin barang gadaianya, upah simpan pula rendah, tempoh gadaian boleh disambung daripada mungkin enam bulan peringkat awal, tambah lagi dua bulan, tambah lagi dua bulan, perlu diberi perhatian yang lebih mendalam oleh pihak Jabatan Perdana Menteri.

Kerana dalam Al-Quran, Allah SWT menyebut, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] ini ayat Al-Quran yang menyebut, bahawa sekiranya seorang itu berada dalam keadaan musafir, sedangkan tidak ada jurutulis untuk menulis hutang, nak bagi hutang maka letak barang, maka dipegang oleh orang lain, kemudian orang itu akan memberi hutang. Maksudnya satu sistem gadaian dan malah Nabi Muhammad SAW sendiri pernah gadai, Nabi miskin. Dia pernah menggadaikan baju besi kepada seorang Yahudi untuk mendapat pinjaman sebanyak lebih kurang 70 kilogram gandum, bahan makanan kerana dia miskin.

Maka ini menunjukkan, ketika Nabi SAW wafat pun, mati pun, baju besinya masih lagi berada dalam tanggungan hutang. Maksudnya miskinnya Nabi, walaupun seorang negarawan yang besar, yang hebat tetapi dia miskin, menunjukkan memberikan kepada kita satu penyelesaian kepada orang-orang yang miskin, orang-orang yang tidak ada apa-apa untuk mendapat sesuatu pembiayaan, ketika mana mereka berada dalam keadaan yang sangat susah.

Dalam satu kertas kerja yang telah dibentangkan oleh Profesor Dato' Hamdan Adnan, bekas Presiden FOMCA. Dia menyenaraikan beberapa elemen-elemen negatif, kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti pajak gadai konvensional yang ada pada hari ini, yang akhirnya mewujudkan along-along yang begitu ramai. Termasuklah nilai gadaian yang semakin merosot, ia tak sama.

#### ■2100

Kalau gadaian Islam, pada 6 bulan yang pertama kalau tidak mampu hendak tebus, ditambah lagi 2 bulan. Sekiranya tidak mampu hendak tebus, tambah lagi 2 bulan, tak mampu hendak tebus pula, maka pihak kita dipanggil yang digadaikan itu, barang yang digadaikan itu dibuat lelongan. Lelongan itu bagi balik pula kepada si penggadai. Ini maksudnya, tetapi kalau kita tengok di dalam sistem konvensional yang diamalkan, kalau gadaian itu bernilai RM100 ke bawah tanpa perlu memberitahu kepada penggadai maka ia boleh dirampas. Ini satu kelemahan, wang lebihan gadaian tidak dipulangkan, tiket gadaian susah dibaca dan difahami oleh orang-orang miskin kerana kebanyakan mereka ini tidak berpelajaran.

Akhirnya apabila mereka menggadaikan barang, akhirnya mereka kena tipu. Kadar faedah yang cukup tinggi, berbanding dengan hanya upah sahaja dibenarkan ketika kita menggadai secara Islam. Pemegang pajak gadai menuntut pula wang pendahuluan. Ini maksudnya

suatu era baru perlu dirangka oleh Jabatan Perdana Menteri untuk kita melihat satu akta diperkenalkan. Saya cukup berharap kepada menteri di Jabatan Perdana Menteri terutamanya Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi untuk melihat cadangan ini secara lebih mendalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kali yang kedua Yang Berhormat sebut nama ahli. Peringatkan Peraturan 36(5) melarang menyebut nama ahli Yang Berhormat. Ya, sebutkan nama tempat ataupun kementerian dia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya menarik perhatian daripada Yang Berhormat Bagan Datok iaitu menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk melihat cadangan ini secara lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin disebut ialah masalah yang berlaku di Parlimen Padang Terap. Hari ini lebih kurang 50 ataupun 60 keluarga dipindahkan akibat banjir, airnya akan mengalir ke Kota Star, akan mengalir ke tempat yang lebih rendah.

Masalah yang berlaku ialah bagaimana kita meminta jasa baik agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti JKR, JPS untuk melihat satu pendekatan ataupun satu penyelesaian kepada masalah yang berlaku terutamanya mungkin boleh mendalamkan sungai-sungai seumpama Sungai Padang Terap, Sungai Padang Sanai dan juga Sungai Tekai yang air ini mengalirkan air daripada Empangan Pedu ataupun Empangan Muda. Saya juga mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri sekali lagi untuk mempertimbangkan, menaiktarafkan pondok polis iaitu terutamanya di Felda Lubok Merbau untuk menjadi balai polis.

Penduduknya sudah mencapai lebih kurang 10,000 ataupun 12,000 orang penduduk tetapi mereka hanya ada lebih kurang 3 anggota sahaja. Sudah tentulah mereka tidak mampu untuk mengawasi atau memantau jenayah-jenayah yang berlaku terutama apabila harga-harga komoditi seumpama getah yang begitu teruk. Jadi, saya mengharapkan perbahasan saya ini mendapat perhatian daripada agensi-agensi yang berkaitan. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap pada malam ini. Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh..

#### **9.04 mlm.**

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya minta izin untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2009 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, syukur kita kaum muslimin muslimat di negara ini baru sahaja selesai merayakan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana yang cukup aman, cukup makmur, cukup makan, cukup tidur dan segala-galanya.

Di samping itu, sahabat-sahabat kita dari semua suku bangsa bukan Islam turut merayakan Aidilfitri ini dengan semangat muhibah dan setia kawan yang cukup padu, erat dan akrab. Ternyata juga sambutan Hari Raya Aidilfitri yang kita sambut tahun ini melanjutkan bukti nyata betapa makmurnya negara kita dan betapa sejahteranya rakyat kita kerana dapat merayakan Aidilfitri dalam suasana yang cukup aman, makmur, serta menikmati rezeki dalam limpahan kemakmuran dan kemajuan serta pencapaian ekonomi negara dan rakyat yang tiada tolok bandingnya.

Walaupun isu harga minyak menjadi faktor kenaikan harga barangan. Namun, rakyat negara ini masih mampu berbelanja seadanya, membuktikan kemakmuran negara ini di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh diperlekeh dan dipersendakan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan ketika itu membentangkan bajet prihatinnya pada 29 Ogos yang lalu. Ini kerana keupayaan Kerajaan Barisan Nasional pimpinan beliau mengemukakan satu rangka belanjawan yang bukan sahaja realistik tetapi amat munasabah, objektif dan bermatlamat serta jelas menunjukkan keupayaan sebenar Kerajaan Barisan Nasional memerintah dan mentadbir negara kita ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah diberi kepercayaan sepenuhnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawat jawatan Menteri Kewangan kita yang baru. Walaupun berpindah tangan untuk menangani bajet yang baru dan sedang kita bahaskan ini, saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang baru dapat menunaikan tanggungjawab beliau untuk menguruskan perancangan bajet ini sebaiknya. Malah kita berharap supaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga dapat meningkatkan lagi prestasi pengurusan Bajet 2009 ini dengan penuh kesempurnaan serta dapat menokok tambah peruntukan ke mana-mana juga sektor yang dirasakan layak peruntukan lebih daripada yang dirancangan.

Saya amat tertarik hati dengan kelompok ataupun golongan rakyat yang di sasar dalam Bajet 2009 ini kerana ianya begitu meluas terutama di kalangan yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuklah golongan kurang upaya, pesara, serta golongan pekerja di kalangan petani, buruh dan nelayan di tengah-tengah kemelut ekonomi dunia terutama kecelaruan ekonomi dunia berpunca dari kenaikan harga minyak yang tidak akan ada titik atau noktah kenaikan dan telah mula mempamerkan kegelisahan rakyat di banyak negara mundur, miskin dan sedang membangun.

Namun, negara kita mampu bertahan malah mengangkat perbelanjaan tahunan negara dengan begitu bergaya sekali. Walaupun ada kebimbangan dan dakwaan sesetengah pihak kononnya Bajet 2009 ini tidak mampu menarik pelaburan asing. Ini sebenarnya bukan hujah untuk menidakkan kebenaran bajet tersebut kerana pada hemat saya kemasukan pelaburan

asing adalah suatu perancangan yang sudah lama berjalan di negara kita dan ia tidak pernah putus. Sekiranya ada sikit kebenaran dan beranggapan bajet tahun hadapan mencicirkan agenda pelaburan asing, saya percaya inilah masa bagi pelabur-pelabur tempatan pula melangkah keluar dan menjangkau ke negara-negara di seberang laut dan melebarkan perniagaan mereka.

Dengan dukungan sokongan Kerajaan Barisan Nasional insya-Allah pelabur tempatan yang melabur ke luar negara boleh menjadi satu agenda perniagaan dan pegangan yang lebih besar dan hebat. Saya yakin ini pasti memberi pulangan yang lumayan yang dapat dikongsi sama oleh kerajaan dan rakyat negara kita. Bajet 2009 ini dibentangkan ini ketika penguasaan ekonomi Amerika Syarikat sedang menuju gerbang terakhir atau dalam bahasa media tempatan sedang menuju ke penghujung dunia. Sebagaimana kata Presiden Rusia baru-baru ini, saya petik:-

*“Satu dunia didominasi oleh satu ekonomi dan satu mata wang telah berlalu, kita perlu bekerjasama ke arah membina sistem ekonomi baru yang lebih adil berdasarkan prinsip multipola, kedaulatan undang-undang dan mengambil kira tentang keperluan bersama.”* Sekiranya benar-benar berlaku keruntuhan kuasa monopoli Amerika Syarikat yang berpunca dari krisis *subprima* di negara tersebut ia sudah tentu tempas dan memberi kesan buruk kepada ekonomi banyak negara di dunia termasuk negara kita.

Bagi negara kita kesan buruk ini mungkin dirasakan bukan sahaja sektor perdagangan dan perniagaan malah mungkin akan membawa kepada beberapa sektor ekonomi yang lainnya termasuklah kewangan dan pelaburan. Namun begitu, saya yakin keupayaan Kerajaan Barisan Nasional menghadapi gelombang ekonomi jika turut melanda ekonomi negara kita akan dapat menangkis dan bersedia mengatasi masalah tersebut apabila ia berlaku nanti. Sebagaimana yang sudah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri baru-baru ini. Apa yang penting ialah kerajaan perlu sentiasa mengawal inflasi, memantapkan sektor pelaburan, memperkukuhkan institusi kewangan dan menggerakkan ekonomi domestik.

#### ■2110

Tepat pada masanya saya kira Bajet 2009 adalah sebahagian daripada persediaan kerajaan menghadapi gelombang ketidakpastian ekonomi global ini kerana bajet tahun hadapan memberikan penekanan kepada penyediaan yang kondusif bagi pelaburan swasta dan juga pelaburan asing. Ini telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan saya petik, *“Kerajaan akan terus menggalakkan aktiviti sektor swasta dengan menyediakan persekitaran kondusif. Ini termasuk untuk memastikan pelabur asing terus memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan.”*

Sehubungan dengan itu saya yakin kerajaan mempunyai cukup mekanisme menangani apa jua kegawatan yang mungkin menimpa ekonomi negara kita. Di samping keyakinan saya bahawa sistem ekonomi dunia yang dapat dibentuk dan memberi nafas baru kepada negara-

negara di dunia termasuk negara kita. Sekiranya sistem ekonomi dunia yang baru dapat diwujudkan saya merasakan kerjasama ekonomi dalam pelbagai sektor termasuk perdagangan, pelaburan dan kewangan akan menjadi lebih padu dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak masih lagi diperkatakan sama ada yang menyokong atau menyanggah. Walaupun ada pihak yang mendakwa Dasar Ekonomi Baru ini sudah tidak relevan namun terdapat beberapa perkara yang diperjuangkan oleh dasar tersebut masih perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Salah satu daripadanya ialah ekuiti bumiputera yang masih belum mencapai matlamat sebanyak 30%. Pemilikan ekuiti bumiputera setakat ini sebanyak 18% jelas menunjukkan sasaran dasar tersebut belum mencapai matlamatnya. Saya berharap melalui Bajet 2009 ini di samping melalui pembangunan ekonomi wilayah-wilayah dan Rancangan Malaysia Kesembilan pengisian matlamat Dasar Ekonomi Baru terus dititik beratkan.

Di samping itu bagi memastikan kesesuaian peredaran zaman saya juga berharap objektif Dasar Ekonomi Baru memberi penekanan baru yang menitikberatkan kerjasama perniagaan dan perdagangan serta ekonomi di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita. Sebagai satu agenda baru kepada dasar tersebut kerjasama ekonomi terutama bagi sektor perniagaan dan perdagangan malah sektor pembuatan dan daya pengeluaran serta sektor perindustrian. Kerjasama perniagaan di kalangan rakyat berbagai-bagai kaum di negara kita penting dilaksanakan. Agar Dasar Ekonomi Baru menjadi satu landasan yang menyumbang ke arah perpaduan kaum secara total.

Di negara kita seorang tokoh UMNO dalam wawancara sebuah akhbar tempatan baru-baru ini berkata, *"DEB bukan menindas kaum lain tetapi sebaliknya untuk membela kaum yang lemah. Kebetulan yang banyak lemah dan papa kedana ialah orang Melayu."* Dengan semangat DEB untuk membasmi kemiskinan inilah kerajaan melanjutkan usaha melalui Bajet 2009 untuk membasmi saki baki kemiskinan rakyat. Matlamat kerajaan untuk melihat pada tahun 2010 kemiskinan tegar dihapuskan amat meyakinkan saya. Apabila melihat bilangan isi rumah miskin berkurangan 43% daripada 67,300 isi rumah kepada 38,400 isi rumah antara tahun 2004 hingga 2007.

Manakala kadar kemiskinan pula dapat dikurangkan kepada 5.7% dalam tahun 2004 kepada 3.6% dalam tahun 2007. Di dalam bajet ini juga teriring sama ialah bantuan kepada golongan miskin ini termasuk bantuan kepada keluarga kehilangan punca pendapatan secara mengejut, bantuan kebajikan, bantuan membina dan membaik pulih rumah, bantuan kepada golongan kurang upaya, peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di samping meneruskan pembelaan kepada pekerja, petani dan nelayan dengan pelbagai jenis bantuan dan sokongan yang telah dinyatakan di dalam Bajet 2009 ini.

Tuan Yang di-Pertua Bajet 2009 ini saya anggap satu persembahan kerjaya cemerlang oleh kerajaan kepada rakyat. Ini menjadi jadam yang memujarabkan luka parah rakyat akibat daripada tekanan inflasi. Kenaikan harga minyak global dan senario perniagaan tidak menentu dunia yang turut tempias kepada negara kita. Kenaikan harga barang misalnya bukanlah semuanya berpunca daripada kenaikan harga minyak dunia kerana begitu banyak juga barangan tempatan yang terhasil di negara kita juga menaikkan harga produktiviti mereka sewenang-wenangnya.

Namun begitu saya berharap kerajaan bukan sekadar dapat mengawal inflasi tetapi menghapuskan inflasi secara total. Ini bukan mudah saya faham dan bagi setengah pihak keinginan menghapuskan inflasi dianggap retorik dan dongeng semata-mata. Namun saya berharap kerajaan mempunyai azam yang kuat dan anggapan inflasi sebagai satu bebanan besar dan musuh utama negara dan rakyat yang mesti dihapuskan ke akar umbi.

Untuk ini saya berharap kerajaan melalui kementerian-kementerian yang bertanggungjawab serta agensi-agensi terbabit menumpukan sepenuh usaha untuk memerangi inflasi terutamanya kenaikan harga barangan melampau dan eksploitasi masyarakat peniaga dan pedagang yang tidak terkawal untuk mendapat keuntungan perniagaan sesuka hati.

Perbuatan menyorok barangan untuk mengaut keuntungan untuk mendesak kerajaan supaya tunduk dengan permintaan mereka menaikkan harga barang umpamanya perlu dikenakan hukuman yang berat semaksimum mungkin. Sehubungan dengan ini saya juga berharap kerajaan mengawal harga barangan yang menjadi keperluan dalam sektor binaan kerana barangan besi dan simen dan lain-lainnya menjadi punca kenaikan harga rumah yang melampau tinggi. Di samping itu saya melihat pengeluaran barang untuk binaan ini sudah menjadi kuasa monopoli pengeluar-pengeluar barangan tersebut. Saya cadangkan segera kerajaan menubuhkan agensi atau syarikat pengeluaran barangan binaan kerana dengan adanya badan pedagang barangan binaan ini dapat membantu pemaju perumahan termasuk Syarikat Perumahan Negara mendapatkan harga barangan yang murah terjamin pula kualiti produknya.

Seperkara lagi yang saya kemukakan di Dewan yang mulia ini dalam menghadapi tekanan inflasi ini ialah mendidik rakyat mengenai pengetahuan kepenggunaan atau dengan izin *consumerism*. Pendidikan penggunaan sebenarnya satu ilmu yang tidak sepatutnya terpisah daripada pengetahuan masyarakat kerana masyarakat saban hari dan ketika terhubung kepada hilir mudik kepenggunaan misalnya. Kalau hari ini harga roti canai RM1.00 sekeping rakyat mengeluh dah marah namun tetap membeli roti canai yang mahal itu kerana di dalam fikiran masyarakat roti canai dianggap sebagai makanan wajib.

Jika masyarakat mempunyai kesedaran dan ilmu kepenggunaan mereka memboikot roti canai yang berharga RM1.00 sekeping itu. Apabila masyarakat yang sudah dididik mengenai kepenggunaan sedar akan nilai diri kita sebagai dengan izin *the most absolute purchasing power* mereka akan dapat kembali menikmati roti canai berharga jauh lebih rendah daripada RM1.00.

Saya berharap pendidikan kepenggunaan bukan sahaja termuat di dalam silibus di sekolah-sekolah untuk pengetahuan murid-murid dan guru-guru tetapi lebih penting ialah mendidik masyarakat dewasa mengenai ilmu kepenggunaan ini kerana merekalah sebenarnya pengguna, pembeli dan golongan memerlukan perkhidmatan lebih besar dan fokus.

Pernah satu ketika dahulu Persatuan Penjual Daging Lembu di New York, Amerika Syarikat mengeluarkan notis kepada pelanggan mereka untuk menaikkan harga daging di pasaran. Lapan buah persatuan pengguna di kota raya tersebut mengeluarkan pula notis merayu ahli-ahli persatuan mereka dan juga seluruh warga New York di Amerika Syarikat supaya memboikot dan tidak membeli daging lembu yang harganya telah dinaikkan. Kemudian akhirnya Persatuan Penjual Daging di kota metropolitan tersebut tunduk dengan tekanan pembeli setelah hanya lebih kurang seminggu sahaja daging lembu melambak di pasar kerana tidak ada pelanggan datang pembeli.

Perkara seperti ini walau dipandang remeh dan menjadi bahan gelak ketawa orang mendengarnya namun ia adalah kebenaran dan kenyataan. Perkara seperti inilah yang sepatunya dikendong dalam fikiran dan pengetahuan masyarakat dan dapat mendidik masyarakat daripada menjadi masyarakat pemarah dan protes tidak tentu fasal serta kerajaan pula menerima tempelakan.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai FELDA di Dewan yang mulia ini. Pertamanya saya ingin merakam penghargaan yang penuh kemuliaan kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di masa lampau kerana dengan kebijaksanaan merekalah FELDA dapat ditubuhkan bagi membela rakyat miskin.

Terutamanya golongan petani yang tidak mempunyai tanah untuk bertani sedangkan tanah merupakan perkara paling pokok kepada golongan tersebut. Dengan tertubuhnya FELDA ribuan keluarga telah berpeluang menyertai rancangan tersebut dan memulakan penghidupan baru sebagai petani moden. Melangkah dengan penuh keazaman, bergelut dengan tanah dan lumpur dan mandi peluh, membanting tulang, menyuburkan tanah yang dahulunya rimba raya yang dijauhi dan digeruni manusia. Hari ini berkat kesabaran dan kesungguhan pekerja masyarakat FELDA sudah lama mengecap dan memetik buah kejayaan dari tandan kemakmuran.

#### ■2120

FELDA hari ini yang dahulunya hanya sinonim kepada ladang getah dan sawit sudah melebarkan sayapnya kepada pelbagai aktiviti perniagaan dan pengeluaran barangan sampingan seperti keusahawanan mengeluarkan perabot-perabot, mengeluarkan batik dan sulaman secara komersial, pengeluaran aneka kuih-muih tradisional dan produk sampingan dari ladang mereka seperti marjerin dan minyak.

Malah dalam bidang ternakan pula, FELDA sudah mampu menternak lembu daripada baka barak emas, kambing boer dan jamnapari yang semuanya menjanjikan prospek lumayan.

Di FELDA juga sudah ditubuhkan syarikat-syarikat Felda Security yang kini sudah pula memasuki teknologi ICT dengan hasrat menjadikan ICT di FELDA sebagai pemangkin yang pesat bagi FELDA menjadi peneraju industri sawit dunia.

Pada pengamatan saya, FELDA sangat berpotensi untuk terus maju dan berkembang dalam bidang pertanian, pembuatan dan ternakan, industri dan perdagangan serta pelaburan. Keluasan tanah FELDA yang jauh lebih besar daripada Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan yang sudah diberi jolokan dengan izin *Four Little Dragon* sejak hampir dua dekad dahulu.

Maka hari ini saya berharap dengan izin *The Fifth Little Dragon* adalah FELDA Malaysia. Ini juga bukan retorik kerana sudah jelas kemampuan dan potensi pengeluar-pengeluar dari FELDA meneroka jauh ke persada antarabangsa. Apa yang FELDA perlukan ialah suntikan sokongan yang jauh lebih pesat dan intensif daripada kerajaan serta perancangan yang teratur rapi, *think-tank* yang benar-benar berkualiti dan objektif serta mengenali hala tuju sebenar untuk menjadikan FELDA *economic* empayar yang digeruni.

Masanya sudah sampai. Pahlawan cangkul kini meredah lima benua di dunia sebagai pahlawan korporat tulen dan sejati. Saya berharap, setelah dilancarkan pembangunan ekonomi Wilayah Iskandar di Johor, Koridor Ekonomi Utara, dan Koridor Ekonomi Pantai Timur, Ekonomi Sabah dan Sarawak maka sampailah masanya kerajaan bergerak dan melancarkan pula Koridor Ekonomi FELDA dengan sasaran setanding pembangunan koridor ekonomi wilayah-wilayah tersebut.

Betapa pesatnya pembangunan di FELDA nanti, ribuan pekerjaan menunggu, ribuan pekerjaan dan perusahaan terdedah untuk disertai rakyat dari seluruh pelosok negara kita. Insya-Allah, FELDA akan berubah wajah sebagai peta kemajuan yang dapat membohongi retorik yang saya bentangkan ini untuk menjadi Naga Kecil Kelima di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Bajet 2009, sebagai strategi kedua membangunkan modal insan berkualiti izinkan saya memberi sedikit pandangan. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang sikap, minat dan sejauh mana anak-anak muda kita melibatkan diri mereka dalam sektor pertanian, ternakan dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya.

Saya berharap, banciaan ke atas perkara ini dapat dikeluarkan dan kerajaan saya harap dapat menyediakan tapak yang kukuh bagi meningkatkan minat dan komitmen anak-anak muda terhadap pertanian dan ternakan yang sememangnya amat berdaya maju dan mempunyai pulangan yang lumayan. Apa yang saya lihat di dalam bajet ini banyak memberi penekanan kepada latihan dan saluran terhadap industri dan teknikal.

Saya berharap kerajaan dapat membina dan melatih anak-anak muda kita dengan membina sekolah-sekolah serta politeknik malah universiti pertanian yang bergerak secara moden dan komersial. Saya berharap, anak-anak muda berilmu pengetahuan di bidang



pertanian yang berkelulusan sehingga ke peringkat ijazah dalam bidang pertanian ini juga tidak berpindah ke bidang lain.

Untuk mencapai tujuan ini, saya kira kerajaan amat penting menyediakan apa juga peluang dan kemudahan untuk golongan ini terlibat terus ke sektor pertanian. Setelah meraih ilmu dalam bidang tersebut namun yang paling penting pada hemat saya ialah mendidik anak-anak muda kita supaya berminat kepada pertanian, ternakan dan yang berkaitan dengannya.

Budaya tani perlu diserap terlebih dahulu, mengikis sikap ingin bekerja di bawah bumbung kolar putih semata-mata. Kita harus menerima hakikat bahawa anak-anak muda kita hari ini malah sebahagian besarnya tinggal di kampung-kampung tidak berminat dengan pertanian. Mereka malu, mereka malas, mereka lemah, mereka manja. Mereka tidak melihat hasil lumayan yang boleh dituai dari tanah terbiar di hadapan rumah mereka.

Siapakah yang bersalah dan di manakah silapnya bimbingan yang diterima mereka semasa membesar sekalipun mereka membesar di kelompok tani sendiri. Masanya sudah sampai, anak-anak muda ini diheret kembali ke dunia pertanian dengan membuang sifat malu, malas, lemah dan manja yang selama ini membungkus diri mereka.

Bagaimanakah usaha membuang sifat-sifat negatif ini. saya tidak fikir ianya adalah kerja yang dapat dipikul oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semata-mata malah terheret sama beberapa kementerian lain. Sebuah jawatankuasa pusat mengenai perkara ini perlu ditubuhkan oleh kerajaan agar puluhan ribu malah jutaan anak muda akhirnya taksu kepada pekerjaan ladang dan pertanian.

Saya juga melihat bahawa pembangunan modal insan jika hanya ditumpukan kepada soal kerjaya dan pekerjaan tetapi jiwa mereka kosong dari segi semangat, moral, harga diri, agama dan patriotisme, ibarat orang yang berjalan tempang. Pada hemat saya juga, pembangunan modal insan adalah menyeluruh agar insan yang benar-benar perkasa luar dan dalam, rohani dan jasmani dapat dilahirkan dan dipupuk di bawah rancangan pembangunan modal insan Kerajaan Barisan Nasional.

Salah satu amalan yang sangat negatif di kalangan anak-anak muda kita ialah terjerumus kepada budaya lepak yang sangat menggerunkan masa depan mereka dan negara. Untuk mengikis budaya lepak ini sebenarnya bukan mudah tetapi inilah penyakit yang sedang membarah di dalam sebahagian besar anak-anak muda baik di bandar, di kota mahupun di kampung-kampung di luar bandar.

Budaya lepak tidak mengira waktu, lepak pagi, lepak petang, lepak malam, lepak subuh. Semua ibu bapa mereka sudah tidak mampu menahan, menghalang kegilaan anak-anak mereka berlepak ini kerana anak-anak sudah besar panjang dan sudah berani menengking ibu bapa yang dahulunya menyuap ke mulut mereka nasi dan susu dari perahan keringat ibu bapa.

Sejauh manakah pendidikan jiwa dan kalbu ini diberi perhatian oleh Bajet 2009 ini, sejauh manakah semangat bina diri dan pembangunan modal insan secara menyeluruh diberi

perhatian agar menjadi satu nisbah pembangunan kemanusiaan yang benar-benar seimbang agar negara benar-benar diwarisi oleh generasi yang tinggi martabat dan ketuanan bangsanya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya mohon menyokong.

**9.28 mlm.**

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan yang paling akhir pada malam ini untuk membahaskan Bajet 2009 dan kepada menteri yang turut hadir pada malam ini. Sebenarnya saya tidak berhasrat untuk membaca angka-angka atau statistik yang telah diberikan kerana sebagaimana yang telah dibahaskan oleh ramai Ahli Parlimen ianya telah lari daripada apa yang sepatutnya berlaku dan apabila kita membaca daripada keratan Berita Harian Parlimen hari ini, Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa satu unjuran baru akan dibentangkan dan ia merupakan satu gambaran yang sebenarnya apa yang berlaku kepada ekonomi negara kita.

Ini merupakan sesuatu yang positif saya rasa setelah kita mengkritik ataupun memberi pandangan bahawasanya ia sememangnya perlu kerana ekonomi dunia sekarang pun sudah berubah dan kita banyak bergantung kepada negara Amerika Syarikat dalam bahan eksport kita dan sememangnya ia akan mengenai kepada ekonomi negara kita.

Lalu langkah untuk menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi daripada 5.4% seperti mana yang dianggarkan pada bajet tersebut perlu dibuat kerana ia akan menurun dengan lebih rendah lagi kerana krisis yang melanda Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta sekarang ini telah masuk ke negara China memberikan kesan yang cukup membebankan negara-negara kita di Malaysia ini.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara, saya bercadang untuk menyentuh Kementerian Kesihatan tetapi menteri sudah pun keluar daripada Dewan ini kerana saya mendapati kesihatan merupakan satu perkara pokok yang perlu diberi perhatian yang cukup serius oleh kerajaan kerana kesihatan dan pelajaran merupakan dua perkara yang perlu ada kerana ia tidak boleh dibeli dengan wang ringgit.

Kalau badan kita tidak sihat walau banyak mana pun duit yang kita ada, kita terpaksa juga berjumpa dengan doktor atau masuk hospital. Menteri, begitukan kerana apabila kiat bercakap tentang hospital, rawatan ini merupakan perkara asas yang perlu diberikan perhatian oleh sebuah negara yang dikatakan negara berkeadilan. Saya hendak sentuh tentang *private wing* di hospital terutamanya di Pusat Perubatan Universiti Malaya, di Hospital UKM, Hospital USM, ini merupakan *private wing* yang telah dijadikan penswastan daripada hospital-hospital awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat sambung esok. Melainkan Yang Berhormat hendak tamatkan.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Oh, tidak boleh, banyak lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 22 Oktober 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam***